



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN,
JABATAN DAN AGENSI
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2000**



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

Muka Surat

KATA-KATA PENDAHULUAN

ix

INTISARI LAPORAN

xv

BAHAGIAN I :

PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000

- | | |
|--|-----------------|
| <u>1. PENDAHULUAN</u> | <u>3</u> |
| <u>2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2000</u> | <u>4</u> |

BAHAGIAN II :

PENGURUSAN KEWANGAN

- | | |
|---|------------------|
| <u>3. PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN SECARA MENYELURUH</u> | <u>9</u> |
| <u>3.1. Sumber Dan Penggunaan Dana Kerajaan Persekutuan
Bagi Tahun 2000</u> | <u>9</u> |
| <u>3.2. Sumber Dana</u> | <u>11</u> |
| <u>3.3. Penggunaan Dana</u> | <u>13</u> |
| <u>3.4. Pembiayaan</u> | <u>15</u> |
| <u>4. PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
KERAJAAN PERSEKUTUAN</u> | <u>18</u> |
| <u>5. JABATAN PERDANA MENTERI</u>
<i>Jabatan Perangkaan</i> | <u>19</u> |
| <u>6. JABATAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN SABAH</u> | <u>25</u> |

<u>7.</u>	<u>KEMENTERIAN PERTANIAN</u> <i>Jabatan Pertanian</i>	<u>31</u>
<u>8.</u>	<u>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</u> <i>Maktab Perguruan/Politeknik</i>	<u>36</u>
<u>9.</u>	<u>KEMENTERIAN KESIHATAN</u> <i>Pejabat-pejabat Kesihatan</i>	<u>41</u>
<u>10.</u>	<u>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</u> <i>Jabatan Laut Semenanjung</i>	<u>47</u>
<u>11.</u>	<u>KEMENTERIAN LUAR NEGERI</u> <i>Pengurusan Kewangan Pejabat-pejabat Perwakilan Di Luar Negeri</i>	<u>52</u>
<u>12.</u>	<u>ISU-ISU PENGURUSAN KEWANGAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS</u>	<u>66</u>

BAHAGIAN III :
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN

<u>13.</u>	<u>PENDAHULUAN</u>	<u>71</u>
<u>14.</u>	<u>KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN</u> <i>Jabatan Perkhidmatan Pembetungan - Program Perkhidmatan Pembetungan Negara</i>	<u>71</u>
<u>15.</u>	<u>KEMENTERIAN PERTAHANAN</u> <i>Kemudahan Perumahan Angkatan Tentera Malaysia</i>	<u>90</u>
<u>16.</u>	<u>Perolehan, Pembekalan Dan Pengurusan Stor Ordnans Tentera Darat</u>	<u>104</u>
<u>17.</u>	<u>Penubuhan Akademi Tentera Malaysia</u>	<u>118</u>
<u>18.</u>	<u>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</u> <i>Prasarana Pendidikan Di Sekolah Menengah</i>	<u>128</u>
<u>19.</u>	<u>KEMENTERIAN KESIHATAN</u> <i>Program Latihan Kejururawatan</i>	<u>136</u>

<u>20.</u>	<u>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</u>	
	<i>Kemudahan Perumahan Polis Diraja Malaysia</i>	<u>147</u>
<u>21.</u>	<u>Kemudahan Perumahan Jabatan Imigresen Malaysia</u>	<u>157</u>
<u>22.</u>	<u>Kemudahan Perumahan Jabatan Penjara Malaysia</u>	<u>164</u>
<u>23.</u>	<u>KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT</u>	<u>171</u>
	<i>Jabatan Kebajikan Masyarakat</i>	
	- Aktiviti Pemulihan Akhlak	
<u>24.</u>	<u>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR</u>	<u>181</u>
	<i>Jabatan Alam Sekitar</i>	
	- Program Pemulihan, Pelesenan Dan Kawalan Alam Sekitar	
<u>25.</u>	<u>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</u>	<u>203</u>
	<i>Jabatan Laut Malaysia</i>	
	- Penggunaan Dan Penyenggaraan Kapal Korek	
<u>26.</u>	<u>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR</u>	<u>212</u>
	<i>Program Pembangunan Rakyat Termiskin</i>	
<u>27.</u>	<u>HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS</u>	<u>230</u>

BAHAGIAN IV :

PENYATA KEWANGAN & PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

<u>28.</u>	<u>LATAR BELAKANG</u>	<u>237</u>
<u>29.</u>	<u>KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN</u>	<u>237</u>
<u>30.</u>	<u>PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN</u>	<u>238</u>
<u>31.</u>	<u>LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN</u>	<u>239</u>
	<i>Pengurusan Perkebunan</i>	
<u>32.</u>	<u>LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN</u>	<u>258</u>
	<i>Aktiviti Pemasaran Hasil Pertanian</i>	
<u>33.</u>	<u>LEMBAGA TABUNG HAJI</u>	<u>270</u>
	<i>Pengurusan Haji</i>	
<u>34.</u>	<u>YAYASAN PELAJARAN MARA</u>	<u>290</u>
	<i>Pengurusan Tanah Yang Tidak Dibangunkan</i>	

BAHAGIAN V :
KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA-PERKARA YANG
DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
BAGI TAHUN-TAHUN LALU

35. <u>PENDAHULUAN</u>	<u>303</u>
36. <u>PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM</u> <u>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 1999</u>	<u>303</u>
37. <u>PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM</u> <u>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM TAHUN 1999</u> <u>YANG MASIH BELUM SELESAI</u>	<u>303</u>

BAHAGIAN VI :
PERKARA-PERKARA AM

38. <u>PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA</u> <u>MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM SERTA</u> <u>AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI</u> <u>KERAJAAN PERSEKUTUAN 1999</u>	<u>321</u>
39. <u>PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN</u> <u>BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN</u>	<u>321</u>
40. <u>MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA</u> <u>WANG NEGARA</u>	<u>321</u>
41. <u>SUMBANGAN JABATAN AUDIT NEGARA KE ARAH</u> <u>MENINGKATKAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN</u> <u>DAN PELAKSANAAN AKTIVITI-AKTIVITI</u> <u>KERAJAAN PERSEKUTUAN</u>	<u>323</u>
42. <u>PENUTUP</u>	<u>326</u>

LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN A

<i>SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA</i> <i>AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA</i> <i>BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000</i>	331
--	------------

LAMPIRAN B

<i>PEMBENTANGAN AKAUN BADAN-BADAN BERKANUN</i> <i>PERSEKUTUAN DI PARLIMEN</i> <i>Kedudukan Setakat April 2001</i>	337
---	------------

KATA-KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta Aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan supaya laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, seperti pada tahun-tahun lalu, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah auditan seperti berikut :-

1.1. *Attestation Audit*

Pengauditan ini dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2000 menggambarkan kedudukan yang benar dan rekod-rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. *Auditan Pematuhan*

Auditan pematuhan dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Bagi tujuan ini, pada tahun 2000, sejumlah 161 pejabat di 22 Kementerian/Jabatan/Agensi telah diaudit. Bagaimanapun, hanya pengurusan kewangan di 93 pejabat bagi 7 Kementerian/Jabatan Persekutuan yang dilaporkan dengan lengkap manakala yang lainnya dilaporkan secara ringkas.

1.3. Auditan Prestasi

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan. Pada tahun 2000, 25 aktiviti yang dilaksanakan oleh beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi telah diaudit.

2. Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan tahun 2000 ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan sepanjang tahun 2000 melalui ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan di perenggan-perenggan di atas. Laporan ini disediakan dalam 6 Bahagian seperti berikut :-

Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2000

Bahagian II : Pengurusan Kewangan

Bahagian III : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

Bahagian IV : Penyata Kewangan Dan Pelaksanaan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian V : Kedudukan Masa Kini Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun-tahun Lalu

Bahagian VI : Perkara-perkara Am

3. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan, pada umumnya, prestasi pengurusan kewangan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi pada tahun 2000 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan-kelemahan yang pernah saya laporkan pada tahun-tahun lalu seperti rekod-rekod perakaunan tidak diselenggarakan dengan sempurna dan aktiviti-aktiviti tidak dilaksanakan dengan cekap dan tidak mengikut peraturan masih lagi berlaku. Pada pandangan saya, kelemahan-kelemahan yang telah menjadi kebiasaan itu adalah berpunca daripada kecuaian, ketidakcekan atau kurangnya komitmen terhadap tugas di kalangan mereka yang diberi tanggungjawab. Sehubungan ini, Pegawai-pegawai Pengawal perlu memberikan perhatian dan penyeliaan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai bawahan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menyempurnakan pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan dan aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi bagi tahun 2000 dan seterusnya menyiapkan Laporan ini.

(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

Putrajaya

30 Jun 2001

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000

1. Semakan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 mendapati baki bagi 4 akaun berjumlah RM2,792.55 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana ketiadaan dokumen-dokumen sokongan yang berkenaan manakala bagi 2 akaun yang lain, bakinya lebih/kurang dinyatakan dengan jumlah antara RM1.59 juta hingga RM62.36 juta disebabkan ketinggalan dan kesilapan beberapa urusan niaga. Sungguhpun demikian, Penyata Akaun Awam tersebut secara keseluruhannya telah menunjukkan satu gambaran yang betul. *(Perenggan 2)*.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN

Prestasi Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan Secara Menyeluruh

2. Analisis terhadap data-data kewangan yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2000 mendapati perkara-perkara berikut :-

- Pada tahun 2000, penggunaan dana melebihi sumber dana dengan sejumlah RM15,592.60 juta. Lebihan penggunaan dana itu telah dibiayai sepenuhnya oleh Wang Pinjaman dan Akaun Kena Bayar. *(Perenggan 3.1.1)*
- Pungutan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000 berjumlah RM61,864.28 juta berbanding dengan RM58,674.69 juta pada tahun 1999. Pertambahan hasil berjumlah RM3,189.59 juta antara lainnya adalah disebabkan oleh 4 butiran hasil yang telah mencatatkan tambahan pungutan melebihi RM500 juta. *(Perenggan 3.2.1.)*

- Jumlah peruntukan muktamad untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2000 ialah RM58,886.32 juta dan daripada jumlah ini, RM56,547.25 juta (96%) telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan mengurus Kerajaan adalah baik, namun demikian, di 8 Kementerian/Jabatan, perbelanjaan mereka telah melebihi peruntukan yang diluluskan dengan sejumlah RM662.04 juta. **(Perenggan 3.3.1.)**
- Hutang Awam Kerajaan Persekutuan telah mencatatkan peningkatan bagi 4 tahun berturut-turut iaitu daripada RM89,919.35 juta pada tahun 1997 menjadi RM125,625.17 juta pada tahun 2000. Kumpulan Wang Penjelas Hutang yang bertujuan untuk menjelaskan tanggungan pembayaran balik hutang Negara didapati tidak aktif semenjak penubuhannya 2 tahun yang lalu. Bagi pinjaman berjumlah RM927.20 juta yang ditandatangani dengan Bank Dunia pada tahun 1999, didapati sejumlah RM868.71 juta tidak dikeluarkan dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi pinjaman itu berjumlah RM12.64 juta. **(Perenggan 3.4.1.)**
- Akaun Kena Bayar menunjukkan jumlah tanggungan perbelanjaan mengurus dan pembangunan termasuk bil-bil tuntutan kontraktor bagi tahun terdahulu yang belum diselesaikan oleh Kerajaan pada akhir tahun itu. Baki akaun ini telah meningkat daripada RM2,635.36 juta pada akhir tahun 1999 menjadi RM8,330.82 juta pada akhir tahun 2000. **(Perenggan 3.4.2.)**

Pengurusan Kewangan Di Peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan

3. Pada tahun 2000, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 161 pejabat di 22 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan. Objektif pengauditan itu adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di pejabat-pejabat berkenaan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati beberapa kelemahan dalam kawalan pengurusan; kawalan perbelanjaan dan hasil serta pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan pengurusan aset. **(Perenggan 4)**

BAHAGIAN III - PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

- Program Perkhidmatan Pembetungan Negara

4. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah merancang pelaksanaan Program Perkhidmatan Pembetungan dengan baik. JPP telah menyediakan garis panduan bagi pembangunan infrastruktur dan menyediakan jadual projek pembangunan yang berkaitan dengan program ini. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan program terdapat beberapa kelemahan seperti JPP tidak memantau dan menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dengan berkesan terhadap perkhidmatan pembetungan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan *Indah Water Konsortium Sdn. Berhad* kerana kekurangan kakitangan. Keadaan ini menyebabkan terdapat kumbahan mentah disalurkan ke sungai tanpa rawatan. Pada umumnya, Program Perkhidmatan Pembetungan belum mencapai tahap yang dapat mengawal pencemaran air dan alam sekitar. **(Perenggan 14)**

KEMENTERIAN PERTAHANAN

- Kemudahan Perumahan Angkatan Tentera Malaysia

5. Kementerian Pertahanan mempunyai perancangan yang baik dalam menyediakan rumah kediaman untuk anggota tentera. Kementerian juga menetapkan kriteria pengagihan rumah-rumah tersebut. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa masalah di mana 9 dari 21 projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan kerana kontraktor menghadapi masalah kewangan; kesukaran mendapatkan bahan binaan dan tenaga kerja. Ini mengakibatkan Kerajaan terpaksa menanggung bayaran elaun perumahan yang dianggarkan berjumlah RM10.71 juta untuk tempoh 1996 hingga 2000 kepada anggota yang tidak dapat menduduki rumah-rumah berkenaan. **(Perenggan 15)**

KEMENTERIAN PERTAHANAN

- Perolehan, Pembekalan Dan Pengurusan Stor Ordnans Tentera Darat

6. Depot Pusat Ordnans (DPO) bertanggungjawab untuk memberi bantuan logistik kepada 288 unit operasi Tentera Darat. DPO telah membuat perancangan untuk membekalkan barangan stor kepada pengguna ke tahap 80%. Bagaimanapun, sasaran ini tidak dapat dicapai kerana kekurangan peruntukan kewangan; kontrak perolehan barangan lewat diperbaharui dan kontraktor lewat membekalkan barangan. Kesukaran mendapatkan barangan stor khususnya alat ganti mengakibatkan program penyelenggaraan kenderaan, senjata dan peralatan telah terjejas. Kementerian Pertahanan perlu mengkaji semula proses pelupusan barangan stor supaya tindakan segera boleh diambil untuk menghapuskan barangan yang tidak diperlukan. Adalah diperhatikan barangan bernilai RM178.36 juta tidak bergerak melebihi 5 tahun. **(Perenggan 16)**

KEMENTERIAN PERTAHANAN

- Penubuhan Akademi Tentera Malaysia

7. Akademi Tentera Malaysia telah ditubuhkan pada bulan Julai 1995 bagi mengeluarkan siswazah-siswazah yang mempunyai kelulusan akademik dan ketenteraan. Akademi tersebut terletak di sebuah kampus sementara di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Perancangan dan pelaksanaan Akademi Tentera Malaysia tidak di buat dengan baik. Pengambilan pelajar dibuat sebelum pembinaan bangunan bilik kuliah, pejabat dan kediaman disiapkan. Pembinaan kampus sementara yang perlu disiapkan oleh kontraktor antara Mei 1998 hingga Julai 1999 masih belum disiapkan semasa pengauditan dijalankan pada bulan Mac 2001. Keadaan ini menyebabkan Akademi Tentera Malaysia terpaksa mengurangkan bilangan pengambilan pelajar; 8 kontena telah dijadikan bilik kuliah/pejabat dan pelajar-pelajar tahun ketiga ditempatkan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Setakat Disember 2000, sejumlah RM12.17 juta telah dibelanjakan oleh Akademi Tentera Malaysia untuk membiayai penempatan pelajar-pelajar dan pegawai tentera yang mentadbir program di universiti tersebut. **(Perenggan 17)**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- Prasarana Pendidikan Sekolah Menengah

8. Kajian Audit terhadap 41 sekolah menengah di seluruh Malaysia mendapati keadaan prasarana di kebanyakan sekolah tersebut tidak memuaskan seperti terletak di lokasi yang tidak sesuai, bangunan sekolah mengalami kerosakan dan

persekitaran kawasan sekolah tidak kondusif dan selamat. Sekolah-sekolah terbabit juga kekurangan bilik dan dewan untuk pelbagai aktiviti sekolah. Selain daripada itu, kerja-kerja penyelenggaraan terhadap sekolah-sekolah berkenaan tidak memuaskan. Kementerian perlu mewujudkan sistem pemantauan untuk mengesan keadaan prasarana di sekolah. **(Perenggan 18)**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- Program Latihan Kejururawatan

9. Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan Program Latihan Kejururawatan. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya, ia menghadapi beberapa masalah seperti kekurangan kemudahan tempat latihan dan tenaga pengajar. Keadaan ini menyebabkan Kementerian tidak dapat membuat pengambilan pelatih mengikut bilangan yang dirancang. Kementerian patut mengkaji semula gred perjawatan tenaga pengajar yang mempunyai ijazah bagi mengelakkan mereka daripada meninggalkan perkhidmatan kerana ia akan menjejaskan keberkesanan Program Latihan Kejururawatan. **(Perenggan 19)**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- Kemudahan Perumahan Polis DiRaja Malaysia

10. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) merancang untuk memperolehi dan membina sejumlah 28,682 unit rumah termasuk bangunan pejabat. Setakat Disember 2000, PDRM hanya dapat menyediakan rumah kepada 60% daripada anggotanya berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu 90%. Lawatan Audit di 7 negeri mendapati rumah-rumah yang diperolehi di bawah Rancangan Khas Perumahan PDRM adalah selesa diduduki dan mempunyai reka bentuk yang menarik. Rumah-rumah keluarga telah diagihkan kepada anggota PDRM mengikut garis panduan yang ditetapkan. PDRM tidak menjalankan kerja penyelenggaraan secara berjadual tetapi hanya menjalankan kerja-kerja membaiki kerosakan secara *ad hoc* kerana kekurangan peruntukan. Oleh itu, terdapat rumah-rumah yang mengalami kerosakan teruk yang boleh menjejaskan keselamatan penghuninya. **(Perenggan 20)**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- Kemudahan Perumahan Jabatan Penjara Malaysia

11. Peraturan Penjara 1953 menetapkan semua anggota Jabatan Penjara diberikan kemudahan perumahan Jabatan di kawasan penjara untuk memudahkan mobilisasi mereka di masa kecemasan. Setakat Disember 2000, Jabatan Penjara telah menyediakan 5,434 unit rumah (58%) berbanding dengan bilangan jawatan yang diluluskan berjumlah 9,356. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Penjara menyiapkan 1,137 unit rumah. Rumah-rumah tersebut selesa diduduki kerana mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Pihak pengurusan Jabatan Penjara tidak melaksanakan penyelenggaraan terhadap rumah-rumah tersebut secara berjadual. Pembaikan rumah-rumah hanya dilaksanakan apabila menerima laporan kerosakan daripada anggota. Rekod-rekod berhubung dengan pengurusan rumah tidak diselenggara dengan lengkap dan tidak kemas kini kerana pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan rekod juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang lain. **(Perenggan 21)**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- Kemudahan Perumahan Jabatan Imigresen Malaysia

12. Jabatan Imigresen telah menetapkan supaya anggotanya diberikan kemudahan perumahan terutamanya bagi mereka yang bertugas di stesen-stesen pintu masuk. Setakat Disember 2000, Jabatan Imigresen telah menyediakan 34% rumah kepada anggotanya berbanding sasarannya 45%. Pemeriksaan Audit mendapati pengagihan rumah telah dibuat mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan. Rumah-rumah kediaman anggota adalah memuaskan kerana kerosakan-kerosakan yang dilaporkan oleh anggota diperbaiki dengan awal memandangkan Jabatan mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk tujuan ini. Rekod-rekod berhubung dengan perumahan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini kerana pegawai yang bertanggungjawab juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang lain. **(Perenggan 22)**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

- Aktiviti Pemulihan Akhlak

13. Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak di dalam dan di luar institusi. Aktiviti pemulihan akhlak merangkumi pendidikan akademik; latihan-latihan vokasional, bimbingan rohani dan jasmani serta kaunseling. Jabatan telah menyediakan perancangan yang memuaskan untuk melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak di peringkat institusi-institusi pemulihan. Bagaimanapun, perancangan di luar institusi perlu diperkembangkan. Dari segi pelaksanaan aktiviti, adalah diperhatikan terdapat beberapa masalah yang boleh menjejaskan pencapaian objektifnya. Antara masalah itu ialah ketiadaan pegawai kaunselor dan kekurangan tenaga pengajar seperti guru agama dan vokasional. Jabatan tidak memantau prestasi kemajuan pemulihan setiap pelatih sama ada di dalam atau pun di luar institusi. **(Perenggan 23)**

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR

- Program Pemuliharaan, Perlesenan Dan Kawalan Alam Sekitar

14. Jabatan Alam Sekitar (JAS) ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertujuan untuk mencegah pencemaran, mengawal dan memperbaiki kualiti alam sekeliling. JAS menyediakan rancangan tahunan bagi semua aktivitinya. Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan pemulihan masalah pencemaran tidak dapat diberi tumpuan menyeluruh kerana JAS kekurangan kakitangan teknikal. **(Perenggan 24)**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

JABATAN LAUT MALAYSIA

- Penggunaan Dan Penyelenggaraan Kapal Korek

15. Jabatan Laut Semenanjung adalah bertanggungjawab menentukan tidak ada mendapan pasir dan lumpur di kawasan pelayaran dan pelabuhan kecil di seluruh negara. Jabatan itu mempunyai 4 kapal korek dan 6 bot sokongan bernilai RM35.54 juta. Jabatan tidak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual seperti mana yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan

Bilangan 1 Tahun 1995. Penggunaan kapal untuk kerja-kerja pengorekan adalah terhad kerana kapal-kapal itu sering kali mengalami kerosakan dan ia tidak mempunyai beberapa peralatan yang diperlukan. **(Perenggan 25)**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

- Program Pembangunan Rakyat Termiskin

16. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mendapat peruntukan berjumlah RM730.35 juta bagi melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Pada umumnya, pelaksanaan projek PPRT telah dapat menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh keluarga termiskin seperti rumah kediaman dan makanan tambahan. Bagaimanapun, sebahagian besar projek untuk meningkatkan pendapatan kurang berjaya kerana beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. **(Perenggan 26)**

BAHAGIAN IV - PENYATA KEWANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

- Pengurusan Perkebunan

17. FELDA telah berjaya merancang dan melaksanakan Program Perkebunannya dengan baik. Melalui program ini, FELDA telah membangunkan tanah seluas 446,766.65 hektar di seluruh negara dan menyediakan kebun kepada 102,750 peneroka. Peneroka-peneroka yang komited dan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak FELDA telah dapat meningkatkan taraf hidup dengan memperolehi pendapatan yang lumayan. Mereka juga telah mendapat hak milik tanah kebun yang telah diusahakan. Bagaimanapun, terdapat peneroka yang tidak menjelaskan hutang-hutang mereka sama ada sengaja enggan membayarnya atau disebabkan ketidakupayaan mereka mengusahakan kebun kerana uzur. **(Perenggan 31)**

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

- Aktiviti Pemasaran Hasil Pertanian

18. Pada umumnya, pihak FAMA telah menyediakan infrastruktur pemasaran dengan baik untuk membantu petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Bagaimanapun, beberapa kemudahan yang disediakannya seperti

Kompleks Bilik Sejuk dan Kompleks Kota Tani tidak digunakan sepenuhnya. Konsep pelaksanaan pasar tani dan pasar tani borong perlu dikaji semula memandangkan kebanyakan petani yang mengurus niaga di tempat-tempat tersebut tidak lagi memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Sebaliknya, mereka mendapatkan barangan jualan daripada pasar-pasar borong. **(Perenggan 32)**

LEMBAGA TABUNG HAJI

- *Pengurusan Haji*

19. Lembaga Tabung Haji (LTH) membuat perancangan dari segi pengangkutan, penempatan dan sajian makanan jemaah haji berdasarkan kepada jumlah kuota yang diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi. Pada umumnya, LTH telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada jemaah haji daripada peringkat persediaan sehinggalah mereka menyempurnakan ibadah haji. Bagaimanapun, bagi urusan yang melibatkan pihak Muassasah terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya berkaitan dengan penempatan dan pengangkutan. **(Perenggan 33)**

YAYASAN PELAJARAN MARA

- *Pengurusan Tanah Yang Tidak Dibangunkan*

20. Tujuh lot tanah Yayasan Pelajaran MARA bernilai RM4.50 juta tidak dibangunkan untuk tempoh 6 hingga 14 tahun. Tanah ini tidak dikawal dan tidak diuruskan dengan baik menyebabkan ia terbiar dan dicero bohi oleh pihak-pihak tertentu. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada sistem perancangan dan pemantauan yang berkesan serta kekurangan sumber kewangan. **(Perenggan 34)**

BAHAGIAN I

PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Persekutuan menyediakan Penyata Akaun Tahunannya secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Seksyen 9 Akta Audit, 1957 memerlukan penyata tersebut dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan dalam tempoh 7 bulan dari tarikh penutupan tahun kewangan.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 pada 10 Mac 2001 kecuali penyata-penyata lengkap bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar yang dikemukakan untuk pengauditan hanya pada 29 Mac 2001.

1.3. Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan rekod-rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagi membolehkan Ketua Audit Negara memberi pendapat yang mempunyai asas yang munasabah, pengauditan telah dirancang dan dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan dalam dokumen-dokumen kualiti MS ISO 9002 bagi pengauditan Penyata Akaun Awam. Selain dari menjalankan pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan pungutan hasil telah juga dijalankan. Pengauditan terhadap sistem dan dokumen itu dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2000 dan telah disiapkan

sebelum Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2000 diterima daripada JANM. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan yang dijalankan telah dibangkitkan dengan pihak JANM melalui surat-surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000

2.1. Untuk mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen-dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Individu dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan dalam Penyata Akaun Awam dengan baki yang terdapat dalam rekod Kementerian/Jabatan adalah diperlukan. Pemeriksaan Audit terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2000 mendapati perkara-perkara berikut :-

2.1.1. Ketiadaan Dokumen Sokongan

Baki bagi beberapa akaun berjumlah RM2,792.55 juta tidak dapat disahkan ketepatannya kerana dokumen-dokumen yang menyokong baki-baki itu seperti Sijil Pengesahan Baki dan Senarai Baki Individu tidak dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan berkenaan untuk pengauditan. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 1** berikut:-

**JADUAL 1
DOKUMEN SOKONGAN TIDAK DIKEMUKAKAN
UNTUK PENGAUDITAN**

AKAUN	BAKI MENGIKUT PENYATA AKAUN AWAM (RM Juta)	BAKI TIDAK DAPAT DISAHKAN (RM Juta)	JENIS DOKUMEN YANG TIDAK DIKEMUKAKAN
Wang Tunai	19,175.67	259.04	Sijil Pengesahan Baki bagi 4 akaun wang tunai di bank dan 2 akaun panjar perwakilan daripada Kementerian/Jabatan berkenaan
Hasil	61,864.28	3.22	Sijil Pengesahan Baki daripada 7 Pegawai Pengawal
Perbelanjaan	89,805.77	1,223.82	Sijil Pengesahan Baki daripada 8 Pegawai Pengawal
Amanah	22,352.82	1,306.47	Sijil Pengesahan Baki serta Senarai Baki Individu bagi 40 akaun deposit daripada 15 Pegawai Pengawal.
JUMLAH	193,198.54	2,792.55	

2.1.2. Ketidaktepatan Baki Akaun

Beberapa akaun tidak menunjukkan baki yang sebenar iaitu sama ada terlebih atau terkurang dinyatakan oleh kerana beberapa kesilapan/ketinggalan dalam perakaunan. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 2** berikut :-

JADUAL 2
AKAUN-AKAUN YANG MENUNJUKKAN BAKI YANG TIDAK TEPAT

AKAUN	BAKI MENGIKUT PENYATA AKAUN AWAM (RM Juta)	AKAUN (LEBIH)/ KURANG DINYATAKAN (RM Juta)	BAKI YANG SEPATUTNYA (RM Juta)	KESILAPAN/KETINGGALAN URUS NIAGA
Pinjaman Boleh Dituntut	57,846.45	(62.36)	57,784.09	Pengeluaran pinjaman kepada 3 syarikat Kerajaan dan penyelesaian pinjaman oleh 3 Agensi Kerajaan tidak diambil kira.
Akaun Depositori Pusat	62.82	1.59	64.41	Pelaburan dalam 4 syarikat tidak diambil kira

2.2. Sungguhpun kelemahan yang tersebut di atas telah diperhatikan, namun baki akaun yang tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan dan baki yang terlebih/terkurang dinyatakan adalah tidak *material* jika dibandingkan dengan baki keseluruhan akaun berkenaan seperti mana yang ditunjukkan dalam Penyata Akaun Awam Tahun 2000. Berasaskan kepada ini, **Ketua Audit Negara berpendapat Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya menunjukkan satu gambaran yang benar tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh berakhir 31 Disember 2000 dan rekod-rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam yang disertakan bersama-sama dengan Lembaran Imbangan Dan Penyata Akaun Memorandum Tahun 2000 adalah seperti di Lampiran A.**

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

3. PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SECARA MENYELURUH

Bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh, analisis telah dijalankan terhadap data-data kewangan yang ditunjukkan dalam Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2000. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti di perenggan-perenggan di bawah.

3.1. SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2000

3.1.1. Sumber dana Kerajaan bagi tahun 2000 berjumlah RM368,343.85 juta adalah terdiri daripada terimaan Hasil, Kumpulan Wang Pembangunan dan Wang Amanah. Bagi tahun yang sama, Kerajaan telah membuat bayaran berjumlah RM383,936.45 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan dan amanah. Seperti tahun-tahun yang lalu, Kerajaan juga telah mencatatkan kekurangan dana pada akhir tahun 2000 berjumlah RM15,592.60 juta. Jumlah ini adalah lebih besar jika dibandingkan dengan kekurangan dana tahun 1999 yang berjumlah RM9,251.38 juta.

3.1.2. Penggunaan dana yang besar pada tahun 2000 adalah disebabkan oleh pertambahan dalam perbelanjaan mengurus berjumlah RM9,848.37 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM5,326.67 juta. Perbelanjaan yang dibuat itu adalah sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara. Kekurangan dana pada tahun 2000 dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman berjumlah RM13,922.68 juta dan Akaun Kena Bayar berjumlah RM5,695.46 juta. Penggunaan berterusan wang pinjaman bagi membiayai kekurangan dana serta pembayaran balik pinjaman dalam dan luar negeri menyebabkan hutang negara meningkat daripada

RM112,118.55 juta pada akhir tahun 1999 menjadi RM125,625.17 juta pada akhir tahun 2000. Butir-butir sumber dan penggunaan dana adalah seperti di **Jadual 3** berikut :-

JADUAL 3
SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999 DAN 2000

	1999	2000
	(RM Juta)	(RM Juta)
SUMBER DANA		
Hasil	58,674.69	61,864.28
Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan	1,390.10	2,923.13
Terimaan Wang Amanah Dan Lain-lain	<u>286,780.85</u>	<u>303,556.44</u>
Jumlah Sumber Dana	<u>346,845.64</u>	<u>368,343.85</u>
PENGGUNAAN DANA		
Perbelanjaan Mengurus *		56,547.25
Perbelanjaan Pembangunan	46,698.88	27,941.49
Bayaran Wang Amanah Dan Lain-lain	22,614.82	299,447.71
	286,783.32	
Jumlah Penggunaan Dana	<u>356,097.02</u>	<u>383,936.45</u>
LEBIHAN/(KEKURANGAN) DANA		(15,592.60)
	(9,251.38)	
PEMBIAYAAN MELALUI:		
Akaun Kena Bayar		5,695.46
Pinjaman Bersih Dalam Dan Luar Negeri	(2,656.74)	13,922.68
Wang Tunai Dan Pelaburan	8,523.52	(4,025.54)
	3,384.60	
	<u>9,251.38</u>	<u>15,592.60</u>

*Nota: * Tidak Termasuk Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan*

3.1.3. Dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1999, Ketua Audit Negara telah mengesyorkan beberapa langkah yang boleh diambil untuk memperkukuhkan kedudukan dana Kerajaan. Antara langkah itu ialah memungut balik jumlah tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman. Walaupun pihak yang berkenaan telah mengambil beberapa langkah untuk memungut tunggakan itu, namun didapati tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman masih berada di tahap yang tinggi. Jumlah tunggakan hasil pada akhir tahun 2000 ialah RM8,449.97 juta manakala

tunggakan bayaran balik pinjaman ialah RM5,038.06 juta.

3.2. Sumber Dana

3.2.1. Hasil

3.2.1.1. Pungutan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000 berjumlah RM61,864.28 juta berbanding RM58,674.69 juta pada tahun 1999. Pertambahan hasil berjumlah RM3,189.59 juta antara lainnya adalah disebabkan oleh 4 butiran hasil telah mencatatkan peningkatan pungutan melebihi RM500 juta pada tahun 2000. Butiran-butiran hasil berkenaan adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4
BUTIRAN HASIL YANG MENCATATKAN PENINGKATAN
PUNGUTAN MELEBIHI RM500 JUTA

BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN TAHUN 1999 (RM Juta)	PUNGUTAN TAHUN 2000 (RM Juta)	PENINGKATAN		PUNCA PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
Cukai Pendapatan Petroleum	2,855.54	6,010.17	3,154.63	110.47	Kenaikan harga petroleum dunia.
Royalti Petroleum/Gas	974.32	1,763.04	788.72	80.95	Kuantiti pengeluaran dan harganya telah meningkat.
Duti Eksais – Kenderaan Bermotor	1,720.39	2,396.89	676.50	39.32	Kadar tarif telah dinaikkan pada tahun 2000.
Cukai Jualan Atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	2,953.07	3,556.57	603.50	20.44	Cukai dikenakan terhadap minyak diesel mulai tahun 2000.

3.2.1.2. Jumlah pungutan ini boleh dipertingkatkan sekiranya Jabatan/Agensi yang berkenaan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk memastikan pembayar cukai menjelaskan cukai dalam tempoh yang ditetapkan dan juga mengambil langkah-langkah yang lebih tegas untuk memungut hasil-hasil yang tertunggak berjumlah RM8,449.97 juta pada 31 Disember 2000. Kedudukan tunggakan hasil mengikut Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2000 dan tahun sebelumnya adalah seperti di **Jadual 5** berikut :-

JADUAL 5
TUNGGAKAN HASIL KEMENTERIAN/JABATAN
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER

KEMENTERIAN/JABATAN	TAHUN	
	1999 (RM Juta)	2000 (RM Juta)
Lembaga Hasil Dalam Negeri	9,365.24	7,850.50
Kastam Dan Eksais diRaja	231.20	248.38
Kesihatan	76.54	78.40
Pembangunan Luar Bandar	183.95	66.57
Pertahanan	26.19	55.87
Penerangan	50.28	49.56
Jabatan Perdana Menteri	69.69	25.22
Pendidikan	17.52	22.43
Belia Dan Sukan	17.88	17.05
Kementerian/Jabatan Lain	27.11	35.99
JUMLAH	10,065.60	8,449.97

3.2.2. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Selain dari hasil yang dipungut, terimaan Kumpulan Wang Pembangunan yang terdiri daripada bayaran balik pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan dan lain-lain terimaan adalah juga merupakan sumber dana Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000. Jumlah terimaan daripada sumber ini ialah RM2,923.13 juta berbanding dengan tahun 1999 yang berjumlah RM1,390.10 juta. Peningkatan mengikut komponen-komponen terimaan bagi sumber dana ini adalah seperti di **Jadual 6** :-

JADUAL 6
TERIMAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

KOMPONEN-KOMPONEN TERIMAAN	TAHUN	
	1999 (RM Juta)	2000 (RM Juta)
Bayaran Balik Pinjaman	1,152.39	2,909.66
Jualan Aset Modal	0.07	0.02
Pelbagai Terimaan	237.64	13.45
JUMLAH	1,390.10	2,923.13

3.2.3. Terimaan Amanah

Sumber dana Kerajaan yang lain ialah terimaan wang amanah. Pada tahun 2000, jumlah terimaan daripada sumber ini ialah RM303,556.44 juta berbanding dengan tahun 1999 yang berjumlah RM286,780.85 juta. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 7** berikut :-

**JADUAL 7
TERIMAAN AMANAH**

KOMPONEN-KOMPONEN TERIMAAN	TAHUN	
	1999 (RM Juta)	2000 (RM Juta)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	280,014.04	296,651.76
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,540.76	1,666.89
Kumpulan Wang Amanah Awam	1,439.52	1,261.91
Deposit	1,672.46	1,427.48
Kumpulan Wang Amanah Pencen	2,114.07	2,548.40
JUMLAH	286,780.85	303,556.44

3.3. Penggunaan Dana

3.3.1. Perbelanjaan Mengurus

3.3.1.1. Peruntukan asal yang diluluskan oleh Parlimen untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2000 ialah RM53,351 juta. Bagaimanapun, pada bulan Mac hingga Disember 2000, peruntukan asal tersebut telah ditambah dengan sejumlah RM6,535.32 juta melalui Waran Khas, Waran Pendahuluan Luar Jangka dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan. Oleh itu, jumlah peruntukan muktamad bagi tahun 2000 ialah RM58,886.32 juta. Jumlah ini tidak termasuk peruntukan sejumlah RM1,000.00 juta untuk dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Daripada jumlah ini, RM56,547.25 juta (96%) telah dibelanjakan.

3.3.1.2. Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Kerajaan

Persekutuan adalah baik di mana perbelanjaan telah dibuat mengikut peruntukan yang telah diluluskan. Bagaimanapun, bagi 8 Kementerian/Jabatan, perbelanjaan telah melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM662.04 juta. Sejumlah RM643.62 juta (97.2%) daripadanya adalah melibatkan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Polis DiRaja Malaysia. Lebihan perbelanjaan tersebut adalah untuk membiayai bayaran kenaikan gaji dan imbuhan tetap perumahan serta imbuhan tahunan kepada kakitangan kedua-dua Kementerian/Jabatan berkenaan. Sungguhpun demikian, lebihan perbelanjaan itu telah mendapat kelulusan Parlimen pada bulan April 2001.

3.3.2. Perbelanjaan Pembangunan

3.3.2.1. Peruntukan muktamad diluluskan oleh Parlimen untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2000 ialah RM28,529.16 juta. Bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk peruntukan berjumlah RM1,000.00 juta di bawah Simpanan Luar Jangka. Sejumlah RM27,941.49 juta (97.9%) daripada peruntukan muktamad itu telah dibelanjakan.

3.3.2.2. Pada umumnya, prestasi perbelanjaan pembangunan Kerajaan secara keseluruhannya adalah baik. Bagaimanapun, perbelanjaan bagi 5 Kementerian/Jabatan telah melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM956.37 juta. Sejumlah RM909.65 juta (95.1%) daripadanya adalah melibatkan bayaran yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengangkutan kepada kontraktor-kontraktor pembinaan. Lebihan perbelanjaan itu kemudiannya telah mendapat kelulusan Parlimen pada bulan April 2001.

3.3.3. Bayaran Amanah

Selain dari perbelanjaan mengurus dan pembangunan, bayaran amanah adalah juga merupakan salah satu penggunaan dana yang besar. Pada tahun 2000, jumlah bayaran amanah ialah RM299,727.71 juta berbanding

dengan tahun 1999 yang berjumlah RM286,783.32 juta. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 8** berikut :-

JADUAL 8
BAYARAN AMANAH

KOMPONEN-KOMPONEN BAYARAN	TAHUN	
	1999 (RM Juta)	2000 (RM Juta)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	281,259.21	295,539.13
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,906.98	2,135.17
Kumpulan Wang Amanah Awam	1,826.58	624.73
Deposit	1,790.39	1,427.45
Kumpulan Wang Amanah Pencen	0.16	1.23
JUMLAH	286,783.32	299,727.71

3.4. Pembiayaan

3.4.1. Hutang Awam

3.4.1.1. Mengikut Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dan Ordinan Pinjaman Dalam Negeri 1959, Kerajaan Persekutuan boleh mendapatkan pinjaman untuk menampung keperluan peruntukan bagi projek-projek pembangunan dan membayar balik hutang. Hutang Awam Kerajaan Persekutuan telah mencatatkan peningkatan bagi 4 tahun berturut-turut sebagaimana yang ditunjukkan di **Jadual 9** berikut :-

JADUAL 9
HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA AKHIR TAHUN 1996 – 2000

TAHUN	HUTANG DALAM NEGERI (RM Juta)	HUTANG LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH HUTANG AWAM (RM Juta)	PENINGKATAN (RM Juta)
1996	79,210.81	10,471.10	89,681.91	-
1997	76,967.75	12,951.60	89,919.35	237.44
1998	88,197.13	14,924.03	103,121.16	13,201.81
1999	93,749.63	18,368.92	112,118.55	8,997.39

2000	106,804.60	18,820.57	125,625.17	13,506.62
------	------------	-----------	------------	-----------

3.4.1.2. Pada akhir tahun 2000, hutang awam berjumlah RM125,625.17 juta berbanding dengan RM112,118.55 juta pada akhir tahun 1999. Peningkatan hutang awam berjumlah RM13,506.62 juta adalah disebabkan pertambahan ketara dalam pinjaman tempatan dan pinjaman pasaran/projek baru seperti yang ditunjukkan di **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEDUDUKAN PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2000

JENIS PINJAMAN	PINJAMAN BARU DIPEROLEHI (RM Juta)	PEMBAYARAN BALIK DAN PENEBUSAN PINJAMAN (RM Juta)	KERUGIAN DALAM MATA WANG ASING (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)
Dalam Negeri				
Bil Perbendaharaan	6,987.30	6,975.08	-	12.22
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000.00	-	-	2,000.00
Pinjaman Tempatan	22,682.13	11,626.19	-	11,055.94
Jumlah Dalam Negeri	31,669.43	18,601.27	-	13,068.16
Luar Negeri				
Pinjaman Pasaran	4,381.28	3,267.42	416.07	697.79
Pinjaman Projek	385.55	644.88	-	(259.33)
Jumlah Luar Negeri	4,766.83	3,912.30	416.07	438.46
JUMLAH PINJAMAN	36,436.26	22,513.57	416.07	13,506.62

3.4.1.3. Kerajaan menyedari hakikat bahawa pengurangan ketara dalam hutang awam adalah sukar dicapai melainkan bayaran balik hutang itu dibiayai dari sumber-sumber selain daripada pinjaman. Sehubungan ini, Perbendaharaan Malaysia pada tahun 1998 telah mewujudkan satu Kumpulan Wang Amanah Penjelas Hutang dengan peruntukan modal permulaan berjumlah RM200 juta. Kumpulan Wang ini telah ditubuhkan supaya dalam jangka masa panjang ia dapat membiayai

liabiliti penebusan hutang negara yang kini ditanggung sepenuhnya daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Semakan Audit mendapati sungguhpun Kumpulan Wang ini telah wujud sejak 2 tahun yang lalu, tetapi tidak ada peruntukan tambahan dicarumkan kepada Kumpulan Wang ini dan juga tidak ada urusan niaga dibuat melalui Kumpulan Wang ini. Tanpa pertambahan ketara dalam modal Kumpulan Wang ini, maka adalah sukar bagi Kumpulan Wang ini menjelaskan liabiliti pembayaran balik hutang negara yang meningkat tahun demi tahun.

3.4.1.4. Pada bulan Mac 1999, Kerajaan Persekutuan telah menandatangani perjanjian pinjaman dengan Bank Dunia berjumlah US\$244.00 juta bagi projek-projek Sektor Pendidikan. Semakan yang dibuat, mendapati setakat 31 Disember 2000, hanya US\$15.39 juta (RM58.49 juta) telah dikeluarkan meninggalkan baki pinjaman yang belum dikeluarkan berjumlah US\$228.61 juta (RM868.71 juta). Kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi pinjaman ini berjumlah RM12.64 juta yang terdiri daripada bayaran *commitment charges* berjumlah RM3.37 juta kerana kelewatan mengeluarkan pinjaman dan bayaran *front-end fee* berjumlah RM9.27 juta.

3.4.2. Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar (AKB) yang dihutang kepada pembekal barangan, perkhidmatan dan kerja yang diperolehi oleh Kerajaan di mana bayarannya dibuat pada Januari tahun berikutnya. Baki AKB pada akhir tahun 1999 ialah RM2,635.36 juta atau 4% daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan Kerajaan bagi tahun 1999 berjumlah RM66,274.99 juta. Bagaimanapun bagi tahun 2000, adalah didapati AKB tidak dapat dikekalkan pada paras yang sama seperti pada tahun yang lalu. Bagi tahun 2000, baki AKB berjumlah RM8,330.82 juta iaitu 10% daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan Kerajaan yang berjumlah RM82,800.22 juta. Pertambahan jumlah perbelanjaan di bawah AKB yang begitu ketara iaitu RM5,695.45 juta menunjukkan masalah kelewatan pembayaran bil-bil kepada

pembekal/kontraktor yang membekalkan barangan/perkhidmatan atau melaksanakan projek-projek pembinaan di Kementerian/Jabatan masih berlaku, sungguhpun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasinya. Antaranya ialah membenarkan semua tuntutan yang telah disahkan dibayar 50% dalam masa 14 hari, sekiranya ia tidak dapat dibayar keseluruhannya atas sebab-sebab tertentu. Di samping itu, kuasa untuk berbelanja lebih tanggungan *contractual* telah juga diberi kepada Pegawai-pegawai Pengawal. Bagaimanapun, peraturan-peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/Jabatan.

4. PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT KEMENTERIAN/JABATAN/AGensi KERAJAAN PERSEKUTUAN

4.1. Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan-arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber-sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan-peraturan kewangan.

4.2. Pada tahun 2000, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 161 pejabat di 22 Kementerian/Jabatan/Agensi. Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di pejabat berkenaan dibuat mengikut undang-undang/peraturan kewangan yang berkaitan. Hasil dari pengauditan tersebut mendapati beberapa kelemahan dalam kawalan pengurusan; kawalan perbelanjaan dan hasil; pengurusan Kumpulan Wang Amanah serta pengurusan aset di pejabat-pejabat berkenaan. Perkara-perkara yang diperhatikan dari pengauditan itu telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan melalui Surat-surat Pengurusan. Laporan lengkap berhubung dengan pengurusan kewangan di 93 pejabat bagi Jabatan Perangkaan, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Jabatan Pertanian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Laut Semenanjung dan

Kementerian Luar Negeri dan laporan ringkas bagi pejabat-pejabat lain adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

JABATAN PERDANA MENTERI

5. JABATAN PERANGKAAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Jabatan Perangkaan telah ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance 1949* dan dikenali sebagai Biro Statistik. Perangkaan yang dihasilkan pada masa itu terhad kepada data perdagangan luar negeri dan perladangan. Pada tahun 1965, nama Biro Statistik telah ditukar kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Fungsi utama Jabatan Perangkaan kini ialah memungut, mentafsir, menyebarkan perangkaan, menjalankan pelbagai penyiasatan dan bancian. Jabatan Perangkaan mempunyai 14 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang beroperasi di seluruh negara.

5.1.2. Jumlah peruntukan mengurus bagi tahun 1999 ialah RM51.15 juta. Daripada jumlah ini, RM45.26 juta telah dibelanjakan manakala bagi tahun 2000 sejumlah RM44.96 juta iaitu 85.7% daripada peruntukannya berjumlah RM52.49 juta telah dibelanjakan.

5.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di semua PTJ yang merangkumi Ibu Pejabat dan Cawangan-cawangan Negeri. Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan serta memastikan adanya komitmen pihak pengurusan terhadap tanggungjawab mewujudkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, fail-fail dan dokumen yang berkaitan untuk tahun 1999 dan 2000 telah dijalankan.

5.3. PENEMUAN AUDIT

5.3.1. Kawalan Pengurusan

5.3.1.1. Jabatan Perangkaan telah menyediakan carta organisasi yang jelas menunjukkan pembahagian program dan aktiviti. Bagaimanapun, carta organisasi di Cawangan Negeri Sembilan dan Kedah/Perlis tidak mempunyai nama pegawai dan tidak dinyatakan tarikhkuatkuasanya. Senarai tugas pegawai-pegawai di Cawangan Negeri Perak, Selangor, Pulau Pinang, Sarawak dan Kedah/Perlis tidak ditandatangani dan juga tidak dinyatakan tarikh kuatkuasanya.

5.3.1.2. Semakan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan di semua PTJ tidak disediakan dengan lengkap dan tidak kemas kini seperti mana yang dikehendaki oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991. Bagaimanapun, selepas mendapat teguran Audit, pihak Jabatan Perangkaan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri bagi memastikan semua carta organisasi, Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.3.1.3. Ketua Jabatan telah memberi penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawai-pegawai bawahannya di peringkat Ibu Pejabat dan di semua Cawangan Negeri. Bagaimanapun, penurunan kuasa itu terhadap kepada urusan menerima hasil dan membuat pembayaran sahaja. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis diberi kepada pegawai yang menjalankan tugas berkaitan dengan pengeluaran Waran Peruntukan, Panjar Wang Runcit, Pendahuluan Diri/Pelbagai, Waran Perjalanan dan Penyata Perubahan Gaji. Mengikut Arahan Perbendaharaan 11, pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan dan perakaunan perlu diberi kuasa untuk menjalankan tugas berkenaan bagi pihak Pegawai Pengawal. Bagaimanapun, selepas mendapat teguran Audit, Pegawai Pengawal telah menurunkan kuasa kepada pegawai yang terlibat dalam tugas-

tugas kewangan dan perakaunan.

5.3.1.4. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah diwujudkan pada tahun 1996. Jawatankuasa di peringkat Ibu Pejabat mengadakan mesyuarat setiap bulan manakala di peringkat Cawangan Negeri mengadakannya setiap 3 bulan. Laporan suku tahun telah disediakan dan dihantar ke Ibu Pejabat dan Perbendaharaan Malaysia.

5.3.1.5. Sepanjang tahun 1999 hingga 2000, latihan kepada kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diadakan. Penumpuan latihan hanya kepada pengurusan pentadbiran dan operasi Jabatan. Sungguhpun Sistem Buku Vot Berkomputer telah dilaksanakan tetapi pegawai-pegawai yang terlibat belum diberi latihan.

5.3.2. Kawalan Hasil

Jumlah hasil Jabatan Perangkaan pada tahun 1999 berjumlah RM0.60 juta dan RM0.40 juta pada tahun 2000. Hasil utama jabatan terdiri daripada jualan penerbitan, sewaan bangunan dan jualan-jualan yang lain. Semakan Audit di Ibu Pejabat dan PTJ-PTJ yang lain mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

5.3.2.1. Pungutan hasil bagi tempoh Februari 1999 hingga Mei 2000 di Cawangan Negeri Selangor berjumlah RM7,095 tidak direkodkan di dalam Buku Tunai. Resit rasmi juga tidak dikeluarkan. Namun demikian, semua pungutan tersebut telah dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan.

5.3.2.2. Sebelas PTJ telah menyelenggarakan Buku Tunai dengan lengkap dan kemas kini kecuali di Pejabat Cawangan Negeri Sembilan. Bagi Cawangan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, Buku Tunai tidak diselenggarakan.

5.3.2.3. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan dan pemeriksaan mengejut secara berkala tidak dijalankan ke atas wang

tunai yang diterima di Pejabat Cawangan Negeri Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

5.3.3. Kawalan Perbelanjaan

Kawalan perbelanjaan Jabatan Perangkaan secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:-

5.3.3.1. Sistem Buku Vot Berkomputer tidak dilaksanakan sepenuhnya. Ia hanya dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat. Di peringkat Cawangan Negeri, sistem ini masih dalam peringkat percubaan dan dilaksanakan secara *parallel run* dengan sistem manual.

5.3.3.2. Pemeriksaan Audit mendapati di setiap Pejabat Jabatan Perangkaan, hanya seorang pegawai yang layak dibayar elaun insentif tugas kewangan. Oleh itu, semua tugas berkaitan kewangan dipertanggungjawabkan kepada mereka. Beban tugas yang bertambah ini menyebabkan berlakunya perkara-perkara berikut :-

- a. Tiga belas Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan pada tahun 1999 dan 2000 bernilai RM60,000 di Pejabat Cawangan Negeri Sabah lewat dicatatkan dalam Buku Vot antara 6 hingga 32 hari.
- b. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan bagi bulan November 1999 hingga September 2000 di Cawangan Negeri Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak disediakan.
- c. Bil-bil yang diterima pada bulan Februari 1998 hingga bulan September 2000 belum direkodkan dalam Daftar Bil di Cawangan Negeri Perak.
- d. Butir-butir di dalam Pesanan Kerajaan tidak diisi dengan lengkap di Ibu Pejabat, Cawangan Negeri Johor, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Kedah/Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.3.4. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

Daftar Pinjaman Kenderaan telah diselenggarakan di semua PTJ kecuali

Cawangan Negeri Terengganu. Bagi Daftar Pinjaman Komputer pula, ia telah diselenggarakan di semua PTJ kecuali Cawangan Negeri Sembilan.

5.3.5. Pengurusan Aset

Sistem Pengurusan Aset Secara Berkomputer sedang dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat manakala di peringkat cawangan masih diselenggarakan secara manual. Pengurusan aset Jabatan Perangkaan secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti berikut :-

5.3.5.1. Perolehan 1,871 unit pelbagai harta modal dan inventori pada bulan Januari 1999 hingga Oktober 2000 bernilai RM 0.52 juta di Ibu Pejabat, Cawangan Negeri Perak, Pulau Pinang, Sarawak, Sabah, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur belum direkodkan dalam Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori.

5.3.5.2. Pemeriksaan fizikal terhadap aset sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun tidak dijalankan di Ibu Pejabat, Cawangan Negeri Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.3.5.3. Di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan, 3 orang pemandu ditugaskan menjaga 13 buah kenderaan Jabatan dan kenderaan yang disewa daripada Syarikat Spanco Sdn. Bhd. Keadaan ini menyebabkan 3 kenderaan di Ibu Pejabat terbiar dan tidak digunakan sejak Oktober 1999 sungguhpun keadaannya masih baik.

5.3.5.4. Buku Log yang diselenggarakan tidak lengkap dan tidak kemas kini di Ibu Pejabat dan di Cawangan-cawangannya di Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.3.5.5. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan diwujudkan di peringkat Ibu Pejabat pada bulan Julai 1995. Seorang pegawai dilantik sebagai urusetia pengurusan aset Jabatan. Mengikut peraturan,

mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan. Bagaimanapun, adalah didapati hanya sekali sahaja mesyuarat diadakan sepanjang Jawatankuasa ini diwujudkan iaitu pada bulan Oktober 1995.

5.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Jabatan Perangkaan telah berjaya mencapai objektif bagi aktiviti utama di mana semua laporan perangkaan dapat diterbitkan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut standard antarabangsa. Jabatan ini juga telah dianugerahkan persijilan MS ISO 9002 untuk aktiviti pengumpulan, pemprosesan, pentafsiran dan penyebaran indeks harga pengguna serta statistik harga pengguna lain pada bulan Ogos 2000. Bagaimanapun, Jabatan Perangkaan perlu juga menumpukan perhatian kepada aktiviti di Bahagian Kewangan bagi mewujudkan pengurusan kewangan yang baik supaya tidak menjejaskan operasinya. Sehubungan ini, pengurusan kewangan Jabatan Perangkaan perlu dipertingkatkan lagi dengan menambah kakitangan di Bahagian Kewangan. Pihak pengurusan perlu menyelia kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dari semasa ke semasa. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan juga perlu diberi latihan yang mencukupi supaya dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap.

JABATAN PERDANA MENTERI

6. JABATAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN SABAH

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) telah ditubuhkan pada Januari 1991 di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri. Penubuhannya bertujuan untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan di Sabah. Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan yang melaksanakan projek pembangunan melalui JPPS akan menyalurkan peruntukan kewangan secara terus kepada Jabatan tersebut. JPPS juga melaksanakan projek-projek kecil yang telah diluluskan oleh UPP di bawah peruntukan khas UPP seperti membina/membaiki jalan kampung, jambatan, surau dan lain-lain. Selain itu, peruntukan tersebut juga digunakan bagi memperolehi peralatan seperti komputer untuk dibekalkan ke sekolah-sekolah, mesin jahit, enjin sangkut dan lain-lain kemudahan bagi masyarakat Negeri Sabah.

6.1.2. Ibu Pejabat JPPS mempunyai 4 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan; Bahagian Perancangan; Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan serta Bahagian Teknikal.

6.1.3. Selain dari Ibu Pejabat di Kota Kinabalu, JPPS juga mempunyai 4 pejabat cawangan iaitu di Kudat, Sandakan, Tawau dan Beaufort serta sebuah pejabat kecil Keningau yang terletak di bawah pentadbiran Pejabat Cawangan Beaufort.

6.1.4. Bagi tahun 1999, JPPS mendapat peruntukan khas UPP berjumlah RM80.69 juta. Peruntukan ini adalah bagi membiayai projek-projek kecil dan perolehan peralatan. Bagi tempoh 1996 hingga 1999, JPPS juga menerima peruntukan berjumlah RM779.83 juta daripada beberapa Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek mereka di Sabah.

6.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan pada awal tahun 2000 untuk menentukan pengurusan kewangan dan projek pembangunan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan serta dilaksanakan dengan cekap dan berhemat. Skop Audit meliputi aktiviti di bawah peruntukan khas UPP bagi tahun 1999 dan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Semakan telah dibuat terhadap semua dokumen yang berkaitan dan juga lawatan ke 6 projek pembangunan yang melibatkan kos RM50.30 juta.

6.3. PENEMUAN AUDIT

6.3.1. Kawalan Pengurusan

6.3.1.1. Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah telah menyediakan carta organisasi yang jelas menunjukkan pembahagian program dan aktiviti. Setiap anggota JPPS mempunyai Fail Meja masing-masing.

6.3.1.2. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) telah diwujudkan di JPPS. Mesyuarat JPKA antara lain membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam. Selain itu, isu-isu mengenai pengurusan hasil dan perbelanjaan serta latihan kakitangan turut dibincangkan. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996, JPKA perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Adalah didapati sepanjang tahun 2000, JPKA hanya bermesyuarat 3 kali sahaja.

6.3.2. Kawalan Hasil

Pungutan hasil hanya diterima daripada jualan borang-borang tender. Pada umumnya, pungutan yang telah dibuat itu diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.3.3. Kawalan Perbelanjaan

6.3.3.1. Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah telah menerima peruntukan khas UPP berjumlah RM80.69 juta untuk membiayai 3,006 projek kecil/perolehan peralatan. Daripada jumlah ini, RM61.26 juta (75.8%) telah dibelanjakan untuk menyiapkan 2,279 (75.8%) projek.

6.3.3.2. Pejabat-pejabat Daerah dan Majlis-majlis Perbandaran telah diberi kuasa oleh JPPS untuk melaksanakan beberapa perolehan bekalan peralatan/kerja. Setelah bekalan peralatan/kerja disempurnakan oleh pejabat berkenaan, semua dokumen yang berkaitan dengannya perlu dikemukakan ke JPPS untuk proses pembayaran. Semakan Audit terhadap baucar bayaran yang bernilai RM10,000 dan ke atas mendapati masa yang diambil untuk menghantar dokumen yang telah disahkan dari Pejabat-pejabat Daerah dan Majlis-majlis Perbandaran ke JPPS ialah antara 22 hingga 175 hari. Mengikut maklum balas yang diterima daripada pihak JPPS, kelewatan ini disebabkan agensi pelaksana mengemukakan dokumen untuk tujuan pembayaran secara berkelompok dan juga lokasi pejabat agensi pelaksana yang jauh di pedalaman. Keadaan ini perlu diperbetulkan kerana ia bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 103(a) yang menetapkan bayaran perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh tuntutan diterima daripada pembekal berkenaan.

6.3.3.3. Adalah didapati bekalan/kerja yang telah disempurnakan sebelum 31 Disember 1999 bernilai RM1.24 juta hanya dibayar pada bulan Ogos 2000. Semakan Audit mendapati bahawa Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sabah lewat menjelaskan bayaran itu kerana pembekal yang dilantik tidak memenuhi syarat-syarat yang melayakkannya membuat bekalan/kerja berkenaan. Amalan ini adalah bertentangan dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 59 yang menetapkan bayaran perlu dibuat dengan segera sekiranya bekalan/perkhidmatan diterima/dibuat dengan sempurna.

6.3.3.4. Mengikut Arahan Perbendaharaan 102(a), tandatangan seseorang Pegawai Pengawal atau wakilnya adalah perlu bagi memperakui kebetulan dan kesempurnaan setiap perolehan

bekalan/kerja sebelum membuat bayaran. Baucar bayaran itu perlu disokong dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap baucar bayaran yang bernilai melebihi RM50,000 mendapati bekalan berjumlah RM12.10 juta telah dibuat bayaran tanpa disokong dengan pengesahan daripada penerima bahawa bekalan yang dibuat oleh pembekal telah dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi. Ini adalah disebabkan salinan pesanan yang dikeluarkan oleh pejabat JPPS tidak diberi kepada pegawai yang menerima bekalan untuk tujuan pengesahan.

6.3.3.5. Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah telah membekalkan komputer ke sekolah-sekolah. Antara sekolah yang menerima bekalan itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Majakir, Papar. Nilai peralatan komputer yang dibekalkan ke sekolah ini ialah RM50,000. Semakan Audit yang dijalankan pada bulan Jun 2000 di sekolah tersebut mendapati komputer tersebut telah diterima manakala perkakasan yang lain seperti meja komputer, *voltage regulator* dan *screen filter* masih belum dibekalkan walaupun bayaran telah dibuat kepada pembekal. Selain itu, *CD ROM* yang diterima adalah berkelajuan 36X dan bukannya 40X sebagaimana yang dicatatkan dalam inbois pembekal. Di 7 buah sekolah yang lain pula, 14 daripada 22 komputer yang dibeli oleh JPPS bernilai RM70,000 masih belum dibekalkan sungguhpun bayarannya telah dijelaskan.

6.3.3.6. Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah menerima peruntukan berjumlah RM779.83 juta daripada beberapa Kementerian/ Jabatan untuk melaksanakan 109 projek. Daripada jumlah itu, sejumlah RM493.48 juta iaitu 63.3% daripadanya telah dibelanjakan. Status projek tersebut ialah 29 dalam perancangan, 43 dalam pembinaan dan 37 telah siap dilaksanakan. Pengauditan telah dijalankan terhadap pelaksanaan projek-projek tersebut dan mendapati perkara-perkara berikut :-

- a. Tender terbuka telah dibuat untuk memilih kontraktor bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Pada amnya, proses pemilihan kontraktor dibuat dengan teratur.

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 4 projek bernilai RM43.29 juta lewat disiapkan. Dua daripadanya masih belum disiapkan semasa pemeriksaan Audit dijalankan. Lanjutan masa telah diberi oleh JPPS antara 2 hingga 4 kali. Antara punca kelewatan tersebut adalah disebabkan perubahan skop kerja, kesukaran mendapatkan bahan-bahan binaan dan masalah cuaca. Maklumat lanjut adalah seperti berikut :-

JADUAL 11
PROJEK YANG LEWAT DISIAPKAN

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH SEPATUTNYA SIAP	TARIKH DISIAPKAN	PUNCA KELEWATAN
Membina Kolej Sains Kesihatan (Pakej 2)	4.88	8 Ogos 1999	-	Masalah setinggan di tapak projek
Membina Poliklinik Pakar Hospital Duchess of Kent	22.94	12 April 1998	31 Ogos 1999	Kerja-kerja tambahan, cuaca buruk dan kekurangan bahan binaan
Membina Sekolah Menengah Kebangsaan Gum-Gum	9.11	28 September 1999	-	Kekurangan bahan binaan, penukaran bahan kontrak dan cuaca buruk
Membina Sekolah Kebangsaan Pantai Manis	6.36	21 Mac 1999	28 Mei 2000	Kekurangan bahan binaan dan cuaca buruk

- c. Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah telah melantik juruperunding bagi menjalankan pemantauan ke atas projek-projek yang dilaksanakan. Berdasarkan catatan dalam buku harian di tapak projek, didapati penyeliaannya adalah memuaskan. Pihak JPPS juga telah menyelia setiap projek yang dilaksanakan sebagaimana yang dicatatkan dalam minit mesyuarat tapak.

6.3.4. Pengurusan Aset

Pengurusan aset di JPPS secara keseluruhannya adalah memuaskan.

6.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah berhubung dengan kawalan pengurusan, kawalan hasil dan pengurusan aset adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam kawalan perbelanjaan seperti perolehan bekalan peralatan/kerja yang tidak dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan bil-bil tuntutan daripada kontraktor tidak dijelaskan dalam tempoh 1 bulan. Adalah disyorkan supaya JPPS mengkaji semula proses pembayarannya bagi membolehkan bayaran-bayaran dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PERTANIAN

7. JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Jabatan Pertanian Malaysia bertanggungjawab antara lain untuk memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.

7.1.2. Jabatan ini mempunyai 55 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh negara. Bagi melaksanakan program dan aktiviti, Jabatan Pertanian Malaysia telah menerima peruntukan mengurus berjumlah RM68.46 juta bagi tahun 2000 dan RM59.13 juta bagi tahun 1999. Daripada jumlah tersebut, RM68.25 juta iaitu 99.7% telah dibelanjakan pada tahun 2000 dan RM59.00 juta iaitu 99.8% telah dibelanjakan pada tahun 1999. Manakala peruntukan pembangunan yang diterima oleh Jabatan Pertanian Malaysia, bagi tahun 2000 dan 1999 adalah masing-masingnya berjumlah RM51.89 juta dan RM40.27 juta. Perbelanjaan yang sebenar bagi tahun 2000 adalah RM50.85 juta iaitu 97.9% dan pada tahun 1999 adalah RM37.60 juta iaitu 93.4%. Jabatan juga memungut hasil berjumlah RM3.14 juta pada tahun 2000 dan RM3.01 juta pada tahun 1999.

7.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pada tahun 2000, pengauditan telah dijalankan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dan 10 PTJ. Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangannya dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan serta memastikan adanya komitmen pihak pengurusan terhadap tanggungjawab mewujudkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat. Rekod-rekod kewangan, fail-fail dan dokumen yang berkaitan untuk tahun 1999 dan 2000 telah diperiksa.

7.3. PENEMUAN AUDIT

7.3.1. Kawalan Pengurusan

7.3.1.1. Jabatan Pertanian Malaysia telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas membahagikan tugas-tugas pentadbiran dan kewangan. Ketua Jabatan telah memberi penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawai-pegawai bawahannya di peringkat Ibu Pejabat, cawangan negeri dan di semua PTJ yang dilawati. Tugas-tugas mereka telah dijelaskan dengan terperinci dalam senarai tugas masing-masing.

7.3.1.2. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 menetapkan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi setiap anggota perlu disediakan. Semakan Audit mendapati 3 PTJ tidak menyediakan Fail Meja anggotanya dengan lengkap dan tidak kemas kini.

7.3.1.3. Sebagai satu langkah untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan di Agensi-agensi Kerajaan, semua PTJ dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Bagaimanapun, terdapat 6 PTJ masih tidak menubuhkan JPKA. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati satu PTJ yang telah menubuhkan JPKA tidak bermesyuarat setiap 2 bulan seperti mana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996.

7.3.2. Kawalan Hasil

7.3.2.1. Pada tahun 2000 sejumlah RM2.19 juta telah dipungut oleh 10 PTJ yang dilawati atau 69.7% daripada jumlah hasil keseluruhan Jabatan yang berjumlah RM3.14 juta. Hasil yang dikutip oleh Jabatan adalah dalam bentuk jualan benih, bayaran perkhidmatan pertanian, jualan haiwan, pajakan ladang dan jualan baja.

7.3.2.2. Semua PTJ telah mengadakan pengasingan tugas bagi pungutan hasil dan menyelenggara rekod-rekod hasil dengan teratur dan kemas kini. Pemeriksaan mengejut juga dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.

7.3.3. Kawalan Perbelanjaan

Perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk tahun 2000 bagi Ibu Pejabat Pertanian dan 10 PTJ yang dilawati masing-masing ialah RM15.94 juta dan RM15.98 juta. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

7.3.3.1. Semua PTJ yang dilawati telah menyelenggarakan Buku Vot mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 tahun 1987. Penyata Penyesuaian telah disediakan oleh semua PTJ bagi menerangkan perbezaan baki antara rekod PTJ dengan Jabatan Akauntan Negara. Dua daripada 10 PTJ yang dilawati telah menyelenggara Buku Vot secara berkomputer.

7.3.3.2. Daftar Bil telah diselenggarakan dengan kemas kini di semua PTJ yang dilawati. Semakan Audit juga mendapati bil-bil dapat dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh terimaan bil. Bagaimanapun, didapati semakan oleh pegawai kanan terhadap Daftar Bil tidak dibuat di 6 PTJ.

7.3.3.3. Kawalan terhadap Pesanan Kerajaan adalah kurang memuaskan. Di 9 PTJ, pindaan terhadap Pesanan Kerajaan telah dibuat oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.

7.3.4. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

Jabatan Pertanian Malaysia menyelenggara Akaun Amanah Biji Benih Padi untuk memperakaunkan terimaan dan bayaran berhubung dengan aktiviti pengeluaran biji benih padi. Baki akaun ini pada akhir tahun 2000 ialah RM6.55 juta. Selain dari itu, Jabatan juga mengendalikan urusan bagi Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Kenderaan, Komputer dan Pendahuluan Diri. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

7.3.4.1. Jabatan Pertanian Malaysia menyelenggara akaun amanah dengan teratur berasaskan kepada arahan amanah yang ditetapkan dan juga mengemukakan akaun amanah untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi tahun kewangan 2000, penyata akaun amanah telah dikemukakan untuk diaudit pada bulan Mac 2001.

7.3.4.2. Semakan Audit terhadap rekod-rekod bagi Pendahuluan Kenderaan mendapati 23 peminjam berhutang sejumlah RM55,003 yang sepatutnya telah diselesaikan. Daripada jumlah tersebut, baki hutang berjumlah RM24,989 telah tertunggak sejak tahun 1994 dan sebelumnya. Sungguhpun Jabatan Pertanian Malaysia telah mengambil tindakan susulan terhadap kes-kes tersebut dengan mengeluarkan surat peringatan, namun adalah didapati hutang itu masih tidak dipungut sepenuhnya.

7.3.4.3. Bagi Pendahuluan Pinjaman Komputer, adalah didapati rekod-rekod peminjam diselenggarakan dengan kemas kini. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 tahun 1992, pemohon-pemohon yang diluluskan pinjaman komputer perlu diberi surat perlantikan bagi mewakili Kerajaan dalam menguruskan pembelian komputer. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 17 kes di mana peminjam-peminjam telah tidak diberikan surat perlantikan tersebut untuk urusan pembelian komputer.

7.3.4.4. Institut Pertanian Parit, Perak memungut deposit semasa pendaftaran pelajar sejumlah RM100.00 seorang. Wang deposit ini akan dikembalikan kepada pelajar setelah tamat pengajian. Semakan Audit mendapati bahawa rekod-rekod deposit tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Terdapat kes di mana 56 lejar deposit masih menunjukkan baki walaupun bayaran balik deposit berkenaan telah selesai. Di samping itu, pemulangan wang deposit kepada pelajar-pelajar dibuat walaupun resit asal tidak diserahkan dan ini bertentangan dengan kehendak peraturan kewangan.

7.3.5. Pengurusan Aset

Pengurusan Aset di Pusat Tanggungjawab yang dipilih secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

- Pemeriksaan fizikal terhadap harta modal tidak dijalankan di 9 PTJ.
- Daftar Harta Modal di 8 PTJ tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini.
- Harta Modal tidak ditandakan 'Hak Milik Kerajaan' di 5 PTJ.
- Daftar Harta Modal tidak dihantar bersama-sama ketika pindahan harta modal dibuat secara tetap di 3 PTJ.
- Barang-barang lama dan rosak tidak diambil tindakan pelupusan di 3 PTJ.

7.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Pertanian Malaysia adalah memuaskan. Namun demikian, pelaksanaannya masih boleh dipertingkatkan melalui penyeliaan rapi oleh pegawai-pegawai kanan terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawainya.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

8. MAKTAB PERGURUAN DAN POLITEKNIK

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab mewujudkan sistem pendidikan yang terbaik untuk negara. Pada tahun 2000, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM17,654.70 juta iaitu RM12,266.33 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM5,388.37 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan mengurus adalah bagi melaksanakan 35 program dan 58 aktiviti melalui 626 Pusat Tanggungjawab.

8.1.2. Pada tahun 2000, sejumlah RM278.08 juta telah diperuntukkan kepada 28 Maktab Perguruan dan RM108.35 juta untuk 12 Politeknik bagi tujuan mengurus. Setiap Maktab dan Politeknik mempunyai 3 atau 4 kakitangan untuk menguruskan hal ehwal kewangan.

8.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di 13 Maktab Perguruan dan 8 Politeknik di seluruh negara untuk menentukan sama ada pengurusan kewangannya dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, fail-fail dan dokumen yang berkaitan untuk tempoh 1999 dan 2000 telah dijalankan.

8.3. PENEMUAN AUDIT

8.3.1. Kawalan Pengurusan

8.3.1.1. Semua Maktab Perguruan dan Politeknik yang dilawati kecuali Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban telah menyediakan carta organisasi yang jelas menunjukkan pembahagian program dan aktivitinya. Setiap anggota yang terlibat dengan pengurusan kewangan juga mempunyai senarai tugas masing-masing.

8.3.1.2. Semakan Audit mendapati pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan di 7 Maktab Perguruan dan 3 Politeknik tidak mempunyai Fail Meja masing-masing.

8.3.1.3. Semua Maktab Perguruan dan Politeknik yang dilawati kecuali 1 Maktab Perguruan dan 3 Politeknik telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996. Di 3 Maktab Perguruan dan 2 Politeknik, adalah didapati mesyuarat JPKA hanya diadakan antara 1 hingga 3 kali sejak ia ditubuhkan. Ini adalah bertentangan dengan kehendak Surat Pekeliling tersebut yang menetapkan mesyuarat JPKA perlu diadakan sekali dalam tempoh 2 bulan.

8.3.2. Kawalan Hasil

Maktab Perguruan dan Politeknik yang dilawati memungut hasil dalam bentuk yuran, bayaran asrama dan jualan borang-borang permohonan memasuki asrama. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam kawalan hasil seperti berikut :-

8.3.2.1. Tiga Maktab Perguruan dan 2 Politeknik tidak mengadakan pengasingan tugas bagi pegawai yang mengutip dan memperakaunkan hasil seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan kewangan. Hanya seorang pegawai sahaja ditugaskan untuk menerima pungutan, menulis serta menandatangani resit, menyelenggara Buku Tunai, menyediakan Penyata Pemungut serta memasukkan wang ke bank.

8.3.2.2. Beberapa Maktab Perguruan dan Politeknik tidak menyelenggarakan rekod-rekodnya dengan sempurna. Berikut diberikan contoh-contohnya :-

- a. Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini di 4 Maktab Perguruan dan 4 Politeknik.

- b. Daftar Mel bagi maksud merekod terimaan wang dan dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar tidak diselenggarakan di 3 Maktab Perguruan dan 5 Politeknik.
- c. Penyata Penyesuaian Bulanan Hasil bagi menjelaskan perbezaan baki antara rekod Pejabat dengan rekod Jabatan Akauntan Negara tidak disediakan di Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Maktab Perguruan Kent, Kota Kinabalu dan Politeknik Johor Bahru.

8.3.3. Kawalan Perbelanjaan

8.3.3.1. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis diturunkan kepada anggota yang menjalankan tugas menandatangani Pesanan Kerajaan atau baucar bayaran dan Penyata Perubahan Gaji di Maktab Perguruan Batu Pahat; Maktab Perguruan Persekutuan, Pulau Pinang dan Politeknik Sultan Abdul Halim, Jitra. Keadaan ini perlu diperbetulkan kerana ia bertentangan dengan peraturan kewangan yang menghendaki pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan dan perakaunan diberi kebenaran secara bertulis.

8.3.3.2. Pada umumnya, Buku Vot di Maktab-maktab Perguruan dan Politeknik masih diselenggarakan secara manual sungguhpun sistem Buku Vot Berkomputer telah diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan. Ini menjejaskan keberkesanan serta kecekapan penyelenggaraan rekod perbelanjaan.

8.3.3.3. Di Politeknik Johor Bahru dan 5 Maktab Perguruan, Buku Vot tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini.

8.3.3.4. Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan baki antara Buku Vot pejabat dengan Laporan Perbelanjaan Jabatan Akauntan Negara tidak disediakan di 3 Maktab Perguruan dan 2 Politeknik.

8.3.3.5. Semakan Audit mendapati berlaku perbelanjaan yang melebihi peruntukan di Maktab Perguruan Kent, Politeknik Sultan Abdul Halim dan Politeknik Shah Alam. Kelebihan perbelanjaan ini melibatkan bayaran gaji berjumlah RM487,173.

8.3.3.6. Daftar Bil perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk membolehkan Jabatan memantau bil-bil yang belum dijelaskan. Bagaimanapun, didapati Maktab Perguruan Batu Pahat dan Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak serta Politeknik Johor Bahru tidak menyelenggarakan daftar tersebut.

8.3.4. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

8.3.4.1. Setiap Maktab Perguruan dan Politeknik perlu menyelenggarakan Akaun Amanah Latihan Khas untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran berhubung dengan latihan. Semakan Audit mendapati Institut Perguruan Darulaman, Jitra dan Politeknik Johor Bahru tidak menyelenggarakan Akaun Amanah Latihan Khas masing-masing dengan sempurna.

8.3.4.2. Daftar-daftar pinjaman kenderaan dan komputer tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Selain daripada itu, terdapat juga kes di mana pendahuluan diri tidak dibayar balik dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini berlaku di Maktab Perguruan Tengku Afzan, Kuantan; Maktab Perguruan Kuala Terengganu; Politeknik Shah Alam dan Politeknik Johor Bahru.

8.3.5. Pengurusan Aset

Pengurusan aset di Maktab-maktab Perguruan dan Politeknik secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti berikut:-

8.3.5.1. Pemeriksaaan dan verifikasi stok tidak dijalankan di 6 Maktab Perguruan dan 3 Politeknik. Perbezaan stok fizikal dengan baki di Buku Stok pula berlaku di Maktab Perguruan Kent, Maktab Perguruan Besut dan Politeknik Sultan Abdul Halim.

8.3.5.2. Penyelenggaraan stor di 9 Maktab Perguruan dan 3 Politeknik kurang memuaskan. Pemeriksaan Audit mendapati stok tidak tersusun dengan baik. Kad petak/kad bil tidak diselenggarakan dan kawalan terhadap keselamatan stor juga tidak memuaskan.

8.3.5.3. Semakan Audit terhadap Daftar Harta Modal dan Inventori mendapati 8 Maktab Perguruan dan 4 Politeknik tidak menyelenggarakan daftar berkenaan dengan memuaskan. Maklumat-maklumat penting seperti kos penyelenggaraan dan butir-butir harta modal tidak dicatat dengan lengkap. Aset bernilai RM62,574 pula tidak direkodkan dalam daftar tersebut di Maktab Perguruan Besut.

8.3.5.4. Pemeriksaan Audit di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang mendapati sebuah printer *Epson*, 2 set komputer *Epson* dan *Uninterrupted Power System* tidak dapat dikesan manakala di Politeknik Shah Alam, 2 unit *Specimen Dryer* bernilai RM21,476 bersama 1 unit kamera tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit.

8.3.5.5. Enam Maktab Perguruan dan 4 Politeknik tidak menyelenggara Buku Log kenderaan dengan lengkap. Pegawai yang diberi kuasa tidak memeriksa Buku Log pada hari akhir setiap minggu.

8.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, tahap pengurusan kewangan di Maktab Perguruan dan Politeknik masih kurang memuaskan. Kelemahan-kelemahan dari segi kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan pengurusan aset telah berlaku di beberapa Maktab Perguruan dan Politeknik. Kementerian Pendidikan hendaklah mengambil tindakan segera untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut serta mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan kewangan Maktab Perguruan dan Politeknik bagi memastikan undang-undang dan peraturan kewangan dipatuhi.

KEMENTERIAN KESIHATAN

9. PEJABAT-PEJABAT KESIHATAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Kementerian Kesihatan adalah salah satu daripada agensi perkhidmatan sosial Kerajaan yang komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam. Kementerian mempunyai 382 Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk melaksanakan 6 program dan 50 aktiviti. Pada tahun 2000, Kementerian diperuntukkan sejumlah RM5,503.72 juta di mana RM4,213.86 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM1,289.86 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

9.1.2. Daripada 382 PTJ tersebut, sejumlah 104 adalah Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan. Objektif Pejabat-pejabat Kesihatan ialah untuk memberi perkhidmatan kesihatan umum yang bermutu tinggi kepada penduduk tempatan khususnya golongan rakyat di kawasan luar bandar.

9.1.3. Jumlah peruntukan mengurus yang diluluskan untuk 38 Pejabat Kesihatan yang dilawati pada tahun 1999 ialah RM180.95 juta. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan bagi tahun itu ialah RM200.17 juta. Sebahagian besar perbelanjaan tersebut ialah untuk membayar bonus tahunan kepada anggota-anggota di Pejabat-pejabat Kesihatan. Bagi tahun 2000, sejumlah RM230.67 juta daripada peruntukannya berjumlah RM237.60 juta telah dibelanjakan.

9.1.4. Peruntukan pembangunan bagi tahun 1999 adalah berjumlah RM16.69 juta dan bagi tahun 2000 berjumlah RM15.09 juta. Sejumlah RM16.53 juta daripada peruntukan 1999 telah dibelanjakan. Bagaimanapun, pada tahun 2000, hanya RM14.28 juta sahaja dibelanjakan.

9.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Pejabat-pejabat Kesihatan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pengauditan meliputi rekod-rekod kewangan dan dokumen-dokumen bagi tahun 1999 dan 2000.

9.3. PENEMUAN AUDIT

9.3.1. Kawalan Pengurusan

9.3.1.1. Kesemua Pejabat Kesihatan yang dilawati mempunyai carta organisasi yang jelas menunjukkan pembahagian program dan aktiviti. Carta itu juga telah menunjukkan kedudukan yang kemas kini kecuali di 4 Pejabat Kesihatan.

9.3.1.2. Pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan telah diberi kuasa secara bertulis kecuali di 9 Pejabat Kesihatan bagi kuasa menerima wang; 5 Pejabat Kesihatan bagi kuasa menandatangani dan menulis resit; 5 Pejabat Kesihatan bagi kuasa merekod dan memungut wang; 3 Pejabat Kesihatan bagi kuasa mengurangkan kompaun dan 3 Pejabat Kesihatan bagi menyelenggara stor.

9.3.1.3. Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) kakitangan tidak disediakan dengan memuaskan. Tujuh pejabat tidak menyediakan atau tidak mengemaskini MPK manakala FM juga tidak diselenggara atau tidak dikemas kini di 15 Pejabat Kesihatan. Ini bertentangan dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.

9.3.2. Kawalan Hasil

Jumlah hasil yang dipungut oleh Pejabat-pejabat Kesihatan yang dilawati pada tahun 1999 adalah berjumlah RM3.42 juta dan bagi tahun 2000 berjumlah RM3.85 juta. Hasil tersebut adalah terdiri daripada bayaran perkhidmatan pesakit luar, bayaran laporan perubatan, kompaun merokok/aedes dan pemeriksaan perubatan sekiranya Pejabat Kesihatan

mempunyai Pegawai Perubatan Pakar. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam kawalan hasil di Pejabat-pejabat yang dilawati. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

JADUAL 12
KELEMAHAN KAWALAN HASIL

JENIS KELEMAHAN	BILANGAN PEJABAT
Pungutan lewat dibankkan atau diserahkan ke pemungut utama	12
Buku resit/kupon/kompaun tidak diakui sebelum diguna	13
Daftar Borang Hasil tidak lengkap dan tidak kemas kini	13
Daftar Mel tidak lengkap	10
Notis pemberitahuan awam tidak dipamerkan	10
Buku Tunai tidak dikemas kini	6
Pemeriksaan mengejut tidak dibuat mengikut jadual	10

9.3.3. Kawalan Perbelanjaan

Kawalan perbelanjaan di Pejabat-pejabat Kesihatan yang dilawati pada umumnya adalah tidak memuaskan. Beberapa peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan tidak dipatuhi. Berikut diberikan contoh-contohnya :-

9.3.3.1. Tatacara dan peraturan mengenai pembayaran tidak dipatuhi sepenuhnya. Peraturan-peraturan yang tidak dipatuhi itu ditunjukkan di **Jadual 13** berikut :-

JADUAL 13
PERATURAN-PERATURAN YANG TIDAK DIPATUHI
BERHUBUNG DENGAN PEMBAYARAN

KETIDAKPATUHAN KEPADA PERATURAN	BILANGAN PEJABAT
Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas pembelian dibuat	6
Salinan Peniga Pesanan Kerajaan tidak lengkap	20
Salinan Pengempat Pesanan Kerajaan tidak lengkap	12
Daftar Bil tidak lengkap	13
Bil-bil tidak dicop tarikh terima	18
Bil lewat dijelaskan	6
Salinan baucar tidak difail mengikut siri	9

9.3.3.2. Mengikut Arahan Perbendaharaan 54, Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Semakan terhadap Laporan Perbelanjaan tahun 1999 bagi 38 Pejabat Kesihatan yang diaudit mendapati 5 pejabat telah membuat perbelanjaan melebihi peruntukan. Antara faktor yang menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan ialah tanggungan tidak direkodkan dengan kemas kini dan beberapa perbelanjaan luar jangka perlu dibuat. Sehubungan ini, Pejabat-pejabat Kesihatan tersebut perlu memastikan bahawa setiap komitmen perbelanjaannya dicatatkan dengan lengkap dan kemas kini bagi mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan.

9.3.3.3. Penyata Perbelanjaan Bulanan yang diterima daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) hendaklah disahkan dan disesuaikan dengan Buku Vot. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan berkenaan perlu disediakan dan dikemukakan kepada JANM dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan penyata tersebut. Adalah didapati Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan bagi beberapa aktiviti tidak disediakan dengan kemas kini bagi tahun 1999 dan 2000 di 4 Pejabat Kesihatan. Tanpa Penyata Penyesuaian Perbelanjaan yang kemas kini, pejabat-pejabat berkenaan tidak dapat mengawal dan mengesahkan perbelanjaan yang dilakukan.

9.3.3.4. Pemeriksaan Audit mendapati 58 kes di mana gaji dan elaun lebih dibayar kepada kakitangan di 17 Pejabat Kesihatan yang melibatkan bayaran berjumlah RM102,709. Sebaliknya terdapat juga 16 kes di mana gaji dan elaun terkurang dibayar kepada kakitangan di 4 pejabat berjumlah RM12,388. Semakan selanjutnya mendapati kelebihan/kekurangan itu berpunca dari rekod-rekod mengenai maklumat kakitangan seperti cuti tanpa gaji, cuti separuh gaji, tanggung kerja, memangku dan bersara tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini bagi memudahkan rujukan dan mengawal pengurusan pembayaran gaji kakitangan.

9.3.4. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

9.3.4.1. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Pinjaman Kenderaan/ Komputer tidak diselenggarakan dengan kemas kini di 13 Pejabat Kesihatan manakala satu pejabat yang lain tidak menyelenggarakan Daftar Pendahuluan Diri.

9.3.4.2. Adalah didapati salinan Sijil Insurans bagi tahun kedua dan seterusnya bagi pinjaman kenderaan di 10 Pejabat Kesihatan tidak disimpan dalam fail peribadi pegawai-pegawai yang telah diberikan pinjaman kenderaan. Salinan sijil itu diperlukan untuk menjaga kepentingan dan keselamatan kenderaan yang masih dalam tempoh pembiayaan Kerajaan.

9.3.5. Pengurusan Aset

Pengauditan terhadap pengurusan aset bertujuan untuk memastikan aset pejabat direkodkan dengan lengkap dan dikawal. Selain itu pemeriksaan ini juga adalah untuk menentukan pengurusan stor diuruskan dengan memuaskan serta mematuhi peraturan dan arahan yang ditetapkan. Hasil daripada pemeriksaan terhadap 38 Pejabat Kesihatan mendapati kelemahan-kelemahan seperti berikut :-

9.3.5.1. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991, semua perolehan harta modal/inventori dan bekalan pejabat hendaklah direkodkan di dalam daftar-daftar tertentu. Arahan ini dibuat bagi mewujudkan satu sistem maklumat yang kemas kini dan berkesan untuk mencapai penggunaan aset yang optimum dan pengurusan harta modal, inventori dan bekalan pejabat yang cekap. Daftar-daftar tersebut adalah seperti Daftar Harta Modal, Daftar Inventori, Daftar Stok Bekalan Pejabat dan Daftar Pergerakan Harta Modal/Inventori. Adalah didapati sebahagian barangan yang diterima/dibeli tidak direkodkan ke dalam Daftar Harta Modal/Inventori/Stok Bekalan Pejabat di 10 Pejabat Kesihatan.

9.3.5.2. Semua maklumat mengenai pembaikan dan pembelian alat ganti seperti butiran servis/pembaikan, tarikh servis, nombor pesanan Kerajaan, kos dan tempat pembaikan hendaklah direkodkan ke dalam

Daftar Harta Modal serta ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi mengesahkan butir-butir penyelenggaraan/pembelian sesuatu alat ganti. Adalah didapati 6 Pejabat Kesihatan tidak merekodkan maklumat-maklumat tersebut.

9.3.5.3. Pemeriksaan Audit di 8 Pejabat Kesihatan yang lain terhadap bekalan pejabat mendapati wujudnya perbezaan stok antara baki dalam Daftar Stok Bekalan Pejabat dengan baki fizikal stok. Perbezaan ini berlaku disebabkan kelewatan mencatatkan pengeluaran barangan. Adalah didapati juga pemeriksaan fizikal terhadap harta modal/inventori tidak dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun oleh Ketua Jabatan di 24 Pejabat Kesihatan.

9.3.5.4. Mengikut Tatacara Pengurusan Stor, verifikasi stok perlu dijalankan mengikut tempoh yang tertentu berdasarkan jenis barangan. Barangan yang sangat menarik perlu disemak sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati verifikasi stok tidak pernah dijalankan di 6 Pejabat Kesihatan yang dilawati.

9.3.5.5. Mengikut Tatacara Pengurusan Stor, harta Kerajaan hendaklah mempunyai tanda kepunyaan Kerajaan. Adalah didapati tiada tanda Hak Milik Kerajaan bagi harta modal/inventori di 7 Pejabat Kesihatan yang diaudit.

9.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pengurusan kewangan di Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan di bawah Kementerian Kesihatan perlu dipertingkatkan. Pada umumnya, kelemahan-kelemahan tersebut berlaku kerana kurangnya penyeliaan diberi kepada kakitangan yang ditugaskan untuk menguruskan hal-hal kewangan. Kementerian perlu memastikan setiap kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan mendapat latihan yang mencukupi bagi meningkatkan kecekapan mereka.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

10. JABATAN LAUT SEMENANJUNG

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Laut bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti rondaan; penguatkuasaan, menyiasat kemalangan dan pencemaran laut; menyenggara alat bantuan pelayaran serta mendalamkan kawasan pelabuhan kecil. Jabatan Laut Semenanjung mempunyai 4 pejabat Cawangan iaitu Wilayah Tengah di Pelabuhan Klang; Wilayah Utara di Pulau Pinang; Wilayah Timur di Terengganu dan Wilayah Selatan di Johor Bahru.

10.1.2. Jabatan Laut Semenanjung mendapat peruntukan mengurus bagi tahun 2000 berjumlah RM32.98 juta berbanding RM23.98 juta pada tahun 1999. Peratus perbelanjaan mengurus pada tahun 2000 adalah 95% berbanding 97.6% pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2000, peruntukan pembangunan Jabatan pula berjumlah RM104.52 juta tetapi hanya 82% dibelanjakan.

10.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Laut Semenanjung untuk menentukan sama ada pengurusan kewangannya dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Rekod-rekod kewangan di Ibu Pejabat dan pejabat-pejabatnya di Wilayah Tengah dan Wilayah Utara untuk tempoh 1999 dan 2000 telah disemak.

10.3. PENEMUAN AUDIT

10.3.1. Kawalan Pengurusan

10.3.1.1. Jabatan Laut Semenanjung telah menyediakan carta organisasi yang jelas menunjukkan pembahagian program dan aktiviti. Jabatan ini mempunyai Manual Prosedur Kerja yang lengkap dan kemas kini. Setiap kakitangan Jabatan mempunyai Fail Meja yang disediakan mengikut kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.

10.3.1.2. Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996, Jabatan telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat setiap 2 bulan seperti mana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling tersebut. Ia hanya mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali.

10.3.1.3. Bagi memastikan kakitangannya berkeupayaan untuk menguruskan hal-hal kewangan dengan baik, latihan berhubung dengan pengurusan kewangan telah diberi kepada 17 orang kakitangan pada tahun 2000 berbanding dengan hanya 6 orang kakitangan yang dilatih pada tahun 1999.

10.3.2. Kawalan Hasil

10.3.2.1. Jabatan Laut Semenanjung bertanggungjawab memungut hasil jualan buku dan dokumen pelaut; bayaran untuk sijil pemeriksaan kapal dan dius api; serta bayaran pendaftaran dan pelesenan kapal. Jumlah hasil yang dipungut oleh Jabatan Laut Semenanjung pada tahun 1999 berjumlah RM26.57 juta dan ia meningkat menjadi RM29.55 juta pada tahun 2000. Sejumlah RM21.55 juta atau 72.9% daripada hasil yang dipungut pada tahun 2000 adalah merupakan hasil dius api.

10.3.2.2. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan hasil adalah memuaskan. Pungutan hasil telah diuruskan dengan sempurna. Rekod-rekod yang berkaitan juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

10.3.3. Kawalan Perbelanjaan

10.3.3.1. Ibu Pejabat Jabatan Laut Semenanjung telah melaksanakan Sistem Buku Vot Berkomputer. Bagaimanapun, Pejabat Wilayah Utara masih menggunakan Buku Vot secara manual dan Pejabat Wilayah Tengah masih di peringkat awal pelaksanaan sistem itu di mana ia dilaksanakan secara *parallel run* dengan sistem manual.

10.3.3.2. Setiap Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan bagi memesan barangan atau perkhidmatan perlu direkod sebagai tanggungan dalam Buku Vot untuk menentukan baki peruntukan adalah mencukupi. Semakan Audit mendapati Jabatan Laut Semenanjung lewat merekodkan tanggungannya ke dalam Buku Vot antara 5 hingga 10 hari. Bagaimanapun, selepas mendapat teguran Audit, tanggungan telah dicatatkan ke dalam Buku Vot pada hari yang sama.

10.3.3.3. Adalah didapati Jabatan Laut Semenanjung tidak mencatatkan tarikh pesanan bekalan atau perkhidmatan dalam Pesanan Kerajaan. Tanpa tarikh ini pihak Jabatan tidak dapat mengenal pasti sama ada berlaku kelewatan dalam membekalkan barangan/perkhidmatan bagi membolehkannya mengambil tindakan terhadap pembekal yang terlibat.

10.3.3.4. Semakan Audit mendapati satu butiran di bawah peruntukan Dasar Baru berjumlah RM3.80 juta bagi sewaan alat

Global Maritime Distress And Safety System tidak dibelanjakan langsung. Kegagalan Jabatan membelanjakan peruntukan ini adalah kerana rundingan harga sewaan alat tersebut dengan Syarikat Telekom Malaysia Bhd. masih belum selesai. Bagaimanapun, sebahagian daripada peruntukan ini telah ditarik balik oleh Kementerian Pengangkutan.

10.3.4. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Laut Semenanjung telah menyelenggarakan rekod berhubung dengan pinjaman kenderaan dan komputer dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, semua pegawai yang diluluskan pinjaman kenderaan tidak mengemukakan salinan sijil insurans bagi kenderaannya untuk tahun kedua hingga tahun akhir pinjaman. Ini adalah bercanggah dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1993.

10.3.5. Pengurusan Aset

Pengurusan harta modal dan inventori yang cekap dan berkesan dari segi penyenggaraan, penjagaan dan pengawalannya adalah perlu bagi menjamin aset berkenaan sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap harta modal dan inventori di Ibu Pejabat Jabatan Laut Semenanjung mendapati 11 alat ukur hidrografi bernilai RM95,294 yang dibeli pada tahun 1999 masih belum direkodkan dalam Daftar Harta Modal dan tidak diberi nombor pendaftaran. Pihak pengurusan Jabatan juga tidak menjalankan pemeriksaan berkala terhadap harta modal dan inventori yang telah dibeli.

10.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada tahun 2000, Jabatan Laut Semenanjung telah menerima pengiktirafan antarabangsa dan memperolehi Sijil ISO 9002 bagi *Operational Of Navigation Aids System and Provision Of Seamen Certification* daripada *Lloyd's Register Quality Assurance*. Pada tahun yang sama Jabatan telah menerima anugerah *Special Merit Award For Contribution To The Maritime Industry Of Malaysia* daripada Persatuan Pemilik Kapal Antarabangsa. Bagaimanapun, Jabatan Laut perlu juga memberikan perhatian kepada semua aspek pengurusan kewangan memandangkan ia adalah antara faktor yang penting untuk menjamin keberkesanan operasinya.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

11. PEJABAT-PEJABAT PERWAKILAN DI LUAR NEGERI

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Kementerian Luar Negeri telah diwujudkan di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomat Dan Konsulat 1957. Kementerian bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kepentingan negara dalam bidang politik, keselamatan, ekonomi dan sosial melalui hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa. Bagi membantu mencapai matlamatnya, Kementerian Luar Negeri telah menubuhkan 84 pejabat perwakilan di luar negeri. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta atau Pesuruhjaya Tinggi. Aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan oleh pejabat perwakilan adalah melibatkan bidang politik, ekonomi, sosial/kebudayaan, protokol, penerangan serta konsulat/imigresen.

11.1.2. Jumlah peruntukan mengurus bagi semua pejabat perwakilan untuk tahun 1999 dan 2000 masing-masingnya ialah RM232.81 juta dan RM203.63 juta. Jumlah perbelanjaan bagi tahun-tahun berkenaan pula ialah RM194.65 juta dan RM198.73 juta.

11.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

11.2.1. Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan pejabat-pejabat perwakilan dan kawalan dalaman di peringkat Ibu Pejabat Kementerian adalah teratur serta mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

11.2.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod-rekod kewangan, fail-fail dan dokumen bagi tahun 1999 dan 2000 di Ibu Pejabat Kementerian dan 4 pejabat perwakilan di London, Paris, Singapura dan Tokyo. Lawatan ke pejabat perwakilan itu dijalankan pada bulan November hingga Disember 2000. Maklum balas melalui soal selidik juga diperolehi daripada 34 pejabat perwakilan lain di luar negeri. Di samping itu, maklumat juga diperolehi melalui pengauditan terhadap akaun panjar bagi 20 pejabat perwakilan.

11.3. PENEMUAN AUDIT

11.3.1. Kawalan Pengurusan

11.3.1.1. Carta organisasi pejabat perwakilan menggambarkan struktur yang menunjukkan fungsi, aktiviti dan hierarki bagi sesebuah pejabat. Carta organisasi juga dijadikan sebagai panduan untuk mencapai objektif jabatan oleh semua kakitangan. Semakan Audit terhadap maklum balas daripada 34 pejabat perwakilan mendapati carta organisasi yang dikemukakan oleh 12 pejabat adalah tidak lengkap dan tidak kemas kini. Sejumlah 5 pejabat didapati tidak mengambil kira peranan dan fungsi perjawatan Kakitangan Ambilan Tempatan dalam carta organisasi mereka. Sementara 7 pejabat pula tidak mencatatkan nama pegawai. Bagaimanapun, tinjauan Audit di 4 pejabat perwakilan yang dilawati mendapati carta yang disediakan adalah lengkap dan kemas kini.

11.3.1.2. Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja hendaklah disediakan di semua pejabat. Semakan Audit mendapati 11 daripada 34 pejabat perwakilan yang mengemukakan maklum balas tidak mempunyai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk rujukan pegawai mereka. Dua daripada pejabat tersebut iaitu Pejabat Perwakilan Rabat dan Moscow adalah dalam proses menyediakan dokumen-dokumen berkenaan. Lawatan ke 4 pejabat perwakilan juga mendapati tiada dokumen berkenaan disediakan.

11.3.1.3. Kementerian Luar Negeri telah mewujudkan sistem pengesanan terhadap pengurusan kewangan pejabat-pejabat perwakilan di luar negeri. Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Kementerian membuat penyemakan semula secara bulanan terhadap ketepatan dan kesempurnaan akaun bulanan yang dikemukakan oleh pejabat-pejabat perwakilan. Kementerian juga mempunyai Unit Audit Dalam yang turut membuat pemeriksaan di peringkat Kementerian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah seterusnya bagi mempertingkatkan kualiti kawalan dalaman, Pasukan Inspektorat Kementerian telah membuat pemeriksaan di pejabat-pejabat perwakilan secara giliran setiap tahun. Pasukan ini diketuai oleh

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan ahlinya terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pegawai-pegawai Kementerian. Semakan mendapati sejak tahun 1998 hingga tahun 2000, pasukan ini telah melawat ke 32 pejabat perwakilan.

11.3.1.4. Kementerian Luar Negeri telah melaksanakan kaedah memberi gred bagi setiap pejabatnya untuk menunjukkan status pengurusan kewangan masing-masing. Penggredan ini dibuat berdasarkan penyemakan semula akaun bulanan pejabat-pejabat perwakilan. Gred yang diberikan adalah daripada 5 bintang (teramat baik) hingga kepada 1 bintang (kurang memuaskan). Dengan adanya sistem ini pejabat-pejabat perwakilan sentiasa cuba memperbaiki gred mereka dari semasa ke semasa. Semakan mendapati tidak ada pejabat perwakilan yang mendapat pengiktirafan 5 bintang pada tahun 2000. Bagaimanapun, 17 pejabat perwakilan telah diberi gred 4 bintang terhadap pengurusan kewangannya manakala 8 pejabat perwakilan telah diberi gred 1 bintang.

11.3.1.5. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996, setiap Pusat Tanggungjawab hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi tujuan mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan supaya ia berjalan lancar dan menepati kehendak peraturan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa ini. Bagaimanapun, kesemua pejabat perwakilan yang dilawati tidak menubuhkan Jawatankuasa ini. Maklum balas daripada 34 pejabat perwakilan lain pula mendapati hanya 10 pejabat telah mewujudkan Jawatankuasa ini. Pejabat-pejabat perwakilan tersebut ialah Brasillia, Brazil; Warsaw, Poland; Lima, Peru; Harare, Zimbabwe; Vienna, Austria; Santiago, Chile; Suva, Fiji; Budapest, Hungary; Vientiane, Laos; dan Ankara, Turki. Antara sebab Jawatankuasa tersebut tidak ditubuhkan kerana saiz pejabat dan bilangan kakitangan yang kecil dan agenda kewangan sentiasa dibincangkan dalam mesyuarat bulanan di setiap pejabat perwakilan.

11.3.1.6. Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 1987 mengenai *Pengurusan Pejabat-pejabat Perwakilan Di Luar Negeri Berdasarkan Konsep Organisasi Bersepadu*. Objektif Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk mewujudkan satu sistem pengurusan yang kemas, teratur dan berkesan di bawah satu pengurusan serta mengoptimumkan penggunaan kemudahan pejabat dan tenaga manusia. Melalui Pekeliling ini, setiap pejabat yang mewakili Kerajaan di sesebuah negara perlu diletakkan di bawah satu pengurusan yang diketuai oleh Duta atau Pesuruhjaya Tinggi. Semakan Audit mendapati semua Agensi Kerajaan yang mempunyai pejabat di diseberang laut seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat mempunyai pengurusan sendiri. Manakala pejabat-pejabat Kerajaan yang lain seperti Imigresen, Pertahanan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penuntut Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Pejabat Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sama ada mempunyai pengurusan sendiri atau diletakkan di bawah pengurusan pejabat perwakilan Kementerian Luar Negeri. Adalah diperhatikan konsep organisasi bersepadu tidak dipraktikkan sepenuhnya di pejabat-pejabat perwakilan berkenaan kerana perbezaan peranan dan pengkhususan kerja. Bagaimanapun, penyelarasan aktiviti dibuat melalui mesyuarat/perbincangan yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada pejabat-pejabat perwakilan dan agensi-agensi berkenaan.

11.3.1.7. Lapan pejabat perwakilan telah mewujudkan jawatankuasa tetap bagi tujuan ini. Perwakilan tersebut ialah New York, Amerika Syarikat; Hong Kong; Ankara, Turki; Brasilia, Brazil; Wellington, New Zealand; Accra, Ghana; Santiago, Chile dan Los Angeles, Amerika Syarikat. Manakala 13 pejabat perwakilan yang lain tidak mempunyai jawatankuasa tetap dan perbincangan hanya dibuat dengan agensi-agensi yang berkaitan.

11.3.1.8. Semakan Audit mendapati Kementerian Luar Negeri telah mewujudkan program latihan pra-penempatan. Melalui program ini semua pegawai yang akan bertugas di luar negeri diwajibkan menghadiri kursus ini. Kandungan kursus adalah meliputi aspek diplomatik, pengurusan kewangan dan pentadbiran. Sejak diperkenalkan pada tahun 1997, seramai 160 pegawai telah diberi latihan. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap maklum balas daripada 34 pejabat perwakilan mendapati sebahagian besarnya tidak memberi latihan kepada Kakitangan Ambilan Tempatan. Antara sebab yang diberikan ialah tiada program dan peruntukan disediakan bagi tujuan ini.

11.3.1.9. Sehingga akhir tahun 2000, sejumlah 1,163 perjawatan Kakitangan Rakyat Asal Malaysia dan 1,122 perjawatan Kakitangan Ambilan Tempatan telah diluluskan untuk semua pejabat perwakilan di luar negeri. Sejumlah 979 daripada jawatan Kakitangan Rakyat Asal Malaysia dan 1,066 jawatan Kakitangan Ambilan Tempatan telah diisi. Berdasarkan kepada maklum balas yang diberi oleh pejabat perwakilan, 240 jawatan berkenaan tidak diisi antaranya kerana pembekuan jawatan akibat daripada kegawatan ekonomi serta kesukaran mendapat calon untuk mengisi jawatan Kakitangan Ambilan Tempatan akibat tawaran gaji yang rendah. Kekosongan ini telah menjejaskan keberkesanan tugas-tugas yang dijalankan.

11.3.2. Kawalan Hasil

Pejabat perwakilan memungut pelbagai hasil antaranya bayaran membaharui atau permohonan pasport atau visa, permit kerja rakyat asing yang bertugas di Malaysia, pendaftaran kelahiran, warganegara, kematian dan perkahwinan rakyat Malaysia di luar negeri. Di samping itu pejabat perwakilan juga menerima bayaran balik daripada pegawai seperti bayaran utiliti (bahagian pegawai) dan pendahuluan diri yang diambil. Pada tahun 1999 hasil Kementerian berjumlah RM16.72 juta berbanding hasil pada tahun 2000 berjumlah RM15.83 juta. Hasil semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

11.3.2.1. Arahan Perbendaharaan 69 menyatakan bahawa tiada seorang pegawai boleh menerima wang kecuali diberi kebenaran khusus secara bertulis. Semakan Audit mendapati kebenaran bertulis diberikan kepada pegawai yang menerima wang di kesemua 4 pejabat perwakilan yang dilawati. Bagaimanapun, mengikut maklum balas daripada 34 pejabat perwakilan, adalah didapati hanya 30 pejabat telah memberi kebenaran tersebut.

11.3.2.2. Arahan Perbendaharaan 309(a) dan (b) menghendaki pegawai yang menjaga sesuatu pejabat mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang dalam jagaan pegawai lain dalam pejabatnya. Kesemua 4 pejabat perwakilan yang dilawati telah melaksanakan tanggungjawab ini. Berdasarkan maklum balas daripada 34 pejabat perwakilan terdapat 4 pejabat yang tidak menjalankan pemeriksaan mengejut.

11.3.2.3. Berdasarkan kepada semakan terhadap akaun panjar bulanan bagi 20 pejabat perwakilan, pungutan hasil telah dimasukkan ke bank dalam tempoh yang sepatutnya kecuali di Pejabat Perwakilan Madras, India; Pekan Baru, Indonesia; Davao City, Filipina dan Jeddah, Arab Saudi. Di pejabat-pejabat ini, terdapat kelewatan antara 5 hingga 21 hari untuk memasukkan pungutan ke bank. Bagaimanapun, semua terimaan dikeluarkan resit dan direkodkan dalam Buku Tunai dan kesemua pejabat perwakilan itu juga telah menghantar ke Ibu Pejabat salinan resit penyata pemungut hasil, borang hasil dalam tempoh yang ditetapkan.

11.3.2.4. Penyelenggaraan Buku Tunai akaun panjar di 4 pejabat perwakilan yang dilawati didapati mengikut peraturan. Semua urusan niaga terimaan direkodkan dalam Buku Tunai. Penyata Penyesuaian Bank disediakan apabila baki Buku Tunai tidak bersamaan dengan Sijil Pengesahan Baki Bank.

11.3.3. Kawalan Perbelanjaan

11.3.3.1. Sebagai pemegang waran, Ketua Perwakilan menurunkan kuasanya kepada Ketua Canseri untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal kewangan dan pentadbiran pejabat perwakilan. Pemeriksaan Audit terhadap rekod perbelanjaan mendapati perkara-perkara berikut:-

- a. Di kesemua 4 pejabat perwakilan yang dilawati dan 34 pejabat perwakilan yang memberi maklum balas, perwakilan kuasa secara bertulis telah diberikan kepada pegawai yang meluluskan bayaran dan menyelenggarakan akaun panjar.
- b. Buku Vot yang diselenggarakan di Pejabat Perwakilan London, Tokyo dan Singapura adalah kemas kini dan pemeriksaan dilakukan oleh pegawai kanan. Bagaimanapun, Buku Vot yang diselenggara di Pejabat Perwakilan Paris tidak kemas kini dan tiada bukti menunjukkan pemeriksaan terhadapnya dibuat oleh pegawai kanan.
- c. Semua pejabat perwakilan yang dilawati kecuali Pejabat Perwakilan Paris menyelenggarakan Daftar Bil dengan kemas kini dan semua bil yang diterima telah direkodkan dan dijelaskan dengan segera.
- d. Semakan Audit terhadap akaun panjar bagi 20 pejabat perwakilan mendapati semua pejabat telah menghantar penyata perbelanjaan ke Ibu Pejabat pada masa ditetapkan. Semakan terhadap penyata perbelanjaan bulanan juga mendapati perbelanjaan yang dilakukan adalah selaras dengan maksud peruntukan yang dipohon.
- e. Pemeriksaan Audit terhadap penyelenggaraan panjar wang runcit di 4 pejabat yang dilawati mendapati wang tunai dalam tangan adalah bersamaan dengan baki dalam rekod. Segala rekupmen telah dibuat dengan segera dan rekod disemak oleh pegawai kanan.

11.3.3.2. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2000 bagi 25 pejabat perwakilan berjumlah RM81.16 juta iaitu melebihi RM1.56 juta daripada peruntukannya berjumlah RM79.60 juta kerana beberapa perbelanjaan segera dan luar jangka perlu dilakukan. Bagaimanapun, pada tahun 1999 perbelanjaan melebihi peruntukan tidak berlaku di pejabat perwakilan itu.

11.3.3.3. Pada akhir tahun 1999, didapati 83 pejabat perwakilan mempunyai baki peruntukan berjumlah RM38.16 juta manakala baki peruntukan bagi 59 pejabat perwakilan pada akhir tahun 2000 pula berjumlah RM6.47 juta.

11.3.3.4. Pejabat perwakilan berkenaan menyimpan lebih peruntukan itu sehingga akhir tahun dan menganggap lebih itu sebagai simpanan. Akibatnya jumlah tersebut tidak dapat diagihkan kepada pejabat-pejabat perwakilan lain yang memerlukannya. Lebih peruntukan antaranya disebabkan pertukaran pegawai, kekosongan perjawatan dan permohonan peruntukan melebihi keperluan.

11.3.3.5. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 hingga 2000) sejumlah RM256.44 juta telah diluluskan untuk projek pembangunan pejabat-pejabat dan bangunan-bangunan di seberang laut. Pada akhir tahun 1999 hanya RM54.82 juta (21.3%) dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan yang kurang memuaskan ini adalah kerana beberapa masalah yang membawa kepada kelewatan pelaksanaan projek. Antara masalah itu ialah pegawai-pegawai di pejabat perwakilan kurang memahami mengenai kaedah pelaksanaan projek pembangunan yang melibatkan perkara-perkara teknikal; birokrasi tempatan negara terlibat; penggunaan istilah-istilah jenis bahan binaan tempatan Malaysia yang menimbulkan kekeliruan kepada kontraktor asing; perubahan skop kerja serta faktor musim. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kementerian telah mengambil langkah-langkah positif seperti berikut :-

- a. Menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian (JKKPPK) untuk memantau pelaksanaan projek. JKKPPK dipengerusikan oleh YB Menteri Luar Negeri sendiri dan bermesyuarat setiap minggu.
- b. Berusaha mendapatkan 2 orang pegawai profesional (Jurutera dan Arkitek) daripada Jabatan Kerja Raya untuk ditempatkan di Wisma Putra.
- c. Peraturan/syarat tempatan di mana projek dilaksanakan perlu dikemukakan kepada JKKPPK semasa perancangan projek dan bukannya semasa pelaksanaan projek.
- d. Memohon peruntukan tambahan pada bulan Oktober tahun semasa apabila mendapati peruntukan sedia ada tidak dapat menampung keperluan.

11.3.4. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah

11.3.4.1. Sebahagian besar kes-kes tunggakan pendahuluan diri di pejabat-pejabat luar negeri merupakan pendahuluan untuk membayar cagaran sewa rumah. Pendahuluan itu perlu dijelaskan apabila pegawai berkenaan berpindah ke rumah yang lain. Berdasarkan kepada penyata terimaan dan bayaran pendahuluan sewa rumah bagi tahun 2000, sejumlah RM6.73 juta adalah baki cagaran sewa rumah yang belum selesai.

11.3.4.2. Semakan Audit di Pejabat Perwakilan London mendapati baki cagaran sewa rumah yang belum selesai tidak dapat disahkan kerana lejar subsidiari tidak diselenggarakan. Jumlah pendahuluan cagaran sewa rumah yang diberi dan bayaran balik hanya direkodkan dalam Buku Vot dan Buku Tunai.

11.3.5. Pengurusan Aset

Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991 untuk mempertingkatkan lagi pengurusan harta modal, inventori dan bekalan pejabat melalui penggunaan borang-borang baru di

Kementerian/Jabatan/Agensi. Untuk memastikan aset yang diperolehi untuk kegunaan pejabat direkod dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran, Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Daftar Stok Bekalan Pejabat perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Ketua Perwakilan adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala harta modal dan inventori masih wujud serta dalam keadaan baik. Bagi tujuan ini, Panduan Perbendaharaan Tatacara dan Pengurusan Stor 238 hingga 240 menghendaki seorang pegawai dilantik untuk menjalankan pemeriksaan fizikal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Satu laporan mengenai pemeriksaan tersebut kemudiannya perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

11.3.5.1. Rekod Harta Modal/Inventori

Untuk memastikan semua pejabat perwakilan di luar negeri merekodkan setiap pembelian harta modal/inventori, Kementerian Luar Negeri menghendaki salinan kad daftar harta modal/inventori dikemukakan kepada Ibu Pejabat untuk semakan dan tindakan susulan. Lawatan Audit ke 4 pejabat perwakilan mendapati harta modal/inventori telah direkodkan dalam daftar yang ditetapkan. Bagaimanapun, di Pejabat Perwakilan London dan Paris, harta modal/inventori tersebut tidak diberi nombor bersiri sebagai tanda pengenalan Hak Milik Kerajaan.

11.3.5.2. Pemeriksaan Harta Modal/Inventori

- a. Berdasarkan maklum balas daripada 34 pejabat perwakilan yang diterima, 11 pejabat tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori yang dimiliki. Pejabat-pejabat perwakilan yang berkenaan adalah Warsaw, Poland; Moscow, Russia; Canberra, Australia; Brasilia, Brazil; Almaty, Kazakhstan; Rabat, Morocco; Hong Kong; Ankara, Turkey; Los Angeles, Amerika Syarikat, Ghuangzhou, China dan Stockholm, Sweden.

- b. Lawatan Audit ke 4 pejabat perwakilan mendapati pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori tidak dijalankan oleh pegawai yang diberi kuasa mengikut tempoh yang ditetapkan. Walaupun Pejabat Perwakilan Singapura telah menjalankan pemeriksaan fizikal tersebut, tetapi ia dijalankan oleh pegawai yang juga bertanggungjawab untuk menjaga harta modal dan inventori.

11.3.5.3. Penyelenggaraan Aset

- a. Rumah kediaman untuk Pesuruhjaya Tinggi di Singapura telah diperolehi pada tahun 1965. Bagaimanapun, Pesuruhjaya Tinggi tidak menduduki rumah ini sejak tahun 1980 kerana ia mengalami kerosakan dan tidak ekonomi untuk dibaiki. Lawatan Audit ke rumah kediaman tersebut mendapati ia terbiar dan sekelilingnya dipenuhi semak samun seperti **Gambar 1 dan 2**. Sebuah rumah yang lain telah disewa oleh Kerajaan untuk dijadikan kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi. Perbelanjaan menyewa rumah itu berjumlah RM1.25 juta untuk tempoh 1999 hingga 2000.

GAMBAR I



Rumah Kediaman Rasmi Pesuruhjaya Tinggi Singapura Yang Terbiar

GAMBAR 2



***Rumah Pekerja Di Kediaman Rasmi Pesuruhjaya Tinggi
Yang Dipenuhi Semak Samun***

- b. Bangunan Canseri dan Kompleks Kediaman Pejabat Perwakilan Singapura juga tidak diselenggara dengan baik. Kebanyakan perabot dan peralatan di pejabat dan kediaman rasmi pegawai telah dilupuskan pada tahun 1997 tetapi masih digunakan. Pejabat perwakilan telah membelanjakan sejumlah RM8,000 untuk memperbaiki semula 26 peralatan elektrik yang telah dilupuskan tetapi terpaksa digunakan kerana peralatan baru belum dibekalkan. Rumah kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi yang terbiar dan keadaan pejabat perwakilan di Singapura boleh menjejaskan imej Kerajaan Malaysia jika dibandingkan dengan bangunan pejabat perwakilan negara-negara lain yang berhampiran.
- c. Keadaan tersebut berlaku kerana kelewatan pelaksanaan projek pembinaan semula Bangunan Canseri, kediaman rasmi dan pengubahsuaian serta pembaikan menyeluruh Kompleks Kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri telah memohon peruntukan berjumlah RM77.28 juta untuk menyiapkan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

- d. Pemeriksaan Audit di Pejabat Perwakilan London, Tokyo dan Paris sebaliknya mendapati bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan telah diselenggarakan dengan baik. Gambar berikut menunjukkan keadaan salah satu rumah tetamu yang diselenggarakan oleh pejabat perwakilan di London.

GAMBAR 3



Rumah Tetamu Di London Yang Diselenggarakan Dengan Baik

11.3.6. Penyelenggaraan Kenderaan

11.3.6.1. Semua pejabat perwakilan yang dilawati telah menyelenggarakan Buku Log kenderaan. Bagaimanapun, cerakinan bulanan untuk mengawal kegunaan bahanapi tidak disediakan di Pejabat Perwakilan Singapura, Paris dan London. Perjalanan dan kegunaan kenderaan tidak disahkan secara rasmi oleh pegawai yang diberi kuasa di Pejabat Perwakilan Singapura.

11.3.6.2. Butir-butir penyelenggaraan kenderaan telah direkodkan dalam daftar yang diselenggarakan di semua pejabat yang dilawati kecuali Pejabat Perwakilan Singapura.

11.4. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, semakan Audit mendapati pengurusan kewangan di pejabat-pejabat perwakilan telah memenuhi sebahagian besar ciri kawalan dalaman yang utama. Bagaimanapun, adalah didapati beberapa perkara terutamanya dari segi kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset yang perlu diberi perhatian dan tindakan pembetulan. Pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah pengesanan yang dilaksanakan oleh Kementerian diteruskan dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Di samping itu, usaha untuk memperluaskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kewangan yang mengautomosikan keseluruhan proses perakaunan dan kewangan ke pejabat-pejabat perwakilan di luar negeri hendaklah dipercepatkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan urusan kewangan.

12. ISU-ISU PENGURUSAN KEWANGAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

12.1. Pelbagai Kementerian/Jabatan

Pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 149 pejabat di bawah 18 Kementerian/Jabatan Persekutuan di seluruh negara. Isu-isu pengurusan kewangan bagi pejabat-pejabat di 7 Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaporkan secara lengkap di Bahagian ini. Bagi pejabat-pejabat lain di Kementerian Pertahanan; Kementerian Kerja Raya; Kementerian Perusahaan Utama; Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia; Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia; Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan; Jabatan Laut Sabah; Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja dan Suruhanjaya Pilihan Raya, adalah didapati pada umumnya pengurusan kewangannya juga kurang memuaskan. Kelemahan-kelemahan dalam kawalan pengurusan; kawalan perbelanjaan dan hasil serta pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan pengurusan aset telah juga berlaku di pejabat-pejabat tersebut.

12.2. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada tahun 1974 mengikut peruntukan Seksyen 4(1) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Fungsi MAIWP adalah untuk menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan selaras dengan hukum syarak. Pengauditan telah dijalankan pada akhir tahun 2000 terhadap pengurusan kewangan MAIWP. Hasil daripada pengauditan itu mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan MAIWP bagi tempoh 1998 hingga 2000. Semakan Audit menunjukkan pungutan zakat fitrah berjumlah RM3.55 juta lewat dibankkan. Beberapa peruntukan telah lebih dibelanjakan atau tidak digunakan langsung. Jumlah peruntukan yang dipindahkan ke vot lain juga didapati tidak digunakan sepenuhnya. Daftar Aset tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. Sejumlah 113 akaun amanah telah diwujudkan tanpa mengadakan peraturan khusus mengenai pengurusannya dan hanya 19 akaun sahaja didapati aktif.

12.3. *Pejabat-Pejabat Agensi Kerajaan Di Luar Negeri*

12.3.1. Kerajaan telah menubuhkan 18 Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), 22 Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan 15 Pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di luar negeri.

12.3.2. Objektif Pejabat LPPM di luar negeri adalah untuk menggiat dan menggalakkan pelancongan ke Malaysia dengan membuat pemasaran di arena antarabangsa. Penubuhan Pejabat MATRADE di luar negeri pula adalah untuk menggalak dan meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia di luar negeri serta memastikan produk Malaysia berdaya saing di pasaran antarabangsa, manakala peranan Pejabat MIDA di luar negeri adalah untuk menggalak dan menyelaraskan pembangunan perindustrian di Malaysia serta mewujudkan kesedaran pelaburan dan peluang pelaburan di dalam dan luar negeri.

12.3.3. Pengauditan telah dijalankan di 11 pejabat iaitu 4 Pejabat LPPM, 4 Pejabat MATRADE dan 3 Pejabat MIDA yang bertempat di London, Paris, Singapura dan Tokyo pada bulan November dan Disember 2000. Rekod-rekod perakaunan, fail dan dokumen bagi tahun 1999 dan 2000 telah disemak. Hasil pengauditan itu mendapati pada umumnya pengurusan kewangan di pejabat-pejabat tersebut kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

12.3.3.1. Fail Meja bagi anggota tidak disediakan kecuali di Pejabat MATRADE dan Pejabat MIDA di London; serta Pejabat MIDA di Tokyo.

12.3.3.2. Semua pejabat yang dilawati tidak menyelenggarakan Daftar Pendahuluan Diri. Pemeriksaan fizikal terhadap aset dan inventori juga tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.

12.3.3.3. Daftar Bil tidak disediakan di pejabat-pejabat yang dilawati kecuali Pejabat MIDA di London, manakala Buku Vot tidak diselenggarakan di Pejabat LPPM London dan Tokyo. Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan di Pejabat LPPM London, Singapura dan Pejabat MATRADE Tokyo.

BAHAGIAN III

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

13. PENDAHULUAN

13.1. Seksyen 6, Akta Audit 1957, menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap beberapa program/aktiviti Kerajaan Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap dan berhemat.

13.2. Sepanjang tahun 2000, 21 kajian telah dijalankan di beberapa Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk menilai sama ada aktiviti-aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Hasil kajian-kajian tersebut telah dibangkitkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan berkenaan sebaik sahaja auditan siap dijalankan. Kajian yang mengandungi isu yang lebih *significant* dilaporkan secara terperinci dalam Laporan ini, manakala bagi kajian-kajian yang lain, ringkasan isu sahaja dilaporkan.


KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

14. JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN - PROGRAM PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN NEGARA

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Menurut Laporan Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1998, terdapat 13,398 kes pencemaran alam sekitar yang berpunca dari kumbahan penduduk, industri pembuatan, ternakan khinzir dan industri berasaskan pertanian. Kedudukan punca pencemaran ditunjukkan di **Carta 1**.

CARTA 1
TABURAN KES PENCEMARAN AIR MENGIKUT PUNCA




(Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1998)

14.1.2. Sekiranya kumbahan-kumbahan tersebut tidak dirawat dengan sewajarnya ia akan memberi kesan-kesan berikut :-

- Mengurangkan oksigen dalam sungai yang menyebabkan hidupan dalam sungai mati.
- Peningkatan kandungan asid dan ammoniakal nitrogen yang boleh membahayakan segala hidupan dalam sungai.
- Pencemaran sungai disebabkan oleh pepejal terampai dan minyak.
- Peningkatan kes-kes penyakit bawaan air seperti taun, tifoid, disentri dan hepatitis B.

14.1.3. Perkhidmatan pembetungan negara bermaksud "*pengumpulan, pembawaan, pengolahan dan pelupusan kumbahan domestik dan juga pengemasan, pembersihan dan pengosongan tangki septik*". Pada purata, kumbahan yang dihasilkan oleh seseorang adalah 225 liter sehari, di mana 99.9% adalah cecair dan 0.1% pepejal. Sejumlah 3 juta meter padu enapcemar (*sludge*) dihasilkan setiap tahun di negara ini. Carta aliran proses rawatan kumbahan adalah seperti di **Carta 2** berikut :-

CARTA 2 CARTA ALIRAN PROSES RAWATAN KUMBAHAN



14.1.4. Pada tahun 1980, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berasaskan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976, telah menetapkan syarat bahawa pemaju-pemaju perumahan dikehendaki menyediakan kemudahan sistem pembetungan bersambung dan loji rawatan kumbahan bagi setiap projek perumahan yang melebihi 30 unit rumah. Bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan yang pada ketika itu bertanggungjawab terhadap perkhidmatan pembetungan negara di kawasan masing-masing tidak dapat menyelenggara infrastruktur perkhidmatan pembetungan yang disediakan oleh pemaju perumahan berkenaan ke tahap yang memuaskan kerana kekurangan sumber kewangan dan kakitangan teknikal.

14.1.5. Dengan termaktubnya Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993, kuasa dan tanggungjawab terhadap perkhidmatan pembetungan negara sepenuhnya diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Akta ini juga membolehkan pengendalian dan penyelenggaraan perkhidmatan pembetungan ini diswastakan. Bagi menguatkuasakan Akta tersebut, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

14.1.6. Pada bulan Disember 1993, Kerajaan Persekutuan telah menandatangani satu perjanjian konsesi dengan Syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Berhad (IWK) untuk mengendali dan menyelenggara perkhidmatan pembetungan negara di kesemua 144 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tempoh konsesi adalah 28 tahun iaitu mulai dari tahun 1994 hingga 2022. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia perkhidmatan pembetungan di bawah pengendalian dan penyelenggaraan syarikat konsesi.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada perkhidmatan pembetungan yang diberi oleh syarikat konsesi dan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan bagi mengawal serta mengurangkan pencemaran air dan alam sekitar.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini telah ditumpukan kepada prestasi perkhidmatan pembetulan negara bagi tempoh 1995 hingga 2000. Rekod-rekod berhubung dengan perkhidmatan pembetulan di JPP, PBT yang berkenaan dan syarikat konsesi telah disemak. Lawatan juga dijalankan ke loji-loji rawatan kumbahan, tapak pembuangan kumbahan/enapcemar dan tapak projek pembetulan yang terpilih.

14.4. PENEMUAN AUDIT

14.4.1. Perancangan Program

14.4.1.1. Menurut Akta Perkhidmatan Pembetulan 1993, JPP perlu menyediakan pelan induk bagi melaksanakan perkhidmatan pembetulan negara. JPP juga dikehendaki mengambil alih perkhidmatan pembetulan daripada 144 PBT berkenaan secara berperingkat selepas mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri masing-masing dalam tempoh 2 tahun dari tarikh penswastan iaitu antara tahun 1994 dan 1996.

14.4.1.2. Bagi perkhidmatan pembetulan di bawah syarikat konsesi, IWK dikehendaki merancang dan menjalankan kerja-kerja infrastruktur melalui 6 fasa yang ditetapkan. Kerja-kerja infrastruktur yang dimaksudkan ialah :-

- a. Membina loji-loji rawatan baru di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan.
- b. Membaik pulih dan menaik taraf loji-loji rawatan yang sedia ada.
- c. Menyediakan kemudahan sambungan sistem rangkaian pembetulan baru sepanjang 15,000 kilometer kepada premis-premis yang menggunakan tangki septik individu dan sistem pembetulan kepada loji rawatan kumbahan.
- d. Membina loji rawatan enapcemar berpusat yang moden di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Sejumlah 40 loji mekanikal yang besar akan dibina dalam tempoh 15 tahun.

14.4.1.3. Menurut perjanjian konsesi, di bawah Fasa I, kerja-kerja infrastruktur pembetungan yang sepatutnya dilaksanakan oleh IWK untuk tahun 1994 hingga 1997 adalah seperti berikut :-

- a. Membaik pulih loji-loji dan stesen pam yang berkeadaan teruk dan tidak berfungsi.
- b. Membina loji rawatan kumbahan baru bagi kawasan Jelutong dan Bayan Baru di Pulau Pinang kerana ketika ini kumbahan mentah disalurkan ke laut.
- c. Melaksanakan projek-projek sistem pembetungan bersambung di Wilayah Persekutuan Labuan, Port Dickson dan Langkawi.
- d. Melaksanakan 12 projek sistem pembetungan bersambung di Johor Bahru, Kuala Lumpur, Ipoh, Seremban, Melaka, Kangar dan Kuching.
- e. Menggantikan semua loji rawatan jenis "*biosoil*".
- f. Membina fasiliti-fasiliti merawat enapcemar baru.

14.4.1.4. Pada akhir tempoh konsesi, IWK dikehendaki mencapai liputan perkhidmatan pembetungan seperti di **Jadual I4**.

JADUAL I4
LIPUTAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
MENGIKUT PERJANJIAN KONSESI

KAWASAN	PENDUDUK YANG MENDAPAT PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BERSAMBUNG (%)	PENDUDUK YANG MEMPUNYAI TANGKI SEPTIK (%)
Bagi kawasan Kategori A - 49 PBT yang besar	84.3	15.7
Bagi kawasan Kategori B - 95 PBT yang kecil	29.5	70.5

14.4.1.5. Perbelanjaan untuk menjalankan kerja-kerja infrastruktur seperti pembinaan loji-loji rawatan kumbahan yang baru, membaik pulih dan menaik taraf loji-loji rawatan yang ada serta memasang pam dan paip untuk tempoh 18 tahun dianggarkan berjumlah RM6 bilion.

14.4.1.6. Dari segi perundangan, selain dari menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993, JPP juga menguatkuasakan peraturan-peraturan berikut :-

- a. Peraturan Perkhidmatan Pembetungan (Pelesenan) 1994.
- b. Peraturan Perkhidmatan Pembetungan (Caj) 1994.

14.4.1.7. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan telah dan akan menyediakan garis panduan mengenai pembangunan perkhidmatan pembetungan di seluruh negara. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual I5.**

JADUAL 15
KEDUDUKAN PENYEDIAAN GARIS PANDUAN
MENGENAI PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

NO. JILID	TAJUK GARIS PANDUAN	PENCAPAIAN
I	Dasar Bagi Pembangunan Pembetungan Baru	Diterbitkan pada tahun 1999
II	Prosedur Kerja Pembetungan	Dalam penyediaan
III	Rangkaian Pembetungan Dan Stesen Pam	Dalam penyediaan
IV	Reka Bentuk Dan Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan	Diterbitkan pada tahun 1998
V	Reka Bentuk Dan Pembinaan Tangki Septik	Dalam penyediaan

14.4.1.8. Selain daripada itu, JPP juga sedang menyediakan peraturan-peraturan untuk menyeragamkan sistem perkhidmatan pembetungan negara. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut :-

- a. Sistem Pembetungan Dan Tangki Septik (Merancang, Merekabentuk Dan Membina).
- b. Peraturan-peraturan Perkhidmatan Pembetungan (Efluen Industri).
- c. Peraturan-peraturan Bagi Pelepasan, Pelupusan dan Deposit Enapcemar Kumbahan.
- d. Perkhidmatan Pembetungan (Peraturan-peraturan Bagi Mengenakan Kompaun).

Dari segi perancangannya, adalah didapati Jabatan Perkhidmatan Pemetungan telah menyusun strategi yang sistematik untuk melaksanakan program perkhidmatan pemetungan seperti menyediakan garis panduan bagi pembangunan infrastruktur dan menyediakan jadual pelaksanaan projek-projek pembangunan yang berkaitan.

14.4.2. Pelaksanaan Program

14.4.2.1. Mengikut perancangan asal, Jabatan Perkhidmatan Pemetungan dikehendaki mengambil alih perkhidmatan pemetungan daripada 144 Pihak Berkuasa Tempatan sebelum akhir tahun 1996. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2000, Kerajaan Persekutuan hanya dapat mengambil alih perkhidmatan pemetungan daripada 84 PBT di seluruh negara. Perkhidmatan pemetungan daripada PBT-PBT lain masih belum diambil alih, iaitu 12 PBT di Negeri Kelantan, 21 PBT di Negeri Sabah, 26 PBT di Negeri Sarawak dan satu di Negeri Johor iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru. Kelewatan pengambilalihan ini adalah kerana ia masih belum dipersetujui oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

14.4.2.2. Pengauditan telah dijalankan terhadap perkhidmatan pemetungan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan juga yang dikendalikan oleh pihak PBT (belum diambil alih oleh syarikat konsesi). Berikut adalah perkara-perkara yang diperhatikan :-

Perkhidmatan Pemetungan Yang Dilaksanakan Oleh Syarikat Konsesi


- a. Tujuan Kerajaan Persekutuan menswastakan perkhidmatan pemetungan adalah bagi memastikan pengendalian dan penyelenggaraan sistem pemetungan dapat dilaksanakan secara profesional dan efluen dari loji rawatan kumbahan memenuhi kehendak-kehendak piawai prestasi alam sekitar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan juga untuk menjadikan perkhidmatan ini satu perkhidmatan yang berdaya maju. Ini

bermakna, bayaran caj pemetungan yang dikenakan kepada rumah-rumah kediaman, pusat-pusat komersial dan industri bukan sahaja boleh menampung kos pembangunan, kos operasi dan kos penyelenggaraan perkhidmatan pemetungan, ia juga boleh memberikan keuntungan kepada syarikat konsesi yang terlibat dalam perkhidmatan itu.

- b. Sehingga akhir tahun 1999, IWK telah mengambil alih penyelenggaraan 245 stesen pam, 6,081 loji rawatan kumbahan dan 8,589 kilometer rangkaian paip pemetungan. IWK juga telah membaik pulih sejumlah 481 loji rawatan kumbahan yang sebelum ini tidak diselenggara dengan baik oleh PBT-PBT berkenaan. **Gambar 4** menunjukkan contoh keadaan 2 loji rawatan kumbahan sebelum dan selepas kerja-kerja membaik pulih dijalankan.

GAMBAR 4

SEBELUM



Kolam pengoksidaan di Petaling Jaya yang tidak diselenggara telah menjadi kering, dipenuhi semak samun dan berbau busuk.

SELEPAS



Kolam pengoksidaan tersebut telah dibaik pulih oleh IWK.



Kolam pengoksidaan di Seremban melimpah akibat penyelenggaraan yang tidak sempurna.



Kolam pengoksidaan tersebut telah dibaik pulih oleh IWK.

- c. Pemeriksaan Audit juga mendapati setakat bulan Ogos 2000, IWK telah memberi perkhidmatan pengosongan terhadap 476,805 daripada 890,870 tangki septik. Pada keseluruhannya IWK ketika ini memberi perkhidmatan pembetungan kepada hampir 12.42 juta penduduk. Namun demikian, IWK masih belum dapat melaksanakan beberapa kerja infrastruktur yang diklasifikasikan sebagai kritikal di bawah perjanjian konsesi. Antara kerja yang belum dilaksanakan adalah seperti berikut :-
- i. Loji rawatan kumbahan baru untuk kawasan Jelutong dan Bayan Baru di Pulau Pinang.
 - ii. Loji rawatan dan rangkaian paip pembetungan di Teluk Kemang dan Bandar Sunggala, Port Dickson.
 - iii. Loji rawatan di Kuah, Langkawi masih dalam pembinaan (90% siap) manakala loji rawatan di Padang Matsirat masih belum dibina.
 - iv. Projek sistem pembetungan bersambung belum dilaksanakan kecuali di Majlis Perbandaran Seremban.
 - v. 42 loji rawatan *biosoil* belum diganti.
 - vi. 81% dari 6,205 loji belum dibaik pulih.
- d. Oleh kerana kerja-kerja kritikal tersebut di atas tidak dilaksanakan, pencemaran air masih berterusan. Sebagai contoh, di Pulau Pinang loji rawatan kumbahan baru bagi kawasan Jelutong dan Bayan Baru masih belum dibina kerana kesukaran mendapatkan tapak dan masalah kewangan syarikat konsesi. Akibatnya, kumbahan mentah dari kawasan tersebut yang dianggarkan masing-masingnya berjumlah 78 juta liter dan 44 juta liter disalurkan ke tepi laut setiap hari (**Gambar 5**).

GAMBAR 5



***Jelutong, Pulau Pinang
Kumbahan Mentah Disalurkan Terus Ke Tepi Laut***

- e. Daripada pengauditan yang dijalankan, didapati syarikat konsesi tidak dapat melaksanakan kerja-kerja berkaitan perkhidmatan pembetulan mengikut perancangan disebabkan oleh perkara-perkara berikut :-
- i. Pemilik syarikat serta ahli-ahli Lembaga Pengurusan IWK telah bertukar beberapa kali kerana masalah kewangan. Didapati juga hasil tahunan yang diterima oleh syarikat konsesi tidak dapat menampung kos operasi perkhidmatan pembetulan. Menurut penyata kewangan IWK, jumlah kerugian syarikat itu pada tahun kewangan berakhir April 2000 ialah RM32.22 juta manakala jumlah kerugian terkumpulnya berjumlah RM332.86 juta.
 - ii. Pada awal proses penswastan, IWK telah menyediakan anggaran kos penyenggaraan dan kerja-kerja infrastruktur berasaskan 1,800 loji rawatan kumbahan yang telah dilaporkan oleh semua PBT. Bagaimanapun,

apabila IWK menyediakan senarai inventori mengenai loji-loji rawatan kumbahan, didapati bilangan loji yang sebenarnya telah meningkat melebihi 6,000 unit. Oleh itu, kos operasi dan kos kerja-kerja infrastruktur yang dianggarkan sebelum penswastan tidak mencukupi dan tidak realistik.

- iii. Kadar caj komersial diturunkan 30% pada Julai 1998 dan kemudiannya diturunkan lagi antara 5% hingga 20% pada bulan Oktober 1999. Ini telah menyebabkan IWK mengalami kekurangan hasil sejumlah RM103.65 juta. Di samping itu, bil-bil yang telah dikeluarkan bagi tempoh Mei 1994 hingga Oktober 1996 berjumlah RM367.87 juta telah dihapus kira.
- iv. IWK juga menghadapi masalah mengutip caj pembedaan menyebabkan tunggakan meningkat akibat dari keengganan orang ramai membayar caj pembedaan. Setakat April 1999 caj pembedaan yang tertunggak ialah RM144.3 juta.
- v. Pemilik-pemilik rumah kediaman yang mempunyai tangki septik tidak membenarkan IWK memberi perkhidmatan mengosongkan tangki. Tanpa membuat pengosongan pertama, IWK tidak dapat mendaftar rumah-rumah kediaman berkenaan untuk tujuan mengeluarkan bil. Adalah dianggarkan 65% pemilik rumah yang ada tangki septik individu tidak membenarkan perkhidmatan pengosongan tangki septik dibuat. Akibatnya, kumbahan mentah mengalir ke dalam longkang dan akhirnya ke sungai.
- vi. Sejumlah 13,122 pemilik rumah kediaman di seluruh negara enggan menyambungkan tangki septik mereka kepada rangkaian paip pembedaan yang telah

disediakan oleh IWK kerana mereka dikenakan bayaran antara RM2,000 hingga RM2,500 bergantung kepada jarak premis dengan rangkaian paip kumbahan yang telah disediakan. Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993, membolehkan JPP mengeluarkan notis bertulis dan seterusnya mendapatkan perintah mahkamah untuk sambungan dibuat. Bagaimanapun, sehingga kini JPP masih belum mengambil tindakan-tindakan seperti yang disebutkan.

- f. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling menghendaki efluen kumbahan yang dilepaskan dari semua loji rawatan kumbahan mematuhi standard kualiti efluen yang telah ditetapkan. Sampel-sampel efluen yang diambil daripada loji-loji rawatan yang terletak di kawasan tadahan air untuk kegunaan manusia perlu memenuhi Standard A (berkualiti tinggi) manakala efluen yang diambil daripada lain-lain kawasan perlu memenuhi Standard B. Bagi membolehkan kualiti efluen mencapai standard tersebut, loji-loji rawatan perlu berfungsi dengan baik dan mempunyai reka bentuk yang sesuai. Bagaimanapun, menurut IWK, reka bentuk loji-loji rawatan yang ada tidak boleh merawat minyak dan gris yang mana ia merupakan salah satu daripada 4 parameter yang diuji. Adalah didapati 68% daripada keseluruhan loji-loji rawatan kumbahan yang telah diambil alih adalah dari jenis tangki septik *communal* yang mana tidak sesuai digunakan bagi merawat efluen dengan berkesan walaupun kerja-kerja membaik pulih telah dilakukan.
- g. Selaras dengan perjanjian, syarikat konsesi telah menjalankan ujian efluen bagi tempoh 1999 hingga Jun 2000 di loji-loji rawatan kumbahan di seluruh negara. Berdasarkan analisis terhadap hasil ujian itu mendapati peratus efluen yang mencapai standard adalah terlalu kecil. Butir-butir adalah seperti di **Jadual 16**.

JADUAL 16
LOJI RAWATAN KUMBAHAN
YANG MENCAPAI STANDARD

LOKASI LOJI	TAHUN	BILANGAN LOJI YANG ADA	BILANGAN LOJI YANG DIUJI	BILANGAN LOJI YANG MENCAPAI STANDARD (%)	
				A	B
Kawasan Tadahan	1999	973	805	6 (1%)	
Lain-lain	1999	5,049	4,077		1,101 (27%)
Kawasan Tadahan	2000	995	617	11 (2%)	
Lain-lain	2000	5,215	3,659		1,493 (41%)

- h. Akibat daripada ketidakpatuhan standard yang telah ditetapkan, JAS telah mengenakan penalti kepada syarikat konsesi. Bagi tempoh 1994 hingga April 2000, IWK telah dikenakan penalti berjumlah RM158.69 juta. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah mengecualikan IWK daripada membayar penalti berjumlah RM56.86 juta.

Perkhidmatan Pembetungan Yang Dikendalikan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

Setakat Disember 2000, perkhidmatan pembetungan di Negeri-negeri Kelantan, Sabah, Sarawak dan di Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor belum diambil alih oleh syarikat konsesi. Sebaliknya perkhidmatan pembetungan di negeri-negeri tersebut diuruskan oleh PBT yang berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati pada umumnya perkhidmatan pembetungan di negeri-negeri tersebut tidak memuaskan seperti contoh-contoh berikut :-

- a. Di Negeri Kelantan, hanya 20% penduduk mendapat perkhidmatan pembetungan manakala 80% penduduk menggunakan sistem tandas curah. Pengosongan tangki

septik tidak dibuat mengikut jadual yang ditetapkan iaitu 2 tahun sekali tetapi hanya apabila ada permintaan. Bagi tahun 1999, PBT-PBT di Kelantan hanya dapat mengosongkan 1,809 daripada 56,000 tangki septik. Enapcemar daripada tangki septik dibuang di tempat pelupusan sampah, bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh JAS. Ini akan mencemarkan air di bawah tanah. Berikut adalah contoh **(Gambar 6)** di mana enapcemar dilupuskan di tempat pelupusan sampah.


GAMBAR 6



*Pasir Mas, Kelantan
Enapcemar Dilupus Di Tempat Pelupusan Sampah*

- b. Di Negeri Sabah masih terdapat kes kumbahan mentah disalurkan setiap hari ke dalam sungai tanpa rawatan di 2 lokasi, iaitu di Kota Kinabalu di mana 4.5 juta liter kumbahan mentah disalurkan ke dalam Sungai Sembulan **(Gambar 7)** dan di Pekan Papar di mana 225,000 liter kumbahan mentah disalurkan ke dalam Sungai Papar.

GAMBAR 7



***Kota Kinabalu, Sabah
Kumbahan Mentah Disalurkan Terus Ke Sungai Sembulan***

- c. Kebanyakan rumah kediaman, premis komersial dan bangunan-bangunan Kerajaan di Negeri Sarawak menggunakan tangki septik individu dan tangki septik tersebut tidak pernah dikosongkan. PBT-PBT di Negeri Sarawak juga tidak mempunyai loji rawatan kumbahan.

14.4.3. Pemantauan

14.4.3.1. Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 memberi kuasa kepada JPP untuk :-

- Mengeluarkan lesen kepada pengendali loji rawatan kumbahan swasta.
- Memantau operasi dan kualiti efluen di semua loji rawatan kumbahan dalam negara.
- Memeriksa dan melulus pelan reka bentuk sistem loji rawatan kumbahan sebelum pembinaan.
- Memeriksa dan melulus operasi sistem loji rawatan kumbahan setelah pembinaan selesai.

14.4.3.2. Adalah didapati Jabatan Perkhidmatan Pembetungan hanya bertindak terhadap aduan yang diterima tetapi tidak ada satu program bagi menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap 2,600 loji rawatan kumbahan yang sedang dikendalikan oleh pihak swasta. Lawatan Audit juga mendapati 2 syarikat swasta telah mengendalikan loji rawatan kumbahan tanpa mendapat lesen iaitu di Genting Highlands, Pahang dan di tepi pantai Wilayah Persekutuan Labuan. JPP tidak mempunyai satu program pemantauan terhadap kualiti efluen yang dilepaskan oleh loji-loji rawatan berkenaan. Bagi lebih 6,000 loji rawatan kumbahan yang dikendalikan oleh IWK, ujian ke atas efluen dilakukan oleh IWK sendiri. JPP hanya menerima laporan hasil dari ujian tersebut dan tidak menjalankan ujian sendiri dari semasa ke semasa untuk menentukan ketepatannya.

14.4.3.3. Mengikut Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993, JPP diberi kuasa menjalankan tugas memeriksa pelan reka bentuk loji rawatan kumbahan sebelum pembinaan. Setelah loji siap dibina, loji tersebut juga perlu diuji bagi memastikan ia berfungsi dengan baik dan mengikut pelan yang diluluskan sebelum Sijil Layak Menduduki dikeluarkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati tugas-tugas tersebut dilaksanakan oleh kakitangan IWK tanpa pengawasan daripada pihak JPP.

14.4.3.4. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan tidak dapat menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dengan berkesan kerana kekurangan kakitangan. Daripada 57 jawatan yang diluluskan, 20 jawatan masih belum diisi, terdiri daripada 4 jawatan pengarah, 5 jawatan jurutera, 5 jawatan juruteknik dan 6 jawatan lain. Sejumlah 10 daripada jawatan kosong itu adalah untuk Negeri Sabah dan Sarawak yang mana perkhidmatan pembetungannya masih belum diambil alih oleh JPP. Lawatan Audit mendapati hanya 3 hingga 6 orang kakitangan sahaja yang bertugas di setiap cawangan JPP sedangkan kawasan yang perlu dipantau oleh cawangan tersebut adalah luas. Sebagai contoh, cawangan utara yang meliputi seluruh kawasan Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Cameron Highlands hanya mempunyai 6 orang kakitangan iaitu 3 jurutera, 2 juruteknik dan seorang kerani.

14.4.3.5. Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 tidak membenarkan efluen industri dibuang atau disalurkan ke paip pembetungan awam tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, JPP. Semakan Audit mendapati JPP telah memberi kebenaran kepada 3 industri menyalirkan efluen industri mereka ke dalam paip pembetungan awam. JPP tidak menjalankan ujian ke atas isi padu dan kualiti efluen industri tersebut bagi memastikan ia mematuhi standard yang ditetapkan. Adalah didapati 9 industri yang lain telah menyalirkan efluen industri ke dalam paip pembetungan awam tanpa kebenaran bertulis daripada JPP. Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya JPP melaksanakan pemeriksaan terhadap premis-premis berkenaan dan juga menjalankan ujian terhadap kualiti efluen industri.

14.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

14.5.1. Pada umumnya, program perkhidmatan pembetungan negara belum mencapai tahap yang dapat mengawal pencemaran air dan alam sekitar. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program perkhidmatan pembetungan sama ada yang dikendalikan oleh IWK mahupun pihak PBT. Oleh kerana perkhidmatan pembetungan yang diberikan oleh IWK tidak memuaskan berpunca dari masalah kewangannya dan keengganan Kerajaan Negeri yang berkenaan memberikan tapak yang sesuai untuk pembinaan loji rawatan kumbahan, maka Kerajaan telah mengambil alih syarikat tersebut dengan bayaran berjumlah RM192.54 juta pada Jun 2000.

14.5.2. Memandangkan perkhidmatan pembetungan yang dikendalikan oleh PBT juga tidak memuaskan, Kerajaan Persekutuan sepatutnya mengambil alih dengan segera perkhidmatan pembetungan daripada negeri-negeri yang berkenaan iaitu Kelantan, Sabah, Sarawak dan Johor.

14.5.3. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan sepatutnya diberi sumber kewangan dan kakitangan yang mencukupi untuk membolehkan tugas-tugas penguatkuasaan dan pemantauan dijalankan dengan lebih berkesan.

14.5.4. Kerajaan perlu mengkaji semula sistem pungutan caj-caj perkhidmatan pembetulan sama ada ia boleh dimasukkan ke dalam bil air atau bil cukai taksiran.

14.5.5. Kerajaan perlu menyedarkan orang awam tentang pentingnya program perkhidmatan pembetulan negara untuk kesihatan. Adalah diharapkan dengan kesedaran ini, mereka memberikan kerjasama untuk menjelaskan caj-caj perkhidmatan yang dikenakan dan juga membenarkan pihak IWK mengosongkan tangki-tangki septik.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

15. KEMUDAHAN PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

15.1. LATAR BELAKANG

Mengikut Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Kerajaan perlu menyediakan kemudahan perumahan kepada anggota tentera. Berbagai jenis rumah disediakan mengikut pangkat dan kelayakan anggota. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi keselesaan dan kualiti rumah yang lebih baik kepada anggota-anggota tentera, Kementerian telah mengambil beberapa tindakan seperti menyediakan rumah yang lebih luas dan mempunyai reka bentuk yang lebih menarik. Keluasan rumah-rumah yang baru ialah antara 1,076 kaki persegi hingga 3,304 kaki persegi. Berdasarkan rekod Kementerian sehingga tahun 2000, sejumlah 48,036 unit rumah (termasuk rumah lama) untuk anggota tentera telah disediakan. Pengagihan rumah keluarga adalah 36,023 unit untuk anggota tentera darat; 5,880 unit untuk anggota tentera laut; 5,140 unit untuk anggota tentera udara dan 993 unit untuk anggota yang berkhidmat di Markas Angkatan Tentera Malaysia (Ibu Pejabat). Pengagihan rumah tersebut adalah berdasarkan kepada bilangan anggota yang ada di dalam perkhidmatan berkenaan.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada rumah-rumah keluarga yang disediakan mencukupi dan selesa didiami; pengagihan rumah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan dan penyelenggaraan rumah dilaksanakan dengan baik.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

15.3.1. Kajian ini meliputi perolehan rumah keluarga Angkatan Tentera Malaysia bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) dan rumah yang sedia ada serta pengagihan dan penyelenggaraan rumah berkenaan bagi tempoh 1998 hingga Jun 2000. Semakan terhadap rekod-rekod dan

dokumen-dokumen yang berkaitan di peringkat Kementerian Pertahanan; Jabatan Kerja Raya dan pasukan-pasukan Angkatan Tentera Malaysia di 9 negeri telah dilakukan. Selain daripada itu, borang-borang soal selidik juga diedarkan ke beberapa kem/pasukan untuk mendapatkan maklumat mengenai keadaan rumah-rumah yang disediakan.

15.3.2. Kajian ini tertumpu kepada rumah keluarga tentera darat memandangkan 75% daripada rumah keluarga adalah diperuntukkan kepadanya.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Kajian Audit yang dijalankan antara bulan Mac hingga November 2000 mendapati beberapa perkara seperti berikut :-

15.4.1. Perancangan

Perancangan perumahan ATM dibuat oleh Kementerian Pertahanan dan ia merangkumi aspek-aspek perolehan, pengagihan dan penyelenggaraan rumah.

15.4.1.1. Perolehan Rumah

- a. Angkatan Tentera Malaysia memerlukan 69,587 unit rumah keluarga untuk anggota-anggotanya yang berjumlah 118,000 orang. Sejumlah 48,036 unit rumah telah disediakan setakat November 2000. Mengikut dasar perumahan yang ditetapkan oleh Angkatan Tentera Malaysia, sekurang-kurangnya 60% daripada anggotanya mengikut pangkat perlu diberi kemudahan perumahan. Di bawah RMK7, Kerajaan telah memberi kelulusan kepada Kementerian untuk melaksanakan 49 projek perumahan (termasuk 29 projek yang sepatutnya dilaksanakan di bawah RMK5 dan RMK6) dengan peruntukan berjumlah RM674.46 juta. Daripada jumlah ini, selain daripada 3 projek yang telah dibatalkan kerana tiada keperluan yang mendesak, 46 projek adalah bagi mengadakan 13,324 unit rumah. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 17**.

JADUAL 17
BILANGAN PROJEK YANG DILAKSANAKAN DALAM RMK7

TEMPOH	STATUS/KEDUDUKAN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT
RMK5	Siap	1	206
RMK6	i) Siap	20 * (Fasa I TUDM Labuan)	6,016
	ii) Kerja-kkerja dalam pembinaan	3 *(Fasa II & III TUDM Labuan)	744
	iii) Pelantikan kontraktor baru (Projek terbengkalai)	1	273
	iv) Dibawa ke RMK8	3	1,370
JUMLAH		28	8,679
RMK7	i) Tangguh ke RMK8	7	2,600
	ii) Dalam pertimbangan Kementerian Kewangan	3	911
	iii) Dalam penyediaan pelan/tender oleh JKR	4	442
	iv) Dalam pembinaan	1	76
	v) Dalam tindakan pelaksanaan oleh JKR	1	34
	vi) Dalam pakej pembinaan pangkalan	1	376
JUMLAH		17	4,439
JUMLAH BESAR		46	13,324

(* Fasa I, II & III TUDM Labuan Dikira Sebagai 1 Projek)

- b. Kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh Kementerian untuk menyediakan 13,324 unit rumah adalah seperti berikut :-
- i. Sejumlah 6,016 unit rumah dibina di atas tanah Kementerian.
 - ii. Sejumlah 7,308 unit rumah dibeli secara tender/rundingan terus daripada pemaju perumahan.
- c. Kementerian juga telah melaksanakan perolehan perumahan melalui kaedah penswastan pada tahun 1994 dan 1995 iaitu memindah hak milik tanah Kementerian kepada pihak swasta dan sebagai balasan pihak swasta membekalkan 1,798 unit rumah kepada Kementerian. Setakat ini, sejumlah 1,662 unit rumah telah dibekalkan antara tahun 1996 dan 1998 dan sejumlah 136 unit rumah dijangka siap pada bulan Mei 2001.

15.4.1.2. Pengagihan Rumah

Dalam perkhidmatan Angkatan Tentera, pengurusan rumah keluarga di sesebuah kem/pasukan dan pangkalan adalah tanggungjawab Pegawai Memerintah. Peruntukan rumah keluarga kepada seseorang anggota tentera adalah mengikut sistem kiraan mata yang berdasarkan kepada tempoh perkhidmatannya dan bilangan anak seseorang anggota berkenaan. Keutamaan diberikan kepada anggota yang mempunyai anak yang ramai. Kelas rumah yang diperuntukkan mengikut pangkat anggota adalah seperti berikut :-

JADUAL 18
PERUNTUKAN JENIS RUMAH MENGIKUT KELAS/PANGKAT

KELAS	JENIS RUMAH	PANGKAT
B ke atas	Banglo 2 Tingkat	Kolonel & Brigadier Jeneral
C+	Banglo 1 & 2 Tingkat	Leftenan Kolonel
<i>C Modified</i>	Rumah Berkembar	Mejar
<i>C Flat</i>	Apartment/ <i>Flat</i> 3 Tingkat	Leftenan Muda/Kapten
E	<i>Flat</i> 4 Tingkat	Pegawai Waran I & II
F	<i>Flat</i> 4 & 8 Tingkat	Staff Sarjan & Sarjan
G	<i>Flat</i> 5, 8, 10 Tingkat	Koperal/Prebet

15.4.1.3. Penyelenggaraan Rumah

Pihak kem/pasukan ada menyediakan rancangan penyelenggaraan tahunan terhadap rumah-rumah keluarga yang rosak. Berdasarkan kepada maklum balas yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya, jumlah yang dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rumah adalah antara 7.6% hingga 100% daripada peruntukan yang diberi kepada setiap pasukan bagi tahun 1998 hingga 2000.

Pada umumnya, Kementerian mempunyai perancangan yang memuaskan dari segi jumlah rumah yang patut disediakan untuk anggota tentera. Kementerian juga menetapkan kriteria untuk membuat pengagihan rumah-rumah tersebut. Bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk membuat penyelenggaraan rumah-rumah tersebut secara berjadual.

15.4.2. Pelaksanaan

Berhubung dengan pelaksanaan projek perumahan, pihak Audit telah mengkaji sama ada rumah-rumah ATM dapat disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dan mengikut spesifikasi kerja, pengagihan dibuat mengikut perancangan serta kekerapan melaksanakan kerja penyelenggaraan rumah.

15.4.2.1. Perolehan Rumah

- a. Seperti mana yang telah dirancang, Kementerian telah memperolehi rumah-rumah keluarga melalui 3 kaedah iaitu membeli rumah siap daripada pemaju, membina di atas tanah Kementerian dan memindahkan hak milik tanah Kementerian kepada pihak swasta. Sebagai balasan, pihak swasta membekalkan rumah-rumah kepada Kementerian.
- b. Semakan Audit terhadap rumah-rumah keluarga yang diperolehi melalui kaedah pembelian daripada pemaju perumahan dan membina rumah atas tanah Kementerian mendapati 6,222 unit rumah telah disiapkan. Selain daripada itu, 1,020 unit rumah sedang dalam pembinaan. Bagi 4,439 unit rumah yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, adalah didapati 76 unit rumah sedang dibina; 2,600 unit rumah ditangguhkan pembinaannya ke RMK8; 1,763 unit rumah adalah dalam peringkat tender, penyediaan pelan dan pertimbangan Kementerian Kewangan dan sebagainya. Bagi rumah-rumah yang diperolehi secara pemindahan hak milik tanah kepada pihak swasta ia tidak melibatkan peruntukan kewangan Kerajaan.
- c. Dari segi pelaksanaan, adalah didapati rumah-rumah yang diperolehi melalui ketiga-tiga kaedah mempunyai masalah sama ada rumah lewat disiapkan atau kualiti rumah tidak memuaskan.

15.4.2.2. Projek Perumahan Lewat Disiapkan

Semakan Audit mendapati 9 daripada 21 projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan

menyiapkan projek-projek tersebut ialah kontraktor menghadapi masalah kewangan, kesukaran mendapatkan bahan binaan dan tenaga kerja. Sehubungan itu, kontraktor telah diberi kelulusan perlanjutan masa untuk menyiapkan projek masing-masing. Adalah diperhatikan tempoh lanjutan masa yang diberikan ada yang melebihi 2 tahun dari tarikh asal menyiapkan projek. **Kelewatan menyiapkan projek tersebut menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung bayaran elaun perumahan yang dianggarkan berjumlah RM10.71 juta untuk tempoh 1996 hingga 2000 kepada anggota yang tidak dapat menduduki rumah-rumah berkenaan.**

15.4.2.3. Kualiti Pembinaan Rumah Tidak Memuaskan

- a. Semakan Audit mendapati rumah-rumah yang berusia antara 2 hingga 14 tahun telah mengalami kerosakan serta kecacatan yang teruk seperti di **Jadual 19** berikut :-

JADUAL 19
KUALITI PEMBINAAN RUMAH TIDAK MEMUASKAN

PROJEK PERUMAHAN	KAEDAH PEROLEHAN	RUMAH		TEMPOH DIDUDUKI (Tahun)	KEADAAN RUMAH
		KELAS	UNIT		
Pembelian Rumah Keluarga Di Taman Pulai Jaya Ipoh, Perak	Beli daripada Pemaju	G	295	14	Keretakan yang serius disebabkan pemendapan tanah kerana tapak projek adalah bekas lombong yang ditambah dan terletak di kawasan batu kapur
Projek Perumahan Teluk Air Tawar TUDM, Butterworth (Fasa 1)	Dibina oleh pihak swasta dengan menyerahkan hak milik tanah Kementerian	F	136	3	i) <i>Water proofing</i> tidak dipasang atas <i>reinforce concrete flat roof</i> ii) <i>Rain water down pipe</i> tersumbat iii) <i>Concrete roofing tiles</i> di Blok B retak
Pembinaan Rumah Keluarga Di Kem Sungai Udang, Melaka	Membina rumah di atas tanah Kementerian	G	306	2	i) Saluran kumbahan di bilik air bocor ii) Lantai mozek pecah
Projek Perumahan Di Kem Sungai Udang, Melaka	Dibina oleh pihak swasta dengan menyerahkan hakmilik tanah Kementerian	G	594	2	i) Paip buangan bilik air tersumbat dan bocor. ii) Pemasangan <i>blower</i> tidak mengikut spesifikasi kontrak iii) Siling bocor
Pembelian Rumah Keluarga Di Taman Raja Ekram, Ipoh, Perak	Beli daripada Pemaju	G	167	2	i) <i>Cement render</i> tidak rata, kasar dan bertompok-tompok ii) Mutu kerja cat pada permukaan dinding tidak memuaskan iii) Perbezaan aras lantai antara ruang tamu dengan ruang makan. iv) <i>Broken Marble</i> yang dipasang tidak dipotong dengan sempurna
Pembelian Rumah Di Taman Desaria, Melaka	Beli daripada Pemaju	G	310	Tidak Diduduki	i) Kecacatan dan kerosakan pada dinding ii) Pemendapan dan keretakan pada <i>apron</i> di semua blok

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah 14 unit rumah di Taman Pulai Jaya, Ipoh telah dirobohkan kerana tidak selamat diduduki dan lawatan Audit pada Oktober 2000 mendapati 30 unit rumah telah dikosongkan. Bagi rumah-rumah di Taman Raja Ekram, Ipoh yang terletak bersebelahan, beberapa unit rumah telah dikosongkan kerana mengalami kerosakan teruk.
- c. 310 unit rumah keluarga di Taman Desaria, Melaka bernilai RM20.70 juta juga masih belum diduduki walaupun Sijil Kelayakan Menduduki telah diperolehi pada April 1999. Pihak kontraktor sedang memperbaiki kerosakan-kerosakan yang telah dikenal pasti.

15.4.2.4. Keselesaian Rumah Yang Disediakan

- a. Pada umumnya, rumah-rumah keluarga yang baru diperolehi mempunyai reka bentuk yang menarik dan lebih selesa diduduki . Rumah-rumah itu mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Keadaan ini dapat ditunjukkan melalui gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 8



GAMBAR 9



Rumah Keluarga Taman Seruling, Kuala Kubu Baru

GAMBAR 10



Rumah Keluarga Desa Taming Sari, Melaka

GAMBAR 11



Rumah Keluarga Kem Tentera Darat, Port Dickson

- b. Bagi rumah-rumah lama, lawatan Audit ke Markas Stesyen Staf Kem Lok Kawi Sabah; Markas Stesyen Staf Kem Desa Pahlawan; Markas Stesyen Staf Taiping dan Markas Stesyen Staf Kluang mendapati rumah-rumah itu adalah tidak selesa diduduki. Rumah-rumah tersebut yang mempunyai satu bilik masih diduduki oleh anggota tentera dan juga kakitangan awam. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak kem/pasukan, adalah didapati rumah-rumah tersebut diduduki oleh anggota/kakitangan awam yang mempunyai bilangan isi rumah seramai 6 hingga 12 orang. Bagaimanapun, Kementerian dalam usahanya memperbaiki keadaan tersebut telah mengubahsuai 2 unit rumah untuk

dijadikan satu unit supaya dapat memberi keselesaan kepada anggota-anggotanya seperti di Markas Garison Terendak Melaka dan Markas Stesyen Staf Taiping.

15.4.2.5. Pengagihan Rumah

- a. Semakan Audit mendapati rumah keluarga tidak diduduki oleh anggota mengikut kelayakan masing-masing. Sebagai contoh, bagi perkhidmatan tentera darat, 43 unit rumah keluarga Kelas C yang sepatutnya diperuntukkan kepada anggota tentera berpangkat Mejar telah diduduki oleh anggota berpangkat lebih tinggi antaranya seperti Leftenan Jeneral/Brigadier Jeneral/Kolonel. Keadaan ini juga berlaku di perkhidmatan tentera laut dan udara. Berdasarkan maklum balas yang diterima mendapati pengagihan rumah tidak dibuat mengikut kelayakan anggota kerana rumah-rumah mengikut kelayakan mereka tidak mencukupi. Selain itu, anggota tersebut perlu ditempatkan di kem/pasukan berkenaan demi kepentingan tugas. Adalah didapati juga 427 unit rumah tidak diagihkan kepada anggota kerana ia digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain seperti surau, tadika dan kedai. **Pada pandangan Audit, pihak ATM sepatutnya memohon peruntukan kewangan untuk membina kemudahan-kemudahan ini supaya rumah-rumah mengikut kelayakan dapat diagihkan kepada anggota.**
- b. Bagi 589 unit yang lain, ia tidak diduduki sungguhpun dalam keadaan baik kerana ada anggota tentera yang tinggal di rumah sendiri atau memilih untuk menyewa rumah memandangkan kadar sewa rumah di lokasi berkenaan lebih murah berbanding dengan Imbuhan Tetap Perumahan yang boleh diterima. **Pada pandangan Audit, pihak ATM patut mengkaji semula amalan yang membenarkan anggota tentera tinggal di luar kem sungguhpun terdapat kekosongan rumah-rumah keluarga kerana ia adalah satu pembaziran.**

15.4.2.6. Penyelenggaraan Rumah

- a. Pada amnya, Kementerian tidak mempunyai perancangan penyelenggaraan secara berjadual terhadap bangunannya. Kementerian hanya menjalankan kerja-kerja *corrective maintenance* yang kritikal. Peruntukan kewangan untuk kerja-kerja penyelenggaraan juga digunakan bagi kerja-kerja pembaikan bangunan pentadbiran, stor, surau dan lain-lain. Faktor yang menyebabkan rumah keluarga tidak diselenggara atau dibaiki adalah kerana kos pembaikan dan penyelenggaraan rumah yang melebihi 25 tahun adalah tinggi dan tidak kos efektif.
- b. Lawatan Audit ke Kem Terendak Melaka, Markas Stesyen Staf Ipoh; Kem Lok Kawi Sabah; Markas Stesyen Staf Port Dickson dan TUDM di Cheras, Kuala Lumpur mendapati rumah-rumah berkenaan mengalami kerosakan teruk tetapi masih diduduki oleh anggota-anggotanya. Kerosakan-kerosakan yang didapati adalah seperti saluran singki dapur bocor, saluran najis tersumbat, resapan air di siling dan pendawaian elektrik yang tidak sempurna. Contoh-contoh kerosakan adalah seperti gambar di bawah :-

GAMBAR 12



***Siling Runtuh Disebabkan Oleh Resapan Air
Di Markas Garison Kem Terendak Melaka***

GAMBAR 13



***Saluran Singki Dapur Rumah Di Tingkat Atas Bocor
Di Kem Lok Kawi, Sabah***

- c. Lawatan Audit ke Kem Desa Pahlawan, Kelantan mendapati 558 unit rumah untuk anggota dibiarkan kosong selama 34 bulan kerana rosak teruk. Di Markas Stesyen Staf Kluang sejumlah 287 unit rumah juga telah dikosongkan antara 5 hingga 121 bulan kerana masalah yang sama. Pada pandangan Audit, tindakan memperbaiki bangunan-bangunan terbiar itu patut diambil dengan segera demi untuk menjaga imej Angkatan Tentera Malaysia. Berikut diberikan beberapa gambar yang menunjukkan rumah-rumah yang terbiar **(Gambar 14 dan 15)**.

GAMBAR 14



Rumah Yang Terbiar Di Kem Majidee Johor Bahru

GAMBAR 15



Rumah Yang Terbiar Di Markas Stesyen Staf Kluang

- d. Di Pangkalan TLDM Lumut, walaupun terdapat kekurangan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, diperhatikan keadaan rumah termasuk bangunan-bangunan pentadbiran, persekitaran pangkalan, jalan-jalan adalah dalam keadaan yang terjaga kecuali beberapa kerosakan kecil. Keadaan di kawasan pejalan kaki dan kaki lima bangunan kediaman adalah bersih dan tidak terdapat longgokan sampah di tempat-tempat pembuangan sampah. Persekitaran yang bersih dan terkawal itu adalah kerana pegawai yang bertanggungjawab sentiasa membuat rondaan dan pemeriksaan terhadap rumah-rumah keluarga tersebut. Sekiranya rumah tidak dijaga dengan baik, penghuni rumah berkenaan akan diberi amaran dan jika ia masih berlarutan, mereka diarah menyewa di luar kawasan pangkalan tanpa diberi Imbuhan Tetap Perumahan. Keadaan di Pangkalan TLDM Lumut boleh dijadikan sebagai satu contoh untuk diamalkan oleh kem/pasukan lain. **Gambar 16 dan 17** menunjukkan keadaan persekitaran rumah-rumah keluarga di Pangkalan TLDM Lumut.

GAMBAR 16



***Kawasan Persekitaran Yang Bersih Dan Terjaga
Di Pangkalan TLDM Lumut***

GAMBAR 17



***Kawasan Persekitaran Yang Bersih Dan Terjaga
Di Pangkalan TLDM Lumut***

15.4.3. Pemantauan Terhadap Pengurusan Perumahan

Pada umumnya, pihak tentera mempunyai sistem pemantauan yang memuaskan terhadap pengagihan dan penyelenggaraan rumah-rumah keluarga serta penjagaan kebersihan kawasan sekitarnya. Rekod berhubung dengan pengagihan rumah serta Daftar Keluar/Masuk

penghuni rumah ada diselenggarakan di kem/pasukan yang dilawati. Adalah didapati pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan juga memantau kedudukan fizikal rumah-rumah keluarga di bawah jagaan masing-masing. Laporan-laporan berhubung dengan kerosakan rumah di sesuatu kem/pasukan juga dilaporkan kepada Jabatanarah Perumahan Dan Pembinaan Kementerian Pertahanan serta Cawangan Kerja Tentera, Jabatan Kerja Raya. Bagaimanapun, tindakan untuk memperbaiki kerosakan tidak dapat diambil dengan berkesan oleh pihak berkenaan kerana kekurangan peruntukan.

15.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

15.5.1. Pelaksanaan program perumahan di bawah RMK7 (1996-2000) tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang memandangkan hanya 21 daripada 46 projek dapat disiapkan; 4 projek masih dalam pembinaan; 10 projek ditangguhkan ke RMK8 manakala yang lain adalah dalam peringkat tender, penyediaan pelan dan sebagainya. Pada umumnya, rumah-rumah yang baru dibina adalah lebih baik dan berkualiti serta dapat memberi keselesaan kepada penghuni.

15.5.2. Jabatanarah Perumahan Dan Pembinaan Kementerian Pertahanan serta Cawangan Kerja Tentera, Jabatan Kerja Raya perlu mengambil tindakan susulan terhadap laporan kerosakan rumah-rumah keluarga yang dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab di kem/pasukan berkenaan. Penyelenggaraan berjadual perlu dilaksanakan untuk memastikan jangka hayat rumah-rumah yang baru dibina dapat dipanjangkan. Bagi kerosakan-kerosakan yang terdapat pada rumah-rumah lama, tindakan segera untuk membaikinya hendaklah diambil untuk memastikan anggota-anggota tentera dapat tinggal di rumah-rumah yang diperuntukkan kepadanya dengan selesa dan keselamatannya terjamin.

15.5.3. Kementerian Kewangan sepatutnya memberikan peruntukan yang mencukupi supaya Kementerian Pertahanan dapat menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rumah-rumah keluarga secara berjadual.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

16. PEROLEHAN, PEMBEKALAN DAN PENGURUSAN STOR ORDNANS TENTERA DARAT

16.1. LATAR BELAKANG


16.1.1. Tentera Darat mempunyai 42 Stor Ordnans untuk memberi bantuan logistik kepada 288 unit operasi. Stor Ordnans terdiri daripada Depot Pusat Ordnans; Kumpulan Ordnans Divisyen; Kumpulan Ordnans Briged dan Seksyen Stor Ordnans. Depot Pusat Ordnans bertanggungjawab menerima, menyimpan dan menyelenggara stok barangan sehingga ia dikeluarkan kepada pihak pengguna melalui 4 Kumpulan Ordnans Divisyen; 6 Kumpulan Ordnans Briged dan 31 Seksyen Stor Ordnans. Kos operasi Stor Ordnans tersebut adalah dalam lingkungan RM35.70 juta setahun. Sistem pembekalan barangan stor adalah seperti di **Carta 3** berikut :-

CARTA 3
SISTEM PEMBEKALAN BARANGAN STOR



16.1.2. Jumlah keseluruhan pegangan inventori ialah 117,387 *line item* bernilai RM497.06 juta. Pecahan nilai inventori mengikut 6 jenis stor yang terdiri daripada alat ganti kenderaan, barangan teknikal, pakaian, barangan am, perabot dan alat tulis adalah seperti di **Carta 4** berikut :-

CARTA 4
PECAHAN INVENTORI MENGIKUT JENIS BARANGAN



16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan barangan stor dapat memenuhi keperluan pengguna dan Stor-stor Ordnans Tentera Darat diuruskan dengan cekap serta mengikut peraturan yang ditetapkan.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pemeriksaan ini meliputi rekod-rekod stor bagi tempoh 1997 hingga Ogos 2000 di Depot Pusat Ordnans, 4 Kumpulan Ordnans Divisyen, 2 Kumpulan Ordnans Briged dan 10 Seksyen Stor Ordnans. Perbincangan dengan pegawai-pegawai berkenaan telah diadakan dan laporan-laporan Verifikasi Stok yang dijalankan oleh pihak Kementerian antara tahun 1999 hingga Jun 2000 juga disemak.

16.4. PENEMUAN AUDIT

16.4.1. Perancangan

16.4.1.1. Objektif Depot Pusat Ordnans adalah untuk membekalkan barangan stor yang diminta oleh Kumpulan Ordnans Divisyen, Kumpulan Ordnans Briged dan Seksyen Stor Ordnans ke tahap 80%. Mengikut polisi yang ditetapkan oleh Angkatan Tentera Malaysia, Depot Pusat Ordnans dikehendaki menyelenggara paras stok bagi barangan tempatan untuk keperluan antara 18 dan 24 bulan manakala bagi barangan luar negeri antara 24 dan 36 bulan. Selaras dengan ketetapan ini, Depot Pusat Ordnans telah merancang keperluan tahunannya dari segi jenis, kuantiti barangan serta peruntukan yang diperlukan. Faktor-faktor seperti tempoh penyelenggaraan, kadar penggunaan sebulan dan *modifying factor* telah digunakan sebagai asas perancangannya. Bagaimanapun, disebabkan kegawatan ekonomi pada penghujung tahun 1997, faktor-faktor tersebut tidak dipatuhi. Mulai tahun itu, perancangan keperluan tahunannya ditumpukan untuk memenuhi permintaan barangan yang tidak dapat dibekalkan pada masa lalu dan bagi barangan yang sangat mendesak sahaja. Peruntukan yang diperlukan adalah seperti **Jadual 20** berikut :-

JADUAL 20
PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN BAGI TAHUN 1997 HINGGA 2000

TAHUN	PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN (RM Juta)
1997	637.88
1998	251.66
1999	249.40
2000	268.47

16.4.1.2. Selain daripada menggunakan Tatacara Pengurusan Stor yang dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia, pengurusan stor tentera juga berpandukan kepada Perintah Angkatan Tentera dan Arahan

Teknikal Ordnans.

16.4.1.3. Pengurusan di semua peringkat stor diuruskan oleh pegawai tentera dan beberapa kakitangan awam. Di peringkat Depot Pusat Ordnans, pengurusan stor diletakkan di bawah seorang pegawai tentera berpangkat Leftenan Kolonel dan dibantu oleh seramai 1,146 anggota tentera/awam.


Pada umumnya, perancangan bekalan stor Angkatan Tentera Malaysia adalah baik. Bagaimanapun, Angkatan Tentera Malaysia perlu mengkaji semula polisi menyimpan stok bagi tempoh 18 hingga 36 bulan kerana ia tidak sesuai dengan perkembangan semasa.

16.4.2. Pelaksanaan

16.4.2.1. Perolehan Dan Bekalan Barangan Kepada Pengguna

- a. Sungguhpun objektif Depot Pusat Ordnans ialah untuk membekalkan barangan stor kepada pengguna ke tahap 80%, namun demikian, tahap pembekalan barangan stor yang dicapai oleh Depot Pusat Ordnans bagi tempoh 1996 hingga Jun 2000 adalah antara 34% dan 63% daripada permintaan pengguna. Carta 5 di bawah menunjukkan prestasi bekalan barangan stor yang dicapai oleh Depot Pusat Ordnans bagi tempoh tersebut.

CARTA 5
PRESTASI BEKALAN BARANGAN STOR BAGI TEMPOH
1996 HINGGA JUN 2000



- b. Semasa pengauditan dijalankan, sejumlah 11,294 permintaan barangan yang melibatkan 4,465 *line item* bernilai RM130.22 juta yang diterima oleh Depot Pusat Ordnans tidak dapat dibekalkan. Butir-butirnya seperti di **Jadual 21** berikut :-

JADUAL 21
PERMINTAAN BARANGAN YANG TIDAK DAPAT DIBEKALKAN
SETAKAT MEI 2000

JENIS BARANGAN	LINE ITEM	JUMLAH BEKALAN TERTANGGUH	NILAI (RM Juta)
Barangan Teknikal	2,495	5,929	29.99
Alat Ganti Kenderaan	996	1,311	8.63
Perabot	372	1,755	72.00
Pakaian	297	1,565	14.01
Barangan Am	247	657	5.46
Alat Tulis	58	77	0.13
JUMLAH	4,465	11,294	130.22

- c. Mengikut polisi yang ditetapkan, Depot Pusat Ordnans dikehendaki menyimpan stok untuk keperluan antara 18 dan 36 bulan. Bagaimanapun, Depot Pusat Ordnans tidak dapat menyimpan stok seperti yang ditetapkan itu dan juga tidak berupaya memenuhi permintaan barangan daripada pengguna kerana faktor-faktor berikut :-

i. Kekurangan Peruntukan

Peruntukan yang diluluskan kepada Depot Pusat Ordnans adalah kurang daripada yang dirancang. Peruntukan yang diperolehi oleh Depot Pusat Ordnans bagi tahun 1996 hingga 2000 adalah antara 28% dan 41% daripada keperluannya. Butir-butirnya seperti di **Jadual 22** berikut:-

JADUAL 22
PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN DAN DILULUSKAN
BAGI TAHUN 1996 HINGGA 2000

TAHUN	PERUNTUKAN		%
	DIPERLUKAN (RM Juta)	DILULUSKAN (RM Juta)	
1996	559.18	192.85	34.49
1997	637.88	195.73	30.68
1998	251.66	70.46	27.99
1999	249.40	97.82	39.22
2000	268.47	111.13	41.39

ii. Kontrak Lewat Diperbaharui

Semakan Audit mendapati daripada 265 kontrak perolehan yang diurus oleh Depot Pusat Ordnans, 87 kontrak yang ditandatangani oleh Kementerian Pertahanan dan 50 kontrak yang ditandatangani oleh Perbendaharaan Malaysia telah tamat tempoh dan belum diperbaharui. Butir-butirnya seperti di **Jadual 23** berikut :-

JADUAL 23
KEDUDUKAN KONTRAK PEROLEHAN
SETAKAT APRIL 2000

KONTRAK	STATUS KONTRAK PEROLEHAN		
	ASAL	BERKUATKUASA	TAMAT
Kementerian	146	59	87
Perbendaharaan Malaysia	119	69	50
JUMLAH	265	128	137

Kelewatan memperbaharui kontrak-kontrak yang berkenaan juga menyebabkan Depot Pusat Ordnans tidak dapat membekalkan barangan kepada pengguna terutamanya barangan teknikal seperti alat ganti bagi peralatan semboyan dan persenjataan. Sebagai contoh, nilai barangan teknikal yang tidak dapat dibekalkan di bawah 5 kontrak yang tamat pada tahun 1997 dan

1998 ialah RM5.45 juta.

iii. Kelewatan Bekalan Barangan Oleh Kontraktor

Pihak kontraktor tidak dapat membekalkan barangan yang dipesan dalam tempoh yang ditetapkan kerana mereka tidak menyimpan stok yang mencukupi. Pembekal-pembekal ini hanya agen kepada pembekal utama. Mereka hanya akan membuat tempahan barangan daripada pembekal utama apabila menerima pesanan daripada Depot Pusat Ordnans. Masalah ini akan menjadi lebih serius apabila barangan yang dipesan perlu diimport daripada luar negara. Antara barangan yang perlu diimport ialah alat ganti kenderaan perisai, semboyan dan persenjataan.

Kesukaran mendapatkan barangan stor khususnya alat ganti mengakibatkan program penyelenggaraan kenderaan, senjata dan peralatan terjejas. Pembaikan terhadap kenderaan; kereta perisai; senjata dan peralatan dilakukan oleh Woksyop di Briged atau Divisyen. Woksyop berkenaan pula mendapatkan alat ganti tersebut daripada Seksyen Stor Ordnans yang mendapatkannya terus daripada Depot Pusat Ordnans. Kelewatan mendapat bekalan alat ganti daripada Depot Pusat Ordnans mengakibatkan kerja-kerja pembaikan berpanjangan dan ini menjejaskan prestasi woksyop-woksyop di Briged dan Divisyen. Berdasarkan statistik yang diperolehi, pada puratanya 21% hingga 63% daripada kerja-kerja pembaikan mengambil masa melebihi 2 bulan berpunca daripada ketiadaan alat ganti. Butir-butirnya seperti di **Jadual 24** berikut :-

JADUAL 24
TEMPOH MASA MENYIAPKAN KERJA PEMBAIKAN
DI WOKSYOP

PEMBAIKAN	JUMLAH PEMBAIKAN	JUMLAH HARI DALAM WOKSYOP	
		KURANG 60 HARI	61 HINGGA 90 HARI
Kereta Perisai	487	37%	63%
Trak dan <i>Land Rover</i>	1,064	62%	38%

Pasangan Besar	381	41%	59%
Senjata	325	79%	21%
Alat Pelbagai	882	77%	23%

16.4.2.2. Pengurusan Stor

a. Bangunan-bangunan Stor

Sebahagian besar bangunan di Stor-stor Ordnans dibina semasa penjajahan British dan kebanyakannya telah uzur dan tidak diselenggarakan dengan baik khususnya bangunan-bangunan stor di Seksyen Stor Ordnans. Keadaan di pejabat/tempat kerja adalah panas dan *humid* dan diperhatikan pekerja-pekerja stor sukar memberi tumpuan terhadap tugas-tugas mereka terutamanya pada waktu petang. Bagaimanapun, lawatan Audit ke beberapa stor pada keseluruhannya mendapati keadaan stor adalah bersih, barangan disimpan dengan teratur dan mengikut lokasi yang ditetapkan seperti gambar-gambar di bawah :-

GAMBAR 18



Stor Barangan Teknikal

GAMBAR 19



Stor Pakaian

GAMBAR 20

Stor Alat Tulis



GAMBAR 21

Stor Alat Ganti Kenderaan



b. Kedudukan Perjawatan

- i. Bagi menguruskan semua Stor Ordnans, sejumlah 3,430 jawatan telah diluluskan iaitu 313 jawatan pegawai dan 3,117 jawatan anggota lain-lain pangkat. Bagaimanapun, hanya 237 (75%) jawatan pegawai dan 2,103 (67%) jawatan anggota lain-lain pangkat telah diisi. Di peringkat Depot Pusat Ordnans, daripada 1,146 perjawatan yang terdiri daripada anggota tentera dan kakitangan awam hanya 693 (60%) perjawatan telah diisi. Kedudukan perjawatan di Depot Pusat Ordnans adalah seperti Jadual berikut :-


**JADUAL 25
KEDUDUKAN PERJAWATAN DEPOT PUSAT ORDNANS**

PERKHIDMATAN	BILANGAN PERJAWATAN DILULUSKAN	DIISI	% DIISI
Pegawai	42	30	71
Lain-lain Pangkat	555	369	66
Kakitangan Awam	549	294	53
JUMLAH	1,146	693	60

- ii. Adalah difahamkan bahawa Kementerian akan mengkaji semula bilangan jawatan yang diperlukan memandangkan pengurusan sistem inventori berkomputer telah dibangunkan di Depot Pusat Ordnans.
- iii. Pengurusan stor di Depot Pusat Ordnans diketuai oleh seorang pegawai tentera berpangkat Leftenan Kolonel. Beliau bertanggungjawab terhadap stok bernilai RM267.20 juta yang merupakan 53.8% daripada nilai stok yang dipegang oleh kesemua Stor Ordnans Tentera Darat. Pada pandangan Audit, taraf jawatan pegawai ini perlu ditingkatkan kepada jawatan yang lebih tinggi supaya setimpal dengan beban kerjanya. Namun,

diperhatikan pegawai dalam gred yang sama bertanggungjawab mengetuai setiap Kumpulan Ordnans yang mana nilai stok yang diuruskan oleh mereka adalah jauh lebih rendah daripada Depot Pusat Ordnans iaitu masing-masingnya antara RM5.90 juta dan RM12.00 juta. Peratusan nilai stok yang dipegang oleh Stor-stor Ordnans tersebut adalah seperti di **Carta 6** berikut :-

CARTA 6
PERATUSAN NILAI STOK MENGIKUT DEPOT



c. Profil Stor

- i. Stor-stor Ordnans Tentera Darat mempunyai 117,387 *line item* bernilai RM497.06 juta. Stor barangan ini terdiri daripada alat ganti kenderaan, barangan teknikal, pakaian, barangan am, perabot dan alat tulis. Setakat bulan Jun 2000, barangan bernilai RM178.36 juta tidak aktif/tidak bergerak melebihi 5 tahun. Sebanyak 95% daripada stok tidak aktif tersebut terdiri daripada barangan teknikal dan alat ganti kenderaan.
- ii. Mengikut polisi Tentera Darat, tindakan pelupusan boleh diambil sebaik sahaja alat ganti dan peralatan yang berkenaan diisytiharkan usang. Bagaimanapun, didapati proses pelupusan adalah lambat dan remeh kerana Tentera Darat perlu menentukan sama ada alat ganti yang berkenaan boleh dipakai atau bersesuaian dengan kenderaan atau peralatan lain. Gambar-

gambar mengenai barangan dalam proses pelupusan dan **Carta 7** bagi stok tidak bergerak adalah seperti berikut : -

GAMBAR 22




GAMBAR 23



Barangan Dalam Proses Pelupusan

CARTA 7
STOK TIDAK BERGERAK MENGIKUT JENIS BARANGAN



- iii. Sehubungan itu, untuk mengurangkan stok tidak aktif, Markas Logistik Tentera Darat telah memindahkan stok yang berkenaan kepada Stor-stor Ordnans yang memerlukan.

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara sebab stok tidak aktif/tidak bergerak ialah :-

- Mengikut amalan, pihak Angkatan Tentera Malaysia akan membeli *Initial Spares Requirement (ISR)* iaitu keperluan alat ganti di peringkat awal yang bernilai 10% daripada nilai kontrak bersama-sama dengan pembelian peralatan atau kenderaan berkenaan. Adalah didapati sebahagian alat ganti tersebut tidak pernah digunakan dan masih disimpan di Stor-stor Ordnans. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kementerian sedang mengkaji senarai alat ganti di bawah *ISR* untuk menentukan hanya alat ganti yang perlu sahaja dibeli. Di samping itu, Kementerian telah memasukkan satu syarat baru dalam kontrak iaitu menetapkan pembekal membeli balik alat ganti di peringkat awal yang didapati tidak diperlukan.
- Pembelian dan pertukaran kenderaan tentera kepada model baru dan pembelian peralatan jenis baru juga mengakibatkan alat ganti yang dibeli untuk kenderaan dan peralatan yang lama tidak bergerak.

16.4.2.3. Kadar Pusingan Stok

Kadar pusingan stok merupakan satu kaedah untuk mengawal stok bagi mengelakkan perolehan barangan secara berlebihan. Mengikut Tatacara Pengurusan Stor, semua stor Kerajaan hendaklah mencapai 4 kali kadar pusingan stok. Adalah didapati Depot Pusat Ordnans hanya dapat mencapai kadar pusingan stok 1.15 kali bagi tahun 1998 dan 0.86 kali bagi tahun 1999. Dalam kebanyakan kes, kadar pusingan stok yang dicapai oleh Kumpulan Ordnans Divisyen, Kumpulan Ordnans Briged dan Seksyen Stor Ordnans adalah kurang daripada satu kali kerana penyimpanan stok yang berlebihan dan stok tidak aktif.

16.4.2.4. Perakaunan Stor

- a. Kajian Audit terhadap laporan verifikasi stok yang dijalankan oleh pihak Kementerian antara tahun 1999 dan Jun 2000 di 28 Stor Ordnans mendapati tahap perakaunan Stor Ordnans berkenaan adalah kurang memuaskan. Daripada 5,972 barangan yang diperiksa oleh Pasukan Verifikasi Stok, 927 barangan (15.5%) daripada 27 stor mempunyai baki stok berbeza antara stok fizikal dan lejar. Perbezaan tersebut berlaku kerana rekod stok berkenaan tidak diselenggarakan dengan betul dan tidak kemas kini. Rekod-rekod stor masih disimpan secara manual.
- b. Adalah diperhatikan Kementerian telah membangunkan pengurusan sistem inventori berkomputer dalam 4 peringkat mulai tahun tujuh puluhan. Peringkat pertama dan kedua ialah mengkomputerisasikan pengurusan inventori di Depot Pusat Ordnans, peringkat ketiga di Kumpulan Ordnans Divisyen, Kumpulan Ordnans Briged dan Seksyen Stor Ordnans dan peringkat keempat di Depot Kenderaan dan Peluru. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pembangunan sistem komputerisasi tersebut hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya di Depot Pusat Ordnans, Kumpulan Ordnans Divisyen Taiping dan Kumpulan Ordnans Briged Sungai Petani. Projek pengkomputeran ini tidak dapat diteruskan ke Stor-stor Ordnans yang lain kerana kekurangan peruntukan.

16.5. Pemantauan

16.5.1. Markas Logistik Tentera Darat adalah bertanggungjawab terhadap segala urusan dan bantuan mengenai hal-hal logistik Tentera Darat. Depot Pusat Ordnans merupakan salah satu bahagian di bawah Markas Logistik bertanggungjawab menguruskan segala pembekalan dan penstoran Stor-stor Ordnans Tentera Darat. Aktiviti-aktiviti Depot Pusat Ordnans adalah dipantau oleh Markas Logistik Tentera Darat manakala prestasi pengurusan di Kumpulan Ordnans Divisyen dan Kumpulan Ordnans Briged masing-

masingnya dipantau oleh Divisyen/Briged berkenaan.

16.5.2. Mengikut Tatacara Pengurusan Stor, barangan sangat menarik perlu diverifikasikan tidak kurang daripada 2 kali setahun; barangan menarik sekali setahun manakala barangan yang tidak menarik tiap-tiap 2 tahun sekali. Bagaimanapun, didapati verifikasi stok di Stor Ordnans tidak dapat dijalankan mengikut kekerapan yang ditetapkan kerana kekurangan kakitangan. Hanya 16 jawatan diwujudkan untuk menjalankan verifikasi stok berbanding dengan pemeriksaan yang perlu dijalankan di 42 Stor Ordnans dan 288 unit operasi.

16.5.3. Maklumat-maklumat berhubung dengan pengurusan inventori di Depot Pusat Ordnans, Kumpulan Ordnans Divisyen Taiping dan Kumpulan Ordnans Briged Sungai Petani yang telah dikomputerisasi pada umumnya adalah lengkap. Bagaimanapun, di stor-stor yang lain, maklumat berhubung dengan jenis barangan yang disimpan, nilai pegangan stok, stok tidak aktif/stok usang sukar diperolehi dan jika ada, ketepatannya diragui.

16.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Depot Pusat Ordnans ada membuat perancangan untuk membekalkan barangan stor kepada pengguna ke tahap 80%. Bagaimanapun, sasaran ini tidak dicapai kerana kekurangan peruntukan kewangan. Sehubungan ini, Kementerian Kewangan sepatutnya meluluskan peruntukan yang mencukupi untuk membolehkan program penyelenggaraan/pembaikan kenderaan dan peralatan Angkatan Tentera Malaysia berjalan dengan lancar. Kementerian Pertahanan juga perlu mengkaji semula perkara-perkara berikut :-

- Barangan yang perlu dibeli bagi mengelakkan stok tidak aktif atau stok berlebihan bagi barangan yang kurang diperlukan.
- Perjawatan dan gred pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan stor supaya dapat disesuaikan dengan beban tugas.

- Proses pelupusan barangan perlu dikaji semula supaya tindakan segera boleh diambil untuk menghapuskan barangan yang tidak diperlukan lagi.

17. PENUBUHAN AKADEMI TENTERA MALAYSIA

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Akademi Tentera Malaysia (ATMA) telah ditubuhkan pada Julai 1995 bagi mengeluarkan siswazah-siswazah yang mempunyai kelulusan akademik dan ketenteraan. Akademi tersebut ditempatkan di sebuah kampus sementara di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Siswazah-siswazah lepasan ATMA dikehendaki berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Program yang ditawarkan oleh ATMA mengandungi 2 komponen, iaitu komponen ketenteraan dan komponen pendidikan akademik. Komponen pendidikan akademik dikendalikan oleh Universiti Teknologi Malaysia manakala komponen ketenteraan dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan.

17.1.2. Dari segi organisasi, ATMA diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan dan ijazahnya dikeluarkan oleh Universiti Teknologi Malaysia. Memorandum Persefahaman antara kedua-dua pihak telah ditandatangani pada Ogos 1995.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pembinaan ATMA telah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti bagi membolehkan Kementerian melaksanakan kursus-kursus akademik dan ketenteraan mengikut perancangan.

17.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan terhadap rekod-rekod dan dokumen-dokumen kontrak berhubung dengan pembinaan kampus dan pengambilan pelajar telah dijalankan di beberapa Bahagian Kementerian dan di Markas Angkatan Tentera Malaysia. Lawatan juga telah dibuat ke tapak projek ATMA di Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur.

17.4. PENEMUAN AUDIT

Kajian Audit yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2001 mendapati beberapa perkara seperti berikut :-

17.4.1. Perancangan

17.4.1.1. Pembinaan Kampus Akademi Tentera Malaysia

Kementerian merancang untuk melaksanakan pembinaan kampus ATMA secara *fast track* dengan menggunakan perkhidmatan juruperunding. Pembinaan kampus ATMA dan lain-lain kemudahan yang bernilai RM78.16 juta perlu disiapkan antara Mei 1998 hingga Julai 1999 melalui 3 pakej seperti di **Jadual 26**.

JADUAL 26
PAKEJ-PAKEJ PEMBINAAN KAMPUS AKADEMI TENTERA MALAYSIA

PAKEJ	TEMPOH KONTRAK
Pakej I - Blok Rumah Keluarga - Kelas G & H	23.9.96 - 18.5.98
Pakej II - Blok Asrama Lelaki dan Wanita/Dewan Makan	6.12.96 - 2.10.98
Pakej III - Blok Markas ATMA/Dewan Kuliah/Makmal	1.8.97 - 1.7.99

17.4.1.2. Pengambilan Pelajar

ATMA merancang mengambil pelajar secara berperingkat mulai tahun 1995. Bilangan yang diambil akan ditambah setiap tahun iaitu daripada 150 pelajar pada tahun 1995 menjadi 3,000 pelajar pada tahun 2002. Graduan pertama akan tamat pengajiannya pada tahun 2000. Program pengambilan pelajar yang dirancang adalah seperti di **Jadual 27**.

JADUAL 27
PERANCANGAN PROGRAM PENGAMBILAN PELAJAR
TAHUN 1995 HINGGA 2002

PELAJAR	TAHUN							
	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Pengambilan	150	300	500	600	600	600	600	600
Graduan	-	-	-	-	-	150	300	500
JUMLAH PELAJAR	150	450	950	1,550	2,150	2,600	2,900	3,000

17.4.1.3. Tenaga Pengajar

Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan 281 jawatan di mana 61 jawatan daripadanya adalah pensyarah pelbagai gred untuk mengendalikan program akademik.

17.4.1.4. Keperluan Kewangan

Untuk melaksanakan program ini, Kementerian telah diberikan peruntukan berjumlah RM130.11 juta untuk pembinaan dan menyediakan kemudahan serta peralatan-peralatan yang berkaitan.

Terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan penubuhan ATMA. Antara kelemahan yang ketara ialah tidak ada penyelarasan antara pengambilan pelajar dengan pelaksanaan projek pembinaan. Pengambilan pelajar dibuat 4 tahun lebih awal dari tempoh bangunan-bangunan patut disiapkan.

17.4.2. Pelaksanaan

17.4.2.1. Pembinaan Kampus Akademi Tentera Malaysia

Pemeriksaan Audit mendapati kelewatan yang ketara untuk menyiapkan pembinaan kampus ATMA. Kesemua pakej projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu antara bulan Mei 1998 hingga Julai 1999. Kedudukannya adalah seperti berikut :-

a. Pakej 1 - Blok Rumah Keluarga Kelas G

Sejumlah 98 unit rumah keluarga kelas G bernilai RM5.37 juta di bawah pakej ini telah disiapkan pada November 1999 selepas 3 lanjutan masa selama 60 minggu. Rumah keluarga setinggi 10 tingkat ini sepatutnya diduduki oleh anggota lain-lain pangkat yang bertugas di ATMA dan kem-kem yang berdekatan tetapi telah digunakan sebagai bilik kuliah di tingkat 1, dewan makan di tingkat bawah dan yang lainnya untuk bilik penginapan pelajar. **Gambar 24** menunjukkan blok rumah keluarga yang siap dibina.

GAMBAR 24



***98 Unit Rumah Keluarga Kelas G Digunakan Sebagai Bilik Kuliah,
Dewan Makan Dan Tempat Penginapan Pelajar***

b. Pakej 2 - Asrama Lelaki dan Wanita/Dewan Makan

Bangunan asrama/dewan makan yang bernilai RM29.57 juta tersebut tidak dapat disiapkan sungguhpun 4 lanjutan masa selama 108 minggu telah diberi kepada kontraktor berkenaan. Kementerian telah menamatkan kontrak ini pada November 2000. Semasa kontrak tersebut ditamatkan, kemajuan kerja adalah 85.6% sahaja. Proses untuk tender semula sedang diuruskan oleh pihak Kementerian. Kerja-kerja yang masih terbengkalai ialah kerja-kerja kemas bangunan, kerja mekanikal dan elektrik serta kerja infrastruktur dan landskap. **Gambar 25 dan 26** menunjukkan keadaan bangunan yang berkenaan.

GAMBAR 25



Blok Asrama Lelaki (10 tingkat)

GAMBAR 26



Blok Asrama Wanita (10 tingkat)

c. Pakej 3 – Blok Markas ATMA/ Dewan Kuliah/Makmal

Bangunan-bangunan yang dibina di bawah pakej ini dianggarkan bernilai RM38.76 juta. Ia mengandungi pejabat Markas ATMA, dewan kuliah, makmal, bilik pensyarah dan pejabat Jabatan Kejuruteraan. Pakej ini masih belum disiapkan sungguhpun telah diberi 4 lanjutan masa selama 108 minggu. Kemajuan kerja setakat Mac 2001 ialah 97.8%. Baki kerja adalah melibatkan kerja-kerja kemas bangunan serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik. Keadaan bangunan adalah ditunjukkan dalam **Gambar 27 dan 28**.

GAMBAR 27



Blok Markas ATMA (3 tingkat)

GAMBAR 28



Blok Jabatan Kejuruteraan (3 tingkat) dan Blok Dewan Kuliah Dan Bilik Pensyarah (11 tingkat)

Berikut adalah sebab-sebab pembinaan tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan :-

(i) Masalah Setinggalan

Kerja-kerja tidak dapat dimulakan mengikut jadual kerana tapak projek diduduki oleh setinggalan. Proses memindahkan setinggalan mengambil masa terlalu lama di mana urusan hanya diselesaikan pada bulan September 1997.

(ii) Perubahan Reka Bentuk Dan Skop Kerja

Reka bentuk bangunan disediakan sebelum mendapatkan maklumat-maklumat mengenai keadaan tanah tapak projek. Ini adalah kerana ujian tanah tidak dijalankan dengan sewajarnya. Apabila pembinaan dimulakan, reka bentuk bangunan terpaksa diubah untuk disesuaikan dengan keadaan tanah di tapak projek. Perubahan reka bentuk dan skop kerja juga terpaksa dibuat untuk menyesuaikannya dengan kehendak Kementerian.


(iii) Masalah Kewangan Kontraktor

Kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan pembinaan projek ATMA tidak dapat menjalankan kerja-kerja dengan lancar kerana menghadapi masalah kewangan.

Kelewatan kontraktor menyiapkan pembinaan kampus ATMA menyebabkan Kementerian Pertahanan terpaksa mengambil langkah-langkah berikut :-

- (i) Pengambilan pelajar untuk ATMA terpaksa dikurangkan daripada jumlah yang dirancang. Bagi tempoh 1995 hingga 2000 ATMA hanya dapat mengambil antara 78 hingga 258 pelajar setahun berbanding dengan bilangan yang dirancang untuk diambil bagi tempoh tersebut antara 150 hingga 600. Pengambilan pelajar di ATMA bagi tahun 1995 hingga 2000 adalah seperti **Carta 8** berikut :-

CARTA 8
PENGAMBILAN PELAJAR ATMA
BAGI TAHUN 1995 - 2000



- (ii) Oleh kerana kelewatan menyiapkan projek, Kementerian Pertahanan terpaksa menempatkan pelajar-pelajar ATMA yang berada di tahun ketiga di kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor mulai bulan Jun 1997. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, seramai 391 pelajar dari pengambilan tahun 1995 hingga 1999 terlibat dengan penempatan tersebut. Selain daripada itu, seramai 10 orang pegawai tentera yang mengendalikan dan mentadbirkan program penempatan ini juga ditempatkan di kampus Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Setakat Disember 2000, sejumlah RM12.17 juta telah dibelanjakan oleh ATMA untuk membiayai pelajar-pelajarnya di universiti itu.
- (iii) Pada bulan November 1997, Kementerian Pertahanan telah membeli 8 kontena berharga RM114,800 untuk dijadikan bilik kuliah bagi pelajar-pelajar tahun pertama dan kedua dan pejabat pentadbirannya. **Gambar 29** berikut menunjukkan kontena yang digunakan.

GAMBAR 29



Kontena Digunakan Sebagai Bilik Kuliah

- (iv) Pelajar-pelajar ATMA telah ditempatkan di rumah keluarga yang sebenarnya diperuntukkan untuk anggota lain-lain pangkat bagi sepanjang tempoh pengajiannya di ATMA. Keadaan ini menyebabkan anggota-anggota lain pangkat mengalami kekurangan kemudahan kediaman dan terpaksa menduduki rumah keluarga lain-lain pasukan di sekitar Kuala Lumpur.

17.4.2.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Kementerian telah diberikan peruntukan berjumlah RM130.11 juta iaitu RM94.91 juta untuk pembinaan bangunan dan RM35.20 juta untuk membeli perabot, komputer dan peralatan makmal. Nilai kontrak bagi membina kampus dan lain-lain kemudahan ialah RM78.16 juta. Setakat Mac 2001, sejumlah RM74.54 juta daripada nilai kontrak telah dibelanjakan. Bakinya tidak dapat dibelanjakan kerana pembinaan bangunan-bangunan yang berkenaan masih belum disiapkan.

17.4.2.3. Perjawatan ATMA

Setakat Mac 2001, hanya 203 daripada 281 jawatan yang diluluskan untuk mengendalikan ATMA telah diisi. Kekosongan jawatan yang paling ketara adalah melibatkan pensyarah-pensyarah. Mengikut ATMA, mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan tenaga akademik kerana ketiadaan calon yang berkelayakan atau calon-calon yang memohon melebihi usia yang ditetapkan. Adalah diperhatikan juga proses pengisian pensyarah mengambil masa terlalu lama. Mengikut Kementerian Pertahanan, proses pengambilan pensyarah adalah antara 6 hingga 8 bulan. Kedudukan pengisian perjawatan adalah seperti di **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN PENGISIAN PERJAWATAN ATMA
PADA MAC 2001

JENIS PERJAWATAN	PERJAWATAN DILULUSKAN	PERJAWATAN DIISI	%
Pegawai Tentera	31	28	90.3
Lain-lain Pangkat	124	100	80.6
Pensyarah	61	25	40.9
Pegawai/Kakitangan Awam	65	50	76.9
JUMLAH	281	203	

17.4.3. Pemantauan

Juruperunding bertindak bagi pihak Kementerian Pertahanan untuk memantau pelaksanaan projek ini. Selain itu, Jabatanarah Perumahan dan Pembinaan, Kementerian Pertahanan juga memantau kemajuan pembinaan serta kualiti kerja kontraktor. Dalam mengawalselia kerja-kerja pembinaan, Jabatanarah Perumahan dan Pembinaan, Kementerian Pertahanan sentiasa memberi bantuan dan nasihat kepada kontraktor untuk meningkatkan prestasi mereka. Pada amnya, pemantauan terhadap kerja-kerja pembinaan oleh pihak Kementerian adalah memuaskan.

17.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Perancangan dan pelaksanaan ATMA tidak dibuat dengan baik. Pengambilan pelajar dibuat sebelum pembinaan bangunan untuk bilik kuliah, pejabat dan kediaman disiapkan. Keadaan ini menyebabkan ATMA terpaksa mengurangkan bilangan pengambilan pelajar daripada yang telah dirancang dan juga menempatkan pelajar-pelajar tahun ketiga di Universiti Teknologi Malaysia. Oleh kerana kelewatan menyiapkan bangunan asrama, pelajar-pelajar ATMA juga telah ditempatkan di rumah-rumah keluarga yang disediakan untuk anggota lain-lain pangkat yang bertugas di ATMA dan kem-kem yang berdekatan. Ini menyebabkan anggota-anggota tersebut terpaksa menduduki rumah-rumah keluarga lain-lain pasukan di sekitar Kuala Lumpur.

18. PRASARANA PENDIDIKAN DI SEKOLAH MENENGAH

18.1. LATAR BELAKANG

Mengikut Akta Pendidikan 1996, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan setiap murid mendapat pendidikan di peringkat menengah bagi melahirkan warganegara yang berpendidikan, berketrampilan, berkemahiran dan cintakan negara. Setakat Disember 2000, terdapat 1,488 sekolah menengah di seluruh negara dengan seramai 1.95 juta pelajar dan 103,368 guru. Untuk membolehkan pendidikan yang berkesan diberi kepada pelajar-pelajar, kemudahan prasarana pendidikan yang secukupnya diperlukan. Prasarana pendidikan yang perlu disediakan merangkumi perkara-perkara berikut :-

- Penyediaan infrastruktur, kemudahan asas dan peralatan secukupnya.
- Penempatan guru-guru mengikut kesesuaian mata pelajaran serta enrolmen pelajar.
- Pewujudan suasana sekolah yang kondusif dan selamat.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada prasarana pendidikan telah disediakan dengan teratur dan memenuhi keperluan sekolah.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada prasarana pendidikan berhubung dengan infrastruktur, kemudahan asas dan peralatan di sekolah-sekolah menengah serta pewujudan suasana sekolah yang kondusif dan selamat. Pengauditan ini dijalankan di Kementerian Pendidikan, 4 Jabatan Pendidikan Negeri di Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan dan Melaka serta 41 sekolah di

negeri-negeri tersebut. Rekod-rekod yang berkaitan bagi tempoh 1998 hingga Jun 2000 telah diperiksa. Perbincangan dan temubual dengan Guru Besar dan pegawai yang terlibat juga diadakan.

18.4. PENEMUAN AUDIT

18.4.1. Perancangan

18.4.1.1. Infrastruktur

Perancangan dan pelaksanaan prasarana pendidikan melibatkan Jabatan Sekolah dan Bahagian Pembangunan, Penswastaan dan Bekalan di peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Pendidikan. Jabatan Sekolah bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaraskan program-program berkaitan dengan pembangunan sekolah dan penyediaan kemudahan yang berkaitan. Bahagian Pembangunan, Penswastaan dan Bekalan pula adalah bertanggungjawab mendapatkan peruntukan kewangan dan menyelaraskan pembinaan sekolah. Sehubungan ini, Kementerian telah mengeluarkan satu garis panduan berhubung dengan penyediaan prasarana pendidikan pada tahun 1997. Ia disediakan dengan berpanduan kepada Garis Panduan Perancangan Kemajuan Masyarakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. Garis panduan tersebut telah menetapkan beberapa kriteria berhubung dengan lokasi tapak, keluasan minimum tapak dan reka bentuk serta susunatur sekolah seperti berikut :-

Lokasi Sekolah

Sekolah-sekolah hendaklah dibina di lokasi yang sesuai untuk pembelajaran dan pengajaran; jauh dari kawasan industri dan lebuh raya; tidak di kawasan yang berpaya dan berbukit, tidak di kawasan banjir dan jauh dari risiko tanah runtuh serta berhampiran dengan kemudahan-kemudahan awam yang lain.

Keluasan Tapak Sekolah

Kementerian telah menetapkan keluasan tapak sekolah bergantung kepada keadaan topografi tapak. Bagi kawasan yang agak berbukit dan bercerun, keluasannya hendaklah antara 4 hingga 6 hektar manakala di kawasan rata luasnya ialah antara 3 hingga 4.8 hektar.

Reka Bentuk Dan Susunatur Sekolah

Kementerian telah menetapkan reka bentuk dan susunatur sekolah di mana setiap sekolah hendaklah mempunyai antaranya pejabat pentadbiran; pejabat pengetua; bilik guru; perpustakaan; bengkel dan bilik makmal; kantin; dewan; padang permainan; bilik air dan tandas; pondok pengawal; tempat menunggu bas dan surau.

18.4.1.2. Peruntukan Kewangan

Pada setiap tahun, Kementerian menyediakan anggaran perbelanjaan antara lain untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan serta pembelian peralatan bagi sekolah-sekolah menengah. Anggaran ini dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia untuk kelulusan sebelum pembentangan di Parlimen. Semakan Audit mendapati kecuali untuk tahun 2000, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1998 dan 1999 adalah jauh lebih rendah dari yang dipohon. Keterangan lanjut adalah seperti **Jadual 29** berikut :-

JADUAL 29
PERUNTUKAN YANG DIPOHON DAN DILULUSKAN
BAGI TAHUN 1998 HINGGA 2000

TAHUN	PERUNTUKAN YANG DIPOHON (RM Juta)	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	PERBEZAAN LEBIH/(KURANG) (RM Juta)
1998	545.34	332.28	(213.06)
1999	450.61	341.69	(108.92)
2000	294.52	341.69	47.17

Adalah didapati Kementerian mempunyai perancangan yang baik berhubung dengan pembangunan prasarana sekolah-sekolah yang baru khususnya untuk sekolah-sekolah yang dibina selepas tahun 1997. Bagaimanapun, Kementerian tidak menyediakan peruntukan kewangan yang khusus untuk kerja-kerja penyelenggaraan di sekolah-sekolah menengah.

18.4.2. Pelaksanaan

Lawatan Audit yang dijalankan di 41 sekolah menengah mendapati perkara-perkara berikut :-

18.4.2.1. Lokasi Tapak Dan Keselamatan Sekolah

- a. Tiga puluh sekolah terletak di lokasi yang memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam garis panduan Kementerian. Suasana sekolah-sekolah berkenaan didapati kondusif. Bagaimanapun, lokasi 11 sekolah yang lain adalah kurang memuaskan kerana ia terletak di kawasan yang berhampiran dengan pembuangan/ pelupusan sampah, lebuh raya atau kawasan setinggan. Keadaan ini timbul kerana pembangunan berlaku di sekitar kawasan sekolah selepas ia dibina.
- b. Mengikut garis panduan, setiap sekolah perlu mewujudkan kawalan keselamatan yang secukupnya bagi menjamin kawasan sekolah sentiasa selamat. Bagi tujuan ini sekolah hendaklah berpagar, pondok pengawal disediakan dan pengawal keselamatan dilantik untuk meronda kawasan sekolah. Semakan Audit mendapati keadaan keselamatan di 24 sekolah adalah memuaskan manakala di 17 sekolah yang lain, kawalan keselamatannya perlu dipertingkatkan bagi menjamin keselamatan pelajar dan harta benda sekolah.

18.4.2.2. Bangunan Sekolah

- a. Pada amnya, keadaan dan susunatur bangunan di 19 sekolah adalah memuaskan. Sekolah-sekolah berkenaan berada dalam keadaan yang baik dan bersih serta mempunyai kemudahan-kemudahan seperti mana yang ditetapkan dalam garis panduan Kementerian. Keadaan ini adalah kerana sama ada sekolah-sekolah berkenaan baru dibina atau pun Guru Besar Pengetua/ Persatuan Ibu Bapa dan Guru mempunyai inisiatif untuk mendapatkan sumber kewangan luar bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan prasarana. **Gambar 30** menunjukkan contoh sekolah yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

GAMBAR 30



***Sekolah Kelihatan Ceria Dan Menarik
Nama Sekolah : SMK Kepong Baru Kuala Lumpur***

- b. Bagi bangunan-bangunan di 22 sekolah yang lain, pihak Audit mendapati beberapa kerosakan yang ketara seperti bumbung dan siling bocor, lantai pecah, tandas rosak, tingkap pecah, pendawaian elektrik rosak dan dinding-dinding bangunannya kotor kerana tidak diselenggara dengan sempurna. Keadaan bangunan sekolah sedemikian boleh mencemarkan imej sekolah dan menjejaskan keselamatan pelajar-pelajar serta mewujudkan suasana sekolah yang tidak kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan ini, untuk menentukan tahap keselamatan bangunan-bangunan sekolah yang berkenaan, pihak Audit telah meminta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk membuat pemeriksaan terhadap bangunan SMK Seri Selayang 2, Selayang, Selangor dan SMK Maxwell, Kuala Lumpur. Hasil daripada pemeriksaan itu, Jabatan berkenaan telah mengesahkan bahawa bangunan di kedua-dua sekolah itu adalah tidak selamat dan terdedah kepada kebakaran. Memandangkan perkara ini adalah serius, pihak Audit telah mengesyorkan supaya Kementerian menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap sekolah-sekolah yang mengalami masalah yang serupa. **Gambar 31** menunjukkan contoh keadaan bangunan sekolah yang tidak memuaskan.

GAMBAR 31



***Keadaan Sekolah Yang Tidak Memuaskan
Nama Sekolah: SMK Pandamaran Jaya, Kelang, Selangor***

- c. Semakin selanjutnya mendapati kebanyakan sekolah mengalami kerosakan yang teruk kerana kerja-kerja penyelenggaraan tidak dijalankan secara berjadual dan peruntukan khusus untuk tujuan ini juga tidak disediakan.
- d. Mengikut garis panduan Kementerian, setiap sekolah yang mengikuti sukatan mata pelajaran sains tulin perlu mempunyai bilik makmal sains. Adalah diperhatikan semua sekolah yang dilawati mempunyai makmal sains tulin. Susunatur dan keluasan bilik makmal sains berkenaan adalah mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian. Bagaimanapun, kebanyakan makmal itu mengalami kerosakan yang ketara seperti singki pecah dan kebocoran paip air dan gas.
- e. Bagi memastikan makmal sains dapat diuruskan dengan baik, pembantu makmal perlu ditempatkan di setiap makmal sains. Pemeriksaan Audit mendapati 26 sekolah mempunyai pembantu makmal manakala 15 sekolah yang lain, jawatan pembantu makmal tidak diisi sepenuhnya. Sekolah-sekolah berkenaan telah memaklumkan tentang kekosongan jawatan itu kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian

tetapi tindakan pengisiannya masih belum diambil. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada pihak Kementerian, jawatan pembantu makmal masih belum diisi kerana keperluannya tidak begitu mendesak.

- f. Kebanyakan sekolah yang dilawati tidak mempunyai dewan dan bilik yang mencukupi untuk aktiviti kaunseling, rawatan pelajar, ko-kurikulum dan kelab. Sekolah-sekolah ini tidak mempunyai kemudahan tersebut kerana ia tidak dimasukkan dalam perancangan pembinaan asal memandangkan sekolah-sekolah itu telah dibina sebelum garis panduan mengenai prasarana dikeluarkan oleh Kementerian.

18.4.2.3. Padang Permainan

Seperti mana yang telah dinyatakan terdahulu, setiap sekolah perlu mempunyai sebuah padang permainan untuk membolehkan aktiviti sukan dan permainan padang diadakan. Pemeriksaan Audit mendapati kecuali 2 sekolah, sekolah-sekolah lain yang dilawati mempunyai padang permainan dan kebanyakannya berkeadaan baik.

18.4.3. Pemantauan

Mengikut amalan masa kini, sebarang masalah berkaitan dengan prasarana pendidikan akan dilaporkan oleh pihak sekolah kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya. Antara masalah yang dilaporkan itu ialah mengenai kerosakan prasarana yang memerlukan pembaikan dan masalah kekurangan kemudahan prasarana. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati laporan-laporan tersebut tidak dimaklumkan kepada Kementerian. Sebaliknya, pihak Jabatan Pendidikan Negeri hanya mengambil tindakan ke atas laporan-laporan yang diterima secara *ad hoc*. Kelemahan dari segi pemantauan adalah kerana pihak Kementerian/Jabatan Pendidikan Negeri tidak mempunyai sistem pemantauan terhadap prasarana di sekolah-sekolah.

18.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, sekolah-sekolah yang baru dibina mempunyai prasarana yang memuaskan dan boleh menampung keperluan sekolah. Bagaimanapun bagi sekolah-sekolah yang lama, keadaan prasarananya perlu dipertingkatkan. Bagi tujuan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

- Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri perlu menyelenggarakan rekod yang lengkap dan kemas kini yang mengandungi maklumat-maklumat seperti bilangan sekolah mengikut Negeri dan Daerah serta keadaan prasarana sekolah-sekolah berkenaan. Maklumat-maklumat tersebut akan membolehkan Kementerian atau Jabatan Pendidikan Negeri memantau, merancang serta mengambil tindakan susulan terhadap masalah-masalah prasarana sekolah-sekolah.
- Kementerian hendaklah merancang kerja-kerja penyelenggaraan prasarana secara berjadual.
- Peruntukan kewangan yang mencukupi perlu disediakan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dirancang.
- Juruperunding kejuruteraan boleh dilantik untuk mengenal pasti kerosakan-kerosakan di sekolah yang memerlukan tindakan pembaikan segera dan seterusnya melantik panel kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan seperti yang telah dikenal pasti.
- Bagi sekolah-sekolah yang menghadapi masalah prasarana sama ada lokasinya tidak lagi sesuai atau pembesaran sekolah terhad kerana ketiadaan kawasan, Kementerian patut mengkaji sama ada ia perlu menempatkan semula sekolah berkenaan ke lokasi yang lebih sesuai.

19. PROGRAM LATIHAN KEJURURAWATAN

19.1. LATAR BELAKANG

Akta Jururawat Tahun 1950 menetapkan antara lain seseorang Jururawat perlu mengikuti kursus kejururawatan sebelum memulakan perkhidmatannya. Selaras dengan kehendak Akta ini, Kementerian Kesihatan melaksanakan Program Latihan Kejururawatan mulai tahun 1952. Objektif utama program latihan ini adalah untuk membolehkan Jururawat-jururawat berupaya menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit terhadap Program Latihan Kejururawatan adalah untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan teratur dan mengikut perancangan.

19.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dijalankan terhadap rekod-rekod bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 1996 hingga 2000 di peringkat Ibu Pejabat dan 12 Institut Latihan yang dipilih iaitu Kolej-kolej Kejururawatan Alor Setar, Pulau Pinang termasuk Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang, Seremban, Muar, Kuala Terengganu dan Kuching; Hospital-hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Kuala Lumpur; Sekolah-sekolah Kejururawatan Masyarakat Kulim, Kuala Pilah dan Batu Pahat.

19.4. PENEMUAN AUDIT

19.4.1. Perancangan

Bagi membolehkan Program Latihan Kejururawatan dilaksanakan dengan berkesan, perancangan yang teratur berhubung dengan pengambilan pelatih dan tenaga pengajar; kemudahan-kemudahan latihan serta peruntukan kewangan yang mencukupi adalah perlu.

19.4.1.1. Pengambilan Pelatih

Pengambilan pelatih bagi Program Latihan Kejururawatan dilaksanakan dengan menawarkan latihan asas, latihan pengkhususan dalam sesuatu bidang perubatan kepakaran dan juga latihan Pendidikan Jarak Jauh khusus untuk peningkatan kerjaya bagi mereka yang berada dalam skim perkhidmatan yang lebih rendah. Bahagian Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, Kementerian adalah bertanggungjawab menentukan bilangan Jururawat yang perlu dilatih mengikut peringkat dan bidang pengkhususannya. Sehubungan ini bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000, Kementerian merancang untuk melatih seramai 12,878 orang Jururawat peringkat diploma (Jururawat Terlatih) dan 6,640 orang Jururawat peringkat sijil (Jururawat Masyarakat). Bilangan Jururawat yang dilatih ini ditentukan dengan berasaskan kepada faktor-faktor berikut :-

- a. Bilangan jawatan Jururawat yang diluluskan untuk diisi bagi sesuatu tahun.
- b. Mengganti Jururawat yang dijangka bersara wajib, bersara pilihan dan meletak jawatan dalam perkhidmatan untuk sesuatu tahun.
- c. Jawatan tambahan Jururawat untuk ditempatkan di 26 hospital yang telah siap dibina setakat Disember 2000 dan 15 hospital dalam pembinaan.

19.4.1.2. Tenaga Pengajar

Nisbah pengajar dengan pelatih yang ditetapkan oleh Kementerian bagi kursus Jururawat ialah 1:20. Nisbah ini telah ditetapkan sejak tahun 1980. Sehingga Disember 2000, sejumlah 475 jawatan pengajar yang terdiri daripada Jururawat gred U7 hingga U4 telah diwujudkan untuk semua institut latihan kejururawatan. Tenaga pengajar perlu mempunyai kelayakan Sijil Mengajar selain daripada Diploma Kejururawatan yang sedia ada dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun.

19.4.1.3. Kemudahan Latihan Dan Tempat Tinggal

- a. Institut-institut latihan kejururawatan telah diwujudkan secara *ad hoc* dan tidak dirancang secara jangka panjang. Sebahagian kolej/sekolah latihan kejururawatan ditempatkan di bangunan hospital lama, pusat kesihatan lama atau pusat latihan luar bandar yang diubah suai untuk dijadikan asrama dan bilik kuliah.
- b. Sehingga Disember 2000, 31 kolej/sekolah latihan kejururawatan telah diwujudkan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 20 kolej latihan kejururawatan adalah untuk melatih jururawat peringkat diploma manakala 11 sekolah latihan kejururawatan adalah untuk melatih jururawat peringkat sijil. Selain daripada itu, Kementerian juga sedang membina 2 kolej latihan kejururawatan di Sibu dan Sandakan dan sebuah sekolah latihan kejururawatan di Tawau untuk menampung pengambilan pelatih baru. Kedudukan taburan kolej/sekolah latihan yang sedia ada mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 30** berikut :-

JADUAL 30
TABURAN KOLEJ/SEKOLAH LATIHAN KEJURURAWATAN
SEHINGGA TAHUN 2000

NEGERI	KOLEJ	SEKOLAH	JUMLAH
Kedah	2	1	3
Pulau Pinang	3	-	3
Perak	2	-	2
Selangor	1	-	1
Wilayah Persekutuan	1	-	1
Negeri Sembilan	1	2	3
Melaka	1	-	1
Johor	2	4	6
Pahang	1	1	2
Terengganu	1	-	1
Kelantan	1	1	2
Sarawak	2	1	3
Sabah	2	1	3
JUMLAH	20	11	31

- c. Kementerian juga telah menetapkan kemudahan-kemudahan asas dan peralatan yang perlu disediakan di kolej/sekolah kejururawatan yang mencukupi untuk pelatih-pelatih seperti asrama yang selesa, dewan kuliah, dewan makan dan peralatan pembelajaran.

19.4.1.4. Kurikulum Latihan

Bahagian Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, Kementerian bertanggungjawab menyediakan kurikulum serta modul latihan kejururawatan berpandukan kepada kaedah-kaedah latihan kejururawatan di United Kingdom. Kurikulum dan modul latihan itu diluluskan oleh Lembaga Jururawat, Kementerian sebelum diterima pakai di kolej/sekolah kejururawatan di seluruh negara.

19.4.1.5. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Di bawah peruntukan mengurus, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM622.92 juta untuk melaksanakan program latihan di peringkat Kementerian dan juga pengurusan institut-institut latihan di seluruh negara bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000. Daripada jumlah ini, sejumlah RM580.87 juta telah dibelanjakan. Selain dari Program Latihan Kejururawatan, Kementerian juga melaksanakan latihan-latihan untuk program kesihatan awam, perkhidmatan kesihatan luar bandar, perkhidmatan pergigian, perkhidmatan kesihatan bandar serta bekalan air dan kebersihan alam sekitar. Kementerian juga mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM981.71 juta untuk membina dan membaik pulih institut-institut latihan bagi tempoh 1996 hingga 2000.

Pada pendapat Audit, Kementerian mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan Program Latihan Kejururawatan.

19.4.2. Pelaksanaan

Pemeriksaan Audit dijalankan untuk menentukan sama ada program latihan telah dilaksanakan mengikut perancangan berhubung dengan

pengambilan pelatih, tenaga pengajar, kurikulum latihan dan peruntukan kewangan. Sehubungan ini, pemeriksaan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

19.4.2.1. Pengambilan Pelatih

- a. Adalah didapati Kementerian tidak dapat melatih Jururawat di peringkat diploma mengikut bilangan yang telah dirancang. Pengambilan pelatih bagi Jururawat peringkat diploma (Jururawat Terlatih) bagi tempoh 1996 hingga 2000 ialah 9,300 orang (72.2%) sahaja berbanding dengan unjuran Kementerian berjumlah 12,878 orang. Bagaimanapun, bagi pengambilan Jururawat peringkat sijil, pengambilannya melebihi unjuran untuk tahun-tahun 1999 dan 2000. Kedudukan pengambilan pelatih di kolej/sekolah latihan kejururawatan mengikut unjurannya bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 adalah seperti di **Jadual 31**.

JADUAL 31
PERANCANGAN DAN PENGAMBILAN SEBENAR PELATIH
BAGI TAHUN 1996 HINGGA 2000

TAHUN	BILANGAN PELATIH PERINGKAT DIPLOMA			BILANGAN PELATIH PERINGKAT SIJIL		
	UNJURAN	SEBENAR	% PENGAMBILAN	UNJURAN	SEBENAR	% PENGAMBILAN
1996	2,062	1,810	87.78	920	702	76.30
1997	2,704	1,735	64.16	1,430	900	62.94
1998	2,704	1,571	58.10	1,430	1,377	96.29
1999	2,704	1,641	60.69	1,430	1,592	111.33
2000	2,704	2,543	94.05	1,430	2,100	146.85
JUMLAH	12,878	9,300	72.22	6,640	6,671	100.47

- b. Semakan selanjutnya mendapati Kementerian tidak dapat mengambil pelatih mengikut bilangan yang dirancang walaupun permohonan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melebihi unjuran. Mengikut rekod SPA, bilangan pemohon bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 ialah seramai 131,976 orang dan seramai 40,030 orang daripadanya telah dipanggil untuk temuduga. Bagaimanapun selepas proses pengambilan dibuat, sebahagian pemohon yang berjaya didapati tidak melaporkan diri. Sebagai contoh, seramai 10,792 pemohon bagi jawatan

Jururawat Terlatih telah berjaya dan ditawarkan jawatan bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 tetapi hanya 9,300 orang sahaja melaporkan diri. Kedudukan ini menyebabkan pengambilan pelatih berkurangan dan unjuran Kementerian tidak tercapai.

19.4.2.2. Kemudahan Latihan Dan Tempat Tinggal

- a. Adalah didapati sejumlah 20 institusi latihan kejururawatan beroperasi di bangunan hospital lama dan sebahagiannya wujud sebelum tahun 1960an lagi. Dengan keadaan bangunan yang lama ini, kapasiti kolej/sekolah latihan kejururawatan yang sedia ada tidak dapat menampung bilangan pelatih mengikut unjuran, sungguhpun ada antara kolej/sekolah itu telah mengambil pelatih 50 % melebihi kapasitinya. Pengambilan pelatih yang melebihi kapasiti yang ditetapkan di kolej/sekolah latihan telah mengakibatkan beberapa kemudahan asas tidak mencukupi. Sebagai contoh, dewan kuliah di Kolej Kejururawatan Kuching, Sarawak didapati sempit, sesak dan panas disebabkan lebih daripada 100 pelatih ditempatkan di dewan tersebut. Dewan ini dianggarkan dapat memuatkan 60 orang pelatih sahaja seperti **Gambar 32**.

GAMBAR 32



*Lokasi : Kolej Kejururawatan Kuching, Sarawak
Keadaan : Dewan Kuliah Yang Sempit*

- b. Ruang bilik asrama pelatih di Kolej Kejururawatan Hospital Kuala Lumpur dan Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang juga sempit. Kemudahan seperti almari pakaian dan meja tulis tidak dibekalkan. Bilik asrama yang hanya sesuai untuk 2 orang pelatih sahaja tetapi dimuatkan 4 pelatih seperti ditunjukkan di **Gambar 33** manakala **Gambar 34** menunjukkan kesesakan bilik asrama yang tidak selesa.

GAMBAR 33



*Lokasi : Kolej Kejururawatan Hospital Kuala Lumpur
Keadaan : 4 Pelatih Ditempatkan Dalam Bilik Ini*

GAMBAR 34



*Lokasi : Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang
Keadaan : 42 Pelatih Ditempatkan Dalam Bilik Asrama Ini*

- c. Adalah didapati Kementerian telah mengambil pendekatan baru untuk menyewa rumah kediaman, kondominium dan pangsapuri untuk dijadikan asrama. Pada pandangan Audit, ini adalah satu langkah yang baik oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan asrama. Semakan Audit mendapati Kolej Kejururawatan Alor Setar dan Muar tiada menghadapi masalah mengenai penyewaan rumah kediaman, kondominium dan pangsapuri bagi pelatih-pelatih tambahan. Bagaimanapun, Kolej Kejururawatan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang yang menyewa 13 unit kondominium untuk menempatkan 100 pelatih bagi sesi pengambilan Julai 2000 telah menghadapi kelebihan kondominium yang disewa. Adalah didapati Bahagian Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, Kementerian hanya menempatkan 54 pelatih berbanding dengan 100 pelatih yang dirancang. Ini mengakibatkan kondominium disewa berlebihan 6 unit oleh kerana hanya 7 unit sahaja diguna pakai. Mengikut penjelasan daripada Kementerian, unit-unit kondominium yang kosong akan diisi pada Julai 2001. Berdasarkan kepada kadar sewa RM1,200 sebulan seunit, Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan sia-sia berjumlah RM86,400 untuk 6 unit yang tidak diduduki bagi tempoh Julai 2000 hingga Jun 2001.

19.4.2.3. Tenaga Pengajar

- a. Kementerian telah menetapkan nisbah pengajar dan pelatih bagi kursus Jururawat ialah 1:20, namun semakan Audit mendapati 7 kolej/sekolah latihan kejururawatan mempunyai nisbah pengajar dan pelatih yang lebih tinggi daripada nisbah yang ditetapkan iaitu antara 1:25 hingga 1:34. Keadaan ini wujud kerana daripada sejumlah 475 jawatan pengajar yang diwujudkan bagi semua institut latihan kejururawatan hanya 416 daripada jawatan itu telah diisi. Antara faktor yang menyebabkan nisbah yang ditetapkan oleh Kementerian tidak dapat diikuti ialah kesukaran mendapat tenaga pengajar yang sesuai dan kadar perletakan jawatan yang tinggi di kalangan

Jururawat-jururawat yang berpengalaman. Kedudukan jawatan pengajar mengikut gred secara keseluruhannya adalah seperti di **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN JAWATAN PENGAJAR
DI INSTITUT LATIHAN KEJURURAWATAN
SEHINGGA 2000

JURURAWAT (Gred)	BILANGAN PERJAWATAN	
	Lulus	Isi
U4	5	5
U5	16	8
U6	44	37
U7	410	366
JUMLAH	475	416

- b. Sejajar dengan hasrat Kementerian untuk meningkatkan lagi keupayaan tenaga pengajar yang sedia ada, Kementerian memberi galakan kepada pengajar institut latihan kejururawatan supaya menyambungkan pelajaran mereka ke peringkat ijazah. Semakan Audit mendapati seramai 42 daripada 155 pengajar atau 27% telah memperolehi ijazah dalam bidang kejururawatan. Walaupun pengajar-pengajar berkenaan telah mempunyai kelayakan tambahan peringkat ijazah, adalah didapati gred perjawatan mereka masih tidak disesuaikan dengan kelayakan mereka. Pengajar-pengajar tersebut masih dikekalkan dalam kumpulan sokongan dan ini menyebabkan ada antaranya yang telah meninggalkan jawatan mereka.

19.4.2.4. Perbelanjaan Pembangunan

Berhubung dengan peruntukan pembangunan berjumlah RM981.71 juta, sejumlah RM64.79 juta telah diperuntukkan untuk membina dan membaiki pulih institut-institut latihan bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000. Daripada jumlah ini, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM28.43 juta bagi membina 2 kolej latihan kejururawatan, sebuah sekolah latihan kejururawatan dan membaiki pulih 3

kolej/sekolah latihan kejururawatan yang sedia ada. Peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya kerana beberapa projek berkaitan telah ditangguhkan dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

19.4.2.5. Prestasi Program Latihan

a. Pencapaian Pelatih

Semakan Audit terhadap keputusan peperiksaan akhir pelatih-pelatih bagi tempoh 3 tahun yang lepas mendapati pada puratanya lebih 90% daripada mereka lulus peperiksaan tersebut sama ada di peringkat diploma atau sijil. Manakala mereka yang gagal dalam peperiksaan akhir itu masih diberi peluang mengikuti peperiksaan ulangan tahun berikutnya.

b. Pelatih-pelatih Yang Diberhentikan

Terdapat pelatih-pelatih yang terpaksa diberhentikan daripada mengikuti kursus berkenaan kerana tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian seperti melanggar disiplin kolej, tidak menghadiri kursus tanpa alasan dan mencuri peralatan latihan. Mengikut syarat perjanjian, pelatih-pelatih yang diberhentikan ini perlu membayar denda mengikut jumlah yang ditetapkan. Bagaimanapun, jumlah sebenar pelatih-pelatih yang diberhentikan tidak dapat ditentukan kerana rekod-rekod mengenainya di Bahagian Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, Kementerian tidak kemas kini. Semakan Audit terhadap rekod-rekod yang dikemukakan bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 mendapati 93 pelatih telah melanggar syarat perjanjian dan telah diberhentikan. Pelatih-pelatih ini telah dikenakan denda berjumlah RM1.20 juta dan daripada jumlah ini, hanya sejumlah RM0.21 juta dapat dipungut manakala bakinya berjumlah RM0.99 juta masih tertunggak.

19.4.3. Pemantauan

Bahagian Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, Kementerian adalah bertanggungjawab untuk memantau pengurusan kolej/sekolah latihan dan pelaksanaan program latihan. Dari semasa ke semasa

pegawai daripada Bahagian Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, Kementerian telah membuat lawatan ke kolej/sekolah latihan untuk menentukan sama ada kurikulum program ini dilaksanakan dengan sepenuhnya. Selain daripada itu, Bahagian ini juga mengadakan seminar tahunan yang dihadiri oleh semua pengetua kolej/sekolah latihan untuk mendapat maklum balas berhubung dengan pengurusan kolej/sekolah latihan masing-masing. Pada umumnya, sistem pemantauan yang diwujudkan oleh Kementerian terhadap pelaksanaan Program Latihan Kejururawatan adalah memuaskan.

19.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Sungguhpun Kementerian menghadapi masalah kekurangan kemudahan tempat latihan dan tenaga pengajar namun ia berupaya melatih Jururawat-jururawat di peringkat diploma dan sijil untuk mengisi sebahagian daripada jawatan Jururawat yang diperlukan oleh negara. Bagi meningkat keupayaan Kementerian untuk melatih Jururawat mengikut bilangan yang dirancang, pihak Audit ingin mengesyorkan supaya Kementerian mempercepatkan pelaksanaan institut latihan secara berpusat seperti mana yang telah dirancangkannya. Dengan melaksanakan latihan secara berpusat, Kementerian boleh mengadakan pusat latihan integrasi yang moden (*modern and fully integrated training centre*); menyediakan kemudahan-kemudahan asas, pembelajaran dan penginapan yang lebih sempurna kepada pelatih-pelatih. Adalah dicadangkan Kementerian mengkaji semula gred perjawatan tenaga pengajar yang mempunyai ijazah bagi mengelakkan mereka daripada meninggalkan jawatan kerana ia akan menjejaskan keberkesanan Program Latihan Kejururawatan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

20. KEMUDAHAN PERUMAHAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

20.1. LATAR BELAKANG

Mengikut skim perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), setiap anggotanya perlu diberi kemudahan perumahan. Bagi memenuhi keperluan ini, pihak PDRM telah melaksanakan beberapa projek perumahan yang baru di samping memastikan rumah-rumah yang sedia ada sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Sehingga tahun 2000, PDRM telah menyediakan 49,568 unit rumah untuk anggotanya. Bilangan perjawatan PDRM pada akhir tahun 2000 ialah 83,353 anggota.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada bilangan rumah yang disediakan mencukupi dan selesa diduduki, pengagihan rumah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan dan penyelenggaraannya dilaksanakan dengan teratur.

20.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian Audit ini meliputi perolehan rumah bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pengagihan dan penyelenggaraan rumah-rumah berkenaan bagi tempoh 1997 hingga Disember 2000. Rekod-rekod di Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat PDRM, Ibu Pejabat Polis Kontinjen/Daerah, Balai-balai Polis, Pasukan Gerakan Am, Pasukan Polis Marin dan Pusat Latihan Polis di 7 negeri telah disemak. Maklumat juga diperolehi daripada penghuni rumah yang dilawati.

20.4. PENEMUAN AUDIT

Kajian Audit yang dijalankan antara bulan Mac hingga Disember 2000 mendapati perkara-perkara berikut :-

20.4.1. Perancangan

20.4.1.1. Perolehan Rumah

a. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan bahawa 90% daripada anggota PDRM akan disediakan kemudahan perumahan menjelang tahun 2000. Bagi mencapai sasaran ini pihak KDN telah menyediakan satu pelan induk di bawah Rancangan Khas Perumahan PDRM. Pelan ini telah diluluskan pada tahun 1990 oleh Menteri Dalam Negeri. Rancangan Khas Perumahan PDRM ini telah dilaksanakan melalui satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha KDN, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi, Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri dan wakil Perbendaharaan. Antara lain, jawatankuasa ini bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut :-

- Merancang penyediaan perumahan dan bangunan pentadbiran untuk PDRM serta mendapatkan peruntukan.
- Mengkaji dan menilai tawaran-tawaran perolehan perumahan dan bangunan pentadbiran PDRM.
- Memperakukan perolehan untuk kelulusan Kementerian Kewangan.
- Mengawasi projek-projek yang dilaksanakan.

b. Di bawah Rancangan Khas Perumahan ini, rumah-rumah diperolehi melalui 3 kaedah iaitu membeli rumah daripada pemaaju, membina rumah atas tanah milik PDRM dan secara penswastan dengan memindahkan hak milik tanah PDRM kepada pihak swasta dan sebagai balasan pihak swasta akan menyediakan bangunan pentadbiran PDRM berserta rumah anggota sebagai tukaran tanah-tanah tersebut.

c. Projek perumahan di bawah Rancangan Khas Perumahan PDRM ini dibiayai melalui peruntukan pembangunan Jabatan Perdana Menteri. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah RM879.38 juta telah diluluskan untuk memperolehi 19,058 unit

rumah, manakala 5,075 unit rumah diperolehi melalui pemindahan hak milik tanah.

- d. Selain daripada memperolehi rumah di bawah Rancangan Khas Perumahan tersebut, PDRM juga membina rumah untuk anggotanya melalui peruntukan pembangunannya. Pembinaan rumah-rumah ini dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, PDRM telah diperuntukkan RM619.81 juta untuk membina 4,549 unit rumah termasuk bangunan pejabat.

20.4.1.2. Penyelenggaraan Rumah

PDRM ada menyediakan rancangan penyelenggaraan tahunan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan ubah suai rumah-rumah anggotanya. Bagi tujuan ini, peruntukan berjumlah RM36.70 juta bagi tempoh tahun 1997 hingga Disember 2000 telah diluluskan. Bagaimanapun, didapati peruntukan secara khusus bagi penyelenggaraan rumah-rumah anggota tidak disediakan.

Pada umumnya, PDRM mempunyai perancangan yang baik dari segi perolehan rumah-rumah untuk anggotanya. PDRM juga merancang kerja-kerja penyelenggaraan tetapi ia tertumpu kepada kerja-kerja pembaikan dan ubahsuai. Penyelenggaraan secara berjadual terhadap rumah-rumah anggota tidak disediakan.

20.4.2. Pelaksanaan

20.4.2.1. Perolehan Rumah

Setakat Disember 2000, PDRM telah dapat menyediakan rumah kepada 60% daripada anggotanya berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu 90%. Semakan Audit mendapati PDRM tidak dapat mencapai tahap yang ditetapkan kerana faktor-faktor berikut :-

- a. Daripada 28,682 unit rumah yang dirancang untuk diperolehi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh hanya 4,895 unit rumah telah disiapkan. Selain itu, 10,079 unit rumah sedang dalam pembinaan, 7,890 unit rumah masih di peringkat perancangan, 1,782 unit rumah ditangguhkan pelaksanaannya ke Rancangan Malaysia Kelapan

dan 4,036 unit rumah dibatalkan pelaksanaannya semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

- b. Adalah didapati 6 daripada 53 projek perumahan dalam pembinaan yang melibatkan perolehan 1,784 unit rumah tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan projek-projek tersebut ialah masalah tapak projek, perubahan skop kerja dan masalah kewangan pihak pemaju. Pemaju-pemaju berkenaan telah diberikan kelulusan lanjutan masa untuk menyiapkan projek masing-masing. Lanjutan masa yang diberikan ada yang melebihi 5 tahun dari tarikh asal menyiapkan projek tersebut. Kelewatan menyiapkan projek-projek perumahan itu menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung bayaran elaun perumahan yang dianggarkan berjumlah RM16.75 juta kepada anggota yang tidak dapat menduduki rumah-rumah tersebut.

20.4.2.2. Keselesaian Rumah Yang Disediakan

- a. Rumah-rumah yang diperolehi di bawah Rancangan Khas Perumahan PDRM didapati selesa dan mempunyai reka bentuk yang menarik. Rumah-rumah yang disediakan mempunyai 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu dan ruang makan. Contoh perumahan dapat dilihat di **Gambar 35** dan **Gambar 36** berikut :-

GAMBAR 35



Perumahan PDRM Desa Aman, Pantai Dalam, Kuala Lumpur

GAMBAR 36



Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Batang Padang Tapah, Perak

- b. Sungguhpun rumah-rumah yang dibeli atau dibina di bawah Rancangan Khas Perumahan PDRM didapati selesai dan mempunyai reka bentuk yang menarik, lawatan Audit ke beberapa projek perumahan mendapati kualiti pembinaannya tidak memuaskan. Rumah-rumah berkenaan yang dibina antara tahun 1995 dan 1998 telah mengalami kerosakan dan kecacatan teruk seperti bumbung bocor, sistem pembetungan tidak teratur, pendawaian elektrik rosak dan keretakan siling. Contoh kerosakan rumah ditunjukkan di **Gambar 37 dan 38**.

GAMBAR 37



Lokasi : Perumahan PDRM Taman Nelly, Kota Kinabalu, Sabah
Keadaan Rumah : Konkrit Pada Siling Pecah Dan Retak
Tarikh Dibeli : Mei 1995

GAMBAR 38



Lokasi : Perumahan PDRM Sri Temenggung, Melaka
Keadaan Rumah : Sistem Pembetungan Dan Tangki Septik Rosak
Tarikh Siap Dibina : April 1995

- c. Pihak Audit telah juga membuat lawatan ke 17 lokasi perumahan anggota yang melibatkan 1,852 unit rumah. Rumah-rumah ini telah dibina antara tahun 1922 hingga 1977. Adalah didapati rumah-rumah ini tidak selesa diduduki kerana sama ada tidak mempunyai bilik atau keadaan rumah yang

mempunyai 2 bilik yang begitu uzur. Dengan itu pembinaan rumah-rumah yang baru perlu dipercepatkan. **Gambar 39** dan **Gambar 40** menunjukkan keadaan rumah-rumah tersebut.

GAMBAR 39



*Lokasi : Perumahan Batalion 18, Pasukan Gerakan Am,
Pengkalan Hulu, Perak
Keadaan Rumah : Rumah Tidak Mempunyai Bilik Dan Dibina
Daripada Kayu Dan Zink
Tarikh Dibina : 1970*

GAMBAR 40



*Lokasi : Perumahan Batalion 11, Pasukan Gerakan Am,
Batu Kawa, Kuching, Sarawak.
Keadaan Rumah : Rumah Kayu Yang Uzur
Tarikh Dibina : 1975*

20.4.2.3. Pengagihan Rumah

Mengikut garis panduan yang ditetapkan di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara, kelas rumah yang diperuntukkan kepada seseorang anggota adalah mengikut pangkatnya. Dalam pengagihan rumah, kepentingan tugas dan bilangan ahli keluarga juga diberi keutamaan. Semakan Audit mendapati rumah-rumah telah diagihkan kepada anggota PDRM mengikut garis panduan yang ditetapkan.

20.4.2.4. Penyelenggaraan Rumah

- a. Bagi tahun 1997 hingga Disember 2000, PDRM telah memohon sejumlah RM141.53 juta bagi kerja-kerja pembaikan dan ubahsuai bangunan pejabat dan rumah-rumah anggota yang mana hanya RM36.70 juta telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM11.94 juta telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan rumah-rumah anggota daripada RM56.52 juta yang dimohon. Dengan itu kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
- b. PDRM tidak menjalankan penyelenggaraan terhadap rumah-rumah secara berjadual sebaliknya hanya menjalankan pembaikan kerosakan-kerosakan secara *ad hoc*. Oleh itu, terdapat rumah-rumah yang mengalami kerosakan yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan penghuninya. Ada juga rumah-rumah yang terpaksa dirobohkan kerana tidak ekonomi dibaiki. Contoh-contoh rumah yang mengalami kerosakan ditunjukkan di **Gambar 41** dan **Gambar 42**.

GAMBAR 41



Lokasi : Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu, Sabah
Keadaan Rumah : Konkrit Pada Siling Rumah Retak Dan Pecah Dan
Tangki Air Tidak Berfungsi

GAMBAR 42



Lokasi : Perumahan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, Kota Kinabalu
Keadaan Rumah : Kerosakannya Tidak Ekonomi Dibaiki Dan
Perlu Dirobohkan

20.5. Pemantauan

20.5.1. Bahagian Pembangunan KDN dan Jabatan Logistik, PDRM bertanggungjawab mengawasi projek perumahan yang sedang dibina dan menyelenggara rumah-rumah anggota. Manakala Ketua Polis Negeri, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai adalah bertanggungjawab menyimpan dan mengemaskinikan rekod-rekod keluar masuk rumah serta kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan.

20.5.2. Pemeriksaan Audit mendapati pegawai-pegawai berkenaan juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang lain. Oleh itu, mereka tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada tugas pengurusan rumah. Tugas mengawas dan memantau rumah-rumah biasanya diserahkan kepada Persatuan Penduduk Perumahan yang ahlinya terdiri daripada penghuni rumah-rumah berkenaan. Pihak Persatuan akan memaklumkan kerosakan rumah kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk tindakan susulan. Adalah didapati tindakan susulan untuk membaiki kerosakan yang dilaporkan tidak dapat diambil sepenuhnya kerana kekurangan peruntukan.

20.5.3. Bagi membolehkan pemantauan yang berkesan terhadap pengurusan rumah, rekod-rekod yang berkaitan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit di 8 Kontinjen/Formasi Polis mendapati rekod-rekod berhubung keluar masuk penghuni rumah dan bilangan rumah yang ada di Kontinjen/Formasi berkenaan tidak lengkap dan tidak kemas kini.

20.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

20.6.1. Kementerian Dalam Negeri mempunyai perancangan yang baik dalam usaha menyediakan kemudahan perumahan kepada anggotanya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana setakat akhir tahun 2000 hanya 60% anggotanya dapat diperuntukkan rumah.

20.6.2. Polis DiRaja Malaysia perlu menentukan rumah-rumah yang disediakan diselenggara dengan baik. Bagi tujuan ini, Kementerian Kewangan perlu meluluskan peruntukan yang mencukupi untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual dijalankan dan membaiki kerosakan yang telah dilaporkan.

20.6.3. Garis panduan yang jelas perlu disediakan untuk dijadikan rujukan kepada pegawai yang menguruskan rumah-rumah anggota. Antara lain garis panduan tersebut hendaklah menyatakan tentang rekod-rekod yang perlu diselenggarakan berhubung dengan pengurusan rumah.

21. KEMUDAHAN PERUMAHAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Sehingga Disember 2000, sejumlah 3,557 jawatan pegawai Imigresen telah diluluskan. Pegawai-pegawai ini akan ditempatkan di 67 Pejabat Imigresen dan 121 pintu masuk melalui darat, udara dan laut di seluruh negara.

21.1.2. Jabatan Imigresen telah menetapkan supaya anggotanya diberikan kemudahan perumahan, terutamanya bagi anggota yang bertugas di stesen pintu-pintu masuk. Selaras dengan kehendak ini, Jabatan Imigresen telah mengeluarkan Pekeliling Kewangan Jabatan Imigresen Bilangan 4 Tahun 1987 mengenai peraturan-peraturan bagi memperuntukkan rumah jabatan.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan bagi menentukan sama ada bilangan perumahan yang disediakan adalah mengikut sasaran yang ditetapkan, selesa diduduki, pengagihan rumah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan dan penyelenggaraannya dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

21.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi perolehan rumah bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, serta pengagihan dan penyelenggaraan rumah-rumah berkenaan bagi tempoh 1997 hingga Oktober 2000. Rekod-rekod di Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen serta Pejabat-pejabat Imigresen di 4 negeri telah disemak. Maklumat-maklumat juga diperolehi daripada penghuni rumah yang dilawati.

21.4. PENEMUAN AUDIT

Kajian Audit dijalankan antara bulan Mac hingga Oktober 2000 dan mendapati perkara-perkara berikut :-

21.4.1. Perancangan

21.4.1.1. Perolehan Rumah

- a. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Imigresen merancang untuk melaksanakan 16 projek melibatkan pembinaan pejabat dan 218 unit rumah di 9 negeri. Lapan puluh satu unit rumah daripada jumlah tersebut akan dibina atas tanah milik Kerajaan manakala bakinya dibeli terus daripada pemaju. Jabatan memerlukan sejumlah RM20.67 juta untuk memperolehi pejabat dan rumah-rumah tersebut.
- b. Mengikut perancangan Jabatan pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, sekurang-kurangnya 45% anggota akan diberikan kemudahan perumahan.

21.4.1.2. Penyelenggaraan Rumah

Jabatan Imigresen mempunyai program untuk menyelenggara dan membaiki rumah-rumah anggotanya. Kos untuk menyelenggara rumah-rumah ini dipohon bersama kos membaik pulih bangunan dan kompleks Jabatan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Imigresen telah menganggarkan sejumlah RM13.61 juta diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

Pada umumnya, Jabatan Imigresen mempunyai perancangan yang memuaskan dari segi perolehan dan penyelenggaraan rumah-rumah untuk anggotanya.

21.4.2. Pelaksanaan

21.4.2.1. Perolehan Rumah

Setakat Disember 2000, Jabatan Imigresen telah menyediakan 34% rumah kepada anggotanya (termasuk rumah sedia ada). Jabatan Imigresen tidak dapat menyediakan rumah-rumah ke tahap yang dirancang kerana sebahagian besar daripada rumah yang sepatutnya disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu 153 daripada 218 unit rumah masih di peringkat perancangan. Adalah difahamkan antara faktor utama yang menyebabkan kelewatan ini ialah kerana masalah tapak projek.

21.4.2.2. Pengagihan Rumah

- a. Pengagihan kelas rumah kepada anggota Jabatan Imigresen dijalankan mengikut peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen pada tahun 1987. Pengagihan rumah dijalankan oleh satu Jawatankuasa Perumahan yang diwujudkan di setiap negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Negeri dan ahlinya terdiri dari pegawai kanan Imigresen di negeri itu. Pengagihan dibuat mengikut gred jawatan dengan memberi keutamaan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di pintu-pintu masuk. **Pemeriksaan Audit mendapati pada umumnya, pengagihan rumah adalah dibuat mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.**
- b. Semakan Audit mendapati 203 unit rumah di Negeri-negeri Johor dan Kelantan tidak diduduki kerana ia terlalu sempit dan tidak selesa diduduki. Jabatan telah mengambil tindakan untuk membaik pulih 55 unit rumah daripada jumlah tersebut yang melibatkan kos pembaikan berjumlah RM447,925. Bagaimanapun, hanya 16 unit rumah tersebut diduduki kerana bilangan rumah yang disediakan melebihi perjawatan dan anggota telah menduduki rumah sendiri. Mengikut maklum balas dari Jabatan Imigresen rumah-rumah yang tidak diduduki

akan ditawarkan kepada anggota Kerajaan dari Jabatan lain.
Gambar 43 dan **Gambar 44** seperti berikut menunjukkan rumah yang dibaik pulih tetapi tidak diduduki .

GAMBAR 43



*Lokasi : Taman Imigresen Pasir Gudang, Johor Bahru
Keadaan Rumah : Rumah Dibaik Pulih Tetapi Tidak
Diduduki Sepenuhnya*

GAMBAR 44



*Lokasi : Taman Imigresen Bukit Bunga, Kelantan
Keadaan Rumah : Rumah Dibaik Pulih Tetapi Tidak
Diduduki Sepenuhnya*

21.4.2.3. Keselesaian Rumah Yang Disediakan

- a. Pemeriksaan Audit mendapati pada umumnya rumah-rumah kediaman anggota Jabatan Imigresen adalah selesa diduduki. Rumah-rumah tersebut mempunyai 2 hingga 3 bilik tidur dan berusia kurang dari 20 tahun.
- b. Adalah diperhatikan Jabatan Imigresen prihatin terhadap keselesaan anggotanya di mana selain daripada menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dari semasa ke semasa, Jabatan itu juga mengubahsuai 2 unit rumah menjadi 1 unit rumah. Rumah-rumah yang akan diubahsuai adalah rumah kediaman anggota di Taman Imigresen Jalan Tasek, Johor Bahru seperti di **Gambar 45**.

GAMBAR 45



*Lokasi : Taman Imigresen, Jalan Tasek, Johor Bahru
Keadaan Rumah : Rumah Yang Akan Diubahsuai
(2 Unit Dijadikan 1 Unit Rumah)*

21.4.2.4. Penyelenggaraan Rumah

Jabatan Imigresen tidak menyediakan peruntukan khusus untuk kerja-kerja penyelenggaraan rumah tetapi telah menggunakan peruntukan penyelenggaraan/pembaikan bangunan pejabat. Adalah didapati rumah-rumah anggotanya dalam keadaan memuaskan kerana kerja-kerja pembaikan yang dilaporkan oleh penghuni rumah dapat diambil tindakan dengan awal memandangkan Jabatan mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi tujuan tersebut.

21.4.2.5. Peruntukan dan Perbelanjaan

Jabatan Imigresen telah menganggarkan sejumlah RM79.71 juta bagi memperolehi rumah termasuk pejabat di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Daripada anggaran ini, sejumlah RM20.67 juta telah diperuntukkan untuk perolehan pejabat dan rumah yang mana sejumlah RM3.39 juta telah dibelanjakan. Manakala bagi kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan rumah pula, kos yang terlibat tidak dapat ditentukan kerana rekod-rekod yang berasingan berhubung dengan perkara ini tidak diselenggarakan. Maklumat mengenainya telah diambil kira bersama dengan kos penyelenggaraan/pembaikan bangunan pejabat yang mana dari peruntukan berjumlah RM15.12 juta, sejumlah RM14.90 juta telah dibelanjakan pada akhir tahun 2000.

21.4.3. Pemantauan

21.4.3.1. Bahagian Pembangunan, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen bertanggungjawab untuk memantau projek-projek perumahan yang sedang dibina dan menyelenggarakan rekod-rekod berhubung dengan perumahan anggota manakala Pengarah-pengarah Pejabat Imigresen Negeri bertanggungjawab terhadap pengagihan dan penyelenggaraan rumah.

21.4.3.2. Pemeriksaan Audit mendapati pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian Pembangunan, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang lain. Oleh itu, rekod-rekod

berhubung dengan perumahan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. Bagaimanapun, adalah didapati rekod-rekod perumahan yang diselenggarakan oleh Pengarah-pengarah Negeri adalah memuaskan.

21.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

21.5.1. Jabatan Imigresen mempunyai perancangan yang memuaskan untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada anggotanya. Sungguhpun dari segi pelaksanaan hanya 34% anggotanya telah diperuntukkan rumah setakat akhir tahun 2000 berbanding sasarannya 45%, namun didapati keperluan kemudahan perumahan tidak begitu mendesak kerana kebanyakan anggota tinggal di rumah sendiri.

21.5.2. Ibu Pejabat Jabatan Imigresen perlu menyelenggara rekod-rekod yang lengkap dan kemas kini berhubung dengan keadaan rumah anggota bagi membolehkannya merancang kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan untuk sesuatu tahun.

22. KEMUDAHAN PERUMAHAN JABATAN PENJARA MALAYSIA

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Pada Disember 2000, Jabatan Penjara Malaysia mempunyai 35 penjara di seluruh negara yang boleh menampung seramai 23,900 banduan. Jabatan Penjara mempunyai 9,356 jawatan pegawai penjara untuk mengurus dan mengawal banduan.

22.1.2. Peraturan Penjara 1953 menetapkan semua anggota penjara diberi kemudahan perumahan di kawasan penjara untuk memudahkan mobilisasi anggota di masa kecemasan.

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada bilangan rumah yang disediakan adalah mencukupi dan selesa diduduki, pengagihan rumah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan dan penyelenggaraannya dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

22.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian Audit ini meliputi perolehan rumah bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pengagihan dan penyelenggaraan rumah-rumah berkenaan bagi tempoh 1997 hingga Oktober 2000. Rekod-rekod di Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat Penjara, penjara-penjara di Kajang; Kota Kinabalu; Pulau Pinang; Alor Setar, Kedah; Johor Bahru, Johor; Pengkalan Chepa, Kelantan dan Sekolah Henry Gurney, Keningau telah disemak. Maklumat juga diperolehi daripada penghuni rumah yang dilawati.

22.4. PENEMUAN AUDIT

Kajian Audit yang dijalankan antara bulan Mac hingga Oktober 2000 mendapati perkara-perkara berikut :-

22.4.1. Perancangan

22.4.1.1. Perolehan Rumah

- a. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Penjara merancang untuk melaksanakan 31 projek perumahan melibatkan pembinaan 3,721 unit rumah. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM360.54 juta.
- b. Di bawah rancangan projek perumahan ini, 1,738 unit rumah diperolehi melalui pembelian terus daripada pemaju manakala 1,983 unit rumah dibina atas tanah milik Kerajaan. Daripada 1,983 unit rumah tersebut, 310 unit rumah akan dibina di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya manakala 1,673 unit rumah dibina oleh pihak swasta.

22.4.1.2. Penyelenggaraan Rumah

Jabatan Penjara menyediakan rancangan penyelenggaraan tahunan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan/ubahsuai bangunan pejabat dan penjara serta rumah-rumah anggotanya. Bagi tujuan ini, peruntukan berjumlah RM13.09 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Bagaimanapun, didapati peruntukan secara khusus bagi penyelenggaraan rumah-rumah anggota tidak disediakan.

Pada umumnya, Jabatan Penjara mempunyai perancangan yang memuaskan dari segi perolehan rumah-rumah untuk anggotanya. Jabatan Penjara juga merancang kerja-kerja pembaikan dan ubah suai tetapi penyelenggaraan secara berjadual terhadap rumah-rumah anggota tidak disediakan.

22.4.2. Pelaksanaan

22.4.2.1. Perolehan Rumah

- a. Setakat Disember 2000, Jabatan Penjara telah menyediakan 5,434 unit rumah (58%) berbanding dengan bilangan jawatan yang diluluskan berjumlah 9,356. Daripada 3,721 unit rumah yang dirancang untuk dibina bagi 25 penjara di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh hanya 1,137 (31%) unit rumah telah disiapkan, 1,882 unit rumah di peringkat perancangan, 36 unit rumah ditangguhkan pelaksanaannya ke Rancangan Malaysia Kelapan dan 666 unit rumah sedang dalam pembinaan dan dijangka siap antara Mac 2001 hingga Julai 2002.
- b. Jabatan Penjara tidak dapat menyediakan rumah-rumah anggotanya mengikut bilangan yang dirancang kerana kelewatan di dalam penyediaan dokumen projek oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan penilaian kos projek secara reka dan bina oleh Unit Perancang Ekonomi.
- c. Pihak Audit mendapati 96 unit rumah anggota Kelas G di dalam kawasan penjara Pokok Sena, Kota Setar, Kedah telah siap dibina pada April 1997 dengan kos pembinaan berjumlah RM7.68 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Pihak Jabatan Kerja Raya menyerahkan tugas-tugas pengawasan rumah kepada pihak Penjara pada Jun 1999. Bagaimanapun, rumah-rumah tersebut masih belum diduduki sehingga tarikh lawatan Audit kerana penjara Pokok Sena sedang dalam pembinaan dan jaraknya 20 km dari penjara Alor Setar. Pemeriksaan Audit mendapati rumah tersebut mengalami kerosakan, antaranya pintu rumah dimakan anai-anai dan saluran paip kumbahan bocor. **Gambar 46** menunjukkan bangunan rumah yang tidak diduduki manakala kerosakan-kerosakan yang berlaku di rumah-rumah tersebut ditunjukkan di **Gambar 47 dan Gambar 48**.

GAMBAR 46



***Lokasi : Penjara Pokok Sena, Kota Setar, Kedah
Keadaan Rumah: Rumah Siap Tidak Diduduki***

GAMBAR 47



***Lokasi : Penjara Pokok Sena, Kota Setar, Kedah
Keadaan Rumah : Pintu Rumah Dimakan Anai-Anai***

GAMBAR 48



Lokasi : Penjara Pokok Sena, Kota Setar, Kedah
Keadaan Rumah : Saluran Paip Kumbahan Bocor

- d. Pada umumnya, pemeriksaan Audit mendapati kualiti rumah yang diperolehi sama ada melalui pembelian terus daripada pemaju atau dibina atas tanah Kerajaan adalah memuaskan.

22.4.2.2. Keselesaian Rumah Yang Disediakan

- a. Rumah-rumah yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh selesai diduduki kerana mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Sebaliknya, bagi rumah-rumah yang dibina sebelum Rancangan Malaysia Ketujuh didapati ia tidak selesai diduduki kerana keadaannya begitu uzur dan kebanyakannya hanya mempunyai satu bilik.
- b. Lawatan Audit ke 6 penjara mendapati 507 unit daripada 1,316 unit rumah telah berusia melebihi 20 tahun. Pihak Penjara telah mendapatkan khidmat Jabatan Kerja Raya bagi memastikan

sama ada rumah-rumah lama tersebut masih selamat diduduki. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, didapati ada di antaranya tidak selamat diduduki dan tidak ekonomi dibaiki.

- c. Jabatan Penjara dalam usahanya untuk memberi keselesaan kepada anggotanya telah mengubahsuai 2 unit rumah yang mempunyai 1 bilik untuk dijadikan 1 unit rumah seperti di Penjara Alor Setar dan Pengkalan Chepa.

22.4.2.3. Pengagihan Rumah

Pengagihan kelas rumah kepada anggota Jabatan Penjara adalah berdasarkan kepada Perintah Am Bab E dan Garis Panduan Pelaksanaan Imbuhan Tetap Perumahan, Jabatan Penjara Malaysia yang dikeluarkan pada Januari 2000. Pihak Audit mendapati setiap Penjara telah mewujudkan Jawatankuasa Perumahan yang bertanggungjawab menentukan pengagihan rumah bagi anggota-anggotanya. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Penjara yang berkenaan dan ahlinya terdiri dari 2 orang Pegawai Kanan Penjara. Antara kriteria yang diberikan pertimbangan semasa membuat pengagihan rumah ialah gred jawatan, bilangan ahli keluarga dan kesihatan anggota.

Adalah diperhatikan, pihak Penjara telah membuat pengagihan rumah kepada anggota mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

22.4.2.4. Penyelenggaraan Rumah

- a. Daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM13.09 juta bagi kerja-kerja pembaikan dan ubah suai bangunan, sejumlah RM12.71 juta telah dibelanjakan pada akhir tahun 2000.
- b. Adalah diperhatikan Jabatan Penjara tidak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual. Pembaikan rumah-rumah anggota hanya dilakukan apabila menerima laporan kerosakan daripada anggota. Mengikut amalan, Jabatan Penjara membeli bahan-bahan yang diperlukan manakala kerja-kerja pembaikan dijalankan oleh anggota sendiri.

22.4.3. Pemantauan

22.4.3.1. Bahagian Pembangunan, Ibu Pejabat Jabatan Penjara bertanggungjawab mengawasi projek-projek perumahan yang sedang dibina manakala Pengarah-pengarah Penjara bertanggungjawab terhadap pengubahsuaian/pembaikan rumah-rumah dan kawasan persekitarannya. Pengarah-pengarah Penjara juga bertanggungjawab menyelenggara rekod-rekod pengurusan rumah. Semakan Audit mendapati rekod-rekod berhubung dengan pengurusan rumah tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini kerana pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan rekod juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang lain.

22.4.3.2. Lanjutan daripada teguran Audit berhubung kelemahan pengurusan perumahan, pihak Penjara telah mewujudkan Unit Perumahan di bawah Bahagian Pembangunannya pada bulan Julai 2000. Unit ini bertanggungjawab terhadap perancangan, perolehan, penyelenggaraan dan pemantauan rumah-rumah Jabatan. Ibu Pejabat Penjara juga telah mengarahkan semua Pengarah Penjara mengemukakan laporan suku tahun kepada Unit Perumahan berhubung dengan pengurusan rumah untuk tindakan susulan.

22.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

22.5.1. Jabatan Penjara mempunyai perancangan yang memuaskan dalam usaha menyediakan kemudahan perumahan pada anggotanya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya adalah kurang memuaskan kerana setakat akhir tahun 2000 hanya 58% anggotanya telah diperuntukkan rumah. Antara faktor yang menyebabkan Jabatan Penjara tidak dapat menyediakan rumah mengikut bilangan yang dirancang ialah kelewatan penyediaan dokumen oleh Jabatan Kerja Raya dan penilaian kos projek oleh Unit Perancang Ekonomi.

22.5.2. Bagi rumah-rumah yang baru dibina, Jabatan Penjara perlu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual bagi memastikan rumah-rumah tersebut berada dalam keadaan baik dan terpelihara.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

23. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA
- AKTIVITI PEMULIHAN AKHLAK

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia adalah bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak juvana, gadis dan wanita yang berumur 10 hingga 21 tahun. Objektif aktiviti ini adalah untuk memulihkan akhlak mereka dan memberikan kemahiran yang sesuai bagi membantu mereka hidup berdikari.

23.1.2. Aktiviti pemulihan akhlak dilaksanakan mengikut peruntukan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973. Pada akhir tahun 1999 terdapat 5,700 juvana dan 708 gadis dan wanita yang telah diperintah oleh mahkamah untuk menjalani pemulihan akhlak.

23.1.3. Aktiviti pemulihan akhlak merangkumi pendidikan akademik; latihan vokasional, bimbingan rohani dan jasmani serta kaunseling. Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak sama ada di dalam institusi atau di luar institusi :-

23.1.3.1. **Pemulihan akhlak di dalam institusi** dilaksanakan di 8 Sekolah Tunas Bakti, 5 Taman Seri Puteri dan 10 Asrama Akhlak. Juvana yang diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani pemulihan selama 3 tahun akan ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti tetapi sekiranya tempoh pemulihan kurang dari setahun mereka akan ditempatkan di Asrama Akhlak. Manakala bagi gadis dan wanita yang disabitkan kesalahan di bawah Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973, mereka akan ditempatkan di Taman Seri Puteri untuk tempoh 3 tahun.

23.1.3.2. **Pemulihan akhlak di luar institusi** melibatkan 2 kumpulan iaitu mereka yang diberikan seliaan lanjutan setelah dibebaskan daripada institusi pemulihan akhlak dan mereka yang diperintahkan oleh mahkamah untuk menjalani pemulihan di dalam komuniti.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit dijalankan bagi menentukan sama ada aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak juvana, gadis dan wanita dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektifnya.

23.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak yang dijalankan dari tahun 1998 hingga 2000. Rekod-rekod di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, 15 Institusi Pemulihan Akhlak dan 11 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah bagi tempoh yang sama telah diperiksa. Maklumat-maklumat juga diperolehi melalui soal selidik yang dikemukakan kepada pelatih institusi serta pihak-pihak lain yang terlibat dengan aktiviti ini.

23.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak yang merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan mendapati perkara-perkara berikut :-

23.4.1. Perancangan

Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973 menetapkan aktiviti pemulihan akhlak yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara lain, Akta itu menghendaki supaya mereka yang diperintahkan menjalani pemulihan akhlak perlu diberi kemudahan pendidikan akademik; latihan vokasional dan jasmani; serta bimbingan rohani dan kaunseling. Selaras dengan kehendak Akta tersebut, Bahagian Pemulihan di Ibu Pejabat, Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi tanggungjawab untuk merancang aktiviti pemulihan akhlak sama ada di dalam institusi atau di luar institusi. Bagi membolehkannya membuat perancangan, Bahagian Pemulihan telah mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan *trend* penglibatan

juvana, gadis dan wanita dalam masalah sosial. Maklumat-maklumat ini diperolehi daripada pegawai-pegawai Jabatan yang ditempatkan di 15 Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan 119 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Perancangan aktiviti ini melibatkan penyediaan kemudahan dan peralatan serta keperluan kewangan dan kakitangan.

23.4.1.1. Kaedah Pemulihan Di Dalam Institusi Dan Di Luar Institusi

- a. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merancang kaedah pemulihan yang perlu diberi di institusi pemulihan dengan memuaskan.
- b. Mengikut peraturan, mereka yang telah menjalani pemulihan di dalam institusi perlu diberi penyeliaan/pengawasan lanjutan antara 1 hingga 2½ tahun. Penyeliaan lanjutan ini sepatutnya dikendalikan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang berkenaan. Selain daripada itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah ini juga dikehendaki memberi bimbingan dan penyeliaan kepada juvana yang diperintahkan oleh mahkamah menjalani pemulihan dalam komuniti (bagi kesalahan yang ringan). Semakan Audit mendapati aktiviti-aktiviti pemulihan di luar institusi tidak dirancang dengan teratur kerana Pegawai Kebajikan Masyarakat yang ditempatkan di daerah juga bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti lain seperti aktiviti pemulihan orang kurang upaya, memberi bantuan kepada komuniti miskin dan mangsa bencana serta tugas-tugas di mahkamah juvana.

23.4.1.2. Kapasiti Institusi

Jabatan telah menetapkan bilangan juvana, gadis dan wanita (**dikenali sebagai pelatih**) yang boleh ditempatkan di 23 institusi pemulihan akhlak di seluruh negara. Bilangan pelatih yang boleh dimuatkan bagi setiap institusi pemulihan akhlak adalah antara 50 hingga 200 orang bagi Sekolah Tunas Bakti, 30 hingga 200 orang bagi Taman Seri Puteri dan 15 hingga 30 orang bagi Asrama Akhlak.

23.4.1.3. Keperluan Kakitangan

Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar jawatan yang diperlukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak bagi tahun-tahun sebelum tahun 2000 kerana tiada maklumat mengenainya. Bagaimanapun, pada September 2000, Jabatan telah memohon 242 jawatan baru bagi melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak sebagai tambahan kepada jawatan yang sedia ada berjumlah 520.

23.4.1.4. Keperluan Kewangan

Pihak Jabatan tidak memohon peruntukan khusus bagi melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak. Sebaliknya peruntukan untuk melaksanakan aktiviti ini dipohon bersama-sama dengan aktiviti pemulihan orang kurang upaya, bantuan komuniti miskin dan mangsa bencana. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut, Jabatan telah memohon sejumlah RM21.74 juta bagi tahun 1998, RM49.14 juta bagi tahun 1999 dan RM54.96 juta bagi tahun 2000.

Pada umumnya, Jabatan telah merancang dengan memuaskan aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak di dalam institusi. Bagaimanapun, ia tidak mempunyai perancangan khusus bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak di luar institusi kerana tidak ada pegawai khusus bertanggungjawab terhadap aktiviti ini.

23.4.2. Pelaksanaan

Semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti pemulihan akhlak di 15 institusi dan 11 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah mendapati perkara-perkara berikut :-

23.4.2.1. Kaedah Pemulihan

a. Latihan Vokasional

- i. Mengikut kehendak Akta dan peraturan yang berkaitan dengan aktiviti pemulihan, latihan vokasional yang bersesuaian perlu diberikan kepada pelatih untuk membantu mereka berdikari setelah mereka dibebaskan. Semakan Audit mendapati 13 daripada 15 institusi yang dilawati telah memberikan latihan vokasional yang berkaitan dengan kimpalan, pertanian, masakan, sulaman, pemakanan, motor mekanik, pertukangan kayu, binaan dan komputer.
- ii. Selaras dengan hasrat untuk membantu pelatih berdikari, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah berusaha mendapatkan pengiktirafan dari badan-badan luar terhadap beberapa latihan vokasional yang dikendalikannya. Antara usaha yang telah dijalankan ialah mengendalikan latihan vokasional dengan kerjasama badan-badan luar yang berkaitan. Sebagai contoh, bagi latihan dalam bidang binaan, Jabatan telah mengendalikannya dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia manakala bagi bidang pramusaji makanan, ia telah dikendalikan dengan kerjasama sebuah syarikat swasta yang berpusat di Kota Kinabalu. Sijil yang diperolehi oleh pelatih-pelatih yang mengikuti kursus pramusaji makanan diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan Malaysia.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelaksanaan latihan vokasional bagi bidang-bidang yang lain adalah kurang memuaskan kerana kaedah pengajaran dan sukatan pelajarannya tidak seragam dan peralatan yang digunakan juga telah usang. Semua institusi pemulihan juga tidak mempunyai tenaga pengajar vokasional yang cukup. Daripada 35 orang pengajar bagi latihan vokasional di 9 daripada 13 institusi tersebut, 32 adalah tenaga pengajar sambilan.

b. Pendidikan Akademik

Berdasarkan kepada Akta dan peraturan yang berkaitan, Jabatan perlu memberikan pendidikan akademik kepada pelatih yang memerlukannya. Semakan Audit mendapati pendidikan akademik hanya diberi kepada pelatih-pelatih di 2 Sekolah Tunas Bakti iaitu di Teluk Air Tawar, Pulau Pinang dan di Sungai Lereh, Melaka. Bagaimanapun sebaliknya, pelatih-pelatih di 4 Taman Seri Puteri hanya diberi tuisyen oleh guru sambil sungguhpun mereka juga sepatutnya diberi pendidikan akademik yang sempurna.

c. Pendidikan Agama

Pengajaran agama dikehendaki diberi kepada pelatih yang beragama Islam. Pendidikan keagamaan merupakan program pemulihan juvana dari segi rohani agar mereka tidak kembali semula melakukan jenayah atau perkara-perkara yang menyalahi undang-undang. Adalah diperhatikan sungguhpun pendidikan agama diberi kepada pelatih-pelatih di kesemua 15 institusi yang dilawati, kaedah pengajaran dan sukatan pelajarannya adalah tidak seragam serta tempoh pengajarannya adalah terhad. Ini adalah kerana kesemua institusi tersebut tidak mempunyai jawatan tetap bagi guru agama dan kelas-kelas itu dikendalikan oleh guru-guru agama sambil.

d. Perkhidmatan Kaunseling

- i. Perkhidmatan kaunseling merupakan elemen penting dalam proses pemulihan akhlak. Ia adalah suatu kaedah yang digunakan untuk mengurus dan merubah sikap pelatih dengan lebih sistematik dan berkesan. Jabatan telah mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pemberian kaunseling pada bulan Mac 2000 untuk rujukan pegawai-pegawai yang berkenaan. Bagaimanapun, semakan terhadap 178 fail pelatih di 15 institusi mendapati hanya 14 pelatih (8%) di 4 institusi sahaja yang telah diberi perkhidmatan kaunseling. Di 11 Institusi Pemulihan Akhlak yang lain hanya sesi temu bual dengan pelatih diadakan.

- ii. Hasil semakan terhadap 215 fail pelatih yang menjalani seliaan di 11 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah juga mendapati tidak ada bukti perkhidmatan kaunseling dijalankan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkhidmatan kaunseling tidak diberi kepada setiap pelatih secara berjadual kerana tiada jawatan kaunselor diwujudkan di semua Institusi Pemulihan Akhlak dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Pegawai-pegawai yang telah diberi latihan dalam bidang kaunseling juga tidak dapat memberikan tumpuan kepada tugas ini kerana mereka dikehendaki menjalankan pelbagai tugas lain.

23.4.2.2. Kakitangan

- a. Pada akhir tahun 2000, sejumlah 520 jawatan telah ditempatkan di Bahagian Pemulihan Ibu Pejabat dan di 23 Institusi Pemulihan Akhlak. Jawatan-jawatan itu adalah terdiri daripada Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pembantu Pembangunan Masyarakat, Pegawai Kaunselor, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah, Jururawat Desa, Pengawal Keselamatan, Tukang Masak dan Pembantu Pertanian. Tiada jawatan khusus diwujudkan bagi mengendalikan aktiviti pemulihan akhlak di luar institusi iaitu di peringkat daerah.
- b. Selain daripada dikendalikan oleh pegawai yang berjawatan tetap, aktiviti pemulihan akhlak juga dikendalikan oleh kakitangan sambilan. Sehingga Disember 2000, seramai 102 kakitangan sambilan telah dilantik untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar pendidikan akademik, agama dan latihan vokasional. Semakan di 15 institusi yang dilawati mendapati ada antara tenaga pengajar sambilan ini telah berkhidmat di institusi selama 32 tahun. Sehubungan dengan perkara ini, Jabatan telah memaklumkan bahawa ia telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat untuk mewujudkan/menambah perjawatan tetap tenaga pengajar bagi latihan vokasional, agama dan pendidikan akademik serta pegawai kaunselor.

23.4.2.3. Peruntukan dan Perbelanjaan

Seperti mana yang telah dinyatakan pada perenggan 23.4.1.4., tidak ada peruntukan kewangan yang khusus disediakan untuk aktiviti pemulihan akhlak. Oleh itu butir-butir perbelanjaan secara terperinci khusus bagi aktiviti ini tidak dapat ditentukan.

Pada umumnya, pelaksanaan aktiviti pemulihan akhlak di dalam institusi telah memenuhi kehendak asas sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Bagaimanapun, aktiviti pemulihan akhlak di luar institusi perlu dipertingkatkan lagi. Faktor utama yang menjejaskan kelicinan pelaksanaannya ialah masalah kekurangan kakitangan.

23.4.3. Pemantauan

Pemantauan terhadap aktiviti pemulihan akhlak dijalankan di 2 peringkat iaitu :-

23.4.3.1. Pemantauan Di Peringkat Ibu Pejabat

Bahagian Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi tanggungjawab untuk memantau aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak melalui laporan-laporan yang diterima secara berkala daripada institusi-institusi pemulihan dan Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Pemantauan juga perlu dilakukan dengan mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa dan membuat lawatan ke institusi-institusi pemulihan serta Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Semakan Audit mendapati pemantauan yang dijalankan oleh Bahagian Pemulihan terhadap aktiviti-aktiviti pemulihan akhlak adalah memuaskan.

23.4.3.2. Pemantauan Di Peringkat Institusi Dan Daerah

- a. Mengikut peraturan, setiap pelatih perlu dinilai prestasi kemajuan pemulihan mereka. Prestasi kemajuan pelatih di institusi perlu dinilai sekurang-kurangnya 3 bulan sekali manakala kekerapan penilaian pelatih di luar institusi adalah mengikut tempoh-tempoh yang ditetapkan iaitu antara 1 hingga 3 bulan sekali.

- b. Pemeriksaan Audit terhadap 170 fail pelatih di 15 institusi mendapati penilaian terhadap prestasi mereka tidak dibuat secara berterusan malahan 7 institusi langsung tidak membuat penilaian itu. Antara faktor yang menyebabkan penilaian tidak dibuat dengan sewajarnya ialah ketiadaan garis panduan atau arahan yang jelas mengenai kaedah dan format penilaian yang perlu dilaksanakan.
- c. Pemantauan terhadap prestasi pelatih yang diletakkan di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah perlu dijalankan dengan menilaikan kemajuan pemulihan mereka dan menyediakan laporan mengenainya. Bagi membolehkan penilaian itu dijalankan, pelatih-pelatih dikehendaki hadir ke Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat mengikut tempoh yang ditetapkan ataupun pegawai Kebajikan Masyarakat membuat lawatan ke rumah-rumah mereka. Semakan Audit terhadap 215 fail pelatih di 11 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah mendapati hanya 11 pelatih sahaja dinilai prestasi mereka, manakala bakinya sama ada tidak diselai secara berterusan ataupun tidak diselai langsung. Keadaan ini berlaku kerana pegawai-pegawai yang sepatutnya memberikan penyeliaan kepada pelatih juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas lain.

23.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

23.5.1. Pada umumnya Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan perancangan yang memuaskan untuk melaksanakan aktiviti pemulihan akhlak di peringkat institusi-institusi pemulihan. Bagaimanapun, perancangan di luar institusi perlu diperkembangkan. Dari segi pelaksanaan aktiviti, adalah diperhatikan terdapat beberapa masalah yang boleh menjejaskan pencapaian objektifnya. Antara masalah itu ialah ketiadaan pegawai kaunselor dan kekurangan tenaga pengajar seperti guru agama dan vokasional.

23.5.2. Bagi melicinkan pelaksanaan aktiviti pemulihan, adalah disyorkan perkara-perkara berikut :-

23.5.2.1. Agensi Pusat memberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk mengisi jawatan tenaga pengajar dan kaunselor yang dipohon oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

23.5.2.2. Pembahagian tugas kakitangan perlu dikaji semula di peringkat daerah supaya pegawai yang khusus diberi tanggungjawab mengendalikan aktiviti pemulihan akhlak.

23.5.2.3. Jabatan perlu menyeragamkan kaedah dan sukatan pelajaran bagi semua latihan yang diberi di institusi-institusi pemulihan untuk memastikan latihan yang diberi mencapai standard yang sepatutnya.

23.5.2.4. Jabatan Kebajikan Masyarakat patut menyelenggara rekod individu pelatih secara berkomputer untuk tujuan memantau prestasi kemajuan pemulihan mereka semasa di institusi dan semasa menjalani seliaan lanjutan. Dengan memantau prestasi setiap pelatihnya, secara tidak langsung Jabatan boleh menilai keberkesanan aktiviti pemulihan secara keseluruhannya.

24. JABATAN ALAM SEKITAR

- PROGRAM PEMULIHARAAN, PELESENAN DAN KAWALAN ALAM SEKITAR

24.1. LATAR BELAKANG

Pada awalnya fungsi penguatkuasaan dan pengurusan alam sekitar dilaksanakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar tetapi mulai bulan Mac 1976 fungsi ini telah dipindahkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pada tahun 1983, sebuah jabatan khusus yang dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar (JAS) ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertujuan untuk mencegah pencemaran, mengawal dan memperbaiki keadaan kualiti alam sekeliling. JAS bertanggungjawab menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Bahagian IV Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Selaras dengan kehendak akta-akta tersebut, JAS antara lainnya dikehendaki melaksanakan perkara-perkara berikut :-

- i. Mengawasi kualiti udara, air dan marin.
- ii. Menguatkuasa dan mengawal pelepasan asap dari kenderaan-kenderaan berenjin diesel (Punca-punca Bergerak).
- iii. Menyemak laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment* - EIA) dan menguatkuasakan pematuhan syarat-syarat kelulusan laporan EIA.
- iv. Memberi Input Alam Sekitar untuk perancangan sumber dan pembangunan serantau.
- v. Membuat penyelidikan terhadap pengurusan alam sekitar.

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini bertujuan untuk menentukan sama ada JAS dapat mencegah dan mengawal keadaan kualiti alam sekeliling daripada pencemaran dengan cara yang cekap.

24.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada Aktiviti Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan Aktiviti Pengawalan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JAS dan 7 cawangan di peringkat negeri. Tempoh liputan ialah bagi 3 tahun iaitu 1998, 1999 dan sehingga Oktober 2000. Rekod-rekod berhubung dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti telah disemak.

24.4. PENEMUAN AUDIT

24.4.1. Perancangan

24.4.1.1. Bagi melaksanakan fungsinya, JAS diwujudkan sebagai satu program untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :-



Fungsi bagi setiap aktiviti tersebut adalah seperti berikut :-

a. Aktiviti Penilaian

Objektif utama aktiviti ini adalah melaksanakan strategi yang mengambil kira faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan pembangunan projek melalui prosedur Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada EIA dan Penilaian Awal Tapak bagi aktiviti-aktiviti yang tidak tertakluk kepada EIA. Ia melibatkan tugas menyemak dan memberi kelulusan laporan EIA dan menguatkuasakan syarat-syarat kelulusan. Bagi Penilaian Awal Tapak, JAS memberi pandangan teknikalnya kepada pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

b. Aktiviti Perancangan Pembangunan

Aktiviti ini bertanggungjawab terhadap usaha-usaha melindungi lapisan ozon dengan mengurangkan penggunaan bahan-bahan CFC dan Halon oleh sektor pembuatan. Di samping itu, aktiviti ini juga terlibat dengan pewujudan peraturan baru/penyebaran teknologi terkini kepada industri; pembangunan sumber manusia; menjalankan penyelidikan; penyebaran maklumat dan memberi pendidikan mengenai kesedaran alam sekitar kepada orang awam. Perkara-perkara mengenai hal-ehwal antarabangsa adalah juga dikendalikan di bawah aktiviti ini.

c. Aktiviti Pengawalan

Aktiviti pengawalan bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan (Kilang-kilang kelapa sawit mentah, getah mentah dan pengolahan Buangan Terjadual), penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan (lain-lain premis), pengawasan udara dan bunyi bising, pengawasan kualiti air, penguatkuasaan Buangan Terjadual (sisa-sisa toksik yang mencemarkan) dan penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan bermotor.

d. Aktiviti Sokongan

Aktiviti sokongan merangkumi tugas-tugas berhubung dengan pentadbiran, hal-ehwal undang-undang dan pengurusan sistem maklumat.

24.4.1.2. JAS mempunyai pejabat di semua negeri. Jumlah perjawatan JAS yang diluluskan sehingga Disember 2000 ialah 626 di mana 466 daripadanya adalah merupakan jawatan teknikal pelbagai gred. Agihan kakitangan teknikal di negeri-negeri mengikut aktiviti ialah 75% di bawah Aktiviti Kawalan, 14% di bawah Aktiviti Penilaian (EIA) dan selebihnya bagi Aktiviti Perancangan Pembangunan.

24.4.1.3. Peruntukan mengurus bagi tahun 1998, 1999 dan 2000 masing-masingnya berjumlah RM40.79 juta, RM43.47 juta dan RM50.52 juta. Mengikut analisis Audit, trend pengagihan perbelanjaan mengurus untuk setiap tahun kewangan antara aktiviti JAS ialah 55%

untuk Aktiviti Kawalan, 41% bagi Aktiviti Perancangan Pembangunan dan Aktiviti Sokongan, manakala 4% adalah untuk Aktiviti Penilaian. Pecahan peruntukan dan prestasi perbelanjaan mengurus tahun 1998, 1999 dan 2000 bagi Aktiviti Kawalan dan Aktiviti Penilaian pula ialah seperti di **Jadual 33** berikut :-

JADUAL 33
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI AKTIVITI PENILAIAN DAN KAWALAN
UNTUK TAHUN 1998, 1999 DAN 2000

TAHUN	AKTIVITI PENILAIAN		AKTIVITI KAWALAN	
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
1998	1.48	1.25	23.00	22.02
1999	1.46	1.31	24.44	23.39
2000	1.54	1.39	26.04	27.70

24.4.1.4. Bagi melaksanakan aktivitinya, JAS telah menyediakan 27 peraturan dan perintah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mengandungi standard-standard khusus bagi tujuan penguatkuasaan. Walaupun peraturan dan perintah yang sedia ada memberi kuasa yang mencukupi bagi JAS melaksanakan tanggungjawabnya namun beberapa Seksyen di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 itu tidak menetapkan standard-standard khusus untuk dikuatkuasakan. Standard-standard yang masih belum diwujudkan ialah bagi mengawal pencemaran bunyi, mengawal pencemaran tanah dan mengawal pencemaran perairan Malaysia. Pihak JAS telah bersetuju dengan pandangan Audit ini dan memaklumkan bahawa tindakan sedang diambil untuk mewujudkan standard-standard tersebut.

JAS menyediakan rancangan aktiviti tahunan bagi semua aktivitinya. Bagaimanapun, rancangan itu lebih memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan terhadap premis-premis tertentu. Aktiviti pemuliharaan, pembangunan mampan dan pemulihan masalah-masalah pencemaran tidak dapat diberi tumpuan kerana JAS kekurangan kakitangan teknikal.

24.5. Pelaksanaan

Pengauditan terhadap pelaksanaan aktiviti penilaian dan aktiviti kawalan mendapati perkara-perkara seperti yang dilaporkan di bawah :-

24.5.1. Jabatan Alam Sekitar tidak dapat menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh kepada semua premis kerana kekurangan kakitangan teknikal. Adalah didapati kedudukan perjawatan di negeri-negeri tidak seimbang dengan beban kerja berasaskan kepada keluasan sesebuah negeri, bilangan premis yang ada, bilangan kenderaan dan projek-projek yang perlu mendapat kelulusan EIA. Sebagai contoh, kakitangan teknikal JAS Negeri Sabah hanya seramai 13 orang berbanding dengan keluasannya 76,115 kilometer persegi manakala JAS Negeri Melaka mempunyai seramai 14 orang kakitangan teknikal walaupun keluasannya adalah lebih kecil. Keadaan ini wujud kerana pengagihan perjawatan sehingga tahun 1995 ialah mengikut zon di mana Negeri Melaka merupakan pejabat bagi Zon Selatan. Kedudukan agihan beban tugas utama berbanding dengan bilangan kakitangan teknikal bagi 8 negeri adalah seperti di **Jadual 34**.

JADUAL 34
AGIHAN BEBAN TUGAS UTAMA BERBANDING DENGAN
BILANGAN KAKITANGAN TEKNIKAL MENGIKUT NEGERI
- KEDUDUKAN SETAKAT BULAN MAC 2000

NEGERI	KELUASAN NEGERI (km ²)	BEBAN TUGAS			PERJAWATAN KAKITANGAN TEKNIKAL	
		Bilangan Premis	Bilangan Kenderaan Diesel	Bilangan Projek Diluluskan EIA	Bilangan Diluluskan	Bilangan Diisi
KEDAH	9,425	1,845	30,632	60	8	6
SARAWAK	124,450	2,204	89,749	25	25	24
SABAH	76,115	1,439	117,544	166	14	13
MELAKA	1,683	1,200	16,568	120	14	14
PAHANG	35,964	2,500	33,141	50	39	38
PERAK	21,000	2,100	62,973	70	21	21
SELANGOR	8,200	6,000	84,668	100	39	36
JOHOR	19,984	2,602	103,443	70	31	31

Pelaksanaan Aktiviti Penilaian

24.5.2. Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan 1985) menetapkan 19 kategori aktiviti yang perlu mendapat kelulusan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) tertakluk kepada syarat-syarat dari segi keluasan, panjang dan kapasiti sesuatu projek. Sebagai contoh :-

- Pertanian – kawasan melebihi 500 hektar.
- Lapangan Terbang – landasan melebihi 2,500 meter.
- Tebus guna tanah – melibatkan kawasan pantai melebihi 50 hektar.
- Perumahan – kawasan melebihi 50 hektar.
- Tempat peranginan/hotel kawasan pantai – melebihi 80 bilik.

Bagi maksud ini, satu Laporan EIA perlu disediakan oleh pemilik projek sekiranya sesuatu projek itu tergulung di bawah kategori yang ditetapkan itu. Tujuan penyediaan Laporan EIA ialah untuk :-

- Mengenal pasti komponen alam sekeliling yang berkemungkinan terjejas ketika pembinaan dan setelah projek beroperasi.
- Melaksana penilaian dan menganggarkan kesan yang berlaku semasa projek di peringkat pembinaan dan setelah beroperasi.
- Membuat syor-syor untuk mengawal kesan alam sekitar yang ketara akibat pembangunan projek atau untuk mempertingkatkan kualiti alam sekitar.
- Menyedia perancangan pembangunan alam sekitar setelah laporan EIA diluluskan dengan menggariskan secara terperinci langkah-langkah yang akan diambil untuk mematuhi syarat-syarat kelulusan.

24.5.3. Hasil daripada semakan Audit terhadap aktiviti EIA mendapati perkara-perkara berikut :-

Pendaftaran Juruperunding EIA

24.5.3.1. Adalah diperhatikan JAS telah melaksanakan pendaftaran juruperunding secara pentadbiran sejak 1991. Juruperunding boleh mendaftar atas nama individu atau firma setelah memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh JAS. Oleh kerana pendaftaran tidak dibuat secara mandatori, pemilik projek bebas memilih mana-mana juruperunding sama ada yang disenaraikan oleh JAS ataupun tidak. Sehubungan ini, JAS tidak dapat memastikan sama ada juruperunding yang tidak berdaftar dengannya mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menyediakan laporan EIA. Adalah disyorkan satu peraturan dibuat agar hanya juruperunding yang berdaftar dengan JAS sahaja boleh dilantik untuk menyediakan laporan EIA.

Pihak JAS telah memaklumkan bahawa tindakan akan diambil untuk membuat pindaan kepada Akta supaya semua juruperunding berdaftar dengan pihaknya secara mandatori.

Pemeriksaan *Post-EIA* Kurang Dilakukan

24.5.3.2. Bagi memastikan pemilik-pemilik projek mematuhi semua syarat kelulusan EIA dan juga melaksanakan semua langkah kawalan yang terdapat di dalam laporan EIA, pemeriksaan susulan (*Post-EIA*) perlu dilakukan. Namun begitu, semakan Audit di 7 negeri mendapati pihak JAS tidak dapat membuat pemeriksaan susulan terhadap kesemua projek yang telah diberikan kelulusan EIA. Mengikut maklum balas JAS mengenai perkara ini, kecuali bagi Negeri Perlis, hanya 2 pegawai sahaja ditempatkan di Unit EIA bagi setiap negeri untuk memproses laporan EIA dan membuat lawatan susulan *post-EIA*. Perbandingan antara bilangan projek yang diberi kelulusan EIA dengan bilangan pemeriksaan susulan yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 35**.

JADUAL 35
PEMERIKSAAN SUSULAN TERHADAP
PROJEK YANG DIBERIKAN KELULUSAN EIA

NEGERI	BILANGAN PROJEK YANG DIBERI KELULUSAN EIA SEHINGGA JUN 1999	BILANGAN PEMERIKSAAN SUSULAN	
		1999	2000 (<i>Sehingga Oktober 2000</i>)
JOHOR	444	84	37
KEDAH	216	5	17
PAHANG	166	47	47
PERAK	165	84	52
SABAH	195	41	34
SARAWAK	159	14	30
SELANGOR	402	102	44

Syarat-syarat Kelulusan EIA Dijadikan Sebahagian Daripada Dokumen Kontrak Pembinaan

24.5.3.3. Jabatan Alam Sekitar telah mengenakan syarat supaya semua langkah kawalan dan pencegahan serta syarat-syarat kelulusan EIA dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak pembinaan bagi beberapa projek yang diberi kelulusan EIA. Pengenaan syarat sedemikian adalah bertujuan bagi memastikan agar kontraktor yang melaksanakan projek berkenaan mematuhi semua syarat kelulusan EIA dan melaksanakan langkah-langkah kawalan serta pencegahan seperti mana terkandung di dalam laporan EIA. Namun begitu, adalah diperhatikan pihak JAS tidak pernah menyemak dokumen-dokumen kontrak yang berkenaan untuk memastikan syarat-syarat yang dikenakan dipatuhi.

Projek Yang Dilaksanakan Secara Berperingkat

24.5.3.4. Seperti yang telah disyaratkan oleh Akta, 19 kategori aktiviti perlu mendapat kelulusan EIA tertakluk kepada syarat-syarat dari segi keluasan, panjang dan kapasiti sesuatu projek. Semakan Audit mendapati ada pemilik tempat peranginan/hotel di kawasan pantai memulakan sesuatu projek mereka secara kecil-kecilan supaya dikecualikan daripada dikenakan EIA. Projek berkenaan seterusnya

dibesarkan secara berperingkat di mana keluasan/kapasiti di setiap peringkat itu tidak melebihi keluasan/kapasiti yang tertakluk kepada keperluan kelulusan EIA. Setelah melakukan pembesaran beberapa kali, keluasan/kapasiti kumulatif projek berkenaan menjadi begitu besar tetapi secara keseluruhannya projek berkenaan masih tidak tertakluk kepada keperluan kelulusan EIA berdasarkan saiz setiap fasa pembinaan tersebut. Contohnya, sebuah projek peranginan di Pulau Tioman telah dibangunkan secara berperingkat-peringkat dan ianya tidak mempunyai sebarang kelulusan EIA. Namun, setelah melalui beberapa fasa pembesaran, projek itu kini melebihi 500 unit tetapi tiada sebarang keperluan EIA dikenakan terhadapnya. JAS perlu mengkaji semula syarat ini supaya pemilik projek yang melaksanakan projek di kawasan yang sama secara berperingkat-peringkat menyediakan laporan EIA dan mendapat kelulusan EIA daripadanya apabila keluasan/kapasiti kumulatif projek mereka telah melebihi keluasan/kapasiti yang ditetapkan.

24.5.3.5. Mengikut makluman yang diberikan oleh Ibu Pejabat JAS, satu arahan untuk menyeragamkan keperluan EIA bagi pembesaran projek atau penambahan kapasiti kilang telahpun dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar pada bulan Januari 2000. Bagaimanapun, berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada, pihak Audit berpendapat sebarang perubahan terhadap perintah yang spesifik berkaitan dengan hal ini hendaklah dibuat oleh Menteri yang diberi kuasa di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Kawalan dan Pengawasan Hakisan Tanah

24.5.3.6. Bagi kawalan hakisan tanah, JAS mengenakan syarat agar pemilik projek mengemukakan satu salinan pelan reka bentuk kawalan hakisan/pelan kerja tanah yang disahkan oleh Jurutera Bertauliah dan diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri/Daerah berkenaan sebelum memulakan projek. Semakan terhadap fail berkenaan mendapati kebanyakan pemilik projek tidak/lewat mengemukakan salinan dokumen berkenaan kepada JAS.

24.5.3.7. Lawatan Audit ke beberapa tapak projek mendapati tiada bukti pemilik-pemilik projek berkenaan telah melaksanakan semua langkah kawalan yang ditunjukkan dalam pelan reka bentuk kerja tanah mereka. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada kakitangan JAS, pemeriksaan di tapak projek untuk memastikan pematuhan kontraktor terhadap kawalan dan pengawasan hakisan tanah tidak dapat dilakukan kerana kekurangan pengetahuan/kemahiran dalam bidang berkenaan. Bagi mengatasi kelemahan ini, pihak Ibu Pejabat JAS telah memaklumkan bahawa satu senarai semakan akan disediakan untuk dijadikan rujukan oleh pegawai-pegawainya ketika menjalankan pemeriksaan susulan terhadap kerja-kerja tanah oleh pemilik projek.

Pelaksanaan Aktiviti Kawalan

24.5.4. Aktiviti pengawalan merangkumi penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan, penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan, pengawasan udara dan bunyi bising, pengawasan kualiti air, penguatkuasaan Buangan Terjadual, dan penguatkuasaan Punca-punca Bergerak (kenderaan bermotor). Aspek yang diberi penekanan dalam melaksanakan aktiviti ini ialah pengawalan pencemaran air dan udara akibat daripada aktiviti kilang-kilang dan kenderaan-kenderaan bermotor. Ini merangkumi pengawalan terhadap kadar pelepasan kumbahan dan asap supaya sentiasa berada pada standard yang dibenarkan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pengauditan yang dijalankan telah ditumpukan kepada perkara-perkara berikut :-

Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Ditetapkan

24.5.4.1. Kilang getah asli mentah dan kilang kelapa sawit mentah adalah merupakan industri berasaskan pertanian yang diwartakan sebagai Premis Yang Ditetapkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain daripada kedua-dua industri berkenaan, kilang-kilang yang menjalankan aktiviti mengolah dan melupuskan Buangan Terjadual juga telah dikategorikan sebagai Premis Yang

Ditetapkan. Premis-premis tersebut perlu mempunyai lesen menduduki dan mengguna premis yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Mengikut Laporan Kualiti Alam Sekitar 1998, kadar pematuhan kilang kelapa sawit ialah 80.5% manakala kilang getah ialah 90.1%. Pada keseluruhannya pihak Audit mendapati penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak JAS terhadap Premis-premis Yang Ditetapkan adalah memuaskan. **Gambar 49** di bawah menunjukkan satu contoh kemudahan sistem rawatan efluen dari kilang getah yang telah mematuhi standard pelepasan efluen. Kilang tersebut telah membelanjakan sejumlah RM300,000 untuk mewujudkan kemudahan rawatan efluennya.

GAMBAR 49



Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Bukan Ditetapkan

24.5.4.2. Premis Yang Bukan Ditetapkan merupakan premis-premis yang tidak tergulung di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bagi premis-premis ini, penguatkuasaan dijalankan oleh JAS untuk menentukan sama ada ia mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti

Alam Sekeliling (Udara Bersih 1978) dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Perindustrian 1979). Mengikut statistik yang dikemukakan oleh JAS, pada masa ini terdapat kira-kira 35,000 premis sedemikian. JAS menjalankan penguatkuasaan berdasarkan keutamaan sebagai mana berikut :-

- a. Punca yang diadu
- b. Punca bermasalah
- c. Kawasan tercemar

Semakan rekod di pejabat-pejabat JAS negeri mendapati bahawa penguatkuasaan yang dijalankan terhadap premis-premis ini adalah tidak menyeluruh kerana kekurangan kakitangan. Kebanyakan penguatkuasaan dilakukan apabila menerima aduan daripada orang awam mengenai pencemaran yang berlaku. Status penguatkuasaan berbanding dengan bilangan inventori premis di negeri-negeri berkenaan adalah seperti di **Jadual 36** berikut :-

JADUAL 36
STATUS PENGUATKUASAAN TERHADAP
PREMIS-PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

NEGERI	JUMLAH PREMIS	BILANGAN PREMIS YANG DILAWATI	
		1998	1999
Selangor	2000	Tidak Diperolehi	
Perak	Tidak diperolehi	367	412
Kedah	Dalam proses menyediakan inventori		
Johor	2564	736	226
Pahang	524	209	152
Sarawak	Tidak Diperolehi	219	168
Sabah	1317	337	300

24.5.4.3. Semakan Audit mendapati bahawa JAS dapat melaksanakan aktiviti-aktivitinya sebagai mana yang telah dirancang. Bagaimanapun, memandangkan perancangan tersebut hanya memberi tumpuan kepada pemeriksaan premis-premis tertentu sahaja, sebilangan besar premis yang dianggap tidak begitu bermasalah, langsung tidak dilawati bagi tempoh 1998 hingga Oktober 2000. Pihak

Audit telah melakukan satu semakan rambang ke sebuah premis di Wilayah Persekutuan Labuan dan mendapati bahawa premis tersebut tidak mematuhi peraturan pelepasan kumbahan sejak beberapa tahun kebelakangan (**Gambar 50**). Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya pasukan JAS membuat pemeriksaan mengikut giliran dari semasa ke semasa.

GAMBAR 50



**Keadaan Sistem Kumbahan
Di Pantai Batu Manikar Resort, Pulau Labuan
Yang Tidak Pernah Dilawati Oleh JAS Negeri Sabah**

Pengurusan Buangan Terjadual

24.5.4.4. Buangan Terjadual (BT) adalah bahan buangan yang mengandungi bahan-bahan yang amat berbahaya berbentuk pepejal, separuh pepejal, cecair atau wap di mana jika tidak diurus dengan betul boleh memudaratkan manusia dan kehidupan lain serta mencemarkan alam sekitar. Untuk memelihara alam sekitar, JAS mengadakan prosedur khusus yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1989 (Buangan Terjadual). Di bawah peraturan ini, pengeluar BT bertanggungjawab memastikan bahawa :-

- a. BT disimpan dengan sempurna di dalam bekas-bekas yang tidak mudah berkarat dan selamat daripada kebocoran.
- b. Bekas-bekas penyimpanan BT dilabelkan mengikut kaedah yang ditetapkan.

- c. BT yang masih disimpan di premis kilang hendaklah disimpan di dalam stor yang kalis api serta mempunyai ruangan yang mencukupi bagi pengedaran udara sebagai langkah berjaga-jaga seandainya berlaku kebocoran atau tumpahan bahan berkenaan.
- d. Pihak pengeluar juga dikehendaki menyediakan notis buangan terjadual dan satu salinan hendaklah dihantar kepada JAS.
- e. Satu inventori juga hendaklah disediakan bagi merekodkan semua BT yang dihasilkan dan dilupuskan.
- f. Pengangkutan BT juga perlu dilakukan mengikut kehendak peraturan yang disediakan, contohnya penyediaan Nota Penghantaran bagi setiap BT yang dihantar ke tapak pelupusan. Satu salinan Nota Penghantaran juga perlu dihantar kepada JAS.
- g. Syarikat pengangkutan dan syarikat pelupusan BT juga perlu mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh JAS.

Denda bagi kegagalan mematuhi syarat-syarat peraturan BT ini adalah tinggi. Mengikut Seksyen 34B, Subseksyen 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, pihak pengeluar BT yang gagal mematuhi syarat tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kilang pengolahan BT pula, kegagalan mematuhi syarat lesen boleh dikenakan denda tidak lebih RM25,000 atau dipenjarakan tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

24.5.4.5. Lawatan Audit bersama-sama pihak JAS ke beberapa premis kilang mendapati kilang-kilang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan berhubung dengan pengurusan bahan BT. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

- a. Bahan BT tidak tersimpan dalam stor simpanan yang berbumbung dan kalis api. Bagi kes-kes yang lain, BT hanya disimpan di dalam bekas plastik dan diletakkan di kawasan lapang. (Sila lihat contoh di **Gambar 51 dan 52**).

GAMBAR 51



Stor Buangan Terjadual Yang Kurang Sesuai

GAMBAR 52



**Buangan Terjadual Yang Tersimpan Di Dalam Bekas Plastik
Dan Diletakkan Di Kawasan Lapang**

- b. Bekas simpanan tidak dilabelkan seperti kehendak peraturan JAS.
- c. BT disimpan di dalam bekas-bekas yang telah berkarat.
- d. Jumlah BT disimpan terlalu banyak dan tiada tindakan untuk menghantarkannya ke tapak-tapak pelupusan yang dibenarkan.

- e. Amaun BT di kilang mengikut rekod adalah kurang daripada hasil pemprosesan sebenar dan berkemungkinan telah dilupuskan secara haram oleh pihak kilang.
- f. BT disimpan terlalu lama di premis kilang. Terdapat kilang yang terus menerus menyimpan bahan buangan ini selama hampir 6 tahun di premis mereka (Sila lihat **Gambar 53**).

GAMBAR 53



Buangan Terjadual Yang Tersimpan Terlalu Lama Di Premis Kilang

24.5.4.6. Antara faktor yang menyebabkan kilang-kilang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak JAS ialah kerana kurangnya aktiviti penguatkuasaan akibat kekurangan kakitangan. Di samping itu, didapati juga kekurangan tindakan undang-undang yang sewajarnya diambil oleh JAS terhadap mereka yang melanggar peraturan. Kekurangan penguatkuasaan oleh pihak JAS menyebabkan banyak BT dilupuskan secara haram atau dieksport secara haram ke luar negara. Kos pelupusan yang tinggi juga menyebabkan pengeluar BT lebih suka menyimpannya di premis masing-masing. Contohnya, di Negeri Johor hanya 20% daripada 800 kilang yang menghasilkan BT menghantar bahan buangan tersebut ke syarikat pelupusan barangan terjadual. Sebanyak 10% menghantar ke kilang-kilang pengolahan/kitaran semula BT manakala bakinya 70% terus disimpan di premis masing-masing. Pihak JAS memaklumkan bahawa satu arahan akan dikeluarkan bagi menghadkan tempoh penyimpanan BT tidak boleh melebihi 180 hari. Selepas tempoh tersebut pekilang-pekilang perlu menghantar BT mereka ke tapak-tapak pelupusan yang dilesenkan.

24.5.4.7. Bagi menggalakkan pekilang-pekilang supaya lebih bertanggungjawab mengenai pengurusan BT, skim pelepasan cukai kepada pekilang-pekilang untuk memasang alat kawalan pencemaran seperti mana yang sedia ada hendaklah diteruskan. Di samping itu, adalah disyorkan supaya Kerajaan memberikan rebet cukai bagi syarikat-syarikat yang memasang peralatan pengolahan BT. Bagi syarikat yang memiliki Sijil MS ISO 14000 berhubung dengan pengurusan alam sekitar, satu skim galakan cukai patut juga dipertimbangkan. Selain daripada insentif berkenaan, pihak JAS sendiri perlu mengambil beberapa tindakan yang lebih tegas bagi menangani masalah ini seperti menambah pegawai dan kakitangan penguatkuasa dengan seberapa segera supaya tugas penguatkuasaan yang lebih berkesan dapat dijalankan terhadap kilang-kilang yang mengeluarkan BT. Tindakan undang-undang terhadap pengeluar BT yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan juga perlu diambil dengan tegas.

Penswastaan Pengawasan Kualiti Air dan Udara

24.5.4.8. Bagi tujuan pengawasan kualiti air dan udara, Kerajaan telah melantik sebuah syarikat untuk mengumpul data-data udara dan air di stesen-stesen tertentu. Data-data tersebut akan dianalisa oleh pihak JAS untuk dijadikan indeks kualiti air dan udara. Sejumlah RM21.0 juta telah dibayar bagi tahun 1999 dan sejumlah RM24.9 juta diperuntukkan untuk perkhidmatan ini bagi tahun 2000. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berhubung dengan penswastaan ini seperti berikut :-

- a. Pihak JAS belum mewujudkan mekanisme kawal selia yang formal terhadap aktiviti percontohan air dan udara oleh syarikat bagi memastikan pelaksanaannya menepati kriteria JAS. Bagaimanapun, JAS pernah melakukan pemeriksaan apabila keperluan timbul. Maklum balas pihak JAS mengenai perkara ini ialah pihaknya akan mewujudkan satu fungsi pengauditan dalaman bagi memastikan prosedur-prosedur yang digunakan oleh syarikat dalam melakukan percontohan air dan udara menepati garis panduan dan kriteria yang ditetapkannya.

- b. Mengikut perjanjian konsesi, syarikat perlu mewujudkan satu program kawalan kualiti terhadap operasi Pusat Data Alam Sekitarnya dan operasi-operasi percontohan. Dari semakan Audit mendapati syarikat belum lagi menepati syarat perjanjian ini.
- c. Syarat perjanjian membenarkan syarikat menjual data-data yang diklasifikasikan sebagai bukan terhad. Perjanjian konsesi ini membenarkan Kerajaan berkongsi keuntungan hasil penjualan tersebut dengan syarikat sebanyak 50% daripada jumlah jualan yang melebihi RM1.5 juta. Bagaimanapun, satu mekanisme pelaporan terhadap hasil penjualan tersebut tidak diwujudkan.

24.5.5. Pemantauan

24.5.5.1. Pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti JAS dilaksanakan melalui 3 peringkat iaitu Majlis Kualiti Alam Sekeliling, Ibu Pejabat JAS dan Pengarah-pengarah JAS Negeri.

a. Peringkat Majlis Kualiti Alam Sekeliling

Satu Majlis Kualiti Alam Sekeliling ditubuhkan di bawah kuasa yang diberikan di dalam Seksyen 4 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ahli-ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling terdiri daripada seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Majlis ini juga dianggotai oleh 16 ahli yang lain yang ditetapkan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Majlis tersebut bertanggungjawab memberi nasihat kepada Menteri mengenai pelaksanaan Akta dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Majlis ini juga memberi nasihat kepada JAS dalam merangka polisi dan strategi terhadap pengurusan alam sekitar. Keutamaan diberikan terhadap aktiviti penguatkuasaan dan memperkukuhkan undang-undang alam sekitar seperti pindaan-pindaan tertentu terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

b. Pemantauan oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar

Pejabat-pejabat JAS Negeri dikehendaki mengemukakan laporan-laporan suku tahunan mengenai Premis Yang Ditetapkan, Premis Yang Bukan Ditetapkan dan punca-punca bergerak. Maklumat-maklumat yang diterima akan dikumpul antara lainnya untuk dilaporkan di dalam Laporan Tahunan Ketua Pengarah Alam Sekitar Mengenai Kualiti Alam Sekeliling. Kesemua maklum balas ini juga digunakan untuk menetapkan pengagihan sumber dan kakitangan ke negeri-negeri. Ia juga digunakan untuk membentuk dasar Jabatan untuk dilaksanakan oleh negeri-negeri.

c. Pemantauan oleh Pengarah-pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri

Pengarah-pengarah JAS Negeri menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti yang dirancang. Kedudukannya adalah seperti berikut :-

i. Pemantauan Terhadap Aktiviti Penilaian

Bagi projek-projek yang mendapat kelulusan EIA, pemilik-pemilik projek adalah diwajibkan mengemukakan kepada JAS laporan-laporan berkala seperti laporan kualiti air, laporan bunyi bising dan laporan pepejal terampai. Laporan berkala ini perlu bagi memastikan pemilik projek sentiasa melaksanakan langkah-langkah kawalan pencemaran dan memaklumkan keadaan alam sekitar di persekitaran premis atau kawasan projek mereka. Oleh kerana JAS tidak dapat menjalankan pemeriksaan susulan terhadap kesemua projek yang mendapat kelulusan EIA, JAS sepatutnya menjalankan pemantauan secara pentadbiran untuk memastikan pemilik-pemilik projek yang tidak dilawati itu mengemukakan laporan-laporan tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kebanyakan pemilik projek tersebut tidak mengemukakan laporan-laporan itu. Tidak ada bukti yang menunjukkan pemantauan sedemikian telah dilakukan oleh JAS.

ii. Pemantauan Terhadap Aktiviti Kawalan

Mengikut amalan JAS, untuk membolehkan pemantauan dilakukan terhadap pencemaran udara dan air, punca-punca pencemaran tersebut perlu diinventorikan. Punca-punca pencemaran udara yang dikenal pasti oleh JAS ialah dari kenderaan bermotor dan industri-industri. Bagi pencemaran air pula, JAS telah mengenal pasti 4 punca utama iaitu industri pembuatan, industri berasaskan pertanian (minyak sawit mentah dan getah asli mentah), ternakan haiwan dan kumbahan. Proses menginventori punca-punca ini dilakukan oleh pejabat-pejabat JAS negeri. Kajian Audit di 7 negeri mendapati inventori bagi Premis Yang Ditetapkan dan Punca-punca Bergerak telah diwujudkan dan dikemas kini dengan baik oleh negeri-negeri berkenaan. Bagaimanapun, inventori bagi Premis-premis Yang Bukan Ditetapkan adalah tidak lengkap.

24.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

24.6.1. Pada umumnya JAS telah menyediakan rancangan tahunannya berdasarkan kekuatan tenaga kerjanya. Bagaimanapun, disebabkan oleh kekurangan kakitangan teknikal, aktiviti-aktiviti lain seperti pemuliharaan alam sekitar, pembangunan mampan dan pemulihan masalah pencemaran tidak dapat diberi penumpuan yang menyeluruh. Bagi membolehkan pihak JAS menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan, adalah disyorkan supaya bilangan perjawatan teknikal ditambah untuk disesuaikan dengan beban kerjanya.

24.6.2. Bagi menggalakkan pemilik premis/projek lebih prihatin terhadap isu-isu alam sekitar, adalah disyorkan Kerajaan memperluaskan pemberian pelepasan cukai bagi alat-alat kawalan pencemaran alam sekitar yang dibawa masuk ke Malaysia atau perbelanjaan bagi memasang alat-alat berkenaan dibenarkan sebagai potongan dalam kiraan cukai pendapatan syarikat.

24.6.3. Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan disarankan agar lebih prihatin dan serius bagi mengawal pemilik premis/projek yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar yang serius. Bagi kilang-kilang yang dikenal pasti menyebabkan pencemaran alam sekitar yang serius dan terletak di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi, Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan disarankan supaya memindahkan kilang-kilang berkenaan ke kawasan yang lebih sesuai dan jauh dari kawasan perumahan.

24.6.4. Adalah disyorkan supaya Akta Syarikat dipinda bagi mewajibkan semua syarikat pengilang mendedahkan jumlah perbelanjaan tahunan yang dibuat untuk mengawal pencemaran alam sekitar. Satu Jawatankuasa Audit Alam Sekitar juga patut diwujudkan di semua syarikat berkenaan bagi menjaga dan mengawal pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada operasi mereka. Perkara ini telahpun diperkenalkan oleh *Australian Securities and Investment Commission* di dalam Akta Perbadanan Negara berkenaan sejak bulan Julai 1998. Satu garis panduan "*Practice Note 68: New Financial Reporting And Procedure Requirements*" juga telah dikeluarkan untuk dipatuhi oleh syarikat-syarikat di negara tersebut. Antara lainnya, garis panduan tersebut menghendaki syarikat-syarikat memaklumkan kepada pihak berkuasa alam sekitar negara itu mengenai tahap pematuhan syarikat terhadap undang-undang dan peraturan berhubung dengan alam sekitar dalam sesuatu tempoh tahun kewangan.

24.6.5. Tanggungjawab pengurusan alam sekitar di Malaysia berdasarkan peruntukan undang-undang adalah diletakkan di bawah Jabatan Alam Sekitar yang merupakan sebuah agensi Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, dari aspek kuasa pembangunan setempat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa yang luas. PBT diberikan kuasa untuk melaksanakan pembangunan setempat melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976. Tidak ada peruntukan khusus berhubung dengan fungsi PBT terhadap alam sekitar. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya satu kajian dijalankan terhadap kemungkinan fungsi

pengurusan alam sekitar diperturunkan kepada semua PBT. Jabatan Alam Sekitar pula boleh memberi tumpuan yang lebih terhadap pembentukan strategi dan polisi-polisi alam sekitar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penyediaan peraturan-peraturan bagi menguatkuasakan akta berkenaan. Setakat kajian ini, didapati Perbadanan Putrajaya yang mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya selaku sebuah PBT, telah mewujudkan Bahagian Alam Sekitar. Bahagian ini diberikan tanggungjawab untuk mengurus dan menguatkuasakan beberapa peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

25. JABATAN LAUT MALAYSIA

- PENGGUNAAN DAN PENYENGGARAAN KAPAL KOREK

25.1. LATAR BELAKANG

Beberapa kawasan di persisiran pantai Semenanjung seringkali menjadi cetek akibat mendapan pasir dan lumpur. Oleh itu, kerja-kerja pengorekan di kawasan tersebut perlu dilakukan supaya laluan kapal atau bot tidak terhalang. Jabatan Laut Malaysia adalah bertanggungjawab menentukan tidak ada mendapan pasir dan lumpur di kawasan pelayaran dan pelabuhan kecil. Ada 18 pelabuhan kecil di seluruh Semenanjung. Bagi kawasan-kawasan di sekitar pelabuhan besar, kerja-kerja pengorekan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pelabuhan. Sehingga 31 Disember 2000, Jabatan Laut mempunyai 4 kapal korek dan 6 bot sokongan bernilai RM35.54 juta. Kapal-kapal korek tersebut ditempatkan di Kuala Perlis, Perlis; Kuala Besar, Kelantan dan Gelugor, Pulau Pinang.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit dijalankan bagi menentukan sama ada penggunaan dan penyenggaraan kapal korek Jabatan Laut dirancang dan dilaksanakan dengan teratur.

25.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada penggunaan dan penyenggaraan kapal korek Jabatan Laut bagi tempoh 1998 hingga 2000. Ianya dijalankan dengan memeriksa rekod-rekod yang berkaitan dan menemubual pegawai-pegawai di Ibu Pejabat Jabatan Laut Semenanjung dan Pejabat Laut Wilayah Utara, Pulau Pinang.

25.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan terhadap penggunaan dan penyenggaraan kapal korek yang meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauannya mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

25.4.1. Perancangan

25.4.1.1. Perancangan Penggunaan Kapal

- a. Sebelum sesuatu perancangan pengorekan dijalankan, Unit Hidrografi, Jabatan Laut bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja hidrografi bagi menentukan kawasan dan kuantiti endapan pasir dan lumpur yang perlu dikorek. Kerja-kerja hidrografi sepatutnya dijalankan setiap 6 bulan sekali manakala pengorekan pula perlu dijalankan setiap tahun. Apabila kawasan telah dikenalpasti, kapal korek dihantar ke kawasan tersebut untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan.
- b. Daripada 18 pelabuhan kecil di seluruh Semenanjung, Jabatan Laut hanya mempunyai perancangan tahunan untuk 5 pelabuhan kecil yang memerlukan kerja-kerja pengorekan dari semasa ke semasa kerana kawasan tersebut seringkali mengalami endapan pasir dan lumpur yang boleh menghalang laluan kapal atau bot. Pelabuhan-pelabuhan itu ialah Kuala Perlis, Kuala Kedah, Mersing, Kuala Terengganu dan Kuala Besar. Bagi 13 pelabuhan yang lain, pengorekan hanya dilakukan apabila diperlukan. Bagi membolehkan kawasan-kawasan itu sentiasa dalam keadaan yang selamat untuk dilalui, kerja-kerja pengorekan perlu dirancang dengan sewajarnya. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati Jabatan tidak merancang kerja-kerja pengorekan yang perlu dilaksanakannya. Sebaliknya, kerja-kerja itu hanya dijalankan secara *ad hoc* iaitu apabila terdapat aduan mengenainya.

25.4.1.2. Penyenggaraan Kapal Korek

- a. Bagi menentukan kapal korek sentiasa dalam keadaan sedia beroperasi, Jabatan perlu menyenggarakannya secara teratur sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 1995. Untuk tujuan ini, Jabatan perlu menetapkan jadual penghantaran kapal koreknya untuk diselenggarakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan jadual tersebut.
- b. Jabatan Laut tidak mempunyai kemudahan untuk menyenggarakan kapal koreknya. Oleh itu, kerja-kerja penyenggaraan/pembaikan kapal dibuat oleh syarikat swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Bayaran yang dikenakan oleh syarikat itu perlu mematuhi kadar yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

25.4.1.3. Keperluan Kewangan

Jabatan Laut telah memohon sejumlah RM34.07 juta peruntukan pembangunan untuk menjalankan kerja pengorekan bagi tempoh 1996 hingga 2000. Bagi tempoh yang sama juga Jabatan telah memohon peruntukan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan kapal korek berjumlah RM3.25 juta.

25.4.1.4. Keperluan Kakitangan

- a. Jabatan memerlukan seramai 76 kakitangan untuk mengendalikan 4 kapal korek serta bot sokongannya. Bagi menjalankan aktiviti pengorekan, setiap kapal korek memerlukan antara 15 hingga 25 kakitangan yang terdiri daripada nakhoda, ketua pegawai, serang, jurumudi, penyelia korek, jurutera, tukang geris, kelasi dan tukang masak. Semua kakitangan kapal korek dilantik secara kontrak oleh Jabatan Laut.
- b. Bagi kerja-kerja penyenggaraan/pembaikan kapal korek, oleh kerana ia dijalankan oleh syarikat swasta, Jabatan tiada memohon jawatan yang khusus untuk kerja-kerja tersebut.

Jabatan Laut perlu memperkemaskan perancangannya berhubung dengan kerja-kerja pengorekan bagi memastikan keselamatan laluan kapal dan bot di kawasan pelabuhan kecil. Bagi tujuan ini data-data hidrografi patut digunakan. Sehubungan ini, penyenggaraan terhadap kapal-kapal korek yang digunakan itu perlu dibuat secara berjadual mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

25.4.2. Pelaksanaan

25.4.2.1. Aktiviti Pengorekan

- a. Daripada 5 pelabuhan kecil yang dikenalpasti memerlukan pengorekan, Unit Hidrografi hanya mampu menjalankan kerja-kerja hidrografi untuk 3 pelabuhan kecil sahaja bagi tahun 2000. Unit ini tidak dapat menjalankan kerja-kerja tersebut mengikut perancangan kerana kekurangan peralatan dan kakitangan.
- b. Semakan Audit terhadap kerja-kerja pengorekan bagi tempoh 1998 hingga 2000 mendapati prestasi penggunaan kapal korek kurang memuaskan. Purata masa beroperasi setahun bagi setiap kapal korek ialah 54.25 hari pada tahun 1998; 28.5 hari pada tahun 1999 dan 3.5 hari pada tahun 2000. Purata masa operasi yang rendah dan terus berkurangan ini adalah disebabkan kapal tersebut seringkali mengalami kerosakan; tidak dapat diperbaiki kerana kesukaran mendapat alat ganti; ketiadaan beberapa peralatan sokongan seperti pelampung dan paip; serta telah berusia antara 10 hingga 28 tahun. Kapal-kapal korek juga tidak berupaya menjalankan kerja pengorekan mengikut tahap yang sepatutnya. Sebagai contoh, bagi tempoh 1998 hingga 2000, kapal korek Tanjung Sesenak di Kuala Perlis hanya mampu mengorek 78,840 meter padu pasir dan lumpur berbanding 2.2 juta meter padu yang sepatutnya dikorek. Begitu juga kapal korek Tanjung Penunjuk di Kuala Besar, Kelantan hanya mampu mengorek 506,175 meter padu pasir dan lumpur berbanding dengan pengorekan yang sepatutnya berjumlah 700,000 meter padu. Manakala kapal korek Tanjung Pinang di Kuala Kedah dan

Tanjung Kemarung di Gelugur, Pulau Pinang tidak digunakan langsung dalam tempoh tersebut.

- c. Memandangkan kapal korek Jabatan tidak mampu menjalankan kerja pengorekan dengan berkesan, seringkali rosak dan tidak mempunyai peralatan yang mencukupi, Jabatan Laut telah melantik 5 syarikat swasta dari tahun 1997 hingga 2000 untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan di pelabuhan-pelabuhan kecil iaitu di Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Mersing. Tempoh kontraknya adalah antara 10 hingga 21 minggu dan bernilai antara RM1.49 juta hingga RM10.99 juta.
- d. Jabatan telah menghantar kertas cadangan menswastakan Unit Kapal Korek kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1998. Bagaimanapun, sehingga kini tidak ada sebarang keputusan dibuat mengenainya. Oleh itu, bagi membolehkan Unit Kapal Korek tersebut terus beroperasi, Jabatan telah membeli pelampung dan paip serta peralatan untuk kapal korek Tanjung Pinang dan Tanjung Sesenak dengan kos berjumlah RM3.5 juta pada akhir tahun 2000.

GAMBAR 54



***Kapal Korek Tanjung Sesenak Yang Ditempatkan Di Gelugur,
Pulau Pinang***

25.4.2.2. Kerja-kerja Penyelenggaraan Kapal Korek

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 1995 menetapkan bahawa Jabatan atau Agensi yang tidak mempunyai kemudahan limbungan untuk penyelenggaraan/pembaikan kapal dikehendaki menghantar kapal atau botnya ke limbungan syarikat swasta yang berhampiran mengikut kadar bayaran yang ditetapkan. Pekeliling tersebut juga menetapkan kekerapan sesuatu kapal perlu disenggarakan serta jenis-jenis pemeriksaan yang perlu dijalankan. Semakan Audit mendapati oleh kerana Jabatan tidak menyediakan jadual penghantaran kapal koreknya untuk disenggarakan, kerja-kerja penyelenggaraan kapal itu tidak dijalankan mengikut kekerapan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Kapal-kapal korek berkenaan pada umumnya hanya dihantar ke limbungan untuk membaiki kerosakan yang berlaku.
- b. Pada tahun 1999, penyelenggaraan hanya dibuat terhadap kapal korek Tanjung Penunjuk. Kos penyelenggara dan membaiki kerosakan kapal ini berjumlah RM820,030. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Jabatan Laut, kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan.
- c. Berhubung dengan kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan kapal korek oleh limbungan swasta, pihak Audit mendapati Jabatan Laut tidak menetapkan tempoh kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan patut disiapkan. **Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan kapal telah disiapkan dalam tempoh yang sepatutnya. Bayaran yang dibuat oleh Jabatan pula bagi kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan itu adalah wajar.**

25.4.2.3. Peruntukan dan Perbelanjaan

- a. Jabatan Laut telah menerima peruntukan sejumlah RM2.97 juta bagi tempoh 1998 hingga 2000 untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan kapal korek. Pada tahun 2000,

Jabatan telah memohon peruntukan tambahan berjumlah RM280,000 tetapi tidak diluluskan oleh Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati Jabatan Laut tidak memohon peruntukan yang mencukupi dari peringkat awal untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan kapal korek.

- b. Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan peruntukan pembangunan yang dipohon oleh Jabatan Laut untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengorekan berjumlah RM34.07 juta bagi tempoh 1996 hingga 2000. Jumlah yang dibelanjakan bagi tempoh ini ialah RM32.59 juta atau 95.6%. Perbelanjaan ini adalah termasuk bayaran-bayaran yang dibuat kepada syarikat swasta untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan di pelabuhan-pelabuhan kecil di Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Mersing.

25.4.2.4 Kakitangan

Daripada 76 jawatan yang diluluskan, hanya 51 jawatan diisi secara kontrak. Pihak Jabatan telah memaklumkan bahawa jawatan-jawatan yang kosong tidak akan diisi memandangkan sebahagian besar aktiviti pengorekan telah dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta. Penggunaan syarikat swasta dalam kerja-kerja pengorekan menyebabkan perkhidmatan kakitangan yang ditugaskan di kapal-kapal korek tidak digunakan sepenuhnya. Mereka hanya ditugaskan untuk membersihkan kapal dari semasa ke semasa. Jumlah gaji yang dibayar kepada 51 orang kakitangan yang ada ialah RM2.77 juta.

Penggunaan kapal untuk kerja-kerja pengorekan adalah terhad kerana kapal-kapal itu seringkali mengalami kerosakan dan ia tidak mempunyai beberapa peralatan yang diperlukan. Jabatan tidak menjalankan kerja-kerja penyenggaraan secara berjadual seperti mana yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

25.4.3. Pemantauan

25.4.3.1. Jabatan Laut memantau penggunaan kapal-kapal koreknya dengan meminta Nakhoda kapal korek berkenaan mengemukakan Laporan Pengorekan Bulanan ke Ibu Pejabatnya, di Pelabuhan Klang. Semakan Audit mendapati Laporan ini telah dihantar ke Ibu Pejabat apabila aktiviti-aktiviti pengorekan dijalankan. Jabatan juga telah memantau kerja-kerja pengorekan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta dengan memuaskan. Pemantauan ini dibuat melalui Laporan-laporan Pengorekan Bulanan yang dikemukakan oleh Pegawai Jabatan di pelabuhan-pelabuhan berkenaan.

25.4.3.2. Mengikut peraturan, Ibu Pejabat Jabatan Laut perlu menyelenggarakan rekod bagi setiap kapal korek. Antara lainnya, rekod ini perlu mencatatkan butir-butir berhubung dengan kapal berkenaan serta penyenggaraan/pembaikan yang telah dijalankan. Semakan Audit mendapati pada umumnya, rekod-rekod tersebut tidak diselenggarakan dengan memuaskan.

25.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Jabatan Laut perlu memperkemaskan perancangannya berhubung dengan aktiviti-aktiviti pengorekan dan penyenggaraan kapal korek bagi membolehkan kapal-kapal tersebut berfungsi dengan lebih berkesan. Untuk tujuan ini adalah disyorkan supaya Jabatan menimbangkan perkara-perkara berikut :-

- a. Jabatan patut menentukan jumlah sebenar peruntukan kewangan yang diperlukan untuk membolehkan kerja-kerja penyenggaraan dijalankan secara berjadual.
- b. Jabatan perlu menilai keadaan kapal-kapal koreknya dan melupuskan kapal-kapal yang tidak lagi ekonomik diperbaiki.
- c. Jabatan patut menjalankan analisis perbandingan untuk menentukan sama ada lebih ekonomi untuk meneruskan aktiviti-aktiviti pengorekannya atau menswastakan aktiviti itu.

- d. Jabatan Laut patut menimbang untuk menempatkan semula (*redeploy*) kakitangan kapal korek yang tidak diperlukan lagi untuk menjalankan tugas-tugas lain yang bersesuaian.
- e. Bagi membolehkan perancangan kerja-kerja pengorekan yang berkesan, Jabatan sepatutnya membuat pemetaan hidrografi dalam tempoh yang sesuai. Bagi pelabuhan besar seperti di Pulau Pinang, kerja-kerja hidrografi perlu dijalankan untuk setiap 6 bulan manakala bagi pelabuhan kecil, kerja-kerja hidrografi patut dijalankan dalam tempoh yang sesuai.
- f. Bagi kapal korek yang tidak digunakan, patut dihantar ke kawasan-kawasan pelabuhan kecil lain yang memerlukan perkhidmatan.

26. PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

26.1. LATAR BELAKANG

26.1.1. Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) mula diperkenalkan pada awal tahun 1990 khusus untuk menangani masalah-masalah golongan termiskin dan meningkatkan kemampuan mereka untuk berdikari. Golongan termiskin ditakrifkan sebagai keluarga yang memperoleh pendapatan kurang daripada separuh Pendapatan Garis Kemiskinan. Berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan tahun 1995 yang dijadikan asas bagi mendaftarkan golongan sasaran program ini, golongan termiskin adalah keluarga yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM212.50 sebulan bagi negeri-negeri di Semenanjung, kurang daripada RM300.50 sebulan bagi Negeri Sabah dan kurang daripada RM258.00 sebulan bagi Negeri Sarawak. Bilangan keluarga termiskin mengikut bancian terakhir pada 1995/1996 ialah seramai 58,997 keluarga.

26.1.2. Sembilan program telah dilaksanakan bagi menangani masalah-masalah keluarga termiskin termasuk dari segi sikap, pendapatan, keadaan tempat tinggal dan pemakanan. Program ini adalah seperti berikut :-

- **Program Pemulihan Rumah** – Dilaksanakan untuk membantu rakyat termiskin memperoleh rumah yang sempurna dan selesa untuk diduduki.
- **Program Perubahan Sikap** – Dilaksanakan untuk membentuk golongan termiskin supaya mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai yang positif.
- **Program Makanan Tambahan** - Dilaksanakan untuk meningkatkan taraf kesihatan kanak-kanak daripada keluarga termiskin melalui pemakanan.

- **Program Peningkatan Ekonomi Kampung** - Dilaksanakan untuk menambah pendapatan keluarga termiskin.
- **Program PPRT Pertanian** - Dilaksanakan untuk menambah pendapatan keluarga termiskin melalui aktiviti-aktiviti pertanian.
- **Program Pembangunan Masyarakat Setempat** - Beberapa komponen projek PPRT dirancang supaya dilaksanakan secara bersepadu dalam satu-satu kawasan terpilih.
- **Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)** - Dilaksanakan untuk memberi kemudahan dan suasana pembelajaran yang sempurna kepada anak-anak keluarga termiskin.
- **Pembasmian Kemiskinan Bandar** - Dilaksanakan untuk menangani masalah-masalah kemiskinan di bandar.
- **Pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia** - Menyediakan modal pinjaman kepada golongan termiskin.

26.2. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pembangunan Rakyat Termiskin dilaksanakan dengan teratur mengikut perancangan dan mencapai matlamat pelaksanaannya.

26.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

26.3.1. Kajian ini meliputi 6 daripada 9 program PPRT yang dilaksanakan bagi tempoh 1998 hingga 2000. Program-program yang dipilih ialah :-

- Program Pemulihan Rumah.
- Program Makanan Tambahan.
- Program Peningkatan Ekonomi Kampung.
- Program Pembangunan Masyarakat Setempat.
- Program PPRT Pertanian.
- Taman Asuhan Kanak-Kanak.

26.3.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap rekod-rekod di peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan agensi yang terlibat dengan pelaksanaan program seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pihak Berkuasa Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Getah (RISDA), FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Jabatan Perikanan Sabah (JPS), Lembaga Tembakau Negara (LTN), Pejabat Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Pejabat-Pejabat Daerah. Maklumat juga diperolehi daripada soal selidik yang dikemukakan kepada golongan sasaran serta pihak-pihak lain yang berkaitan. Lawatan fizikal ke tapak-tapak projek di Negeri Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang dan Sabah juga telah dibuat.

26.4. PENEMUAN AUDIT

26.4.1. Perancangan

26.4.1.1. Struktur Perancangan Dan Pelaksanaan

- a. KPLB telah mengeluarkan beberapa panduan berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan PPRT. Antaranya ialah Panduan Menyediakan Pelan Tindakan Daerah, Garis Panduan Program Pemulihan Rumah, Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Sikap, Garis Panduan Pelaksanaan Program Menambahkan Pendapatan Dan Garis Panduan Perolehan dan Pelaksanaan Program Makanan Tambahan.
- b. Perancangan dan penyelarasan PPRT melibatkan 3 peringkat utama iaitu peringkat pusat (KPLB), peringkat Negeri dan peringkat Daerah. Di peringkat pusat, Bahagian Pembasmian Kemiskinan, KPLB bertanggungjawab terhadap perancangan dasar PPRT secara keseluruhannya termasuk merangka strategi pelaksanaan program. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyedia dan memantau peruntukan serta perbelanjaan PPRT. Bahagian ini juga bertanggungjawab memantau dan membuat penilaian berterusan terhadap pelaksanaan projek tersebut.

- c. Jawatankuasa PPRT peringkat negeri dan daerah pula diberi tanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai projek-projek PPRT di peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa di peringkat negeri dipengerusikan oleh Pegawai Pembangunan negeri dan ahlinya terdiri daripada semua Pegawai Daerah, Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri serta agensi pelaksana manakala di peringkat daerah, Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.
- d. Setiap agensi pelaksana dikehendaki menentukan peserta yang akan menyertai projek dengan merujuk kepada Daftar Rakyat Termiskin. Agensi-agensi pelaksana juga perlu menyediakan kertas cadangan projek yang kemudiannya akan diselaraskan oleh Jawatankuasa Peringkat Daerah untuk penyediaan rancangan peringkat daerah. Rancangan ini kemudian perlu dibawa ke Jawatankuasa PPRT Negeri untuk kelulusan dan penyelarasan di peringkat negeri sebelum dikemukakan ke peringkat pusat.
- e. Semakan Audit mendapati panduan-panduan yang dikemukakan oleh KPLB berhubung dengan perancangan tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pihak-pihak yang terlibat. Jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat negeri dan daerah tidak begitu terlibat dalam perancangan projek. Pada umumnya perancangan projek dibuat oleh agensi-agensi pelaksana dan dikemukakan terus kepada KPLB untuk kelulusan.

26.4.1.2. Keperluan Kewangan

Keperluan kewangan untuk melaksanakan projek-projek PPRT disediakan dengan berasaskan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri dan daerah. Jumlah yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek PPRT bagi tahun 1998, 1999 dan 2000 ialah RM187.54 juta, RM 107.82 juta dan RM92.03 juta masing-masingnya.

26.4.1.3 Tumpuan Lokasi Projek-Projek PPRT

Menurut dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan, projek-projek perlu dirancang dengan memberi tumpuan kepada negeri dan daerah yang mempunyai golongan termiskin yang tertinggi. Berasaskan daftar yang telah diwujudkan, 7 negeri yang mempunyai bilangan rakyat termiskin tertinggi ialah Negeri-negeri Kelantan, Sabah, Sarawak, Terengganu, Kedah, Perak dan Pahang. Di peringkat daerah pula, 20 daerah di negeri-negeri di Semenanjung yang mempunyai bilangan termiskin yang tertinggi ialah Tumpat, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Machang, Kuala Krai dan Tanah Merah di Kelantan. Bagi Negeri Terengganu, daerah terlibat ialah Kuala Terengganu, Besut, Marang, Hulu Terengganu, Setiu dan Dungun. Daerah di Negeri Kedah pula ialah Kota Setar, Padang Terap, Kubang Pasu dan Sik. Bagi Negeri-negeri Perak dan Selangor, hanya satu daerah iaitu Hilir Perak dan Sabak Bernam masing-masingnya.

Pada keseluruhannya Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mewujudkan struktur yang baik untuk merancang pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Kementerian juga telah menyediakan panduan-panduan yang mencukupi untuk melaksanakan program ini.

26.4.2. Pelaksanaan

26.4.2.1. Pelaksanaan Projek

- a. Projek-projek di bawah PPRT dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KPLB dan Kementerian Pertanian. Penyelarasan terhadap pelaksanaan projek-projek itu dijalankan oleh Jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat negeri dan daerah. Di Negeri-negeri Kedah, Pahang dan Terengganu, Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh pegawai kanan daripada Pejabat Pembangunan Negeri manakala di Negeri Sabah, oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan. Agensi-agensi yang terlibat dengan pelaksanaan projek PPRT di negeri-negeri yang dilawati adalah seperti berikut :-

JADUAL 37
AGensi PELAKSANA DI NEGERI
KEDAH, PAHANG, TERENGGANU DAN SABAH

NEGERI	AGensi PELAKSANA
Kedah	KEDA, MADA, LPP, KEMAS
Pahang	FELCRA, RISDA, LPP, KEMAS
Terengganu	KETENGAH, FELCRA, LPP
Sabah	LPP, LKIM, JPS, Jabatan Perikanan, FELCRA, KEMAS, FAMA, MARDI

- b. Di Negeri Kelantan, penyelarasan terhadap pelaksanaan projek peringkat negeri dijalankan oleh KPLB sendiri melalui sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPLB. Pelaksanaan projek pula diserahkan kepada 4 agensi utama iaitu KESEDAR yang bertanggungjawab mengendalikan projek di jajahan Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli; RISDA mengendalikan projek di jajahan Pasir Puteh, Machang dan Tumpat; FELCRA Berhad mengendalikan projek di jajahan Pasir Mas dan Tanah Merah serta KEMAS mengendalikan projek di jajahan Bachok dan Kota Bharu. Berbeza dengan negeri-negeri lain yang mana peserta projek diperolehi daripada Daftar Rakyat Termiskin di Pejabat Daerah, peserta-peserta projek di Negeri Kelantan dipilih oleh agensi pelaksana dengan merujuk Daftar Rakyat Termiskin yang diselenggarakan oleh agensi berkenaan.

26.4.2.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Dalam tempoh RMK7 (1996 hingga 2000), KPLB telah diperuntukkan sejumlah RM730.35 juta bagi melaksanakan projek di bawah PPRT. Jumlah peruntukan untuk tempoh 1998 hingga 2000 ialah RM379.07 juta. Daripada jumlah tersebut RM368.53 juta telah diagihkan kepada Jabatan/Agensi pelaksana. Semakan Audit mendapati sejumlah RM17.18 juta daripada peruntukan bagi tahun 1998 dan 1999 yang telah diagihkan kepada 7 agensi pelaksana masih belum dibelanjakan oleh agensi-agensi berkenaan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sebab sebenar peruntukan tersebut tidak dibelanjakan.

26.4.2.3. Penentuan Golongan Sasar

- a. Peserta PPRT dipilih berdasarkan kepada senarai nama yang terdapat dalam Daftar Rakyat Termiskin. KPLB telah menyelenggarakan daftar itu berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi semasa bancian pada tahun 1995/1996. Mengikut daftar itu, terdapat seramai 58,997 keluarga termiskin di seluruh negara. Maklumat-maklumat berhubung dengan keluarga termiskin yang terdapat dalam daftar ini telah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Rakyat Termiskin (SMART).
- b. Pada tahun 1998, KPLB telah melantik Amanah Ikhtiar Malaysia dengan bayaran berjumlah RM486,504 bagi membuat semakan semula untuk mengemas kini Daftar Rakyat Termiskinnya. Bagaimanapun, semakan yang dibuat oleh Amanah Ikhtiar Malaysia hanya tertumpu kepada negeri-negeri terpilih (berdasarkan bilangan keluarga termiskin yang tertinggi) iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang dan Perak. Semakan selanjutnya mendapati SMART tidak dikemaskinikan dengan maklumat yang diperolehi oleh Amanah Ikhtiar Malaysia. Sistem itu juga tidak mengambilkira maklumat rakyat termiskin yang diperolehi melalui pendaftaran terbuka yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri. Memandangkan pemilihan peserta PPRT dipilih berdasarkan kepada senarai keluarga termiskin yang terdapat dalam Sistem Maklumat Rakyat Termiskin, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peserta-peserta yang menyertai projek ini memenuhi kelayakan yang ditetapkan.
- c. Semakan Audit terhadap 116 penerima bantuan PPRT di Negeri Kelantan, Kedah, Pahang, Sabah dan Terengganu mendapati 94 (81%) daripada mereka tidak disenaraikan dalam Daftar Rakyat Termiskin. Maklumat yang diperolehi hasil temu bual dengan mereka mendapati 34% daripada keluarga yang tidak berdaftar tersebut mempunyai pendapatan yang melebihi garis kemiskinan. Ada di antara keluarga itu mampu memiliki peralatan rumah yang

lengkap, kereta dan juga rumah besar. Sebaliknya lawatan Audit juga mendapati ada keluarga yang begitu miskin dan daif tetapi tidak dipilih untuk menyertai projek PPRT dan nama mereka juga tidak dimasukkan dalam Daftar Rakyat Termiskin. Contoh rumah yang dimiliki oleh satu daripada keluarga yang diberikan bantuan dan rumah keluarga yang sepatutnya dibantu adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 55



***Rumah Keluarga Di Pulau Bunbun, Langkawi, Kedah
Yang Tidak Disenaraikan Dalam Daftar Rakyat Termiskin Tetapi Diberi Bantuan***

GAMBAR 56



***Rumah Keluarga Termiskin Di Mukim Lepar, Kota Setar, Kedah
Yang Perlu Diberi Bantuan***

26.4.2.4. Tumpuan Program

Semakan Audit terhadap pengagihan projek mendapati keutamaan tidak diberi kepada daerah yang mempunyai bilangan keluarga termiskin yang tertinggi. Analisis terhadap penerima bantuan di negeri Kelantan dan Sabah antaranya mendapati :-

- a. Sungguhpun Daerah Bachok mempunyai bilangan keluarga termiskin yang kedua tertinggi di Negeri Kelantan iaitu sejumlah 2,234 keluarga, namun tiada projek untuk meningkatkan pendapatan mereka dilaksanakan di daerah itu untuk tempoh 1998 hingga 2000. Sebaliknya, bagi Daerah Machang yang hanya mempunyai 825 keluarga termiskin menikmati 4 projek bernilai RM6.05 juta yang dijangka dapat memberi manfaat kepada 276 keluarga.
- b. Mengikut Daftar Rakyat Termiskin KPLB, Kota Belud mempunyai keluarga termiskin yang tertinggi di Negeri Sabah. Bilangan keluarga termiskin di daerah itu ialah 1,776 keluarga. Bagaimanapun, bagi tempoh 1998 hingga 2000 hanya satu projek meningkatkan pendapatan dilaksanakan di daerah tersebut dengan kos berjumlah RM0.32 juta yang memberi manfaat kepada 4 keluarga. Sementara itu, Daerah Semporna yang tidak disenaraikan sebagai daerah tumpuan dan hanya mempunyai 440 keluarga termiskin menikmati 3 projek bernilai RM2.02 juta yang dijangka memberi manfaat kepada 80 keluarga.

26.4.2.5. Jenis-jenis Program

Semakan Audit terhadap pelaksanaan 6 daripada 9 program di 5 negeri iaitu Negeri Kelantan, Kedah, Terengganu, Sabah dan Pahang mendapati perkara-perkara berikut :-

Program Pemulihan Rumah

- a. Program Pemulihan Rumah (PPR) menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar yang layak untuk memiliki rumah yang lebih selesa dan selamat untuk didiami. Dalam tempoh RMK7, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM104.45 juta bagi

melaksanakan PPR di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, RM94.45 juta (90%) telah dibelanjakan. Sejumlah 17,473 projek PPR telah dilaksanakan terdiri daripada 12,651 projek bina baru dan 4,822 projek baik pulih.

- b. Lawatan ke 15 tapak projek pemulihan rumah di 5 negeri mendapati pada keseluruhannya program ini telah berjaya menyediakan kemudahan tempat tinggal yang lebih sempurna jika dibandingkan dengan rumah asal keluarga yang terlibat. Gambar-gambar berikut menunjukkan contoh keadaan rumah asal berbanding dengan rumah baru yang dibina.

GAMBAR 57



Sebelum Menerima Bantuan

GAMBAR 58



Selepas Menerima Bantuan

***Contoh Rumah Peserta PPR di Langkawi, Kedah
(Sebelum dan selepas diberikan bantuan)***

Program Makanan Tambahan Keluarga Termiskin (MTKT)

- a. Program MTKT bertujuan untuk memberi makanan tambahan yang seimbang, berkhasiat dan berzat kepada kanak-kanak termiskin yang berumur 12 tahun ke bawah. Makanan ini dapat membantu meningkatkan taraf kesihatan kanak-kanak berkenaan dan membolehkan mereka meneruskan pembelajaran dengan lebih baik.

- b. Sepanjang RMKe7, MTKT telah menerima peruntukan berjumlah RM45.89 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM41.30 juta (90%) telah dibelanjakan untuk membekal makanan kepada seramai 433,693 kanak-kanak.
- c. Menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh KPLB berhubung dengan pelaksanaan program ini, penyerahan bakul makanan ditetapkan 5 bakul setahun bagi setiap keluarga yang telah dipilih untuk diberikan bantuan. Nilai makanan bagi setiap bakul ditetapkan RM77 di Semenanjung, RM95 di Sabah dan RM90 di Sarawak. Setiap bakul mengandungi makanan seperti beras, tepung, ikan bilis, kacang hijau, gula, minyak masak, susu dan vitamin. Pengagihan bakul ini kepada penerima hendaklah tidak melebihi 4 hari dari tarikh ianya diterima daripada pembekal. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program ini mendapati perkara-perkara berikut :-
 - i. Penentuan 5 bakul makanan setahun bagi setiap keluarga tanpa mengambil kira bilangan anak yang berumur 12 tahun ke bawah adalah tidak mencukupi bagi keluarga yang besar.
 - ii. Kaedah pengagihan yang dipraktikkan 2 kali setahun tidak menjamin kanak-kanak termiskin mendapat pemakanan yang berkhasiat dan berzat sepanjang tahun kerana makanan yang di bekalkan adalah makanan yang tidak tahan lama. Berikut adalah contoh makanan yang dibekalkan, yang antara lainnya mengandungi minyak masak, biskut, beras, tepung, gula dan susu.

GAMBAR 59



*Projek : Makanan Tambahan Kanak-kanak Termiskin
Tempat : Sek.Men.Keb.Batu Lima Jalan Gurun, Jeniang
Muda, Kedah*

Program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK)

Melalui program PPEK bantuan modal diberi kepada keluarga yang termiskin bagi melaksanakan projek-projek yang boleh meningkatkan pendapatan sama ada dilaksanakan oleh keluarga itu sendiri atau oleh agensi-agensi tertentu. Dalam tempoh RMKe7, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM62.87 juta bagi melaksanakan projek di bawah PPEK di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, RM57.52 juta (91.5%) telah dibelanjakan. Sejumlah 2,601 projek telah dilaksanakan melibatkan 3,819 peserta. Pemeriksaan Audit terhadap 12 daripada 18 projek yang telah dijalankan di 5 negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Sabah bagi tempoh 1998 hingga 2000 mendapati perkara-perkara berikut :-

- a. Lapan daripada 12 projek PPEK yang melibatkan kos berjumlah RM1.41 juta dilaksanakan oleh agensi Kerajaan seperti LPP, KEDA, KETENGAH dan RISDA manakala 4 lagi projek dengan kos RM26.69 juta dilaksanakan oleh agensi-agensi tersebut dengan usaha sama syarikat-syarikat swasta. Usaha sama tersebut dibuat melalui penyertaan ekuiti Kerajaan dalam

syarikat-syarikat berkenaan. Sepuluh daripada 12 projek PPEK tersebut yang melibatkan perbelanjaan RM27.85 juta tidak memberikan hasil dan manafaat kepada peserta kerana projek-projek itu telah mengalami kegagalan akibat daripada kelemahan pengurusan manakala 2 projek yang lain, masih dalam pelaksanaan.

- b. Semakan Audit juga mendapati kesemua 4 projek yang dilaksanakan secara usahasama dengan syarikat swasta tidak melibatkan peserta secara langsung sebagai pekerja, sebaliknya hanya sebagai penerima dividen keuntungan. Jumlah peserta yang terlibat bagi 4 projek tersebut ialah seramai 796 orang. Keadaan ini menyebabkan mentaliti bergantung kepada kerajaan terus kekal dan bertentangan dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat berdikari di kalangan golongan termiskin.
- c. Semakan Audit mendapati penentuan bilangan peserta sesuatu projek tidak bergantung kepada nilai projek. Contohnya, Projek Ternakan Ayam Telur, Peringat di negeri Kelantan yang bernilai RM5.69 juta mempunyai 450 orang peserta sedangkan Projek Ternakan Ikan Hiasan dan Tanaman Orkid di negeri yang sama bernilai RM15.00 juta hanya mempunyai 149 peserta. Ketiadaan asas pengukuran ini menyebabkan berlaku ketidakseimbangan dalam pengagihan bantuan kepada golongan sasaran.

Program PPRT Pertanian

- a. Program PPRT menyediakan bantuan modal kepada keluarga termiskin bagi melaksanakan projek-projek peningkatan pendapatan dalam sektor pertanian sama ada dilaksanakan oleh peserta atau oleh agensi tertentu. Dalam tempoh RMKe7, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM69.46 juta bagi melaksanakan program ini di seluruh negara. Daripada jumlah ini, RM68.66 juta telah dibelanjakan. Antara agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program ini ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan, FAMA, LKIM, MARDI dan LPP.

- b. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap 31 daripada 46 projek yang dilaksanakan di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Sabah untuk tempoh 1998 hingga 2000 dengan kos RM18.38 juta. Hasil pemeriksaan itu mendapati perkara-perkara berikut :-
- i. Sejumlah 21 projek yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM12.19 juta telah berjaya memperolehi keuntungan. Bagaimanapun, didapati hanya keuntungan daripada pelaksanaan 10 projek telah diserahkan kepada peserta-peserta projek manakala keuntungan bagi 11 projek yang lain tidak diserahkan kepada peserta. Sebahagiannya telah dijadikan modal pusingan. Keadaan ini berlaku kerana prosedur pengagihan keuntungan kepada peserta program tidak jelas terutamanya dari segi kekerapan pengagihan dan kaedah pembahagiannya.
 - ii. Empat projek lain dengan kos RM0.65 juta didapati tidak berjaya yang berpunca antara lainnya kerana kurang penglibatan daripada agensi yang bertanggungjawab terhadap projek. Semakan selanjutnya mendapati agensi pelaksana menghadapi masalah seperti kekurangan kakitangan dan kepakaran untuk melaksanakan projek-projek tertentu. Antara projek yang gagal dilaksanakan itu ialah Projek Ternakan Ikan Kok Lanas, Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar Kubang Pasu dan Projek Rumpai Laut Teluk Ambong, Sabah. Enam projek pula didapati masih belum sampai masanya untuk mendapat hasil.
 - iii. Tujuhbelas daripada 31 projek yang diaudit bernilai RM8.19 juta diuruskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Bagaimanapun, LPP kemudiannya menyerahkan pelaksanaannya kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Semakan Audit mendapati PPK telah mengenakan caj pengurusan terhadap keuntungan yang diperolehi. Kadar caj ini didapati berbeza-beza antara 20% hingga 35% bagi sesuatu projek. Sehubungan ini, demi menjaga kepentingan peserta, pengenaan caj ini perlu dikawal atau ditetapkan kadarnya.

Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)

- a. Program PPMS dilaksanakan dalam 3 komponen iaitu menyediakan rumah kediaman; kemudahan-kemudahan seperti jalan, dewan, surau, bekalan air dan letrik dan projek ekonomi. Dalam RMKe7, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM77.76 juta bagi melaksanakan program ini. Daripada jumlah tersebut RM71.93 juta telah dibelanjakan.
- b. Semakan Audit di 20 projek PPMS di Negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Sabah yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM21.47 juta mendapati 5 daripadanya telah dapat dilaksanakan dengan memuaskan dan telah memberi manfaat kepada keluarga yang terlibat. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap 15 projek yang lain mendapati perkara-perkara berikut :-
 - i. Tidak ada penyelarasan dibuat terhadap pelaksanaan komponen-komponen di bawah program ini menyebabkan terdapat kes-kes di mana bangunan TASKA telah disediakan sedangkan rumah-rumah kediaman masih belum dibina. Sebaliknya bagi 6 projek yang lain sungguhpun rumah kediaman telah disediakan, komponen-komponen lain seperti projek ekonomi, taska, surau dan dewan orang ramai masih belum dibina. Ketiadaan projek-projek ekonomi menyebabkan keluarga yang berpindah ke kawasan penempatan tersebut sukar untuk menyara keluarga mereka. Sebagai contoh, daripada 200 rumah yang disediakan bagi Projek Rhu Tapai, Terengganu hanya 12 rumah telah diduduki.
 - ii. Sejumlah 7 projek yang lain masih belum dimulakan pelaksanaannya sungguhpun sejumlah RM7.09 juta telah disalurkan kepada agensi pelaksana. Antara sebab pembinaan projek-projek belum dimulakan ialah masalah untuk mendapatkan tapak dan menyediakan kemudahan infrastruktur.

Program TASKA

- a. Program ini adalah untuk menyediakan kemudahan bangunan dan peralatan bagi pusat penjagaan dan asuhan kanak-kanak di kawasan yang mempunyai ramai keluarga termiskin. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama KEMAS untuk memberi peluang kepada ibu-ibu keluarga termiskin menempatkan anak-anak kecil mereka di TASKA bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti meningkatkan pendapatan keluarga. Dalam tempoh RMKe7, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10.75 juta bagi melaksanakan TASKA di seluruh negara. Daripada peruntukan ini, sejumlah RM9.04 juta (84.2%) telah dibelanjakan.
- b. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap 13 daripada 50 projek yang dilaksanakan di Negeri-negeri Sabah, Pahang dan Kedah. Kos pembinaan bagi 13 projek tersebut ialah RM1.16 juta. Hasil daripada pemeriksaan itu mendapati hanya 2 projek TASKA telah beroperasi manakala 11 projek yang lain tidak dapat di manfaatkan kerana lokasinya tidak strategik iaitu jauh daripada kawasan penempatan; pembinaan bangunan TASKA tidak mengikut spesifikasi menyebabkan ia tidak selamat untuk digunakan; ketiadaan perabot dan peralatan mengajar. Gambar berikut menunjukkan keadaan bangunan yang tidak digunakan.

GAMBAR 60



Projek : TASKA
Tempat : Kg. Limau-Limauan, Kudat, Sabah

Pada umumnya, pelaksanaan projek PPRT telah dapat menyediakan kemudahan asas yang diperlukan oleh peserta projek seperti rumah kediaman dan makanan tambahan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar projek-projek ekonomi kurang memberi manfaat kepada peserta kerana beberapa kelemahan dalam pelaksanaanya.

26.4.3. Pemantauan

Pemantauan terhadap pelaksanaan projek-projek PPRT sepatutnya dibuat di 2 peringkat iaitu di peringkat Kementerian dan di peringkat negeri. Agensi-agensi pelaksana dikehendaki mengemukakan Laporan-laporan Kemajuan Fizikal dan Prestasi Kewangan bagi projek-projek yang dikendalikannya setiap suku tahun kepada Pejabat Pembangunan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan yang kemudiannya memanjangkan laporan itu kepada KPLB. Jawatankuasa-Jawatankuasa PPRT yang diwujudkan di peringkat Kementerian/Negeri/Daerah juga perlu memantau prestasi pelaksanaan projek. Semakan audit mendapati laporan-laporan berkala ada dikemukakan oleh agensi pelaksana mengenai kemajuan prestasi projek. Bagaimanapun didapati tidak ada bukti yang menunjukkan analisis dijalankan terhadap laporan-laporan yang diterima. Adalah didapati juga Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan bagi menyelaraskan dan mengesan kemajuan pelaksanaan projek juga jarang bermesyuarat ataupun membuat lawatan ke tapak projek.

26.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

26.5.1. Pada umumnya kajian ini mendapati sungguhpun Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah dapat merancang program-program PPRT dengan baik, namun masalah-masalah yang didapati dalam pelaksanaan dan kurangnya pemantauan telah menjejaskan pencapaian matlamat program ini terutamanya dalam meningkatkan pendapatan keluarga termiskin. Bagi menangani masalah yang berbangkit, pihak Audit mengesyorkan Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat Kementerian, negeri dan daerah memainkan peranan yang lebih aktif untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan projek.

26.5.2. Memandangkan pemilihan peserta dibuat berdasarkan senarai keluarga termiskin yang terdapat dalam Sistem Maklumat Rakyat Termiskin (SMART), KPLB patut memastikan maklumat yang ada dalam SMART sentiasa lengkap dan kemas kini. Ini adalah penting untuk menentukan bantuan-bantuan diberi kepada mereka yang sepatutnya. Adalah berfaedah jika sistem ini dibangunkan secara talian terus (*on-line*) dengan pejabat pelaksana di peringkat negeri dan daerah.

27. HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

27.1. KEMENTERIAN PENDIDIKAN

27.1.1. *Projek Pembangunan Universiti Teknologi MARA (UiTM)*

Pengauditan telah dijalankan terhadap 32 projek pembinaan/pembelian bangunan UiTM seperti rumah kakitangan, asrama dan bilik-bilik kuliah di seluruh negara yang melibatkan peruntukan berjumlah RM573.71 juta. Hasil daripada pengauditan itu mendapati 18 daripada projek itu tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual; 3 projek ditangguhkan dan 2 lagi dibeli daripada pemaju. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan menyiapkan projek pembinaan itu ialah masalah pengambilalihan tapak; masalah kontraktor; perubahan skop kerja dan tapak bina; kelewatan memindahkan kemudahan utiliti daripada tapak projek dan kelewatan Agensi Pusat memberi kelulusan untuk melaksanakan sesuatu projek. Kelewatan menyiapkan projek tersebut menyebabkan kemudahan tempat tinggal dan dewan kuliah tidak dapat disediakan kepada pelajar yang berkaitan. Bagi menampung kekurangan tersebut, UiTM telah menyewa rumah-rumah kedai dan apartmen.

27.1.2. *Yuran Sekolah Pelajar Asing*

Pada Februari 1995, Kerajaan telah menetapkan bahawa pelajar-pelajar asing yang menuntut di sekolah-sekolah di Malaysia dikenakan yuran pelajar asing. Mengikut peraturan itu, pelajar asing adalah mereka yang tidak mempunyai surat beranak dan bapanya bukan warganegara Malaysia atau bukan penduduk tetap atau penduduk sementara. Kadar bayaran yuran yang dikenakan adalah RM120 setahun bagi setiap pelajar sekolah rendah dan RM240 setahun bagi setiap pelajar sekolah menengah. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian, pihak sekolah adalah bertanggungjawab untuk memungut yuran daripada pelajar-pelajar asing yang menuntut di sekolah-sekolah Kerajaan. Semakan Audit di 76 sekolah mendapati 44 sekolah berjaya memungut yuran tersebut dengan teratur manakala 32 sekolah yang lain gagal memungutnya. Berdasarkan perkiraan Audit, jumlah yuran pelajar asing yang gagal dipungut oleh 32 sekolah berkenaan bagi tempoh 1997 hingga November 2000 adalah RM66,171.

27.2. KEMENTERIAN KEWANGAN

27.2.1. JABATAN AKAUNTAN NEGARA

- *Pengurusan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pencen*

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991. Setakat akhir bulan Disember 2000, dana terkumpul Kumpulan Wang ini berjumlah RM16,779.55 juta. Sejumlah RM16,026.60 juta daripadanya telah dilaburkan iaitu RM6,126.32 juta dalam simpanan tetap, RM6,149.47 juta dalam saham dan RM60.00 juta dalam pasaran wang. Sejumlah RM3,690.81 juta wang KWAP juga digunakan untuk memberi pinjaman kepada pihak tertentu. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti pelaburan KWAP. Antaranya, pelan pelaburan tahunan tidak disediakan; pembelian saham-saham syarikat dibuat berdasarkan senarai kaunter-kaunter saham yang telah diluluskan antara 6 hingga 8 tahun yang lalu dan beberapa kes pelaburan telah dibuat tanpa memperolehi kelulusan Panel Pelaburan terlebih dahulu. Antara faktor yang menyebabkan kelemahan-kelemahan tersebut ialah kekurangan kakitangan terlatih dalam bidang pelaburan saham dan tidak ada pemantauan terhadap prestasi kewangan syarikat-syarikat di mana KWAP mempunyai kepentingan ekuiti.

27.2.2. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

- *Proses Penyaluran Maklumat*

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menghendaki semua syarikat swasta dan agensi Kerajaan yang membuat bayaran kepada mana-mana pihak mengemukakan maklumat mengenai bayaran tersebut kepada LHDN melalui Unit Pengesanan. Maklumat ini akan disalurkan ke fail-fail pembayar cukai yang berkenaan supaya taksiran dapat dibangkitkan jika perlu. Adalah didapati maklumat yang diterima tidak disalurkan kepada fail cukai pendapatan yang berkenaan. Keadaan ini menyebabkan ada pembayar cukai yang tidak mempunyai fail cukai pendapatan. Dari 833 kes yang diaudit bagi tahun taksiran 1995 hingga 1999, sejumlah 70 pembayar cukai masih tidak mempunyai fail cukai pendapatan yang melibatkan pendapatan berjumlah RM325 juta. Manakala 230 pembayar

cukai yang lain tidak melaporkan atau kurang melaporkan pendapatan berjumlah RM129.88 juta. Lanjutan kepada teguran Jabatan Audit, LHDN telah mengambil beberapa tindakan susulan seperti mendaftarkan fail-fail cukai pendapatan bagi mereka yang belum mempunyai fail, membangkitkan taksiran tambahan dan taksiran anggaran bagi pendapatan yang belum ditaksirkan.

27.2.3. JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA MALAYSIA
- Pemberian Kemudahan Kepada Pengimport

Akta Kastam dan Perintah Cukai Jualan memberi kemudahan kepada pengimport untuk mengimport barang-barang secara sementara untuk tujuan pameran, penyelidikan dan temasya tanpa membayar duti kastam dan cukai jualan. Barang-barang itu perlu dieksport semula dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemberian kemudahan ini tidak dikawal dan dipantau dengan sewajarnya. Semakan Audit mendapati 146 daripada 3,235 kes barang-barang import sementara masih belum dieksport semula walaupun tempoh yang disyaratkan telah tamat. Jabatan Kastam telah memaklumkan bahawa ia akan memperkemaskinikan peraturan berhubung dengan import barang sementara dan menjalankan pemantauan yang lebih berkesan terhadapnya, apabila Sistem Maklumat Kastam diperluaskan kepada semua stesen kastam.

27.3. KEMENTERIAN DALAM NEGERI

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
- Penguatkuasaan Terhadap Pendatang Tanpa Izin

Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen telah menangkap seramai 124,209 pendatang tanpa izin bagi tempoh 1998 hingga Disember 2000. Bagi tempoh tersebut, sejumlah RM22.53 juta telah dibelanjakan untuk membiayai makanan dan urusan penghantaran pulang mereka. Adalah didapati Jabatan Imigresen tidak menetapkan bilangan operasi penguatkuasaan yang patut dijalankan pada sesuatu tahun sebaliknya penguatkuasaan dibuat berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada orang awam. Antara faktor yang menyebabkan aktiviti penguatkuasaan itu tidak dijalankan secara terancang ialah kerana kekurangan kakitangan.

27.4. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

JABATAN LAUT SABAH

- Penyenggaraan Kapal/Bot

Aktiviti utama Jabatan Laut Sabah ialah menjalankan rondaan, menyiasat kemalangan dan pencemaran laut serta menyenggara alat bantuan pelayaran. Sebuah woksyp bernilai RM42.50 juta telah dibina bagi menjalankan kerja-kerja menyenggara dan membaiki bot/kapal Jabatan Laut. Bagaimanapun, Jabatan Laut Sabah tidak menggunakan kemudahan ini untuk kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan bot/kapalnya. Sebaliknya, menghantar bot/kapalnya ke limbungan swasta. Jabatan itu juga tidak menentukan tarikh kerja patut disiapkan dan ini menyebabkan penyenggaraan bot/kapal lewat disiapkan antara 3 hingga 6 bulan. Jabatan Laut tidak mengenakan denda terhadap syarikat yang lewat menyiapkan kerjanya. Untuk menyenggara 4 buah bot/kapalnya, Jabatan telah diperuntukkan RM300,000 bagi tahun 2000. Peruntukan ini tidak mencukupi bagi menjalankan penyenggaraan dan pembaikan bot/kapal tersebut yang akan melibatkan kos berjumlah RM510,000. Oleh itu hanya sebuah kapal Jabatan Laut Sabah yang dapat disenggarakan.

27.5. PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN

Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan

Bagi tempoh 1998 hingga Jun 2000, Kerajaan telah memberi bantuan kewangan berjumlah RM136.12 juta kepada 872 Badan-badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisations – NGO*) bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti membantu mereka yang bermasalah yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, wanita, orang kurang berupaya, warga tua dan mereka yang mengidap penyakit tertentu. Pengauditan yang dijalankan di Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri dan 56 NGO mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan dan penggunaan wang bantuan itu. Antaranya ialah Kementerian/Jabatan tidak mematuhi sepenuhnya garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan

berhubung dengan pemberian bantuan kewangan, *NGO-NGO* tidak menggunakan wang bantuan yang diterimanya mengikut tujuan yang ditetapkan, aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan wang bantuan itu masih belum dilaksanakan, perbelanjaan *extravagance* dan kos perbelanjaan pentadbiran *NGO* yang tinggi. Keadaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan tidak lengkap dan Kementerian/Jabatan tidak memantau dengan rapi aktiviti-aktiviti *NGO*.

BAHAGIAN IV

PENYATA KEWANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

28. LATAR BELAKANG

28.1. Pada tahun 2000, sejumlah 94 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 1999 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 (Akta 240). Bagi mempercepatkan pengauditan Penyata-penyata Kewangan, sebanyak 77 daripada Penyata Kewangan tersebut telah diaudit oleh 27 firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit, 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

28.2. Pada tahun yang sama, 2 buah Badan Berkanun baru iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah ditubuhkan manakala 2 Badan Berkanun lain iaitu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit (PORIM) dan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) pula telah digabungkan dan diberi nama baru iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

29. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

Akta 240 menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan Penyata Kewangan tahunannya kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun tahun berikutnya. Namun demikian, sebagai langkah untuk mempercepatkan penyediaan dan pembentangan Penyata Kewangan, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 1994 yang menghendaki Penyata tersebut dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Sembilan belas buah Badan Berkanun telah menghantar penyata kewangan bagi tahun 1999 kepada Ketua Audit Negara selepas tarikh

tersebut. Tujuh telah memohon kepada Perbendaharaan Malaysia untuk kebenaran lewat mengemukakan penyata kewangan. Bagaimanapun, 2 daripadanya iaitu Bank Simpanan Nasional dan Lembaga Pelabuan Johor tidak mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia. Tiga Badan Berkanun telah melewati tempoh yang diberi oleh Perbendaharaan Malaysia. Kebanyakan Badan Berkanun terlibat adalah merupakan Badan Berkanun yang mempunyai anak syarikat di mana mereka menghadapi masalah menyatukan akaun masing-masing dengan akaun anak syarikat yang telah diaudit.

30. PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN

30.1. Sehingga 31 Disember 2000, kesemua 94 akaun Badan Berkanun bagi tahun 1999 telah diaudit dan sijil audit telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, 58 akaun diberi sijil tanpa teguran, 34 sijil berteguran dan 2 sijil yang diubahsuai. Sebagai perbandingan, berikut ini diberikan jenis-jenis sijil yang dikeluarkan bagi tempoh 1997 hingga 1999 :-

JADUAL 38
JENIS-JENIS SIJIL YANG DIKELUARKAN
BAGI TEMPOH 1997 HINGGA 1999

JENIS SIJIL	TAHUN		
	1997	1998	1999
Tanpa Teguran	57	54	58
Berteguran	39	39	34
<i>Adverse</i>	2	1	-
Diubahsuai	-	-	2

30.2. Pada amnya, penyediaan penyata kewangan Badan Berkanun telah menampakkan sedikit kemajuan jika dibandingkan dengan tahun-tahun lalu. Adalah didapati bilangan agensi yang diberi sijil berteguran telah berkurangan.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

31. PENGURUSAN PERKEBUNAN

31.1. LATAR BELAKANG

31.1.1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan pada bulan Julai 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956. Objektif penubuhan FELDA ialah memajukan kawasan tanah pertanian supaya menjadi produktif dan berdaya saing melalui amalan pengurusan yang berkualiti serta memajukan masyarakat peneroka untuk mencapai taraf hidup yang tinggi melalui peningkatan hasil pendapatan.

31.1.2. Selaras dengan objektif tersebut, FELDA telah mewujudkan bahagian-bahagian berikut untuk mengurus dan memajukan program pembangunannya :-

Bahagian Perkebunan (Pentadbiran FELDA)

31.1.2.1. Objektif Bahagian ini adalah untuk memastikan kawasan pertanian yang telah diwujudkan sentiasa produktif, melalui pengurusan dan penyelenggaraan kebun yang cekap dan sempurna agar dapat mengeluarkan hasil yang maksimum pada kos yang terkawal dan sebagai asas kepada pendapatan peneroka. Selain itu, objektif Bahagian ini adalah untuk membantu memajukan masyarakat peneroka mencapai tahap hidup yang lebih baik dalam persekitaran yang teratur dan lebih sempurna.

Bahagian Perladangan

31.1.2.2. Bahagian ini ditadbirkan oleh anak Syarikat FELDA iaitu FELDA Holdings Sdn. Bhd. dan ia bertanggungjawab untuk menguruskan kebun tanpa peneroka dan kebun peneroka yang ditanam semula.

Bahagian Perusahaan dan Perniagaan

31.1.2.3. Bahagian ini ditadbirkan oleh FELDA Holdings Sdn. Bhd. dan ia bertanggungjawab antara lainnya mengendalikan pelaburan FELDA, memproses dan memasarkan getah, memproses buah kelapa sawit, mengendalikan eksport minyak sawit dan sebagainya.

31.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit dijalankan terhadap pengurusan perkebunan yang ditadbirkan oleh FELDA untuk menentukan sama ada Program Perkebunan dilaksanakan dengan teratur dan dapat mencapai objektifnya.

31.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan perkebunan FELDA dijalankan bagi tanaman kelapa sawit dan getah sahaja. Rekod-rekod untuk tempoh 1996 hingga Jun 2000 berhubung dengan Program Perkebunan FELDA di Ibu Pejabat FELDA dan Pejabat Wilayah FELDA telah disemak. Lawatan juga telah dibuat ke 11 Rancangan di Seremban, Jengka, Ipoh dan Terengganu yang masih mengusahakan tanaman asal dan 8 Rancangan di Terengganu, Jengka dan Ipoh yang terlibat dengan tanaman semula.

31.4. PENEMUAN AUDIT

Kajian terhadap Program Perkebunan meliputi aspek-aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauannya mendapati perkara-perkara berikut :-

31.4.1. Perancangan

31.4.1.1. Keluasan Tanah Untuk Dibangunkan

- a. Kawasan tanah yang dirancang untuk dibangunkan oleh FELDA dari tahun 1957 hingga 1990 adalah berjumlah 946,811 hektar. FELDA juga merancang untuk menanam semula getah di bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981 – 1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990) yang masing-masingnya melibatkan keluasan tanah 10,185 hektar dan 19,656 hektar. Butir-butir adalah seperti di **Jadual 39**.

JADUAL 39
SASARAN PEMBANGUNAN TANAH OLEH FELDA
BAGI TEMPOH 1957 HINGGA 1990

RMK	TEMPOH	KELUASAN TANAH	
		Pembangunan (Hektar)	Menanam Semula (Hektar)
-	1957 - 1960	5,828	-
-	1961 - 1965	46,540	-
1	1966 - 1970	61,513	-
2	1971 - 1975	111,290	-
3	1976 - 1980	405,000	-
4	1981 - 1985	141,640	10,185
5	1986 - 1990	175,000	19,656 (*)
	JUMLAH	946,811	29,841

(*) *Keluasan tanah untuk menanam semula getah - 15,863 hektar*
Keluasan tanah untuk menanam semula kelapa sawit- 3,793 hektar

- b. Selepas tahun 1980, kegawatan ekonomi dunia telah memberi kesan kepada perancangan FELDA di mana sasaran pembangunan tanah telah berkurangan daripada 405,000 hektar bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga menjadi 141,640 hektar dan 175,000 hektar masing-masingnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima. Mulai Rancangan Malaysia Keenam, FELDA tidak lagi membangunkan tanah baru tetapi memberi tumpuan untuk mengoptimumkan pengurusan Rancangan-rancangan yang sedia ada.

31.4.1.2. Pengurusan Program

- a. Selaras dengan kehendak semasa, FELDA telah mengatur strategi dengan menyusun semula organisasinya di mana sebahagian operasinya telah diswastakan mulai tahun 1996. Antara bahagian yang diwujudkan ialah Bahagian Perkebunan, Bahagian Perladangan dan Bahagian Perusahaan dan Perniagaan. Selain daripada Bahagian Perkebunan yang diuruskan secara langsung oleh FELDA, Bahagian Perladangan serta Bahagian Perusahaan dan Perniagaan telah di swasta dan ditadbirkan oleh FELDA Holdings Sdn. Bhd..

- b. Bahagian Perkebunan bertanggungjawab menguruskan kebun dan membangunkan serta memajukan peneroka-peneroka untuk mencapai taraf hidup yang tinggi. FELDA mewujudkan 10 Pejabat Wilayah untuk menguruskan tanah-tanah Rancangan di seluruh negara. Setiap Pejabat Wilayah mengawasi kawasan seluas kira-kira 40,000 hektar atau bersamaan 40 Rancangan.

31.4.1.3. Pemilihan Peneroka

Peneroka yang layak untuk menyertai Program Perkebunan hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan iaitu warganegara Malaysia, berumur antara 18 hingga 40 tahun semasa mengemukakan permohonan, berkahwin, sihat dan tidak memiliki lebih dari 2 ekar tanah pertanian. Mulai tahun 1981, FELDA telah mengeluarkan Pekeliling untuk menambah kriteria peneroka-peneroka yang dipilih iaitu peneroka mestilah dari rakyat negeri berkenaan kecuali bagi Rancangan-rancangan yang terletak di Negeri Pahang dan Negeri Sembilan yang ditawarkan juga kepada rakyat luar yang bermastautin di negeri berkenaan.

31.4.1.4. Keperluan Kewangan

FELDA menyediakan peruntukan untuk melaksanakan Program Perkebunannya dan mengemukakan keperluannya itu kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Untuk tempoh 1996 hingga 1999, sejumlah RM416.84 juta diperlukan untuk melaksanakan program ini. Kerajaan meluluskan peruntukan kewangan kepada FELDA untuk membiayai Program Perkebunan dalam bentuk geran.

Pada umumnya FELDA mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan Program Perkebunannya.

31.4.2. Pelaksanaan

Pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan Program Perkebunan berhubung dengan persediaan tanah Rancangan, pemilihan peneroka, pemberian hak milik tanah dan tanaman semula mendapati perkara-perkara berikut :-

31.4.2.1. Persediaan Tanah Rancangan

a. Dalam aspek pembangunan tanah FELDA, proses persediaan tanah Rancangan adalah penting dan ia mengambil masa selama 2 tahun yang melibatkan antara lainnya tindakan-tindakan yang berikut :-

- Memohon kelulusan tanah dari Kerajaan Negeri.
- Menempatkan pengurus dan petugas.
- Memilih lokasi dan tapak semaian.
- Memilih lokasi kawasan rumah peneroka.
- Membersihkan hutan, menanam kelapa sawit dan getah serta merumput.
- Membina pejabat, rumah petugas, klinik, sekolah, jalan masuk, mendapat bekalan air dan elektrik.
- Memilih peneroka.

b. Bagi melaksanakan Program ini, FELDA mendapatkan tanah daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan. Adalah didapati FELDA tidak menghadapi masalah yang ketara untuk memperolehi tanah-tanah bagi program ini.

c. Setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri, FELDA akan memajukan tanah Rancangan dalam 3 kategori iaitu kebun, perkampungan dan juga kemudahan-kemudahan infrastruktur. Kerja-kerja pembersihan tanah, menanam pokok dan membina rumah-rumah peneroka dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh FELDA. Pada pandangan Audit, amalan FELDA melantik kontraktor luar untuk melaksanakan kerja-kerja persediaan tanah adalah merupakan tindakan yang baik dan wajar dilakukan supaya peringkat ini dapat diselesaikan dalam tempoh 2 tahun yang ditetapkan.

31.4.2.2. Pengusahaan Tanah

- a. Sehingga Januari 2000, FELDA telah berjaya memperolehi 446,766.65 hektar tanah. Daripada jumlah ini, 408,808.88 hektar telah diusahakan iaitu 284,720.70 hektar ditanam dengan kelapa sawit dan 124,088.18 hektar dengan getah. Tanah-tanah yang telah diperolehi oleh FELDA terletak di 275 Rancangan. Kedudukannya adalah seperti di **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN PROGRAM PERKEBUNAN

NEGERI	PEJABAT WILAYAH	BILANGAN RANCANGAN	KELUASAN TANAH (Hektar)	BILANGAN PENEROKA
Perlis Kedah Perak Selangor	Ipoh	27	36,050.17	8,813
N. Sembilan	Seremban	43	70,100.26	16,283
Johor	Johor Bahru	38	70,325.41	16,299
Melaka	Segamat	32	47,125.51	11,489
Pahang	Temerloh	33	54,621.25	12,087
	Jengka	31	53,236.99	12,278
	Kuantan	33	57,941.73	13,279
Terengganu	Terengganu	20	31,594.62	7,472
Kelantan	Gua Musang	11	15,622.88	3,091
Sabah	Sahabat	7	10,147.83	1,659
	JUMLAH	275	446,766.65	102,750

- b. Tanaman yang diusahakan di bawah Program Perkebunan ialah getah dan kelapa sawit. Daripada 275 Rancangan, 160 diusahakan dengan tanaman kelapa sawit, 56 dengan getah dan 59 Rancangan dengan kedua-dua tanaman itu. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 41** berikut :-

JADUAL 41
JENIS TANAMAN MENGIKUT WILAYAH DAN RANCANGAN

WILAYAH	BILANGAN RANCANGAN			JUMLAH RANCANGAN
	Kelapa Sawit	Getah	Kelapa Sawit/Getah	
Ipoh	7	14	6	27
Seremban	7	26	10	43
Segamat	14	4	14	32
Johor Bahru	32	0	6	38
Temerloh	20	8	5	33
Jengka	19	3	9	31
Kuantan	29	0	4	33
Terengganu	16	1	3	20
Gua Musang	9	0	2	11
Sahabat	7	0	0	7
JUMLAH	160	56	59	275

31.4.2.3. Pemilihan Peneroka

Pemilihan peneroka dibuat oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai kanan FELDA dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan. Peneroka yang dipilih akan diperuntukkan kebun seluas 10 ekar yang siap ditanam dengan getah atau kelapa sawit dan lebih kurang 1/4 ekar tanah sebagai lot rumah dengan sebuah rumah yang siap dibina di atasnya. Semakan yang dijalankan mendapati peneroka-peneroka telah dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA iaitu berumur antara 18 hingga 40 tahun, berkahwin, sihat dan tidak memiliki lebih dari 2 ekar tanah pertanian.

31.4.2.4. Pemberian Hak Milik Tanah

- a. Mengikut perjanjian, peneroka akan diberi hak milik tanah selepas 15 tahun menyertai Rancangan dan setelah menyelesaikan hutang-hutangnya kepada pihak FELDA dengan syarat kesemua peserta dalam Rancangan yang sama menjelaskan hutang mereka. Bagaimanapun mengikut amalan, FELDA akan membuat permohonan kepada Pejabat Tanah di negeri berkenaan untuk mendapatkan surat hak milik tanah peneroka apabila mereka menjelaskan 80% daripada hutang.

- b. Berdasarkan kepada Laporan Tahunan FELDA, setakat Disember 1999, seramai 48,890 peneroka telah menerima surat hak milik tanah masing-masing. Daripada jumlah ini, seramai 2,459 peneroka daripada 27 Rancangan telah diberi hak milik walaupun belum menjelaskan hutang masing-masing kepada FELDA. Jumlah keseluruhan hutang peneroka itu ialah RM16.61 juta. Hak milik tanah telah diberi kepada peneroka-peneroka tersebut untuk membolehkan tanah mereka dibangunkan sebagai kawasan perindustrian. Pihak peneroka dikehendaki membayar hutang-hutang mereka kepada FELDA selepas menerima pampasan daripada pemaju. Bagaimanapun, projek pembangunan tersebut yang telah dirancang di tanah Rancangan yang berkaitan tidak dapat diteruskan kerana kegawatan ekonomi dan ini menyebabkan hutang-hutang peneroka tidak dapat dijelaskan daripada pampasan yang sepatutnya diterima. Antara Rancangan yang terlibat ialah Rancangan Tanah Soeharto dan Sg. Behrang. Jumlah peneroka terlibat di kedua-dua Rancangan ini ialah seramai 843 orang.

31.4.2.5. Peruntukan Kewangan

Bagi tempoh tahun 1996 hingga 1999, sejumlah RM416.84 juta dalam bentuk geran telah diterima daripada Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi untuk melaksanakan Program Perkebunan. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 42** :-

JADUAL 42
JUMLAH GERAN YANG DITERIMA OLEH FELDA

MAKSUD PERBELANJAAN	1996 (RM Juta)	1997 (RM Juta)	1998 (RM Juta)	1999 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembangunan Utama	10.09	2.63	0.43	Tiada	13.15
Jalan-jalan FELDA	119.62	123.25	99.12	31.17	373.16
Bekalan Air	4.34	1.25	3.20	Tiada	8.79
Kemudahan Sosial	0.40	Tiada	Tiada	Tiada	0.40
Bekalan Elektrik	7.00	12.42	1.08	Tiada	20.50
Pusat Perkhidmatan	0.34	0.11	0.38	Tiada	0.84
JUMLAH	141.79	139.66	104.21	31.17	416.84

31.4.2.6. Perjawatan

Jumlah kakitangan Bahagian Perkebunan, FELDA didapati telah berkurangan pada setiap tahun sejak tahun 1998. Pada tahun 1997 Bahagian Perkebunan mempunyai kakitangan seramai 4,357 orang dan mulai tahun 1998 kakitangan telah berkurangan menjadi 4,125 orang, tahun 1999 seramai 3,882 orang dan sehingga Mei 2000 hanya seramai 3,791 orang. Pengurangan kakitangan ini disebabkan sebahagian aktiviti FELDA telah diswastakan melalui FELDA Holdings Sdn. Bhd.. Aktiviti-aktiviti FELDA yang diswastakan ialah berkaitan pemasaran hasil tanaman, pengilangan, pengangkutan dan tanaman semula. Kebanyakan kakitangan yang terlibat telah diserapkan kepada syarikat tersebut. Ini adalah satu usaha FELDA untuk mengurangkan dan mengecilkan jumlah kakitangannya selaras dengan polisi penswastaaan Kerajaan.

31.4.2.7. Keberkesanan Program Perkebunan

Pengeluaran Hasil

- a. Daripada 446,766.65 hektar tanah yang telah disediakan oleh FELDA, 408,808.88 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit dan getah. Baki tanah yang lain tidak diusahakan kerana digunakan untuk kawasan perkampungan, pejabat dan lain-lain kemudahan infrastruktur. Sejumlah 392,287.83 hektar (96%) daripada tanah yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan getah telah mengeluarkan hasil.
- b. FELDA telah menetapkan anggaran tahunan pengeluaran hasil tanaman kelapa sawit dan getah bagi setiap hektar iaitu antara 18 hingga 20 metrik/tan bagi kelapa sawit dan antara 1,300 hingga 1,400 kilogram (kg) bagi getah. Semakan Audit terhadap rekod-rekod di pejabat Rancangan FELDA mendapati secara keseluruhannya, pengeluaran hasil tanaman tahun 1999 bagi kelapa sawit dan getah bagi setiap hektar adalah 16.32 metrik/tan (86.10%) dan 1,100 kg (86.50%) masing-masingnya. Bagaimanapun, terdapat 92 Rancangan yang diusahakan dengan tanaman kelapa sawit menghasilkan 7.92 metrik/tan iaitu 41% daripada anggaran hasil yang telah ditetapkan. Keadaan yang

sama berlaku di 85 Rancangan yang ditanam dengan getah di mana hasil keluarannya hanya 926.9 kg sehektar iaitu 71% daripada anggaran yang telah ditetapkan. Antara faktor yang menyebabkan pengeluaran hasil tanaman yang rendah adalah seperti berikut :-

i. Keadaan Kebun

Keadaan kebun yang berbukit-bukit, berpayau dan terlalu curam yang tidak mempunyai teres menyebabkan peneroka-peneroka sukar untuk menjalankan kerja-kerja menuai kelapa sawit.

ii. Pokok Tanaman Tidak Produktif

Kebanyakan pokok kelapa sawit dan getah yang ada di Rancangan telah berusia melebihi 20 tahun dan didapati ianya tidak produktif.

iii. Sikap Peneroka

Walaupun peneroka bertanggungjawab menjaga kebun dengan sempurna, terdapat sebahagian peneroka yang tidak berminat untuk mengusahakan kebun mereka. Sebaliknya mereka menjalankan kerja-kerja lain di luar Rancangan. Akibatnya kebun-kebun mereka terbiar sehingga menjejaskan pengeluaran hasil tanaman mereka.

iv. Ketidakupayaan Peneroka

Lawatan Audit ke beberapa Rancangan mendapati kebanyakan peneroka tidak berupaya untuk mengerjakan kebun-kebun mereka kerana telah berusia melebihi 60 tahun dan uzur. Bagi kes peneroka asal yang telah meninggal dunia, pewaris didapati tidak berminat dan tidak berupaya mengerjakan kebun.

v. Keadaan Cuaca Dan Bencana Alam

Mengikut pihak FELDA, kekurangan hasil juga berpunca dari perubahan keadaan cuaca di mana musim panas yang singkat telah mengurangkan pengeluaran bunga untuk pembenihan. Selain itu, tanah Rancangan juga sering di landa banjir apabila musim hujan. Ini merosakkan tanaman dan hasil akan

berkurangan. Tanaman-tanaman juga sering dirosakkan oleh binatang liar seperti gajah.

vi. Jumlah Pengeluaran Kurang Dilaporkan

Pihak FELDA menentukan pengeluaran hasil tanaman kelapa sawit dan getah peneroka bagi setiap hektar dengan berdasarkan kepada jumlah hasil tanaman yang dijual kepadanya. Oleh itu, sekiranya ada hasil tanaman yang tidak dijual kepada FELDA, jumlah hasil yang diperolehi bagi setiap hektar akan kurang dilaporkan. Di beberapa Rancangan, hasil tanaman kurang daripada yang dianggarkan kerana peneroka-peneroka menjual hasil tanaman mereka kepada pembeli-pembeli luar. Amalan ini juga bercanggah dengan syarat-syarat perjanjian antara peneroka dan FELDA yang menghendaki peneroka menjual hasil tanaman mereka terus kepada FELDA. Keengganan peneroka menjual hasil tanaman kepada FELDA ialah untuk mengelakkan daripada pihak FELDA memotong bayaran balik hutang-hutang mereka sekiranya pendapatan daripada jualan hasil tanaman melebihi RM600 sebulan. Sebagai contoh, pihak FELDA menganggarkan 88,300 metrik/tan (71.50%) daripada hasil tanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh peneroka-peneroka di Rancangan Ulu Jempol, Jengka 2, dan Jengka 3 telah dijual kepada pembeli-pembeli luar.

Pendapatan Peneroka

- a. Keberkesanan program ini bergantung kepada penglibatan daripada peneroka-peneroka dan juga penyeliaan serta penguatkuasaan oleh pihak FELDA. Adalah diperhatikan peneroka-peneroka yang mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengerjakan kebun-kebun mereka dan sentiasa mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh penyelia-penyelia FELDA telah dapat memperolehi pendapatan yang tinggi. Ada antara peneroka ini memperolehi RM3,000 sebulan. Peneroka ini bukan sahaja telah menyelesaikan hutang mereka dengan FELDA, bahkan juga dapat meningkatkan taraf hidup seperti membesarkan rumah dan

memberi pendidikan tinggi kepada anak-anak mereka. Berikut ialah contoh **gambar-gambar** yang menunjukkan rumah dan kebun peneroka yang berjaya dan juga tidak berjaya di bawah program ini.

GAMBAR 61



Keadaan Rumah Peneroka Yang Berjaya

GAMBAR 62



Keadaan Kebun Peneroka Yang Berjaya

GAMBAR 63



Keadaan Rumah Peneroka Yang Tidak Berjaya

GAMBAR 64



Keadaan Kebun Peneroka Yang Tidak Berjaya

- b. FELDA telah menetapkan pendapatan minimum peneroka berjumlah RM600 sebulan bagi tanaman kelapa sawit dan getah. Pendapatan sebenar peneroka bergantung kepada hasil yang

diperolehi dan harga semasa bagi kedua-dua tanaman itu. Mengikut Laporan Tahunan FELDA 1999, pendapatan kasar purata peneroka bagi tanaman kelapa sawit ialah RM1,308 sebulan manakala bagi getah iaitu RM692 sebulan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap 638 peneroka di 11 Rancangan mendapati seramai 166 peneroka (26%) memperoleh pendapatan kurang daripada RM600 sebulan bagi tahun 1999. Selain daripada faktor yang telah dinyatakan di perenggan 31.4.2.7., kekurangan pendapatan peneroka adalah juga disebabkan harga pasaran komoditi bagi kelapa sawit dan getah yang tidak stabil kerana ia bergantung kepada permintaan dari negara-negara luar.

Bayaran Balik Hutang Oleh Peneroka

- a. FELDA telah mendahulukan perbelanjaan untuk membangunkan kawasan kebun, membina rumah peneroka sebelum peneroka masuk Rancangan dan memberi pinjaman persendirian ketika peneroka memasuki Rancangan. Satu perjanjian ditandatangani antara peneroka dengan FELDA apabila peneroka bersetuju untuk memajukan sesuatu kawasan tanah Rancangan. Mengikut perjanjian tersebut, peneroka dikehendaki membayar kos pembangunan iaitu kos yang ditanggung oleh FELDA bagi membangunkan kawasan tanah Rancangan sebelum tanaman mengeluarkan hasil. Kos ini merupakan kos-kos membangunkan kebun, tapak rumah dan pembinaan rumah termasuk premium perbelanjaan ukur dan cukai tanah semasa FELDA mula memajukan tanah. Analisis Audit selanjutnya mendapati purata kos pembangunan bagi setiap 10 hektar tanah yang diperuntukkan kepada setiap peneroka bagi tempoh tahun 1960 hingga 1990 adalah antara RM39,250 hingga RM78,830 untuk kelapa sawit dan antara RM41,200 hingga RM96,430 bagi getah. Butir-butir lanjut adalah seperti di **Jadual 43**.

JADUAL 43
PURATA KOS PEMBANGUNAN TANAH RANCANGAN

TAHUN	KELAPA SAWIT RM/10 hektar	GETAH RM/10 hektar
1960	39,250	41,200
1970	39,440	45,510
1980	57,900	83,150
1990	78,830	96,430

- b. Berdasarkan analisis di atas, setiap peneroka dianggarkan berhutang dengan FELDA antara RM35,000 hingga RM45,000. Selepas kebun peneroka mengeluarkan hasil iaitu selepas satu tempoh yang dipanggil Titik Pulang Modal, segala kos akan disatukan dan potongan bayaran balik akan dikenakan terhadap peneroka.
- c. Mengikut perjanjian, bayaran balik oleh peneroka kepada FELDA akan dibuat melalui 180 bayaran ansuran (15 tahun) dengan jumlah yang sama rata pada tiap-tiap bulan. Kadar faedah yang dikenakan ialah 4% setahun. Pendapatan bulanan peneroka daripada jualan kelapa sawit/getah akan digunakan untuk membuat bayaran balik kepada FELDA dengan syarat pendapatan peneroka melebihi pendapatan minimum yang ditetapkan. Sekiranya peneroka gagal membayar balik, hak milik kebun tidak akan dipindah milik kepada mereka. Selain itu, tindakan tatatertib dan surat amaran akan dikeluarkan kepada peneroka yang tidak membuat bayaran balik. Pemeriksaan Audit mendapati FELDA telah membelanjakan sejumlah RM2,736.49 juta sehingga Jun 2000 bagi kos pembangunan untuk tanaman kelapa sawit dan getah. Daripada jumlah tersebut FELDA sepatutnya mengutip hutang daripada peneroka berjumlah RM2,215.41 juta tetapi hanya RM2,111.81 juta sahaja telah dikutip sehingga tarikh tersebut. Dengan ini, tunggakan hutang peneroka ialah berjumlah RM103.60 juta. Adalah diperhatikan tunggakan ini berlaku kerana peneroka tidak upaya untuk menjelaskan hutang disebabkan hasil pendapatan rendah atau mereka enggan membayar balik hutang. Sehubungan ini, FELDA

telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah ini seperti berikut :-

- i. Peneroka digalakkan mengeluarkan hasil yang maksimum daripada kebun melalui penggunaan teknologi baru seperti menggunakan sistem torehan intensiti rendah.
 - ii. Menangguhkan kutipan hutang daripada peneroka untuk sementara waktu dan memastikan peneroka memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM600 sebulan.
 - iii. FELDA melaksanakan skim sokongan harga iaitu RM12 setan/metrik bagi kelapa sawit dan 15 sen sekilogram bagi getah.
 - iv. Untuk mengelakkan kekurangan pendapatan akibat ketidakstabilan harga komoditi, peneroka digalakkan mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan mereka.
- d. Selain daripada perlu menjelaskan hutang pembangunan, peneroka juga perlu menjelaskan hutang-hutang lain kepada FELDA seperti hutang kedai, Pendahuluan Cukai Tahunan Disatukan dan pendahuluan bahan kimia/racun. Jumlah terlibat ialah RM87.40 juta dan daripada jumlah tersebut hanya RM64.86 juta telah dijelaskan. Dengan ini tunggakan hutang-hutang lain oleh peneroka ialah berjumlah RM22.54 juta.

Tanaman Semula

- a. Tanaman semula dijalankan apabila tanaman telah mencapai tempoh hayatnya iaitu antara 25 hingga 30 tahun bagi kelapa sawit dan 20 hingga 25 tahun bagi getah. Tanaman yang mencapai tempoh tersebut tidak lagi produktif dan tidak ekonomi dari segi penyelenggaraan kebun. Peneroka juga sepatutnya selesai membuat bayaran balik hutang dan telah menerima surat hak milik tanah. Setelah peneroka-peneroka menerima hak milik tanah masing-masing, tanaman semula boleh dilaksanakan.

FELDA telah menyediakan peruntukan bagi membantu peneroka yang akan menanam semula tanaman mereka melalui Tabung Tanam Semula. Sumber wang tabung ini ialah daripada caruman bulanan yang dibuat oleh peneroka sendiri. FELDA menetapkan kos menanam semula kelapa sawit pada kadar RM1,700 seekar manakala bagi tanaman getah, kos tanaman semula dibiayai daripada hasil penjualan kayu getah yang dibuat melalui tender oleh pengurusan FELDA dan subsidi dari RISDA.

- b. Pemeriksaan Audit yang dibuat di 6 Rancangan FELDA mendapati daripada seramai 2,693 peneroka di Rancangan tersebut, hanya 2,292 peneroka yang menyertai skim tanaman semula. Manakala peneroka lain yang tidak menyertai skim ini terus mendapat hasil daripada pokok tanaman asal. Keadaan ini menyebabkan pengeluaran hasil berkurangan dan kebun mereka tidak lagi berekonomi untuk diselenggarakan.
- c. Adalah diperhatikan, ada antara peneroka di Rancangan yang melaksanakan tanaman semula kelapa sawit dan getah juga tidak menjelaskan hutang mereka mengikut jadual. Jumlah bayaran balik yang tertunggak setakat Jun 2000 ialah RM16.45 juta.

31.4.3. Pemantauan

31.4.3.1. Pemeriksaan Audit mendapati sistem pemantauan terhadap pengurusan perkebunan telah diwujudkan oleh FELDA. Sistem pemantauan ini memberi tumpuan kepada pengawasan dan pengesanan kemajuan kerja sama ada di peringkat Ibu Pejabat, Wilayah atau Rancangan. Laporan mengenai sasaran dan prestasi pencapaian Rancangan juga disediakan setiap bulan. Pemantauan juga dibuat untuk menentukan petugas di Rancangan melaksanakan tugas-tugas dengan teratur. Petugas tersebut bertanggungjawab memastikan peneroka-peneroka mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh FELDA berhubung dengan pelaksanaan Program Perkebunan.

31.4.3.2. Untuk menentukan keberkesanan sistem pemantauan, Ibu Pejabat FELDA, Pejabat Wilayah dan Pejabat Rancangan mempunyai beberapa aktiviti seperti mengadakan mesyuarat dan perbincangan mengenai laporan-laporan yang dikemukakan serta membuat lawatan ke kawasan kebun dan perkampungan.

31.4.3.3. FELDA telah mengeluarkan satu garis panduan sebagai pengukur prestasi bagi menilai tahap pencapaian pengeluaran hasil, mutu penjagaan kebun dan kebersihan kampung. Garis panduan tersebut telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat FELDA kepada Pejabat Wilayah dan Pejabat Rancangan. Petugas-petugas di setiap Rancangan dikehendaki menilai kedudukan prestasi Rancangan dengan berpandukan garis panduan mengikut kategori gred baik atau tidak baik. Hasil penilaian ini digunakan oleh FELDA untuk tindakan susulan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang berbangkit seperti pencapaian pengeluaran hasil yang rendah, kebun yang tidak terurus dan keadaan kampung yang kotor.

31.4.3.4. Keberkesanan Program Perkebunan boleh dipertingkatkan lagi sekiranya penguatkuasaan dibuat seperti menentukan hasil dijual terus ke kilang FELDA dan kebun diuruskan dengan sempurna supaya peneroka mampu membayar hutang mereka.

31.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

31.5.1. Pada umumnya, FELDA telah berjaya merancang dan melaksanakan Program Perkebunannya dengan baik. Melalui Program ini, FELDA telah membangunkan tanah seluas 446,766.65 hektar di seluruh negara dan menyediakan kebun kepada 102,750 peneroka. Kejayaan program ini bergantung kepada komitmen penuh daripada peneroka dan keberkesanan penyeliaan yang diberi oleh pihak FELDA. Bagi peneroka-peneroka yang komited dan mematuhi panduan-panduan yang dikeluarkan oleh pihak FELDA, mereka telah dapat meningkatkan taraf hidup dengan memperolehi pendapatan yang lumayan. Mereka juga telah mendapat hak milik tanah kebun yang telah diusahakan. Bagaimanapun,

terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh FELDA dalam pelaksanaan program ini seperti tunggakan bayaran balik hutang peneroka yang meningkat dan ketidakupayaan peneroka untuk terus mengusahakan kebun mereka kerana uzur dan usia yang lanjut. Selaras dengan masalah ini, FELDA patut menanganinya dengan merangka strategi baru untuk menarik minat peneroka-peneroka generasi kedua.

31.5.2. Berhubung dengan kebun-kebun yang tidak dapat diusahakan kerana keuzuran peneroka, adalah disyorkan supaya pihak FELDA membuat dasar supaya kebun-kebun itu dilaksanakan secara usaha sama di mana hasilnya boleh dibahagikan kepada peneroka dan rakan usaha samanya tanpa menjejaskan hak peneroka terhadap tanahnya.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

32. AKTIVITI PEMASARAN HASIL PERTANIAN

32.1. LATAR BELAKANG

32.1.1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ialah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Salah satu objektif FAMA ialah untuk menyelia, menyelaraskan dan memperbaiki pemasaran hasil pertanian petani-petani seperti koko, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman-tanaman jangka pendek, ternakan dan ternakair supaya petani-petani mendapat pulangan yang berpatutan. Perbelanjaan dan pendapatan FAMA bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 44**.

JADUAL 44
PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN FAMA
BAGI TAHUN 1998, 1999 DAN 2000

TAHUN	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)
1998	94.66	90.55
1999	93.64	88.12
2000	72.07	69.05

32.1.2. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 menetapkan fungsi FAMA antara lain seperti berikut :-

- Menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian yang dijalankan oleh individu atau badan-badan pertubuhan yang terlibat dengan pemasaran hasil-hasil pertanian.
- Memajukan pasaran-pasaran yang sedia ada dan mencari pasaran-pasaran yang baru untuk hasil-hasil pertanian.
- Menjalankan usaha sama dengan individu atau badan-badan pertubuhan untuk menambahkan kecekapan dan memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian yang berkaitan.

32.1.3. Salah satu strategi untuk membantu petani-petani memasarkan hasil mereka ialah melalui pembangunan infrastruktur pemasaran.

32.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk memastikan sama ada infrastruktur pemasaran yang diwujudkan oleh FAMA dapat membantu petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka dengan cara yang cekap dan berkesan.

32.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini ditumpukan kepada urusan niaga di Pusat Pengumpulan Ladang; Pusat Pemasaran Hasil Pertanian; Kompleks Bilik Sejuk; Pasar Tani; Pasar Tani Borong dan Kompleks Kota Tani. Selain daripada menyemak rekod-rekod berkenaan bagi tahun 1998 hingga Oktober 2000, perbincangan dengan pegawai-pegawai FAMA, pemborong, peruncit dan petani telah diadakan. Lawatan juga dibuat ke pejabat-pejabat FAMA di Selangor, Johor, Perak, Kelantan dan Kedah.

32.4. PENEMUAN AUDIT

32.4.1. Perancangan

32.4.1.1. FAMA mempunyai perancangan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pemasaran hasil-hasil pertanian. Perancangan ini merangkumi pembangunan infrastruktur pemasaran, khidmat sokongan kepada petani-petani dan penetapan harga. Bagi membolehkan petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka, pihak FAMA telah mewujudkan satu rangkaian infrastruktur pemasaran seperti Pusat Pengumpulan Ladang; Pusat Pemasaran Hasil Pertanian; Kompleks Bilik Sejuk; Pasar Tani; Pasar Tani Borong dan Kompleks Kota Tani. Penempatan Pusat Pengumpulan Ladang; Pusat Pemasaran Hasil Pertanian dan Kompleks Bilik Sejuk dibuat berasaskan kepada keluasan tanah pertanian yang diusahakan, jenis tanaman, anggaran jumlah pengeluaran hasil dan jumlah petani yang terlibat. Manakala Pasar Tani dan Pasar Tani Borong ditempatkan di

kawasan yang ramai penduduknya. Bilangan infrastruktur pemasaran yang disediakan adalah seperti di **Jadual 45**.

JADUAL 45
INFRASTRUKTUR PEMASARAN FAMA

PUSAT URUS NIAGA	BILANGAN
Pusat Pengumpulan Ladang	30
Pusat Pemasaran Hasil Pertanian	26
Kompleks Bilik Sejuk	24
Pasar Tani	189
Pasar Tani Borong	2
Kompleks Kota Tani	1

i) Pusat Pengumpulan Ladang

Pusat Pengumpulan Ladang ditempatkan di kawasan ladang yang mengeluarkan sayur-sayuran berterusan dan mempunyai jalan yang boleh dihubungi. Ia bertujuan untuk membantu petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka dari ladang terus ke pasar borong dan ke pasar raya tanpa melibatkan orang tengah. Di pusat ini, pihak FAMA menyediakan alat timbang untuk menimbang hasil yang dibawa oleh petani dan juga senarai harga harian sayur-sayuran. Contoh Pusat Pengumpulan Ladang adalah seperti di **Gambar 65**.

GAMBAR 65



*Pusat Pengumpulan Ladang Kampung Bukit Kura,
Kuala Nerang, Kedah*

ii) Pusat Pemasaran Hasil Pertanian

Pusat Pemasaran Hasil Pertanian ditempatkan di kawasan pengeluaran hasil-hasil pertanian dan ia mempunyai bangunan yang tetap. Beberapa orang kakitangan FAMA juga ditempatkan di pusat ini untuk memberikan apa-apa bantuan yang diperlukan oleh petani berhubung dengan pemasaran hasil-hasil pertanian mereka. Terdapat 26 Pusat Pemasaran di seluruh negara. Contoh pusat ini adalah seperti di **Gambar 66**.

GAMBAR 66



*Pusat Pemasaran Hasil Pertanian,
Sabak Bernam*

iii) Kompleks Bilik Sejuk

Kompleks Bilik Sejuk adalah pusat pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, penggredan dan pengedaran hasil-hasil pertanian. Kompleks Bilik Sejuk digunakan untuk menyimpan hasil-hasil pertanian yang tidak dapat dijual dan juga hasil-hasil pertanian yang berlebihan untuk menstabilkan harga. Sejumlah 24 kompleks ini telah dibina di seluruh negara.

iv) Pasar Tani

Tujuan asal Pasar Tani ditubuhkan ialah menyediakan tempat untuk petani-petani memasarkan sendiri hasil-hasil pertanian mereka. Petani-petani yang ingin mengurus niaga di Pasar-pasar Tani perlu mendaftar dengan pihak FAMA. Terdapat 189 Pasar Tani di seluruh negara seperti di **Jadual 46**.

JADUAL 46
TABURAN BILANGAN PASAR TANI MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN PASAR TANI
Johor	31
Selangor	26
Pahang	23
Sabah	15
Perak	14
Terengganu	13
Negeri Sembilan	13
Kelantan	12
Melaka	10
Kedah	10
Sarawak	10
Perlis	8
Pulau Pinang	4
JUMLAH	189

v) Pasar Tani Borong

Pasar Tani Borong dibina untuk dijadikan tempat berurus niaga secara borong oleh petani-petani yang terlibat dengan persatuan-persatuan peladang; penternak; nelayan; syarikat-syarikat pemasaran tani dan usahawan-usahawan yang mengeluarkan hasil pertanian yang banyak. Setakat ini terdapat 2 Pasar Tani Borong iaitu di Selayang dan di Puchong (**Gambar 67**).

GAMBAR 67



Pasar Tani Borong Puchong

vi) Kompleks Kota Tani

Setakat ini hanya ada sebuah Kompleks Kota Tani yang telah dibina iaitu di mukim Padang Mat Sirat, Langkawi, Kedah (**Gambar 68**). Di kompleks ini, petani secara individu atau kumpulan boleh memasarkan hasil pertanian mereka secara jualan terus.

GAMBAR 68



Kompleks Kota Tani, Langkawi

32.4.1.2. Khidmat Sokongan Kepada Petani

Bagi memastikan kemudahan-kemudahan FAMA digunakan sepenuhnya oleh petani-petani, pihak FAMA juga merancang untuk mengadakan taklimat, dialog dan khidmat nasihat kepada petani-petani dari semasa ke semasa. Melalui perjumpaan dengan petani-petani, pihak FAMA dapat mengenalpasti masalah berbangkit berhubung dengan pemasaran. Pihak FAMA juga mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pertanian untuk menentukan jenis tanaman yang boleh dipasarkan. Pihak FAMA juga merancang dan menganjurkan kursus-kursus berkaitan dengan penggunaan teknologi pengendalian lepas tuai untuk menjamin kualiti hasil pertanian. Kursus-kursus lain seperti perakaunan, kejurujualan, keusahawanan dan pemasaran juga dirancang.

32.4.1.3. Penetapan Harga

Bagi membantu petani-petani mendapatkan harga yang berpatutan, FAMA telah menetapkan harga hasil-hasil pertanian dalam 3 kategori iaitu harga di ladang, harga borong dan harga runcit. Harga-harga tersebut ditetapkan setelah pihak FAMA mengkaji keadaan permintaan dan bekalan hasil pertanian di pasaran.

32.4.1.4. Perjawatan

Bagi melaksanakan aktiviti-aktivitinya, FAMA mewujudkan 1,703 jawatan yang terdiri daripada satu jawatan Utama C, 101 jawatan kumpulan pengurusan dan profesional serta 1,601 jawatan kumpulan sokongan. Daripada 1,703 jawatan itu, 676 jawatan adalah terlibat dengan aktiviti pemasaran. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 47**.

JADUAL 47
BILANGAN PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN
AKTIVITI PEMASARAN

JAWATAN	BILANGAN		JUMLAH
	IBU PEJABAT	NEGERI	
Pegawai Ehwal Ekonomi	49	18	67
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi	61	140	201
Pembantu Ehwal Ekonomi	56	352	408
JUMLAH	166	510	676

32.4.1.5. Peruntukan Kewangan Aktiviti Pemasaran

Bagi tahun 2000, FAMA telah diperuntukkan sejumlah RM25.77 juta untuk melaksanakan aktiviti pemasaran. Peruntukan ini diagihkan seperti di **Jadual 48**.

JADUAL 48
PERUNTUKAN AKTIVITI PEMASARAN BAGI TAHUN 2000

BUTIRAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)
Meningkatkan Saluran Pasaran	8.58
Membina Dan Mempertingkatkan Rangkaian Infrastruktur Pemasaran	11.21
Penyelidikan Pasaran	2.52
Khidmat Sokongan	3.46
JUMLAH	25.77

Seperti mana yang dinyatakan di perenggan-perenggan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa pihak FAMA telah membuat perancangan yang menyeluruh dan lengkap untuk membantu petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

32.4.2. Pelaksanaan

32.4.2.1. Penggunaan Rangkaian Infrastruktur Pemasaran

Semakan Audit yang dijalankan mendapati pada umumnya penggunaan Pusat Pengumpulan Ladang, Pusat Pemasaran Hasil Pertanian dan Pasar Tani adalah memuaskan. Sepanjang tahun 1999 seramai 858 petani telah berurus niaga di 30 Pusat Pengumpulan Ladang dan hampir 6,000 petani di 189 Pasar Tani. Bagaimanapun, di 2 Pasar Tani Borong, hanya 46 petani telah berurus niaga. Penggunaan Kompleks Bilik Sejuk dan Kompleks Kota Tani juga didapati kurang memuaskan seperti contoh-contoh berikut :-

- a. Pihak FAMA telah membina 24 Kompleks Bilik Sejuk antara tahun 1981 dan 1983 dengan kos berjumlah RM30.14 juta. Lawatan Audit ke beberapa Kompleks Bilik Sejuk mendapati ada antaranya tidak lagi digunakan seperti tujuan asalnya dibina. Punca utama Kompleks Bilik Sejuk tidak digunakan sepenuhnya ialah kerana kekurangan hasil pertanian. Beberapa contoh penggunaan Kompleks Bilik Sejuk adalah seperti di **Jadual 49**.

JADUAL 49
PENGGUNAAN KOMPLEKS BILIK SEJUK

NEGERI	LOKASI	KEGUNAAN SEKARANG
Kedah	Alor Setar	Digunakan sebagai pejabat, pusat urus niaga barangan segar atau disewakan
Kelantan	Kota Baru	Diubahsuai menjadi Pejabat FAMA Kelantan dan pusat operasi urus niaga
Johor	Johor Bahru - Jalan Tampoi	8 unit disewakan manakala 1 unit untuk penyimpanan sayur-sayuran
	- Jalan Larkin	1 unit disewakan dan 4 unit terbiar
Perak	Ipoh	Disewakan
	Chui Chak	Kegunaan FAMA untuk menyimpan hasil-hasil pertanian khususnya buah-buahan untuk dieksport
Selangor	Kuala Selangor	Terbiar

- b. Lawatan ke Kompleks Kota Tani di Langkawi pada bulan Oktober 2000 mendapati tidak ada urusan niaga barangan segar dijalankan sebaliknya hanya barangan yang telah diproses diniagakan. Kompleks tersebut telah siap dibina pada awal tahun 2000 dengan kos berjumlah RM3.80 juta tetapi tidak digunakan sepenuhnya kerana kurang mendapat sambutan daripada orang ramai memandangkan lokasinya jauh dari pusat bandar.

32.4.2.2. Pembelian Hasil Pertanian Oleh FAMA

Sekiranya petani-petani tidak dapat menjual hasil-hasil pertanian mereka, pihak FAMA akan membeli hasil-hasil pertanian itu untuk dibekalkan kepada petani-petani yang berniaga di pasar tani. Harga yang ditawarkan kepada petani adalah berdasarkan kepada harga pasaran setelah ditolak kos pentadbiran dan pengangkutan. Semakan Audit mendapati tidak ada panduan yang menetapkan kos pentadbiran dan pengangkutan yang sepatutnya diambil kira. Ini menyebabkan harga yang diterima oleh petani-petani adalah tidak seragam sebaliknya bergantung kepada budi bicara pegawai pemasaran di cawangan-cawangan FAMA yang berkenaan.

32.4.2.3. Kontrak Ladang


Bagi menggalakkan petani-petani mengeluarkan hasil pertanian secara besar-besaran, pihak FAMA telah memperkenalkan konsep kontrak ladang. Perjanjian dibuat antara FAMA dan petani-petani terlibat di mana pihak FAMA bersetuju membeli secara berterusan hasil-hasil pertanian mereka pada harga dan tempoh yang ditetapkan. Kontrak ladang ini dilaksanakan sama ada melalui perkongsian modal antara FAMA dan petani atau jaminan pasaran oleh pihak FAMA atau pembelian hasil pertanian secara pajakan bermusim oleh pihak FAMA. FAMA telah mengadakan 50 kontrak ladang yang melibatkan 540 orang petani bagi mengusahakan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan di seluruh negara. Salah satu contoh kontrak ladang yang berdaya maju ialah di Setiu, Terengganu di mana seramai 41 orang petani telah bekerjasama mengusahakan tanaman cili di 12 hektar tanah. Pihak FAMA telah membeli cili-cili yang dihasilkan oleh

ladang-ladang tersebut pada harga RM2.50 sekilo dan setiap peserta memperoleh pendapatan secara purata RM1,200 sebulan.

32.4.2.4. Penyimpangan Daripada Fungsi Asal


- a. Penubuhan Pasar Tani dan Pasar Tani Borong adalah bagi membolehkan petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka. Bagaimanapun, didapati peniaga-peniaga berkenaan tidak menjual hasil pertanian mereka sendiri tetapi memperolehinya dari sumber-sumber lain. Berdasarkan kepada temu bual dengan peniaga-peniaga di beberapa Pasar Tani dan Pasar Tani Borong didapati barangan pertanian yang dijual dari usaha petani sendiri hanyalah 8.3% untuk Pasar Tani dan 5% untuk Pasar Tani Borong. Amalan ini bertentangan dengan matlamat asal FAMA mewujudkan Pasar Tani dan Pasar Tani Borong untuk membantu petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Kedudukan sumber bekalan barangan Pasar Tani dan Pasar Tani Borong ditunjukkan di **Carta 9** dan **Carta 10**.

CARTA 9
SUMBER BEKALAN PENIAGA PASAR TANI



Sumber: Temu Bual Dengan Peniaga Pasar Tani

CARTA 10
SUMBER BEKALAN PENIAGA PASAR TANI BORONG



Sumber: Temu Bual Dengan Peniaga Pasar Tani Borong

- b. Semakan terhadap rekod-rekod urus niaga di pusat-pusat pemasaran mendapati FAMA juga membeli daripada pemborong bukan petani/penternak untuk membekalkan barangan pertanian kepada peniaga-peniaga Pasar Tani dan Pasar Tani Borong

secara berterusan. Berikut diberikan contoh-contoh bekalan yang diperolehi daripada pemborong tempatan.

JADUAL 50
BARANGAN PERTANIAN YANG DIPEROLEHI DARIPADA
PEMBORONG TEMPATAN

KOMODITI	PUSAT/ DAERAH	NILAI (RM)	KUANTITI	% BELIAN
Ikan	Kluang	39,347	11,463 kg.	79
Ayam	Mersing	31,468	10,701 kg.	42
Ayam	Ipoh	201,355	49,234 kg.	100
Ayam	Kuala Muda	139,281	44,256 kg.	96
Ayam	Kulim	29,011	9,193 kg.	97
Kopi	Parit Raja	13,935	19,105 kg.	10
Pisang	Batu Pahat	15,000	15,000 kg.	34
Sawi	Muar	4,560	4,000 kg.	84
Cili	Muar	5,007	1,586 kg.	100
Kacang Panjang	Muar	5,007	1,586 kg.	100
Kelapa	Hilir Perak	21,502	45,759 biji	33

Selain daripada mendapatkan bekalan daripada pemborong-pemborong tempatan, FAMA juga mendapatkan bekalan daripada pembekal-pembekal luar negara. Antara barangan yang diimport dari luar negara adalah kubis dan kelapa. Bagi tempoh Januari 1999 hingga Oktober 2000 nilai kubis yang diimport berjumlah RM2.44 juta.

32.4.3. Pemantauan

Adalah didapati Ibu Pejabat FAMA memantau aktiviti-aktiviti pemasaran yang dilaksanakan oleh cawangan-cawangannya di peringkat negeri. Cawangan-cawangannya dikehendaki mengemukakan laporan ke Ibu Pejabat setiap suku tahun mengenai jenis barangan yang dijual, kuantiti dan nilai jualannya. Semakin selanjutnya mendapati laporan-laporan berhubung dengan bilangan petani yang telah dimajukan, petani yang telah berdikari atau berdaya maju hasil daripada kemudahan perkhidmatan pemasaran yang telah disediakan tidak diperolehi daripada cawangan-cawangan.

32.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, pihak FAMA telah menyediakan infrastruktur pemasarannya dengan baik untuk membantu petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya didapati beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Sehubungan ini, perkara-perkara seperti berikut adalah disyorkan :-

32.5.1. Pihak FAMA perlu menyebarkan maklumat-maklumat berhubung dengan kemudahan-kemudahan pemasaran hasil-hasil pertanian yang disediakan kepada petani-petani khususnya di kawasan luar bandar dengan lebih meluas.

32.5.2. Memandangkan kejayaan telah dicapai oleh petani-petani yang terlibat di bawah kontrak ladang, adalah disyorkan supaya pihak FAMA memperluaskan lagi pendekatan ini. FAMA boleh mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi pertanian lain untuk membangunkan sektor pertanian.

32.5.3. Ibu Pejabat FAMA perlu memperbaiki sistem pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti pemasaran yang dijalankan oleh cawangan-cawangannya di peringkat negeri. Maklum balas berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pemasaran perlu diperolehi untuk mengenalpasti masalah-masalah yang mungkin dihadapi bagi membolehkan tindakan pembetulan diambil.

32.5.4. Konsep pelaksanaan Pasar Tani dan Pasar Tani Borong perlu dikaji semula memandangkan kebanyakan petani yang mengurus niaga di tempat-tempat tersebut tidak lagi memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Sebaliknya, mereka mendapatkan barangan jualan daripada Pasar-pasar Borong.

LEMBAGA TABUNG HAJI

33. PENGURUSAN HAJI

33.1. LATAR BELAKANG

33.1.1. Lembaga Tabung Haji (LTH) ditubuhkan bagi memberi kemudahan kepada orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur untuk memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji dan pada masa yang sama memperoleh keuntungan daripada simpanan tersebut. LTH juga ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan yang sempurna dalam pengurusan haji. LTH bertanggungjawab memastikan sistem pengendalian, pengurusan dan bimbingan ibadah haji dilaksanakan dengan sempurna bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada jemaah haji mengerjakan ibadah haji dan umrah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

33.1.2. LTH memberi perkhidmatan penyimpanan dan pengeluaran wang serta pendaftaran haji di 14 pejabat cawangan negeri, 71 pejabat cawangan daerah dan 8 pejabat mini melalui sistem talian terus dengan Ibu Pejabat LTH di Kuala Lumpur. Bagi sistem pendaftaran haji, ia dilaksanakan berdasarkan konsep pendaftaran haji terbuka bagi membolehkan bakal haji merancang pemergian ke Tanah Suci mengikut tahun pilihan mereka. Seramai 39,394 orang Islam dari Malaysia telah menunaikan ibadah haji melalui LTH pada tahun 1420H dan bilangannya meningkat kepada 44,282 orang atau 12.4% pada tahun 1421H. Sehingga bulan Mac 2001, seramai 194,347 orang Islam telah mendaftar untuk menunaikan fardhu haji bagi tempoh tahun 2002 hingga 2014.

33.1.3. Mengikut peraturan haji Kerajaan Arab Saudi, semua urusan berhubung dengan perumahan dan pengangkutan di Tanah Suci diuruskan oleh pihak Muassasah. LTH membayar sejumlah RM4,559 kepada pihak berkenaan bagi setiap jemaah haji.

33.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian Audit dijalankan bagi menentukan sama ada pengurusan haji dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektifnya.

33.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi pengurusan haji tahun 2000 (1420H) dan 2001 (1421H). Semakan telah dijalankan terhadap laporan-laporan dan dokumen-dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat LTH. Borang soal selidik juga dihantar kepada 4,000 jemaah haji bagi musim 1420H. Sejumlah 1,740 (43.5%) jawapan telah diterima dan dianalisis. Manakala bagi musim haji 1421H, pegawai Audit mengikuti setiap aktiviti perkhidmatan haji bermula dari peringkat pemilihan jemaah haji, pengendalian kursus, pengangkutan, penempatan, sajian makanan serta menjalankan lawatan ke Tanah Suci untuk menilai pelaksanaan perkhidmatan tersebut. Pendapat dan pandangan jemaah haji telah juga diperolehi melalui temuduga ketika lawatan ke tempat-tempat penginapan di Madinah, Makkah, Arafah dan Mina.

33.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan haji yang merangkumi aspek-aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang terlibat mendapati perkara-perkara berikut :-

33.4.1. Perancangan

LTH membuat perancangan perkhidmatan hajinya berdasarkan kuota jemaah haji yang diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi iaitu 0.1% daripada jumlah penduduk di sesebuah negara. Oleh itu bagi Malaysia

yang mempunyai penduduk seramai 23 juta orang, hanya 23,000 orang jemaah sahaja yang diluluskan dalam setahun. Berdasarkan kuota tersebut, LTH telah membuat perancangan dari segi bimbingan, pengangkutan, penempatan dan sajian makanan. Bagaimanapun, setiap tahun Kerajaan Arab Saudi ada memperuntukkan kuota tambahan kepada Kerajaan Malaysia. Oleh itu, LTH perlu membuat persediaan dengan menyenarai jemaah-jemaah tambahan yang bersedia untuk pergi ke Tanah Suci. Bagi musim haji 1420H, LTH telah membuat perancangan awal perkhidmatan haji berdasarkan 35,000 orang jemaah. Bagaimanapun, pada 2 minggu sebelum penerbangan pertama, Kerajaan Arab Saudi meluluskan kuota 50,000 jemaah. Dengan itu, LTH hanya mampu menambah 5,000 jemaah haji menjadikan keseluruhan seramai 40,000 orang. Bagi musim haji 1421H pula, LTH telah merancang menghantar 45,000 orang jemaah dan persediaan perkhidmatan haji dibuat berdasarkan jumlah tersebut.

33.4.1.1. Program Bimbingan

- a. Setiap tahun, LTH membuat perancangan program bimbingan di tanah air dan juga di Tanah Suci sama ada melalui kursus, ceramah media elektronik atau artikel di media cetak. Di tanah air, kursus haji secara bersiri, intensif dan perdana dirancang di masjid-masjid di setiap daerah dan negeri dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri yang berkaitan. Kursus-kursus tersebut berbentuk teori dan amali bertujuan untuk membolehkan jemaah haji mendapat pengetahuan, pendedahan awal dan panduan mengenai cara-cara melaksanakan ibadah haji dengan sempurna di Tanah Suci. Bimbingan dan panduan haji juga dirancang untuk disiarkan di Stesen TV dan Radio.
- b. Semasa di Tanah Suci, LTH merancang untuk menempatkan seorang guru agama lelaki dan seorang guru agama

perempuan di setiap maktab atau zon untuk membimbing jemaah haji terutamanya mengenai pelaksanaan ibadah haji. Di samping itu, LTH juga merancang menghantar 3 orang penasihat haji yang dilantik dari kalangan ulamak/guru agama yang berpengalaman untuk membuat keputusan terhadap sesuatu permasalahan yang berkaitan dengan hukum atau fatwa.

33.4.1.2 Pengangkutan

LTH membuat persediaan rapi untuk mengurus jemaah haji ke Tanah Suci dengan memberi pilihan kepada mereka sama ada untuk memilih penerbangan awal, pertengahan atau akhir; bersama keluarga, rakan atau kumpulan. Berdasarkan pilihan tersebut, LTH menetapkan penerbangan dan penempatan jemaah. LTH juga membuat perancangan dari segi pengangkutan bas bagi perjalanan jemaah haji dari Kompleks-kompleks Haji ke Lapangan Terbang semasa keberangkatan jemaah haji ke Tanah Suci. LTH menyewa kapal terbang Syarikat Air Asia dan Arab Saudi Airlines untuk mengangkut jemaah haji ke Tanah Suci. Begitu juga LTH menyusun atur perjalanan jemaah ke Madinah, Makkah, Arafah, Mina, Jeddah dan termasuk ziarah di Madinah.

33.4.1.3. Perumahan dan Penempatan

a. Di Makkah dan Madinah

LTH bertanggungjawab menyediakan kediaman untuk penginapan jemaah haji di Makkah dan Madinah yang mempunyai kemudahan asas serta bersesuaian dengan perbelanjaan haji yang ditentukan. Kriteria pemilihan kediaman tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Jaraknya 100 hingga 700 meter dari Masjidil Haram di Makkah dan 35 hingga 450 meter dari Masjidil Nabawi di Madinah.

- ii. Ukuran keluasan setiap bilik berasaskan setiap jemaah haji diberi keluasan lantai 1 meter X 3 meter.
- iii. Telah mendapat sijil kelayakan untuk diduduki.
- iv. Mempunyai kemudahan bilik air dan lif yang sempurna.

b. Di Arafah dan Mina

Urusan khemah di Arafah dan Mina adalah tanggungjawab Muassasah dan segala urusan tender dikeluarkan oleh Muassasah berkenaan. LTH hanya memastikan khemah yang disediakan itu mencukupi mengikut bilangan jemaah haji bagi setiap khemah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi. LTH hanya mengeluarkan tender bagi tapak perkhemahan pejabat rombongan haji sahaja, sebagai tapak pusat orang sesat dan hospital.

33.4.1.4. Sajian Makanan

Pada tahun 1418H, LTH telah memberi perkhidmatan makanan percuma di Tanah Suci kepada semua jemaah haji bertujuan mengelakkan mereka membeli makanan yang tidak terjamin kebersihannya yang boleh menjejaskan kesihatan. Bagaimanapun, pada musim haji 1419H hingga 1421H, LTH mengenakan bayaran makanan sejumlah RM618 untuk setiap jemaah haji. Bayaran ini telah diambilkira dalam perbelanjaan haji yang berjumlah RM8,585 bagi setiap jemaah haji. LTH memberi subsidi makanan sejumlah RM400 kepada setiap jemaah haji. Makanan asas untuk makan tengah hari dan malam disaji sepanjang jemaah haji berada di Tanah Suci. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh sebuah anak syarikat LTH dengan kerjasama pembekal-pembekal tempatan.

33.4.1.5. Khidmat Kesihatan

- a. Setiap jemaah haji yang dipilih untuk menunaikan ibadah haji diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengambil suntikan *Meningococcal Meningitis*. Keputusan pemeriksaan akan direkodkan ke dalam Buku Rawatan yang dibekalkan oleh LTH kepada setiap jemaah haji. Buku rawatan ini akan digunakan di Tanah Suci semasa jemaah haji mendapatkan rawatan di klinik zon atau maktab yang diduduki. LTH berurusan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mendapatkan petugas-petugas perubatan bagi berkhidmat di Tanah Suci.
- b. Mengikut peraturan Haji Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Kesihatan negara itu bertanggungjawab terhadap urusan rawatan perubatan dan kesihatan semua jemaah haji di Tanah Suci. Bagaimanapun, LTH mengadakan juga perkhidmatan kesihatan untuk memberi kemudahan yang lebih sempurna kepada jemaah haji dengan membuka klinik di Jeddah, Madinah dan Makkah, di samping sebuah Hospital Malaysia di Aziziah, Makkah.

33.4.1.6. Khidmat Kewangan

LTH telah menyediakan khidmat kewangan dengan membuka perkhidmatan kaunter di setiap maktab atau zon di Tanah Suci. Bagi musim haji 1421H, sejumlah 40 kaunter kewangan telah disediakan iaitu 10 di Madinah dan 30 di Makkah. Khidmat ini membolehkan jemaah haji mengeluarkan dan menyimpan wang dan membuat bayaran tertentu seperti bayaran dam dan korban.

33.4.1.7. Peruntukan Kewangan

Setiap tahun LTH akan menyediakan anggaran yang diperlukan bagi mengendalikan urusan perkhidmatan haji. Bagi tahun 2000 dan 2001, jumlah yang diperuntukkan ialah RM38.74 juta dan RM37.50 juta masing-masingnya. Antara peruntukan adalah untuk membiayai perbelanjaan sara hidup luar negeri bagi tahun 2001 berjumlah RM21.10 juta dan sewa bangunan RM8.60 juta.

33.4.1.8. Khidmat Petugas

LTH melantik petugas-petugas haji yang akan mengendalikan pemergian jemaah haji dari tanah air ke Tanah Suci. Petugas-petugas dipilih berdasarkan prestasi kerja dan penilaian kursus yang mereka hadiri. Petugas-petugas haji akan menyambut dan membantu jemaah haji dalam urusan yang berkaitan seperti pengangkutan, penginapan, makanan, kesihatan dan kebajikan. Pasukan petugas ini juga akan bergerak bersama-sama dengan jemaah haji bagi memastikan keselamatan, keselesaan dan kemudahan mereka.

LTH mempunyai perancangan yang baik untuk memberi perkhidmatan haji yang berkualiti bagi keselesaan jemaah haji. Perancangan yang baik ini membolehkan perkhidmatan haji LTH menerima Sijil MS ISO 9002 pada tahun 1997. Bagaimanapun, bagi tahun 2000 (1420H), LTH menghadapi masalah merancang perkhidmatan haji dengan baik kerana kuota tambahan jemaah haji lewat diterima. Bagi tahun 2001 (1421H), LTH dapat membuat perancangan yang teliti dari segi pengangkutan, penempatan dan sajian makanan untuk 45,000 orang jemaah haji kerana Kerajaan Arab Saudi telah memaklumkan dengan lebih awal bilangan jemaah haji yang dibenarkan untuk tahun berkenaan.

33.4.2. Pelaksanaan

Semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti perkhidmatan haji mendapati perkara-perkara berikut :-

33.4.2.1. Bimbingan

- a. Di tanah air, LTH mengendalikan kursus haji bersiri yang diadakan di masjid-masjid di setiap daerah dan negeri dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri. Kursus intensif diadakan selepas tamat kursus haji bersiri manakala kursus perdana pula diadakan sebelum jemaah haji berangkat ke Tanah Suci. Selain dari itu, buku-buku panduan juga diedarkan kepada jemaah haji. Program mengenai ibadah haji disiarkan melalui media eletronik dan media massa seperti TV dan radio serta di akhbar-akhbar. Aspek-aspek yang disampaikan melalui bimbingan haji merangkumi ibadah haji dan panduan kesihatan.
- b. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada jemaah haji bagi musim-musim 1420H dan 1421H mendapati 99% memberi jawapan bahawa mereka telah menghadiri kursus-kursus yang disediakan oleh LTH dan berpendapat kursus-kursus tersebut telah membantu mereka dalam melaksanakan ibadat haji dengan lebih sempurna. Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan haji, mereka juga mencadangkan perkara-perkara seperti berikut :-
 - LTH perlu meningkatkan kualiti dan teknik kursus-kursus yang dikendalikan seperti menggunakan alat multimedia supaya kursus yang dilaksanakan dapat dijalankan dengan lebih berkesan terutamanya kepada jemaah haji yang sudah tua dan tidak tahu membaca.

- Tempoh kursus perlu dipanjangkan dengan memasukkan program bina insan serta jati diri supaya dapat memupuk sifat-sifat disiplin diri dan kesabaran.
- Mengadakan program-program ibadah semasa di Mina.
- Memperbaiki kemudahan tempat dan peralatan pandang dengar bagi ceramah-ceramah yang diadakan di maktab-maktab.
- Bilangan guru agama dan kaunselor ditambah bagi keperluan jemaah semasa berada di Tanah Suci.

33.4.2.2. Penempatan Jemaah Haji

Penempatan di Makkah dan Madinah

- a. Jemaah haji berada di Madinah selama 8 hari dan di Makkah selama lebih kurang 30 hari. Di Madinah, jemaah haji ditempatkan di 4 zon yang mengandungi beberapa bangunan. Setiap zon mempunyai satu Pejabat Tabung Haji dan ditempatkan di salah sebuah bangunan di dalam zon berkenaan. Adalah diperhatikan LTH tidak menempatkan pegawai bagi tempoh masa yang tertentu di bangunan yang tidak ada pejabat LTH. Keadaan ini menyukarkan jemaah haji untuk mendapatkan bantuan apabila memerlukannya.
- b. Bagi bangunan-bangunan yang berdekatan dengan Masjidil Nabawi dan Masjidil Haram, LTH terpaksa membayar sewaan yang lebih mahal. Tinjauan Audit mendapati ada jemaah haji yang ditempatkan di bangunan baru yang berdekatan dengan masjid berbanding mereka yang lain tinggal di bangunan lama. Bagaimanapun, bayaran yang dikenakan kepada mereka

adalah sama berdasarkan purata kos sewa kedua-dua jenis bangunan tersebut.

- c. Jemaah haji juga menghadapi masalah penggunaan lif pada waktu-waktu tertentu terutamanya selepas waktu sembahyang zohor dan isyak kerana mereka pulang serentak daripada masjid. Bangunan-bangunan yang disewa pula mempunyai ketinggian 12 hingga 14 tingkat. Setiap bangunan yang disewa menempatkan lebih kurang 2,400 hingga 2,500 jemaah haji tetapi hanya mempunyai 3 hingga 4 buah lif. Jangka masa menunggu lif oleh jemaah haji di antara 30 minit hingga 1 jam. Keadaan ini menimbulkan masalah kepada jemaah haji. Bagaimanapun, LTH mengambil perhatian dan memutuskan tidak akan menyewa bangunan-bangunan yang mempunyai masalah lif yang ketara.
- d. Diperhatikan juga beberapa bangunan seperti Ashraf Al-Jadidah diberikan lambang buah-buahan seperti Rambutan A, Rambutan B dan Rambutan C. Keadaan ini mengelirukan jemaah haji terutama bagi mereka yang tidak mengenal huruf. Mereka sukar untuk mengingat abjad A, B atau C. Tambahan pula pada kad pengenalan diri jemaah tidak dinyatakan alamat penuh. Keadaan ini menyebabkan mereka dihantar ke tempat yang salah apabila mereka meminta bantuan petugas. Terdapat juga sebuah bangunan yang dikongsi bersama oleh 2 maktab. Lawatan Audit ke bangunan-bangunan yang disewa mendapati tidak ada pelan tanda arah yang menunjukkan lokasi maktab-maktab di bangunan berkenaan. Pelan tanda arah juga tidak disediakan untuk menunjukkan kedudukan tangga dan pintu masuk di setiap tingkat yang boleh digunakan sebagai panduan oleh jemaah haji sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Penginapan Di Mina

Pada musim haji 1421H, jemaah haji ditempatkan di kawasan perkhemahan Mina Muassim dan Mina Muhassir. Perkhemahan Mina Muassim jaraknya ialah 5 km pergi dan balik dari tempat melontar, manakala jarak Mina Muhassir ialah 11km. Setiap khemah tersebut bersaiz 4 X 4 meter yang boleh memuatkan antara 8 hingga 10 jemaah haji. Bagaimanapun, semasa tinjauan Audit mendapati bilangan jemaah haji yang ditempatkan di khemah-khemah tersebut melebihi daripada yang sepatutnya menyebabkan keadaannya sesak dan tidak selesa. Ada jemaah yang terpaksa tidur di luar khemah. Keadaan ini disebabkan LTH menempatkan lebih ramai jemaah dalam khemah di Mina Muassim yang jaraknya lebih dekat untuk pergi melontar.

Penilaian Jemaah Terhadap Penginapan Di Tanah Suci

- a. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada jemaah haji bagi musim 1420H, 98% daripada mereka berpuas hati dengan keadaan dan kebersihan bilik sewaan di Madinah. Bagaimanapun di Makkah dan di Mina peratusan menurun kepada 89% manakala di Arafah ialah 82%.
- b. Analisis selanjutnya mendapati peratusan jemaah haji yang berpuashati terhadap kemudahan bilik air di Arafah dan Mina hanya di tahap 45% hingga 77% sahaja. Mereka berpendapat bilik air tidak mencukupi jika dibandingkan dengan bilangan jemaah haji. Jemaah haji yang ditemubual telah memberi cadangan supaya pihak LTH mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Arab Saudi untuk mempertingkatkan lagi kualiti penginapan dan kemudahan berkaitan di Tanah Suci. Antara lain jemaah haji telah mencadangkan :-

- i. Bilangan penghuni dalam satu bilik/khemah di Makkah, di Arafah dan di Mina perlu dikurangkan kepada bilangan yang lebih sesuai.
- ii. Kebersihan bilik air/tandas perlu ditingkatkan dan bilangannya di Arafah dan di Mina ditambah.

33.4.2.3. Pengangkutan

- a. LTH mempunyai 3 buah Kompleks Haji iaitu di Kelana Jaya, Selangor; Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu, Sabah bagi memudahkan urusan *check-in* seperti timbang barang, penyerahan tiket serta mengambil beg hadiah. Semasa keberangkatan ke Tanah Suci, LTH menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas daripada Kompleks-kompleks Haji ke lapangan terbang dengan bantuan Polis Trafik bagi memastikan jemaah haji sampai tepat pada masanya. Adalah diperhatikan perkhidmatan pengangkutan bas yang dilaksanakan adalah teratur. Para jemaah haji diatur menaiki bas-bas yang disediakan ke lapangan terbang. Bagi urusan keberangkatan pulang, LTH menyewa bangunan Madinatul Hujjaj untuk menempatkan sementara jemaah haji yang akan berlepas balik dari Jeddah ke Malaysia. Ia bertujuan untuk mengelakkan jemaah menunggu terlalu lama di lapangan terbang. Urusan *check-in* dan timbang barang juga dilakukan di sini. Urusan keberangkatan pergi ke Tanah Suci dan pulang ke tanah air telah dilaksanakan mengikut jadual penerbangan yang telah diatur.
- b. Di Tanah Suci, perkhidmatan bas dari Jeddah ke Madinah, Madinah ke Makkah dan sebaliknya disediakan oleh LTH. Adalah diperhatikan perkhidmatan yang diberi adalah memuaskan. Bagaimanapun, bagi perkhidmatan bas yang

disediakan oleh pihak Muassasah dari Makkah ke Arafah, Arafah ke Mina dan Mina ke Makkah kurang memuaskan. Jemaah haji terpaksa berebut-rebut menaiki bas untuk ke destinasi yang dituju. Keadaan menjadi kelam-kabut dan kawasan persekitaran seperti di lobi hotel (maktab) dan tepi jalan menjadi penuh sesak. Ini disebabkan tiada sistem pembahagian bas yang digunakan bagi urusan menaiki bas. Jemaah haji tidak diberi nombor bas dan mereka turun daripada maktab untuk menaiki bas pada waktu yang sama. Selain daripada itu, keadaan kelam-kabut juga berlaku disebabkan jalan yang sempit, ketibaan bas yang tidak menentu dan kelemahan kawalan trafik.

- c. Terdapat juga kes-kes di mana jemaah haji menghadapi masalah untuk sampai ke Mina. Ini disebabkan pemandu tidak berpengalaman dan tiada pegawai Muassasah untuk menunjuk arah. Akibatnya jemaah haji sesat dan lambat sampai ke khemah-khemah di Mina. Begitu juga ada kes jemaah haji yang ditinggalkan di Muzdalifah dan mereka terpaksa menyewa bas lain dengan perbelanjaan sendiri untuk sampai ke Mina.
- d. Bagi pengangkutan dari khemah di Muhassir ke tempat melontar di Mina, pihak Muassasah telah gagal menyediakan kenderaan kepada jemaah-jemaah haji untuk pergi melontar yang mana jarak khemah dengan tempat melontar melebihi 10 kilometer pergi dan balik. Keadaan ini menyulitkan jemaah haji yang berumur 50 tahun ke atas terutamanya mereka yang uzur untuk pergi berulang alik berjalan kaki ke tempat melontar bagi tempoh 3 hingga 4 hari. Sebahagian mereka terpaksa menaiki kenderaan awam seperti bas atau teksi dengan tambang SR10 hingga SR15 seorang bagi satu perjalanan.

- e. Berdasarkan perjanjian antara pihak Muassasah dengan LTH, pihak Muassasah dikehendaki menyediakan pengangkutan yang sesuai dan berhawa dingin untuk mengangkut jemaah haji dari Makkah ke Arafah dan ke Mina. Bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana kenderaan tersebut tidak disediakan, sebaliknya diberikan bas yang tidak selesa seperti bas sekolah digunakan untuk mengangkut jemaah haji.
- f. Setiap tahun masalah jemaah haji sesat tidak dapat dielakkan. Dengan itu LTH telah mewujudkan unit peronda di Tanah Suci bagi membantu mereka. Adalah diperhatikan unit ini tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan kerana kekurangan kenderaan. Oleh itu, kenderaan seperti kereta/ van atau sekurang-kurangnya motosikal perlulah ditambah untuk membawa mereka yang sesat pulang.

33.4.2.4. Sajian Makanan

- a. Bagi musim haji 1421H, 17 kontraktor tempatan telah dilantik untuk menyediakan makanan kepada jemaah haji iaitu 4 di Madinah dan 13 di Mekah. Mereka membekalkan makanan berbungkus bagi makan tengah hari dan makan malam.
- b. Kajian menunjukkan kualiti sajian makanan di Makkah dan Madinah bertambah baik berbanding tahun 1420H manakala kualiti sajian merosot di Mina dan Arafah pada tahun 1421H. Secara keseluruhannya jemaah haji berpuashati terhadap sajian makanan yang disediakan oleh LTH.
- c. Pemeriksaan Audit mendapati sajian makanan kepada jemaah adalah berkualiti di mana menu dipelbagaikan dengan menyediakan makanan dari beberapa jenis ikan yang baik dan segar. Lawatan Audit ke dapur-dapur di Madinah dan di Makkah

mendapati kebersihan penyediaan makanan dan tempat adalah baik. Pemeriksaan secara berkala dijalankan oleh pihak LTH terhadap dapur-dapur penyediaan makanan dan terdapat juga pengawasan oleh pihak berkuasa kesihatan Kerajaan Arab Saudi dan juga Malaysia. Bahan-bahan masakan seperti beras, sayur-sayuran, ikan, daging, ayam dan rempah ratus disimpan dengan teratur di stor dan peti sejuk yang disediakan. Makanan tersebut dimasak oleh tukang masak yang berpengalaman khusus dibawa dari Malaysia dan dibantu oleh pekerja yang dilantik oleh syarikat berkenaan. Mereka sentiasa berpakaian sesuai semasa menjalankan tugas-tugas penyediaan makanan.

GAMBAR 69



Penyediaan Makanan Di Salah Satu Dapur Di Tanah Suci

33.4.2.5. Khidmat Kesihatan

- a. Seramai 222 orang dari pegawai/kakitangan perubatan telah menganggotai rombongan perubatan Malaysia dalam musim haji 1421H. Selain daripada itu, LTH juga mengambil seramai

65 orang petugas tempatan untuk membantu dalam urusan perubatan. Statistik petugas perubatan bagi tempoh 3 musim haji berbanding dengan bilangan jemaah haji adalah seperti berikut :-

JADUAL 51
NISBAH ANTARA BILANGAN JEMAAH
DENGAN PETUGAS PERUBATAN

MUSIM HAJI	PETUGAS PERUBATAN		JUMLAH PETUGAS PERUBATAN	JUMLAH JEMAAH HAJI	NISBAH
	LTH/ MALAYSIA	AMBILAN TEMPATAN			
1419H	209	47	256	34,920	1:136
1420H	210	37	267	39,394	1:147
1421H	222	65	287	44,282	1:154

- b. Secara keseluruhannya perkhidmatan perubatan yang diberikan adalah memuaskan walaupun nisbah petugas perubatan berbanding dengan jemaah haji semakin berkurangan bagi musim haji 1421H. Berdasarkan maklum balas yang diterima pada umumnya jemaah haji telah berpuashati dengan perkhidmatan perubatan yang telah disediakan oleh LTH. Bagaimanapun, terdapat juga aduan daripada jemaah haji di mana ada pegawai perubatan yang bertugas enggan menerima jemaah haji untuk mendapatkan rawatan kerana jemaah tersebut bukan daripada maktab di bawah kawalannya. Bagi kes-kes pesakit yang dirujuk kepada Hospital Kerajaan Arab Saudi, waris-waris pesakit lewat menerima maklumat/mengetahui keadaan pesakit tersebut. Ini bermakna maklumat daripada Hospital Kerajaan Arab Saudi lewat disalurkan kepada maktab-maktab di mana waris tersebut berada. Kes seperti ini memerlukan tindakan segera memandangkan kes pesakit yang dirujuk untuk menerima

rawatan lanjut di Hospital Kerajaan Arab Saudi adalah kes-kes yang serius.

33.4.2.6. Kewangan

- a. Pada dasarnya LTH tidak bermotif keuntungan daripada perkhidmatan haji malahan sebaliknya melaksanakan tanggungjawabnya untuk membantu umat Islam dalam mengerjakan fardu haji. Perbelanjaan haji bagi tempoh 2 musim iaitu 1420H dan 1421H adalah RM8,585 bagi setiap jemaah haji. Perbelanjaan ini adalah untuk membiayai tambang, rumah kediaman, pengangkutan, makan dan lain-lain caj yang dikenakan oleh Muassasah. Selain itu, LTH juga menanggung kos-kos lain seperti bayaran elaun petugas, tambang petugas, perubatan dan alat-alat perubatan. Kos yang terlibat bagi tahun 1420H berjumlah RM35.98 juta dan RM47.37 juta (anggaran) bagi tahun 1421H.
- b. Perkhidmatan pengeluaran wang di Tanah Suci disediakan untuk kemudahan dan keselamatan jemaah haji semasa menunaikan fardhu haji. Jumlah pengeluaran bagi musim haji 1421H ialah RM75.92 juta berbanding RM57.35 juta pada 1420H.
- c. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada jemaah haji mendapati 94% daripada mereka berpuas hati dengan mutu perkhidmatan kaunter yang disediakan oleh LTH. Bagaimanapun, jemaah haji mengesyorkan LTH memperbaiki urusan kaunternya dengan menambah bilangannya, menyediakan lain-lain perkhidmatan seperti perkhidmatan menyimpan Ringgit Malaysia dan menukarkan Ringgit Malaysia kepada Riyal Arab Saudi.

33.4.2.7. Khidmat Petugas

- a. Petugas LTH bertanggungjawab untuk membantu jemaah haji apabila menghadapi masalah atau memerlukan bantuan. Bilangan petugas kebajikan yang dihantar pada tahun 1421H seramai 333 orang berbanding 340 orang pada tahun 1420H dan 344 orang pada 1419H. Analisis Audit menunjukkan bilangan petugas berkurangan berbanding dengan bilangan jemaah haji yang semakin bertambah bagi musim haji 1421H. LTH menghadapi masalah untuk menghantar petugas kebajikan yang ramai disebabkan kuota petugas haji yang dihadkan oleh Kementerian Haji Kerajaan Arab Saudi. Bagi menampung kekurangan petugas, LTH telah mengambil petugas ambilan tempatan (Pemastautin Tetap). Petugas-petugas ini ditempatkan di Madinah, Makkah, Arafah dan Mina mengikut pergerakan jemaah haji. Nisbah petugas kebajikan berbanding dengan bilangan jemaah haji adalah seperti berikut :-

JADUAL 52
NISBAH PETUGAS KEBAJIKAN BERBANDING DENGAN BILANGAN
JEMAAH HAJI

MUSIM HAJI	PETUGAS KEBAJIKAN		JUMLAH PETUGAS KEBAJIKAN	JUMLAH JEMAAH HAJI	NISBAH
	LTH/ MALAYSIA	AMBILAN TEMPATAN			
1419H	344	85	429	34,920	1:81
1420H	340	108	448	39,394	1:87
1421H	333	111	444	44,282	1:99

- b. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, terdapat jemaah haji yang kurang berpuashati dengan perkhidmatan petugas-petugas haji. Antaranya petugas kurang berpengetahuan, tidak mesra, tidak bersedia membantu jemaah haji apabila diminta bantuan, mengelak diri dari jemaah haji dan lain-lain. Mereka mencadangkan petugas-

petugas lebih bertanggungjawab dan berdedikasi semasa bertugas. Petugas-petugas juga perlu mahir tentang kedudukan jalan dan bangunan di Makkah dan di Madinah serta boleh berbahasa Arab.

- c. Adalah diperhatikan guru-guru agama telah menjalankan tugas dengan baik dengan memberi ceramah agama dan tunjuk ajar mengenai ibadah haji. Bagaimanapun mutawif-mutawif (petugas Muassasah) tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Mereka tidak memberikan bimbingan yang sepatutnya kepada jemaah haji yang menyertai rombongannya

Pada umumnya, perkhidmatan yang diberi oleh LTH kepada jemaah haji adalah memuaskan. Bagaimanapun, kualiti perkhidmatan oleh Muassasah yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan tempat tinggal dan pengangkutan semasa di Tanah Suci serta penyediaan makanan di Arafah dan di Mina perlu ditingkatkan.

33.4.3. Pemantauan

- a. Semasa di Tanah Suci pihak pengurusan atasan LTH telah membuat tinjauan ke tempat-tempat penginapan jemaah haji dan mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai LTH yang bertugas sebagai Pengurus-pengurus Maktab serta Pengarah-pengarah Operasi. Pihak LTH juga memantau perkhidmatan yang diberikan oleh Muassasah dan mengambil tindakan dengan memberi teguran atas kelemahan pengurusan Muassasah kepada pihak berkuasa.
- b. Setiap tahun, selepas selesai operasi haji, LTH akan mengkaji laporan daripada pengurus-pengurus zon dan maktab, pengarah operasi di Makkah, Madinah, Arafah dan Mina serta ketua rombongan perubatan melalui bengkel penilaian operasi haji (*post*

mortem) serta muzakarah. LTH juga menganjurkan Majlis Silaturahmi bersama jemaah haji di setiap negeri dan daerah. Di dalam majlis ini para jemaah haji dijemput untuk berbincang dan mengemukakan pendapat masing-masing mengenai perkhidmatan pengurusan haji oleh LTH. Tujuannya adalah bagi menilai dan mengkaji keberkesanan perkhidmatan haji dari segi pengangkutan, penempatan, bimbingan dan sajian makanan sama ada di tanah air atau di Tanah Suci dengan mengambilkira cadangan-cadangan daripada semua pihak termasuk jemaah haji.

33.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, LTH telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada jemaah haji daripada peringkat persediaan sehinggalah mereka menyempurnakan ibadah haji. Bagaimanapun, bagi urusan yang melibatkan pihak Muassasah terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya berkaitan dengan penempatan dan pengangkutan. Bagi melicinkan lagi pengurusan haji adalah disyorkan LTH memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

3.3.5.1. LTH perlu menetapkan bilangan maksimum jemaah haji yang mampu dikendalikannya setiap tahun.

3.3.5.2. LTH perlu mendapatkan kerjasama dengan pihak Kerajaan Arab Saudi agar setiap tahun kuota tambahan dapat diketahui lebih awal bagi membolehkan LTH merancang keperluan-keperluan jemaah dengan lebih baik.

3.3.5.3. LTH perlu memantau perkhidmatan yang diberikan oleh Muassasah dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka sekiranya gagal mematuhi syarat perjanjian.

YAYASAN PELAJARAN MARA

34. PENGURUSAN TANAH YANG TIDAK DIBANGUNKAN

34.1. LATAR BELAKANG

34.1.1. Yayasan Pelajaran MARA (YPM) ialah sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 25 Akta Majlis Amanah Rakyat (MARA) 1966 melalui Perintah MARA (YPM) 1969 yang berkuatkuasa pada 1 November 1968. Objektif utama YPM adalah :-

- Mengadakan kemudahan pelajaran dan latihan bagi Bumiputera.
- Menggalakkan pelajaran dan latihan Bumiputera.
- Menubuh dan mengadakan biasiswa, pinjaman, pemberian dan lain-lain bantuan wang kepada Bumiputera bagi maksud membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.

34.1.2. Mengikut akaun YPM tahun 2000, jumlah pendapatan dan perbelanjaan adalah RM43.65 juta dan RM49.15 juta masing-masingnya. YPM mengalami kerugian tahun semasa sejumlah RM5.50 juta manakala kerugian terkumpul pada 31 Disember 2000 ialah RM13.85 juta.

34.1.3. Pada akhir tahun 2000, jumlah nilai buku bersih harta YPM ialah RM41.32 juta, yang mana tanah milik bebas dan tanah pegangan pajak masing-masing bernilai RM0.34 juta dan RM3.33 juta.

34.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat pengurusan yang teratur terhadap tanah-tanah yang tidak dibangunkan. Pengurusan merangkumi perancangan, penggunaan, penjagaan dan pengawalan tanah serta penyelenggaraan rekod tanah yang berkaitan.

34.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian Audit ini meliputi pengurusan terhadap 7 lot tanah yang tidak dibangunkan. Ini melibatkan 4 lot tanah milik bebas dan 3 lot tanah pegangan pajak di 4 lokasi. Butir-butirnya adalah seperti di **Jadual 53**. Selain daripada menyemak rekod tanah yang diselenggarakan di YPM dan Pejabat Tanah Daerah, perbincangan dengan pegawai-pegawai dari kedua-dua agensi itu serta lawatan ke tanah-tanah tersebut telah dibuat. Anggaran nilai pasaran tanah-tanah ini juga diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Harta.

JADUAL 53
TANAH-TANAH YANG TIDAK DIBANGUNKAN

LOKASI / NO. LOT	NILAI PASARAN PADA 31 DISEMBER 2000 (RM Juta)
Taman Bukit Ampang, Selangor (Lot 11178, Lot 11110, Lot 11224 & Lot 11219)	0.40
Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, Perak (P.T. 64849)	1.53
Daerah Bentong, Pahang (P.T. 11986)	2.53
Sekayu, Mukim Hulu Berang, Terengganu (P.T.4914)	0.04
JUMLAH	4.50

34.4. PENEMUAN AUDIT

34.4.1. Perancangan

34.4.1.1. Tanah-tanah diperolehi bertujuan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut perancangan sesebuah agensi. Sehubungan ini, peruntukan kewangan yang mencukupi perlu disediakan bagi projek-projek ini.

34.4.1.2. Semakan Audit mendapati YPM tidak menyediakan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang terhadap penggunaan dan pembangunan tanah-tanah ini. Peruntukan kewangan tidak disediakan untuk projek-projek pembangunan di atas tanah-tanah ini. Tanah-tanah ini terbiar dan tidak dibangunkan untuk tempoh yang lama iaitu antara 6 hingga 14 tahun.

34.4.2. Pelaksanaan

Syarat penggunaan tanah telah ditetapkan dalam Suratan Hak Milik Tanah. Semakan Audit mendapati tanah-tanah YPM tidak dibangunkan mengikut syarat-syarat penggunaan tanah yang ditetapkan seperti mana diterangkan di bawah :-

34.4.2.1. Taman Bukit Ampang, Selangor

Tanah di Taman Bukit Ampang, Selangor diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tujuan membina rumah kediaman. Pada akhir tahun 1970, YPM melalui syarikat subsidiarinya telah mengusahakan projek perumahan dengan memecah lot tanah ini. Hasil daripada pemecahan lot tanah ini, terdapat baki 4 lot tanah yang mana tidak sesuai untuk membina rumah dan tidak dapat dijual kerana saiz lot tanah terlalu kecil iaitu antara 109m² hingga 641m². Ini bertentangan dengan tujuan asal YPM menceburi bidang pembinaan untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai kos operasinya. YPM perlu membuat perancangan untuk melaksanakan aktiviti ke atas tanah-tanah ini.

34.4.2.2. Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, Perak dan Daerah Bentong, Pahang

Kedua-dua lot tanah ini (34,000 m² dan 101,171 m²) telah diberi oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1986 dan 1993 masing-masing untuk mendirikan pusat latihan. Mengikut Syarat Nyata dalam Suratan Hak Milik Tanah, YPM dikehendaki membina pusat-pusat latihan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh milikan. Sehingga tarikh laporan ini, pusat-pusat latihan masih belum dibina. YPM bercadang menjual kedua-dua lot tanah ini kepada MARA. Pembinaan pusat-pusat latihan ini tidak dapat dilaksanakan kerana :-

- a. Sumber kewangan YPM terhad yang mana YPM tidak memperolehi geran pembangunan dari MARA ataupun Kementerian Pembangunan Usahawan untuk projek pembangunan.

- b. YPM juga menghadapi masalah kewangan untuk membayar pampasan atau menyediakan tempat tinggal baru kepada setinggan-setinggan yang mendirikan rumah-rumah di atas tanah di Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, Perak.
- c. Pembangunan pusat latihan di atas tanah di Janda Baik, Daerah Bentong, Pahang akan menelan perbelanjaan yang tinggi kerana permukaan bumi yang bercerun dan berbukit bukau serta terletak jauh di kawasan pedalaman.

34.4.2.3. Pusat Pembangunan Kualiti, Sekayu, Hulu Terengganu

Pusat Pembangunan Kualiti (PPQ) telah dibangunkan atas tanah seluas 25,899m² kepunyaan MARA pada tahun 1992. PPQ dibina untuk mengendalikan program latihan anjuran Institut Profesional dan Pendidikan Berterusan. Pembangunan ini adalah hasil daripada usahasama MARA dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Pada tahun 1994, Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi sebidang tanah lain seluas 20,230m² kepada YPM untuk tujuan membesarkan pusat latihan ini. Kerajaan Negeri mensyaratkan pusat latihan ini dibina mengikut pelan yang diluluskan oleh Pegawai Daerah Hulu Terengganu dalam tempoh 2 tahun dari tarikh milikan atau dalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah daerah Hulu Terengganu. Setakat ini, bangunan tersebut masih belum dibina dan tanah terbiar dipenuhi semak samun. YPM tidak membuat perancangan untuk membina pusat latihan ini kerana sumber kewangannya yang terhad. Tindakan juga tidak diambil untuk mendapatkan kelulusan daripada Pentadbir Tanah Daerah Hulu Terengganu bagi lanjutan masa pembinaan pusat ini. **Gambar 70** menunjukkan PPQ yang dibina atas tanah MARA, manakala **Gambar 74** menunjukkan tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri Terengganu yang masih belum dibangunkan.



GAMBAR 70
Bangunan Pusat Pembangunan Kualiti

Tapak : P.T. 2289
Lokasi : Sekayu, Mukim Hulu Berang, Terengganu
 :
Luas : 25,899 m²

34.4.3. Pemantauan

34.4.3.1. Struktur Pemantauan Harta

- a. Bahagian Pentadbiran adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan harta YPM. Pada tahun 1973 YPM telah melantik syarikat subsidiarinya untuk membantu Bahagian Pentadbiran mengurus semua aktiviti berkaitan dengan harta YPM. Mulai tahun itu, YPM menyerahkan semua tanggungjawab menjaga dan mengawal harta kepada syarikat subsidiarinya tetapi tidak memantau kerja-kerja pengurusan harta berkenaan. Laporan bulanan pengurusan harta tidak dikemukakan seperti mana yang dipersetujui. Pegawai pemverifikasi juga tidak dilantik untuk membuat pemeriksaan fizikal terhadap harta tersebut dari semasa ke semasa. Ini menyebabkan rekod harta YPM tidak lengkap dan tidak kemas kini.
- b. Pada bulan Februari 1999, Lembaga Pengarah YPM telah bersetuju menamatkan perkhidmatan syarikat subsidiari itu pada Mei 1999 berikutan kegagalannya melaksanakan tugas dengan cekap. Mulai Mei 1999, Bahagian Pengurusan Harta dan Pelaburan ditubuhkan untuk mengurus harta-harta YPM. Semasa pengambilalihan tugas tersebut, YPM tidak memastikan syarikat subsidiari itu menyediakan nota penyerahan tugas yang lengkap mengenai kedudukan tanah yang terkini sebelum penamatan

kontrak. Ini menyukarkan tindakan susulan pemantauan harta oleh YPM. Pada April 2001, struktur organisasi YPM disusun semula di mana 2 unit, iaitu Unit Hartanah dan Unit Harta, diwujudkan di bawah Bahagian Pentadbiran untuk mengurus hartanya. Pada masa ini, kedua-dua unit ini sedang berusaha mengemaskinikan rekod harta berkenaan.

34.4.3.2. Penjagaan dan Pengawalan Tanah

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987, sekiranya projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan dengan segera, maka pemilik tanah bertanggungjawab menjaga dan menguruskan tanah dengan baik. Pekeliling ini menetapkan garis panduan mengenai pengurusan dan penjagaan tanah yang belum dibangunkan, terutamanya bagi mengelakkan tanah-tanah daripada dicerobohi. Tanah-tanah yang boleh mendatangkan hasil hendaklah disewa/dipajakkan.
- b. Semakan Audit mendapati 7 lot yang dilawati tiada papan tanda pemilikan YPM. Adalah didapati juga 6 lot daripadanya tidak mempunyai tanda sempadan. YPM tidak menjalankan kajian bagi mengenal pasti sama ada tanah-tanah yang masih belum dibangunkan itu boleh mendatangkan hasil seperti menyewa atau memajakkannya kepada pihak-pihak berkenaan.
- c. Kelemahan-kelemahan dalam pengurusan tanah telah mengakibatkan perkara-perkara berikut :-
 - i. Ketujuh-tujuh lot tanah tersebut terbiar dan dipenuhi semak-samun dan 3 lot daripadanya dicerobohi di mana terdapat bangunan usang serta rumah-rumah setinggan yang terbiar atau sedang diduduki. Sumber kewangannya yang terhad menyebabkan YPM tidak mempunyai peruntukan untuk menjaga tanah seperti memagar dan membersihkannya daripada semak samun. Keadaan tanah-tanah yang terbiar ditunjukkan dalam **Gambar 71 hingga Gambar 74.**



GAMBAR 71

Tapak : Lot 11224
Lokasi : Taman Bukit Ampang, Selangor
Luas : 262m²
Keadaan Tapak : Tanah bercerun dan dipenuhi dengan semak samun, tidak berpagar dan tiada papan tanda.



GAMBAR 72

Tapak : P.T. 64849
Lokasi : Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, Perak
Luas : 34,000m²
Keadaan Tapak : Rumah setinggan yang terbiar atau sedang diduduki akibat daripada kawasan tidak berpagar dan tiada papan tanda.



GAMBAR 73

Tapak : P.T. 11986
Lokasi : Daerah Bentong, Pahang
Luas : 101,171m²
Keadaan Tapak : Tanah berbukit yang terbiar dan dicerobohi oleh pemilik ternakan. Sebahagian daripada kawasan dipagar oleh penternak itu. Tiada papan tanda.



GAMBAR 74

<i>Tapak</i>	: <i>P.T. 4914</i>
<i>Lokasi</i>	: <i>Sekayu, Mukim Hulu Berang, Terengganu</i>
<i>Luas</i>	: <i>20,230m²</i>
<i>Keadaan Tapak</i>	: <i>Tanah terbiar dipenuhi semak samun. Kawasan tidak berpagar dan tiada papan tanda.</i>

- ii. YPM dianggar kehilangan hasil sewa berjumlah RM102,960 setahun daripada 6 lot tanah malahan perlu membayar cukai tanah berjumlah RM20,641 setiap tahun.

34.4.3.3. Penyelenggaraan Rekod Tanah

- a. Penyelenggaraan rekod tanah yang lengkap dan kemas kini adalah penting dalam menentukan pengurusan tanah yang baik. Tugas-tugas menjaga, mengawal dan memantau dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan sempurna sekiranya rekod-rekod mengenainya sentiasa lengkap dan kemas kini.
- b. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan maklumat terkini mengenai tanah adalah kurang memuaskan seperti mana diterangkan di bawah :-
 - Maklumat tanah yang disimpan oleh Bahagian Pentadbiran berbeza dengan rekod yang diselenggarakan oleh Bahagian Kewangan. Kos 4 lot tanah di Taman Bukit Ampang dan nilai 6 lot tanah di Jalan Dewan Sulaiman 1, Kuala Lumpur hanya diambil kira dalam akaun tahun 2000. Tanah-tanah ini telah didaftarkan atas nama YPM sejak tahun 1986 dan 1991.

- Rekod Bahagian Kewangan menunjukkan YPM memiliki bangunan di Pusat Pembangunan Kualiti, Terengganu. Bagaimanapun, tiada sebarang maklumat mengenai bangunan ini dalam rekod Bahagian Pentadbiran.
- Kedudukan hak milik YPM atas tanah lot 11219 (Taman Bukit Ampang) tidak dapat dipastikan kerana terdapat sebuah rumah teres 2 tingkat yang sudah usang di atas tanah ini. Tiada sebarang rekod menunjukkan bangunan ini kepunyaan YPM. Kedudukan hak milik bangunan masih belum diselesaikan.
- Rekod YPM tidak sepatutnya menunjukkan YPM memiliki tanah lot 11080 (Taman Bukit Ampang). Ini adalah kerana sebuah rumah pam air telah didirikan di atas tanah ini untuk kegunaan penduduk di taman perumahan. Pengurusan bangunan ini patut diserahkan kepada Jabatan Bekalan Air, Selangor manakala tanah ini diserahkan kepada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat supaya YPM tidak perlu membayar cukai tanah tahunan sejumlah RM1,091.
- Rekod bayaran cukai tanah tahunan juga tidak kemas kini mengakibatkan cukai tanah tahun 1999 berjumlah RM14,612 lebih dibayar dan denda lewat bayar cukai tanah bagi tahun 1998 dan 1999 sejumlah RM1,036 dikenakan.

34.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Sungguhpun objektif utama YPM adalah menggalakkan pembelajaran dan latihan di kalangan Bumiputera dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang berkaitan, namun pihak YPM tidak mengambil berat terhadap pembangunan dan pengurusan tanah-tanahnya yang belum dibangunkan bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut. Sehubungan itu, adalah disyorkan perkara-perkara berikut diberi pertimbangan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang diterangkan di atas :-

34.5.1. YPM hendaklah mengambil tindakan segera bagi mengenal pasti keperluan penggunaan tanah-tanah yang tidak dibangunkan dan merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk penggunaannya.

34.5.2. Tanah-tanah yang tidak diperlukan kerana tidak sesuai atau tidak strategik untuk dibangunkan hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah, Majlis MARA dan seterusnya Kementerian Pembangunan Usahawan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil sama ada menjual atau mengembalikannya kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

34.5.3. Bagi tanah-tanah yang sememangnya diperolehi untuk tapak bangunan, YPM perlu mendapat peruntukan kewangan yang mencukupi daripada MARA dan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk meneruskan pembangunan ataupun menyelenggara tanah-tanah itu.

34.5.4. Sistem pemantauan terhadap tanah-tanah perlu diperkembangkan. Satu mekanisme perlu diwujudkan bagi mengenal pasti potensi tanah-tanah yang tidak dibangunkan yang boleh mendatangkan hasil. Sekiranya dijangkakan pembangunan masih belum dapat dilaksanakan untuk tempoh yang lama, tanah-tanah itu seharusnya disewa atau dipajakan. Penyewaan atau pemajakan tanah merupakan salah satu strategi yang paling berkesan untuk menjaga dan mengawal tanah di samping mendatangkan hasil.

34.5.5. Pegawai penyelia yang dilantik untuk mengurus hartanah perlu menjaga dan mengawal tanah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan ataupun Lembaga Pengarah. Pegawai-pegawai pemverifikasi harta perlu dilantik untuk membuat pemeriksaan fizikal harta termasuk tanah dari semasa ke semasa.

34.5.6. Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Kewangan, YPM hendaklah sentiasa bekerjasama untuk memastikan maklumat tanah yang ditunjukkan dalam rekod mereka adalah sama. Sebarang perbezaan yang wujud perlu disesuaikan dengan segera bagi memberi gambaran kedudukan tanah yang betul setiap masa.

BAHAGIAN V
KEDUDUKAN MASA KINI
PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI
TAHUN-TAHUN LALU

35. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini di bawah tajuk-tajuk berikut:-

- Kedudukan Masa Kini Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 1999 adalah berkaitan dengan 4 perkara utama iaitu :-
 - Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 1999
 - Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan
 - Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Kerajaan
 - Pengurusan Akaun Badan-Badan Berkanun Persekutuan.
- Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Sebelum Tahun 1999 Yang Masih Belum Selesai.

36. PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 1999

36.1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 1999

36.1.1. Pengesahan Penyata Akaun Awam

Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 1999 pada 1 Mac 2000. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan, Jabatan Audit Negara telah

membuat beberapa teguran berhubung dengan penyata tersebut. Bagaimanapun, oleh kerana isu-isu yang diperhatikan adalah kurang material, ia hanya dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara melalui Surat-surat Pengurusan. Selain daripada apa yang telah dibangkitkan itu, pada umumnya penyata tersebut telah disediakan dengan teratur dan menggambarkan kedudukan yang bersamaan dengan rekod-rekod perakaunan yang disimpan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengambil tindakan pembetulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara melalui Surat-surat Pengurusan.

36.1.2. Pinjaman Yang Dikeluarkan Oleh Kerajaan Persekutuan

Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerajaan dan pelbagai agensi telah meningkat daripada RM4,366.24 juta pada akhir tahun 1998 menjadi RM4,385.02 juta pada akhir tahun 1999. Sejumlah RM1,859.17 juta (42.4%) daripada jumlah tunggakan pada akhir tahun 1999 adalah melibatkan Badan-badan Berkanun manakala RM1,297.17 juta (29.6%) melibatkan Syarikat-syarikat Kerajaan.

Kedudukan Masa Kini

Pada tahun 2000, pihak Perbendaharaan Malaysia telah mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan tunggakan bayaran balik pinjaman antaranya ialah membuat pemotongan daripada geran kepada Kerajaan-kerajaan Negeri; menghapuskirakan tunggakan bayaran balik pinjaman yang telah lama berlarutan; menukarkan pinjaman kepada ekuiti dan menjadualkan semula bayaran balik pinjaman. Namun, tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2000 masih berada pada tahap yang tinggi iaitu berjumlah RM5,038.06 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1,882.57 juta adalah tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun, diikuti pula oleh Syarikat Kerajaan dengan tunggakan berjumlah RM1,821.01 juta dan sejumlah RM971.19 juta bagi Kerajaan Negeri.

36.1.3. Jaminan Yang Diberi oleh Kerajaan Persekutuan

Pada akhir tahun 1999, jumlah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Syarikat Milik Kerajaan ialah RM48,082.25 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM46,041.95 juta (95.8%) merupakan jaminan yang diberi ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh 8 syarikat.

Kedudukan Masa Kini

- a. Pada akhir tahun 2000, jumlah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Syarikat Milik Kerajaan ialah RM50,110.37 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM47,358.87 juta (94.5%) merupakan jaminan yang diberi ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh 8 syarikat.
- b. Adalah didapati sebuah syarikat yang mendapat pinjaman atas jaminan dari Kerajaan Persekutuan tidak membayar balik pinjamannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Jumlah tunggakan bayaran balik pinjamannya ialah RM36.11 juta pada 31 Disember 2000. Jika ini dibiarkan berlarutan, ia boleh mendedahkan Kerajaan kepada risiko menanggung liabiliti itu.
- c. Pada tahun 2000, salah sebuah syarikat Kerajaan telah menjelaskan bayaran balik pinjamannya berjumlah RM1,178.26 juta melalui geran yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

36.2. Prestasi Pengurusan Kewangan

Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; Jabatan Muzium dan Antikuiti serta Parlimen untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan tersebut dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati beberapa kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan itu. Antara isu yang telah dibangkitkan ialah kelemahan dalam kawalan perbelanjaan, pengurusan hasil dan penyelenggaraan rekod-rekod kewangan. Selain daripada itu, pengauditan

juga dijalankan di Bahagian Pinjaman Perumahan dan mendapati 79 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman perumahan berjumlah RM1.52 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tunggakan bayaran balik pinjaman keseluruhannya kerana penyata tunggakan mengenainya tidak disediakan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan.

Kedudukan Masa Kini

- a. Kementerian/Jabatan berkenaan telah mengambil tindakan-tindakan memperbaiki kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Masalah-masalah berhubung dengan pengurusan kewangan telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang diadakan oleh Kementerian/Jabatan berkenaan pada setiap suku tahun.
- b. Setakat bulan April 2001, sejumlah RM0.62 juta telah dipungut balik daripada 51 peminjam dan baki RM0.37 juta yang masih terhutang akan diselesaikan melalui potongan gaji/pencen mereka secara automatik. Bagi 28 peminjam lain yang masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.53 juta, Bahagian Pinjaman Perumahan telah mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam-peminjam berkenaan. Tunggakan bayaran balik pinjaman keseluruhannya masih tidak dapat disahkan kerana laporan-laporan tunggakan yang disediakan dan dikemukakan untuk pengauditan tidak lengkap kerana ianya tidak meliputi kesemua peminjam yang gagal membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual. Bagaimanapun, mengikut laporan setakat bulan Disember 2000, tunggakan yang terhutang oleh 2,256 peminjam adalah berjumlah RM49.84 juta.

36.3. Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Kerajaan

36.3.1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia - Operasi Memadam Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak dapat memberi perkhidmatan memadam kebakaran dengan cepat dan berkesan kerana kekurangan balai bomba, jentera, kenderaan dan peralatan.

Masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan pili bomba dan premis serta kekurangan maklumat tentang persekitaran telah menghalang Jabatan Bomba meningkatkan tahap kesediaan menghadapi kebakaran.

Kedudukan Masa Kini

Bagi menangani masalah-masalah yang boleh menjejaskan keberkesanan operasinya, Jabatan Bomba telah mengambil tindakan-tindakan yang berikut :-

- a. Memohon peruntukan berjumlah RM1,380.09 juta di bawah RMK8 bagi membina 128 balai bomba dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh Jabatan itu seperti jentera, peralatan memadam kebakaran, alat-alat perhubungan dan pili-pili bomba. Bagi tahun 2001, peruntukan berjumlah RM12.30 juta telah disediakan untuk membeli *walkie-talkie* dan peralatan komunikasi lain.
- b. Meningkatkan pengurusan penyelenggaraan peralatan kebombaanan dan juga bekalan air. Pada tahun 2000, Jabatan telah memperuntukkan sejumlah RM400,000 bagi tujuan penyelenggaraan dan pemasangan pili bomba baru.
- c. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk mencegah daripada berlaku kebakaran seperti membuat pemeriksaan di premis dengan lebih teratur dan sistematik. Bagi tujuan ini, Jabatan telah mengambil langkah berikut :-
 - i. Semua jawatan dalam perkhidmatan kebombaanan telah diisi sepenuhnya.
 - ii. Arahan dan panduan yang lengkap berhubung dengan pemeriksaan pili bomba dan premis telah disediakan.
 - iii. Mengadakan beberapa siri kursus di Akademi Bomba dan Penyelamat seperti Kursus Penghapusan Bahaya Kebakaran, Kursus Penyiasatan, Kursus Pendakwaan dan Kursus Mengkompaun Kesalahan.

- iv. Mengadakan naziran di pejabat-pejabat Bomba bagi memastikan pemeriksaan premis dijalankan dengan teratur.

36.3.2. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

- **Program Pembangunan Pelancongan**

Bagi tempoh 1996 hingga 1999, Kerajaan telah membelanjakan RM343.38 juta bagi melaksanakan Program Pembangunan Pelancongan. Bagi membolehkan program ini mencapai matlamat pelaksanaannya dengan lebih berkesan, Kementerian perlu memberikan perhatian kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit seperti strategi promosi pelancongan disediakan secara tidak bersepadu; kemudahan udara yang terhad; syarat-syarat visa yang ketat; produk pelancongan tidak berkualiti; laporan aktiviti promosi lewat dikeluarkan; kurang pemantauan terhadap prestasi aktiviti promosi; dan perbelanjaan bagi aktiviti promosi termasuk pengiklanan tidak mencukupi. Beberapa orang pegawai yang ditempatkan di pejabat-pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) tidak mempunyai kemahiran dari segi pemasaran dan penguasaan bahasa asing.

Kedudukan Masa Kini

- a. Produk-produk pelancongan masih belum mencapai tahap kualiti yang disasarkan dari segi penyelenggaraan, kemudahan, papan tanda, kemudahan dan juga daya tarikannya sungguhpun masalah-masalah ini sering kali dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Penggalakan Pelancongan Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.B Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- b. Bagi menarik lebih ramai pelancong dari Negara China, kerajaan telah melonggarkan peraturan perjalanan bagi warganegara Republik Rakyat China melalui pengeluaran Visa Tanpa Rujukan secara individu kepada mereka yang ingin melancong ke negara ini mulai dari bulan Mac 2001.

- c. Bagi menarik lebih banyak Syarikat Penerbangan Luar Negara ke *Kuala Lumpur International Airport (KLIA)*, Kerajaan telah mengumumkan bahawa mulai dari Mei 2001, Syarikat-syarikat Penerbangan Luar Negara yang mengendalikan operasi penerbangan ke KLIA bagi kali yang pertama serta Syarikat-syarikat Penerbangan Luar Negara yang sedia ada yang menambahkan penerbangan ke KLIA atau memperkenalkan penerbangan ke destinasi baru di Malaysia adalah layak untuk pengecualian penuh bayaran mendarat dan persinggahan kapal terbang bagi tempoh 12 bulan dari tarikh mereka mengadakan operasi. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat setiap penerbangan keluar/masuk Malaysia hendaklah mencapai kapasiti tempat duduk minimum sebanyak 25% pada puratanya.
- d. Pada bulan Disember 2000, Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia telah mengadakan satu perbincangan dengan semua Badan Pelancongan Negeri bertujuan menyelaraskan segala aktiviti pemasaran dan promosi pelancongan di peringkat antarabangsa bagi mengelakkan sebarang pertindihan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada satu plan pemasaran dan promosi pelancongan yang bersepadu bagi tahun 2001 telah disediakan oleh mereka hasil daripada mesyuarat itu.
- e. Penyertaan Malaysia dalam *International Tourism Exhibition Berlin 2000* telah dilakukan di bawah satu *United Malaysian Banner and Booth* bertemakan *Rhythms of the Rainforest and Malaysia Truly Asia*.
- f. Peruntukan yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia untuk LPPM bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi pelancongan pada tahun 2001 telah ditambahkan menjadi RM297.83 juta.
- g. Pejabat-pejabat LPPM di luar negara telah diminta untuk membuat pemantauan rapi ke atas setiap aktiviti promosi yang dilaksanakan dan memberi maklum balas berkala kepada Ibu pejabat LPPM melalui borang khas yang ditetapkan bagi tujuan ini.

- h. Program-program latihan telah disediakan dalam bidang pemasaran dan penguasaan bahasa asing untuk pegawai-pegawai LPPM. Antara kursus yang telah diadakan bagi mereka ialah *Professional Selling Skills, Internet Marketing dan Marketing Plan*.

36.3.3. Kementerian Pertahanan

- Pembekalan Pakaian Seragam Angkatan Tentera Malaysia

- a. Anggota Tentera Malaysia diberi kemudahan perkhidmatan untuk mengubah pakaian seragam jika didapati pakaian itu tidak sesuai dengan ukuran badan mereka. Kajian Audit mendapati perbezaan harga yang ketara bagi membuat jenis-jenis kerja perubahan yang sama dan ini menyebabkan kos merubah sepasang pakaian berbeza antara RM0.70 dan RM68.00. Berdasarkan sampel yang dipilih untuk pengauditan, didapati sejumlah RM3.02 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 1997 hingga Jun 1999 untuk kerja-kerja perubahan tersebut dan jumlah perbelanjaan itu mungkin lebih tinggi sekiranya kerja-kerja perubahan pakaian bagi semua pasukan diambil kira.
- b. Kos bagi menjahit sepasang pakaian seragam anggota tentera adalah antara RM21.80 hingga RM26.10. Bagaimanapun, sekiranya kos purata bagi membuat kerja-kerja perubahan pakaian diambil kira, maka kos sebenar untuk menghasilkan sepasang pakaian seragam Angkatan Tentera Malaysia adalah antara RM46.08 hingga RM50.38. Kos ini adalah tinggi berbanding dengan kos sepasang pakaian seragam bagi pasukan Polis Diraja Malaysia yang berharga antara RM25.85 hingga RM29.20. Bagi pasukan polis, perubahan pakaian tidak diperlukan kerana pakaian anggotanya dibuat dengan cara *made to measure*.
- c. Kawalan terhadap bayaran-bayaran yang dibuat kepada kontraktor yang membuat kerja-kerja perubahan juga tidak memuaskan dan keadaan ini boleh membawa kepada berlakunya penyelewengan.

Kedudukan Masa Kini

Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Antara langkah itu adalah :-

- a. Tindakan telah diambil terhadap kontrak-kontrak baru bagi merubah pakaian di mana pindaan telah dibuat terhadap asas perkiraan bayaran kepada kontraktor. Asas perkiraan bayaran dalam kontrak baru ialah berdasarkan kepada merubah sehelai pakaian dan tidak mengikut bilangan kerja yang dibuat pada sehelai pakaian.
- b. Angkatan Tentera Malaysia telah memperbaiki sistem pemantauan terhadap kerja-kerja perubahan pakaian anggotanya. Setiap pasukan tentera telah diminta menyelenggarakan rekod-rekod dengan lengkap berhubung dengan kerja-kerja perubahan pakaian. Pasukan berkenaan telah menempatkan satu pejabat kecil berhampiran dengan premis kontraktor untuk memudahkan kerja-kerja perubahan pakaian diawasi dengan sewajarnya.

36.3.4. Kementerian Kewangan Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri) - Taksiran Cukai Pendapatan Bagi Syarikat-Syarikat Pemaju Perumahan

Pendapatan yang dianggarkan berjumlah RM1,757.81 juta yang diperolehi oleh 37 buah syarikat pemaju perumahan di 4 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih belum diisytiharkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Cukai ke atas pendapatan tersebut dianggarkan berjumlah RM70.30 juta.

Kedudukan Masa Kini

- a. LHDN telah menjalankan siasatan terhadap kes-kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit dan mengambil tindakan susulan terhadap syarikat-syarikat pemaju yang belum mengisytiharkan pendapatan mereka. Sehingga bulan Disember 2000, 12 syarikat pemaju perumahan telahpun melaporkan pendapatan mereka berjumlah RM633.71 juta kepada LHDN.

- b. LHDN belum mendapat maklum balas daripada 25 syarikat pemaju perumahan lain yang masih aktif membangunkan projek-projek mereka. Pendapatan syarikat-syarikat berkenaan adalah dianggarkan berjumlah RM1,124.11 juta.

36.3.5. Kementerian Kesihatan

- Projek Pembangunan Semula Hospital

- a. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Program Membangun Semula Hospital mulai tahun 1994. Melalui projek ini, kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada telah dinaikkan taraf dengan membesarkan bangunan, menggunakan peralatan moden dan menambah bilangan perjawatan. Pemeriksaan Audit mendapati projek ini tidak dirancang dengan teliti di mana beberapa kerja yang penting tidak diambil kira semasa perancangan. Beberapa bahagian bangunan hospital yang dibina mengalami kerosakan/kecacatan berpunca dari kelemahan reka bentuk.
- b. Lima belas daripada 49 pakej pembinaan di 10 hospital mengalami kelewatan antara 3 hingga 23 bulan. Adalah didapati juga kes-kes di mana peralatan-peralatan hospital tidak dipesan walaupun bangunan telah siap dibina.
- c. Jawatan-jawatan tambahan yang diwujudkan di hospital-hospital yang dinaikkan taraf tidak dapat diisi sepenuhnya kerana kesukaran mendapatkan calon.

Kedudukan Masa Kini

- a. Kerosakan yang berlaku di hospital-hospital berkenaan telah diperbaiki dan kosnya ditanggung oleh kontraktor yang berkenaan.
- b. Kementerian Kesihatan telah berusaha untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong dengan menambah pengambilan Jururawat Pelatih, berusaha meningkatkan skim dan elaun bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Paramedik serta meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan secara kontrak.

- c. Kementerian telah mendapatkan peruntukan tambahan untuk membekalkan peralatan-peralatan ke hospital-hospital yang telah siap dibina.
- d. Bagi mengatasi masalah kelewatan pelaksanaan sesuatu projek, Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang berikut :-
 - i. Lanjutan masa dipertimbangkan melalui tapisan yang ketat di peringkat Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan. Lanjutan masa hanya akan diluluskan oleh Jawatankuasa berkenaan sekiranya kontraktor dapat memberikan alasan-alasan yang kukuh.
 - ii. Membuat pemantauan dan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor.

36.3.6. Kementerian Pengangkutan

- Pembelian Alat Kawalan Had Laju

Kementerian telah membeli 10,000 unit alat kawalan had laju dengan harga RM10.29 juta untuk dipasang kepada kenderaan berat Kerajaan. Pembelian ini tidak dirancang dengan teliti menyebabkan hanya 4,309 buah kenderaan sahaja yang dapat dipasang dengan alat ini. Bakinya sebanyak 5,691 unit bernilai RM4.94 juta tidak dapat dipasang kerana tiada kenderaan yang sesuai.

Kedudukan Masa Kini

- a. Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan supaya baki alat kawalan had laju berjumlah 5,691 unit dilupuskan secara jualan balik kepada syarikat yang membekalkannya dengan harga RM65,048.13 (berdasarkan RM11.43 seunit). Syarikat itu telah menjelaskan bayaran itu kepada Kementerian Pengangkutan pada bulan Jun 2000.
- b. Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan supaya sewaan tempat menyimpan alat kawalan had laju untuk tempoh 41 bulan berjumlah RM287,000 dibayar kepada syarikat berkenaan. Perbendaharaan Malaysia juga meluluskan supaya baki 10% harga kontrak berjumlah

RM1.03 juta dibayar kepada syarikat itu. Bagaimanapun, daripada jumlah bayaran berjumlah RM1.32 juta itu, Kerajaan hanya membayar RM1.02 juta pada bulan Januari 2001 setelah mengambilkira denda *Liquidated Ascertained Damages* berjumlah RM296,728 yang perlu dibayar oleh syarikat tersebut.

36.3.7. Pelbagai Kementerian/Jabatan

- Pengurusan Tanah-Tanah Kerajaan Persekutuan Yang Tidak Dibangunkan

- a. Tanah-tanah di bawah kawalan 8 Kementerian/Jabatan seluas 7,224.12 hektar tidak dibangunkan untuk tempoh 5 hingga 90 tahun semenjak tanah-tanah itu diletakkan di bawah kawalan Kementerian/Jabatan berkenaan. Tanah-tanah ini tidak dikawal dan tidak diuruskan dengan sempurna menyebabkan ia terbiar dan dicerobohi oleh pihak-pihak tertentu.
- b. Kementerian/Jabatan tidak menyelenggarakan rekod- rekod yang lengkap dan kemas kini berhubung dengan tanah-tanah yang diletakkan di bawah kawalan mereka.

Kedudukan Masa Kini

Isu berhubung dengan kawalan terhadap tanah-tanah Kerajaan Persekutuan yang tidak dibangunkan telah dibincangkan semasa Jemaah Menteri bermesyuarat pada bulan November 2000. Hasil daripada mesyuarat itu, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Ketua-ketua Setiausaha Kementerian/Jabatan/Agensi mengambil langkah-langkah yang berikut :-

- a. Mengawal tanah-tanah Kerajaan Persekutuan dengan lebih ketat bagi mengelakkan daripada berlakunya pencerobohan.
- b. Mendapatkan peruntukan yang secukupnya untuk memagar dan mengawal tanah-tanah Kerajaan Persekutuan yang tidak disewakan atau belum dimajukan.
- c. Tanah-tanah Kerajaan Persekutuan yang tidak diperlukan lagi dilepaskan atau diserahkan balik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui antara kedua-dua pihak.

- d. Pesuruhjaya Tanah telah memaklumkan keputusan Jemaah Menteri yang tersebut di atas kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian/Jabatan pada bulan Februari 2001.

36.4. Pengurusan Akaun Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Pada umumnya, pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 1998 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut :-

- a. Penyata Kewangan Tahunan tidak disediakan mengikut Standard Perakaunan Antarabangsa.
- b. Penyimpanan dan penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan yang tidak lengkap menjejaskan kesempurnaan penyediaan penyata kewangan.
- c. Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan dan Pekeliling-pekeliling Kerajaan yang berkaitan.

Kedudukan Masa Kini

- a. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2000 mendapati beberapa kelemahan pengurusan kewangan yang telah dilaporkan dalam Laporan Audit Tahun 1999 masih berlaku di beberapa agensi.
- b. Akaun Tahunan Badan-badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 1999 telah diaudit pada tahun 2000. Daripada 94 akaun tahun 1999 yang diaudit, 60 akaun telah diberikan sijil tanpa teguran.

36.5. Lembaga Tabung Angkatan Tentera

- a. Kerajaan telah meluluskan Sistem Saraan kepada anggota Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang berlainan daripada Sistem Saraan Baru yang dilaksanakan untuk Anggota Perkhidmatan Awam. LTAT telah membuat beberapa bayaran yang tidak diperuntukkan di bawah Sistem Saraan itu seperti bayaran *ex-gratia*, anugerah akademik

kepada pegawai dan anak-anak pegawai serta polisi insurans bagi ahli keluarga pegawai tanpa kelulusan Kerajaan.

- b. LTAT telah menjual saham kepada individu pada harga tetap di mana harga itu lebih rendah daripada harga pasaran. Surat perjanjian untuk jualan ini tidak menetapkan tempoh saham-saham berkenaan perlu dipegang sebelum ia boleh dijual.

Kedudukan Masa Kini

- a. LTAT telah memberhentikan bayaran elaun dan kemudahan kepada anggota dan keluarga mereka selain daripada apa yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- b. LTAT akan menetapkan tempoh pemegangan saham di dalam perjanjian sekiranya terdapat penawaran penjualan saham Lembaga kepada pihak-pihak tertentu di masa-masa hadapan.

37. PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM TAHUN 1999 YANG MASIH BELUM SELESAI

Semakan telah dibuat terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan-laporan Audit bagi tahun 1996 hingga 1998 untuk menentukan sama ada tindakan susulan telah diambil ke atas perkara-perkara berkenaan. Hasil dari semakan itu didapati tindakan-tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil terhadap kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan kecuali perkara-perkara berikut :-

37.1. KEMENTERIAN PERTAHANAN

37.1.1. Pengurusan Kewangan

Perolehan peralatan dan perkhidmatan bernilai RM689,257 dibuat tanpa mengikut peraturan kewangan seperti pembelian melebihi nilai kontrak dan pembelian tanpa kelulusan pihak berkuasa berkenaan. Daripada jumlah ini, hanya pembelian bernilai RM93,880 telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Perbendaharaan Malaysia masih belum meluluskan permohonan penutupan kes bagi baki pembelian bernilai RM595,377.

37.1.2. Program Perumahan Angkatan Tentera Malaysia

Beberapa syarat perjanjian berhubung dengan program perumahan Angkatan Tentera Malaysia yang dikendalikan oleh pihak swasta tidak dipatuhi. Rumah-rumah lewat dibekalkan antara 3 hingga 18 bulan dan rumah yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi kontrak. Akibat daripada kelewatan memperolehi rumah, Kerajaan terpaksa menanggung bayaran elaun perumahan berjumlah RM4.55 juta.

Kedudukan Masa Kini

Kementerian telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri supaya kontrak bagi Fasa 2 projek perumahan Teluk Air Tawar, Pulau Pinang tidak ditamatkan. Pemaju telah juga bersetuju dan sanggup meneruskan projek ini dan telah diberi tempoh selama 17 bulan iaitu mulai bulan Ogos 2000 hingga Disember 2001 untuk menyiapkan projek ini. Setakat April 2001, kemajuan kerja projek itu adalah 57% berbanding dengan kemajuan kerja yang sepatutnya sebanyak 89%.

37.2. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak dapat melaksanakan dengan berkesan program penguatkuasaan undang-undang untuk melindungi pengguna kerana kelemahan perancangan operasi, kekurangan kakitangan dan kemudahan pengangkutan serta peralatan.

Kedudukan Masa Kini

- a. Semua Pejabat Cawangan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah diarahkan untuk menyediakan rancangan pemeriksaan bulanan bagi sesuatu tahun yang akan meliputi semua kawasan di bawah seliaannya. Berasaskan

kepada perancangan tersebut Bahagian Penguatkuasa, Kementerian akan menyediakan rancangan tahunan dan rancangan jangka panjang aktiviti pemeriksaan/penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh pejabat-pejabat cawangannya.

- b. Cadangan untuk pengstruktur semula organisasi yang melibatkan penambahan jawatan dan peningkatan semula gred beberapa jawatan masih dalam pertimbangan pihak Agensi Pusat. Kemudahan pengangkutan serta peralatan juga akan dibekalkan setelah Kementerian memperoleh peruntukan kewangan untuk tujuan tersebut.

37.3. KEMENTERIAN DALAM NEGERI (Polis DiRaja Malaysia)

Pengurusan Kewangan

Bil-bil berhubung dengan perolehan dan perkhidmatan bernilai RM70.41 juta yang diterima antara tahun 1992 hingga 1997 tidak dibayar kerana kekurangan peruntukan pada tahun-tahun berkenaan. Pihak Perbendaharaan Malaysia telah mengarahkan supaya sebahagian daripada bil itu bernilai RM50.50 juta dipertanggungjawab kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama pegawai yang bertanggungjawab sementara menunggu laporan penyiasatan mengenainya.

Kedudukan Masa Kini

Laporan Jawatankuasa Penyiasat seperti yang dikehendaki di bawah Arahan Perbendaharaan 59 telah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada bulan Julai 1999. Bagaimanapun, setakat ini keputusan masih belum dibuat mengenainya.

BAHAGIAN VI

PERKARA-PERKARA AM

38. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM SERTA AKTIVITI - AKTIVITI KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 1999

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan-laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan laporan-laporan itu dibentangkan di Parlimen. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan Dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1999 telah dibentangkan di Parlimen pada 20 Oktober 2000 iaitu pada hari yang sama dengan pembentangan Anggaran Belanjawan bagi Tahun 2001.

39. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan bersama-sama dengan Laporan Aktiviti kepada Menteri berkenaan dalam tempoh 1 bulan selepas menerima penyata yang telah diaudit. Menteri berkenaan kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata itu di Parlimen dengan segera. Sehingga April 2001, sejumlah 48 Penyata Kewangan bagi tahun-tahun 1997, 1998 dan 1999 yang melibatkan 36 Badan Berkanun Persekutuan masih belum dibentangkan. Butir-butirnya adalah seperti di **Lampiran B**.

40. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA - KIRA WANG NEGARA

Pada tahun 2000, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah bermesyuarat 4 kali iaitu pada 13 dan 14 Jun serta 2 dan 4 Oktober untuk membincangkan sebahagian daripada isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai

Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1998. Jawatankuasa mula membincangkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1999 pada 12 dan 13 Mac 2001. Jawatankuasa telah membincangkan perkara-perkara seperti di **Jadual 54 dan 55**.

JADUAL 54
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN
AWAM SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN
PERSEKUTUAN TAHUN 1998

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/JABATAN
13 Jun 2000	Bahagian I – Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998	Kementerian Kewangan Jabatan Akauntan Negara
	Taklimat Berhubung Dengan Pengurusan Kewangan Kerajaan	
	Sumber dan Penggunaan Dana	
	Pengurusan Hutang Awam	
14 Jun 2000	Bahagian II – Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan	
	Pembinaan Bangunan Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
2 Oktober 2000	Perolehan Peralatan Dan Perkhidmatan Ketenteraan Melalui Program <i>U.S. Foreign Military Sales</i> (FMS)	Kementerian Pertahanan
	Program Perumahan Angkatan Tentera Malaysia	
	Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks	Kementerian Pendidikan
4 Oktober 2000	Taklimat Mengenai Sistem Taksiran Sendiri	Lembaga Hasil Dalam Negeri
	Cukai Pendapatan Peniaga Saham (<i>Remisier</i>)	
	Penswastaaan Perkhidmatan Sokongan Hospital	Kementerian Kesihatan

JADUAL 55
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
MENGENAI AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 1999

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN
12 Mac 2001	Taklimat Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Berhubung Dengan Langkah-langkah Mencegah Banjir Kilat Di Lembah Kelang	Kementerian Pertanian
	Rancangan Tebatan Banjir Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran	
	Taklimat Oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Mengenai Aktiviti Mencegah Dan Memadam Kebakaran	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
	Operasi Memadam Kebakaran	
13 Mac 2001	Taklimat Oleh Polis DiRaja Malaysia Berhubung Dengan Langkah-langkah Bagi Mengurangkan Kemalangan Di Jalan Raya	Kementerian Dalam Negeri
	Sistem Kompaun Trafik Berkomputer	
	Taklimat Oleh Kementerian Pengangkutan Berhubung Dengan Langkah-Langkah Bagi Mengurangkan Kemalangan Di Jalan Raya	Kementerian Pengangkutan
	Pembelian Alat Kawalan Had Laju	

41. SUMBANGAN JABATAN AUDIT NEGARA KE ARAH MENINGKATKAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI - AKTIVITI KERAJAAN PERSEKUTUAN

Selain daripada menjalankan auditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara juga sentiasa bersedia memberi khidmat bantuan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. Sepanjang tahun 2000, Jabatan ini telah memberikan sumbangan-sumbangan yang berikut :-

41.1. Menjalankan Kajian-kajian Khas Terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah menjalankan kajian-kajian khas terhadap pengurusan beberapa Syarikat Kerajaan untuk menentukan sama ada ia dibuat dengan teratur bagi

memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Syarikat Kerajaan yang diaudit itu ialah Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.; Perbadanan Usahasama Nasional Bhd. dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd.. Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga telah meminta Jabatan ini menjalankan kajian terhadap pengurusan kewangan KESEDAR Perkilangan Sdn. Bhd.. Perkara-perkara yang diperhatikan hasil daripada kajian-kajian yang dijalankan telah dikemukakan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

41.2. Penglibatan Dalam Projek Pengkomputeran

Perkembangan pesat dalam penggunaan *Information, Communication and Technology* (ICT) di sektor awam telah menimbulkan cabaran kepada Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkaitan. Sungguhpun persekitaran yang berasaskan ICT tidak merubah objektif pengauditan tetapi ia akan mempengaruhi pendekatan Jabatan dalam melaksanakan pengauditan. Sehubungan ini, Ketua Audit Negara telah mengeluarkan Surat Pekeliling pada 25 Ogos 2000 meminta semua Kementerian/Jabatan/Agensi menjemput pegawai-pegawai Audit menghadiri perbincangan-perbincangan berhubung dengan pengkomputeran bagi tujuan memastikan setiap sistem yang dibangunkan mempunyai kawalan-kawalan am, fizikal dan dalaman serta jejak Audit (*audit trail*). Setakat ini, Jabatan Audit Negara telah terlibat dengan pembangunan sistem berikut :-

- **e-Perolehan** – Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan perolehan dan bayarannya dibuat melalui rangkaian elektronik. Sistem ini dibangunkan di bawah penyeliaan Kementerian Kewangan.
- **Sistem Perancangan Dan Kawalan Belanjawan (e-SPKB)** – Sistem ini dibangunkan bagi tujuan mengawal peruntukan dan membuat bayaran melalui pemindahan dana secara elektronik (*electronic fund transfer*). Sistem ini dibangunkan di bawah penyeliaan Jabatan Akauntan Negara.
- **Projek Kad Pintar Pelbagai Guna** – Sistem ini dibangunkan untuk menyimpan maklumat-maklumat yang terdapat dalam kad pengenalan, lesen memandu, passport antarabangsa dan rekod kesihatan dalam media elektronik. Sistem ini dibangunkan di bawah penyeliaan Jabatan Pendaftaran Negara.

- **e-Perkhidmatan** – Sistem ini dibangunkan untuk membolehkan orang awam membayar bil-bil utiliti dan bayaran bagi lain-lain perkhidmatan awam melalui kiosk elektronik yang diletakkan di tempat-tempat awam. Pembangunan sistem ini diletakkan di bawah penyeliaan MAMPU.

41.3. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai-pegawai dalam Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Setakat Mei 2001, penilaian telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 83 orang pegawai JUSA. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan Kerajaan memandangkan pegawai-pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaannya dibuat dengan baik.

PENUTUP

Pada tahun ini, Jabatan Audit Negara telah dapat mengeluarkan laporan yang seimbang (*balanced report*) iaitu selain daripada melaporkan kelemahan-kelemahan berhubung dengan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan, juga melaporkan pembaharuan-pembaharuan yang telah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangannya.

2. Kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi yang dilaporkan dalam Laporan ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai-pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan-kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian-bahagian yang lain dan seterusnya mengambil tindakan untuk memperbaikinya.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2000**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 yang dikembarkan bersama ini telah diperiksa dan diaudit di bawah arahan saya mengikut peruntukan-peruntukan Akta Audit, 1957.

Penyata ini secara keseluruhannya menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengan Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 2000 yang disediakan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit, 1957.

(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

23 Jun 2001

LAMPIRAN B

**PEMBENTANGAN AKAUN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN
KEDUDUKAN SETAKAT APRIL 2001**

BADAN BERKANUN	BIL. AKAUN YANG TERLIBAT	TAHUN BELUM DIBENTANGKAN DI PARLIMEN
A JABATAN PERDANA MENTERI		
1 LEMBAGA TABUNG HAJI	1	1999
2 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN	3	1997 - 1999
3 KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI	3	1997 - 1999
4 PERBADANAN PUTRAJAYA	3	1997 - 1999
B KEMENTERIAN PERTAHANAN		
5 LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA	1	1999
6 PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA	1	1999
7 PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA	1	1999
8 PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA	1	1999
C KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR		
9 AKADEMI SAINS MALAYSIA	1	1999
D KEMENTERIAN KEWANGAN		
10 LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI	2	1998 - 1999
11 LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN	2	1998 - 1999
E KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI		
12 LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA	1	1999
13 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN	1	1999
F KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA		
14 LEMBAGA KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN	1	1999
15 LEMBAGA BURUH PELABUHAN PULAU PINANG	1	1999
G KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA		
16 LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA	1	1999

BADAN BERKANUN	BIL. AKAUN YANG TERLIBAT	TAHUN BELUM DIBENTANGKAN DI PARLIMEN
17 LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH	2	1998 - 1999
18 LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA PERHUTANAN MALAYSIA	1	1999
H KEMENTERIAN PERTANIAN		
19 BANK PERTANIAN MALAYSIA	1	1999
20 LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA	1	1999
21 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG	1	1999
22 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN	1	1999
23 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA	1	1999
24 YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA	1	1999
25 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU	1	1999
26 JEMAAH PEMASARAN LADA HITAM	1	1999
I KEMENTERIAN TENAGA, TELEKOM DAN POS		
27 LEMBAGA LETRIK SABAH	2	1998 - 1999
J KEMENTERIAN KERJA RAYA		
28 LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA	1	1999
K KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN		
29 YAYASAN PELAJARAN MARA	3	1997 - 1999
L KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
30 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	1	1999
31 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	1	1999
32 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	1	1999
33 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	1	1999
34 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	1	1999
35 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	1	1999
36 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	1	1999
J U M L A H	48	